www.feldaglobal.com

Felda Global Ventures Holdings Berhad (800165-P)

Level 42, Menara Felda
Platinum Park
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur

T +603 2859 0000
F +603 2859 0016

Felda Global Ventures Holdings Berhad (800165-P)

Annual Report 2013 Laporan Tahunan

ANCHORING GROWTH
MEMAKSI PERTUMBUHAN

TOWARDS SUCCESS
KE ARAH KEJAYAAN

FGV

Annual Report
Laporan Tahunan
2013

COVER RATIONALE
Rasional Kulit

New growth demands have created new opportunities for us to excel. Focused towards success, the Company continues to make great strides in the different industries. As we chart our way forward with expansionary strategies, we will continue to deliver quality results and attractive yields to ensure long-term growth and value.

Aspiring to go further in our global ventures, we at FGV are anchoring growth towards success.

Cabaran pertumbuhan baharu telah mewujudkan pelbagai peluang baharu untuk kami mencapai kegemilangan. Syarikat terus menempa kejayaan besar dalam pelbagai industri, hasil fokus yang diberi kearah mencapai kejayaan. Sambil melakar laluan kami untuk melangkah kehadapan melalui strategi pengembangan, kami akan terus menghasilkan keputusan berkualiti dan hasil yang menarik bagi memastikan pertumbuhan dan nilai jangkapanjang.

Berteraskan tekad untuk melangkah lebih jauh dalam penerokaan di peringkat global, kami di FGV memaksi pertumbuhan kearah kejayaan.

CONTENTS
ISI KANDUNGAN

IN PERSPECTIVE
PERSPEKTIF

THE BUSINESS
PERNIAGAAN

IN FOCUS
FOKUS

THE REPORTS
LAPORAN-LAPORAN

THE PERFORMANCE
PRESTASI

Felda Global Ventures Holdings Berhad

Sixth Annual General Meeting will be held at:
Mesyuarat Agung Tahunan ke-Enam akan diadakan di:

Venue/*Tempat* : Dewan Merdeka
Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra
41 Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur

Date/*Tarikh* : 25 June 2014

Time/*Masa* : 11.00 am

VISION / VISI

To be the leading globally diversified integrated agri-business.

Untuk menjadi perniagaan tani bersepadu dan berpelbagai yang terulung di dunia.

MISSION / MISI

TO BE A GLOBAL LEADER BY:

- Creating value through our human capital
- Championing our locally invested culture
- Building an integrated value chain advantage
- Cultivating diversification in commodities and geography

CORPORATE PROFILE
PROFIL KORPORAT

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV) IS ONE OF MALAYSIA'S LARGEST AND MOST DIVERSIFIED AGRO-BASED COMPANIES WITH A FOCUS ON PALM OIL, SUGAR AND RUBBER. ITS BUSINESSES ARE DIVIDED INTO FOUR MAIN CLUSTERS WHICH ARE PLANTATION, DOWNSTREAM, SUGAR AND MANUFACTURING, LOGISTICS AND OTHERS. IT HAS INVESTED IN MORE THAN 200 COMPANIES COMPRISING SUBSIDIARIES, JOINT-VENTURES AND ASSOCIATES WHERE BUSINESS FOOTPRINT EXTENDS TO MORE THAN 10 COUNTRIES ACROSS THE GLOBE INCLUDING USA, TURKEY, CHINA AND INDONESIA. FGV GROUP IS ALSO THE LARGEST PALM OIL PRODUCER IN THE WORLD WITH A TOTAL LAND BANK OF MORE THAN 450,000 HECTARES.

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV) ADALAH SALAH SATU SYARIKAT ASAS TANI TERBESAR DAN BERKEPELBAGAIAN DI MALAYSIA YANG MEMBERI TUMPUAN KEPADA PERNIAGAAN KELAPA SAWIT, GULA DAN GETAH. PERNIAGAANNYA TERBAHAGI KEPADA EMPAT KELOMPOK PENTING IAITU PERLADANGAN, HILIRAN, GULA DAN PERKILANGAN, LOGISTIK DAN LAIN-LAIN. IA MEMPUNYAI KEPENTINGAN DI DALAM LEBIH 200 SYARIKAT TERDIRI DARIPADA ANAK SYARIKAT, SYARIKAT USAHA SAMA DAN SYARIKAT BERSEKUTU DI LEBIH 10 BUAH NEGARA SELURUH DUNIA TERMASUK AMERIKA SYARIKAT, TURKI, CHINA DAN INDONESIA. KUMPULAN FGV JUGA MERUPAKAN PENGELUAR MINYAK SAWIT TERBESAR DUNIA DENGAN KELUASAN TANAH MELEBIHI 450,000 HEKTAR.

As an integrated palm oil producer, its activities include palm oil plantation, crude palm oil (CPO) production, palm oil refining and fractionation, kernel oil production, research and development, marketing and palm oil trading, production and distribution of cooking oils and packed products as well as liquid and dry bulk storage. Through its subsidiaries, associates and joint ventures, FGV has 138 estates, 72 palm oil mills, five kernel crushing plants, 10 refineries, nine rubber factories, 10 bulking installations and two oleo-chemical plants in Malaysia and abroad. FGV is also the largest refined sugar producer in Malaysia through its listed subsidiary, MSM Malaysia Holdings Berhad which produces 57 percent of the country's refined sugar products.

Apart from this, as a company aspiring to be the leading globally diversified and integrated agri-business, FGV is also committed to all three principles of sustainability: people, profit and planet. It is pursuing aggressive, strategic reform and expansion programme to ensure the vitality of its business. An active member of the Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) since 2004, FGV has a time-bound plan to achieve certification for all its mill complexes by 2017. Most notably, it was the first in the world to attain RSPO certification involving small holder estates and the first company outside Europe to achieve International Sustainability and Carbon Certification. In addition, it is at the forefront of renewable energy projects using oil palm biomass. FGV's 'green' power plant in Sabah is the world's first utilising 100 percent oil palm Empty Fruit Bunches (EFB).

Listed on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad in June 2012, FGV provides employment to some 19,000 employees, 20 percent of whom are descendants of FELDA settlers-smallholders. Driven by positive commercial considerations to further solidify its position in the palm oil sector, FGV had obtained the remaining 51 percent equity interest in Felda Holdings Bhd (FHB) from Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) in December 2013. With this acquisition, FGV has become a fully integrated oil palm plantation company which enables FGV to attain operational efficiencies as well as synergies within the plantation value chain of the FGV Group. The merging of FGV's strength in the plantation and downstream businesses coupled with FHB midstream and downstream activities is the strategy for FGV to be one of the top ten agri-business conglomerates in the world by the year 2020. To realise that, FGV has in place a Global Strategic Blueprint which encapsulate its plan for exponential global growth through upstream and downstream expansion, human capital transformation and investments in innovation and technology.

UNTUK MENJADI PEMIMPIN GLOBAL DENGAN:

- **Mewujudkan nilai melalui modal insan kami**
- **Memperjuangkan budaya tempatan**
- **Membina kelebihan melalui rantaian nilai bersepadu**
- **Mempertingkatkan kepelbagaian dari segi komoditi dan geografi**

Sebagai pengeluar minyak sawit bersepadu, aktivitinya tertumpu kepada perladangan sawit, pengeluaran minyak sawit mentah (MSM), penapisan dan pemeringkatan minyak sawit, pengeluaran minyak isirung sawit, penyelidikan dan pembangunan, pemasaran dan perdagangan minyak sawit, pengeluaran dan pengedaran minyak masak juga produk dibungkus, serta penyimpanan pukal cecair dan kering. Melalui anak syarikat, syarikat bersekutu dan syarikat usaha samanya, FGV memilik 138 estet, 72 kilang sawit, lima kilang penghancuran isirung, 10 kilang penapisan, sembilan kilang getah, 10 pemasangan pukal dan dua loji oleokimia di Malaysia dan luar negara. FGV juga merupakan pengeluar terbesar gula halus di Malaysia melalui anak syarikatnya yang tersenarai, MSM Malaysia Holdings Berhad yang menghasilkan 57 peratus produk gula halus negara.

Sebagai sebuah syarikat yang berazam untuk menjadi peneraju perniagaan asas tani dunia yang berpelbagai dan bersepadu, FGV juga komited kepada ketiga-tiga prinsip kemampanan: manusia, keuntungan dan planet. Ia mengusahakan satu program reformasi dan pengembangan yang agresif dan strategik untuk memastikan daya maju perniagaannya. Sebagai ahli Rundingan Meja Bulat Kemampanan Minyak Sawit (RSPO) yang aktif sejak 2004, FGV mempunyai pelan masa untuk mencapai pensijilan bagi semua kompleks kilangnya menjelang 2017. Paling ketara ia merupakan yang pertama di dunia mencapai pensijilan RSPO melibatkan estet peladang kecil dan syarikat pertama di luar Eropah mencapai Pensijilan Kemampanan dan Karbon Antarabangsa. Di samping itu, ia berada di barisan hadapan bagi projek-projek tenaga yang boleh diperbaharui menggunakan biomas minyak sawit. Loji kuasa 'hijau' FGV di Sabah adalah yang pertama di dunia menggunakan 100 peratus Tandan Kosong (TK) kelapa sawit.

Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada Jun 2012, FGV menyediakan pekerjaan kepada 19,000 pekerja di mana 20 peratus daripada mereka adalah keturunan peneroka-pekebun kecil FELDA. Didorong oleh pertimbangan komersil yang positif bagi memperkukuhkan lagi kedudukan dalam sektor minyak sawit, FGV telah mengambilalih baki 51 peratus kepentingan ekuiti dalam Felda Holdings Bhd (FHB) dari Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad (KPF) pada Disember 2013. Dengan pengambilalihan ini, FGV telah menjadi sebuah syarikat perladangan kelapa sawit bersepadu sepenuhnya yang membolehkan FGV untuk mencapai kecekapan operasi serta sinergi dalam rantaian nilai perladangan Kumpulan FGV. Gabungan kekuatan FGV dalam perniagaan perladangan dan hiliran, ditambah pula dengan aktiviti pertengahan dan hiliran FHB, ianya merupakan strategi FGV untuk menjadi salah satu daripada 10 konglomerat perniagaan asas tani di dunia pada tahun 2020. Bagi merealisasikannya, FGV telah menyediakan Pelan Induk Strategik Global yang merangkumi pelan pertumbuhan global eksponen melalui perkembangan huluan dan hiliran, transformasi modal insan dan pelaburan dalam inovasi dan teknologi.

FINANCIAL CALENDAR
KALENDAR KEWANGAN

2013

QUARTERLY RESULTS
KEPUTUSAN SUKU TAHUN

26 February 2013
Announcement of the unaudited consolidated results for the 4th quarter ended 31 December 2012 and proposed single tier final dividend of 8.5 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2012.

29 May 2013
Announcement of the unaudited consolidated results for the 1st quarter ended 31 March 2013.

29 August 2013
Announcement of the unaudited consolidated results for the 2nd quarter ended 30 June 2013.

27 November 2013
Announcement of the unaudited consolidated results for the 3rd quarter ended 30 September 2013 and declaration of an interim single tier dividend of 6 sen per ordinary share for the financial year ending 31 December 2013.

26 Februari 2013
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-4 berakhir 31 Disember 2012 dan cadangan dividen akhir satu peringkat sebanyak 8.5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

29 Mei 2013
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2013.

29 Ogos 2013
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-2 berakhir 30 Jun 2013.

27 November 2013
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-3 berakhir 30 September 2013 dan pengisytiharan dividen interim satu peringkat sebanyak 6 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

ANNUAL GENERAL MEETING
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

4 June 2013
Notice of the Fifth Annual General Meeting and issuance of Annual Report.

26 June 2013
Fifth Annual General Meeting.

4 Jun 2013
Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-lima dan penerbitan Laporan Tahunan.

26 Jun 2013
Mesyuarat Agung Tahunan Ke-lima.

ANNUAL AUDITED ACCOUNTS
AKAUN BERAUDIT TAHUNAN

30 April 2013
Announcement of the Annual Audited Accounts for the Financial Year ended 31 December 2012.

30 April 2013
Pengumuman Akaun Diaudit Tahunan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2012.

DIVIDEND
DIVIDEN

4 June 2013
Notice of Book Closure for determining the entitlement of single tier final dividend of 8.5 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2012.

11 June 2013
Amended Notice of Book Closure for determining the entitlement of single tier final dividend of 8.5 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2012.

12 July 2013
Date of payment of single tier final dividend of 8.5 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2012.

28 November 2013
Notice of Book Closure for determining the entitlement of single tier interim dividend of 6 sen per ordinary share for the financial year ending 31 December 2013.

27 December 2013
Date of payment of single tier interim dividend of 6 sen per ordinary share for the financial year ending 31 December 2013.

4 Jun 2013
Notis Penutupan Buku untuk menentukan kelayakan bagi dividen akhir satu peringkat sebanyak 8.5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

11 Jun 2013
Pindaan Notis Penutupan Buku untuk menentukan kelayakan bagi dividen akhir satu peringkat sebanyak 8.5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

12 Julai 2013
Tarikh pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 8.5 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012.

28 November 2013
Notis Penutupan Buku untuk menentukan kelayakan bagi dividen interim satu peringkat sebanyak 6 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

27 Disember 2013
Tarikh pembayaran dividen interim satu peringkat sebanyak 6 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

EXTRAORDINARY GENERAL MEETING
MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

12 December 2013
Notice of the Extraordinary General Meeting and issuance of Circular to shareholders.

12 Disember 2013
Notis Mesyuarat Agung Luar Biasa dan pengeluaran Pekeliling kepada para pemegang saham.

27 December 2013
Extraordinary General Meeting.

27 Disember 2013
Mesyuarat Agung Luar Biasa.

MAJOR ACQUISITION
PENGAMBILALIHAN UTAMA

30 October 2013
Completion of acquisition by FGV of all the voting shares of RM1.00 each in Pontian United Plantations Berhad not already owned by FGV ("Offer Share(s)") for a cash consideration of RM140.00 per offer share via a Voluntary Conditional Take-Over Offer.

27 December 2013
Completion of acquisition by FGV of 112,199,999 ordinary shares of RM1.00 each in Felda Holdings Bhd representing approximately 51% of the issued and paid-up share capital of Felda Holdings Bhd from Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad for a cash consideration of RM2.2 Billon.

30 Oktober 2013
Penyelesaian pengambilalihan oleh FGV bagi semua saham dengan hak mengundi bernilai RM1.00 setiap satu dalam Pontian United Plantations Berhad yang masih belum dimiliki oleh FGV ("Tawaran saham(Saham-saham)") untuk pertimbangan tunai sebanyak RM140.00 sesaham tawaran melalui Tawaran Pengambilalihan Sukarela Bersyarat.

27 Disember 2013
Penyelesaian pengambilalihan oleh FGV bagi 112,199,999 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu dalam Felda Holdings Berhad yang mewakili kira-kira 51% modal diterbit dan berbayar Felda Holdings Bhd daripada Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad untuk pertimbangan tunai sebanyak RM2.2 Bilion.

2014

QUARTERLY RESULTS
KEPUTUSAN SUKU TAHUN

26 February 2014
Announcement of the unaudited consolidated results for the 4th quarter ended 31 December 2013 and proposed single tier final dividend of 10 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2013.

23 May 2014
Announcement of the unaudited consolidated results for the 1st quarter ended 31 March 2014.

26 Februari 2014
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun ke-4 berakhir 31 Disember 2013 dan cadangan dividen akhir satu peringkat sebanyak 10 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

23 Mei 2014
Pengumuman keputusan disatukan belum diaudit bagi suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2014.

ANNUAL AUDITED ACCOUNTS
AKAUN DIAUDIT TAHUNAN

30 April 2014
Announcement of the Annual Audited Accounts for the Financial Year ended 31 December 2013.

30 April 2014
Pengumuman Akaun Diaudit Tahunan bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2013.

DIVIDEND
DIVIDEN

3 June 2014
Notice of Book Closure for determining the entitlement of single tier final dividend of 10 sen per ordinary share for the financial year ended 31 December 2013.

3 Jun 2014
Notis Penutupan Buku untuk menentukan kelayakan bagi dividen akhir satu peringkat sebanyak 10 sen sesaham biasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

ANNUAL GENERAL MEETING
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

3 June 2014
Notice of the Sixth Annual General Meeting and issuance of Annual Report.

3 Jun 2014
Notis Mesyuarat Agung Tahunan Keenam dan penerbitan Laporan Tahunan.

25 June 2014
Sixth Annual General Meeting.

25 Jun 2014
Mesyuarat Agung Tahunan Keenam.

FINANCIAL HIGHLIGHTS
SOROTAN KEWANGAN

(AS AT 31 DECEMBER 2013)
(PADA 31 DISEMBER 2013)

SHAREHOLDERS' FUNDS
DANA PEMEGANG SAHAM

RM6.57 billion bilion

REVENUE
PEROLEHAN

RM12.57 billion bilion

EARNINGS PER SHARE
PENDAPATAN SESAHAM

26.9 sen

PROFIT AFTER LAND LEASE AGREEMENT (LLA) LIABILITY, TAX AND ZAKAT
KEUNTUNGAN SELEPAS LIABILITI PERJANJIAN TANAH PAJAKAN, CUKAI DAN ZAKAT

RM1,108.29 million juta

NET ASSETS PER SHARE
ASET BERSIH SESAHAM

RM1.80

EARNINGS BEFORE INTEREST, TAX, DEPRECIATION AND AMORTISATION (EBITDA)
PENDAPATAN SEBELUM FAEDAH, CUKAI,SUSUT NILAI DAN PELUNASAN (EBITDA)

RM742.72 million juta

TOTAL DIVIDEND FOR THE YEAR
JUMLAH DIVIDEN BAGI TAHUN

16 sen per share sesaham


EXPERTISE
KEPAKARAN
PERFORMANCE
PRESTASI

UNLEASHING POTENTIAL TO SPEARHEAD GROWTH

The growth of the Group is largely due to the contribution of its dedicated and proactive employees who continuously strive for excellence by performing at the peak of their capabilities.

MEREALISASIKAN POTENSI UNTUK MERINTIS PERTUMBUHAN

Pertumbuhan Kumpulan diraih hasil sumbangan kakitangannya yang berdedikasi dan proaktif, sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan dan menampilkan prestasi hingga kemuncak kemampuan mereka.

CHAIRMAN'S STATEMENT
PENYATA PENGERUSI

Fellow Shareholders,

OVERVIEW

IN THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2013, FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV OR THE GROUP) CONTINUED TO MAKE SOLID PROGRESS ON SEVERAL KEY FRONTS. DESPITE A CHALLENGING OPERATING ENVIRONMENT, THE GROUP POSTED A PROFIT AFTER TAX (PAT) OF RM1.1 BILLION, A 30.2 PERCENT INCREASE FROM THE PREVIOUS FINANCIAL YEAR. CONSISTENT WITH THE GROUP'S DIVIDEND POLICY, WE DELIVERED A TOTAL DIVIDEND PAY-OUT OF 16 SEN PER SHARE OR RM583.7 MILLION, WHICH AMOUNTED TO APPROXIMATELY 60 PERCENT OF NET PROFIT AFTER NON-CONTROLLING INTEREST.

Para Pemegang Saham,

ULASAN

PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013, FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV ATAU KUMPULAN) MENCATATKAN KEMAJUAN YANG SANGAT MANTAP SECARA BERTERUSAN DARI BEBERAPA SUDUT PENTING. WALAUPUN BERDEPAN DENGAN PERSEKITARAN OPERASI YANG MENCABAR, NAMUN KUMPULAN MAMPU MENCAPAI KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI (KSC) SEBANYAK RM1.1 BILION YANG MERUPAKAN PERTAMBAHAN SEBANYAK 30.2 PERATUS BERBANDING PENCAPAIAN PADA TAHUN SEBELUMNYA. SEJAJAR DENGAN POLISI DIVIDEN KUMPULAN, KITA MENGAGIHKAN BAYARAN DIVIDEN SEBANYAK 16 SEN SESAHAM ATAU RM583.7 JUTA, YANG BERJUMLAH KIRA-KIRA 60 PERATUS DARIPADA KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS KEPENTINGAN PIHAK TIDAK MENGAWAL.

YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad
Chairman / Pengerusi

CHAIRMAN'S LETTER TO SHAREHOLDERS
PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PEMEGANG SAHAM

Moving forward from the Initial Public Offering (IPO) exercise, the focused execution of the Group's growth agenda encapsulated in the Global Strategic Blueprint (GSB) was high on our list of priorities for 2013. By executing clearly defined strategies laid out in the GSB, the goal is to grow our business eight-fold from now until the year 2020, generating an annual revenue of RM100 billion. This will transform the Group to be among the top 10 largest agriculture commodity players in the world with a strong presence in the entire business value chain. To achieve this goal, we have set targets that are both aggressive and realistic at every phase of our transformation journey. I am pleased to report that our growth agenda is firmly on track.

As an integral part of our commitment to create sustainable shareholder value, 2013 was a landmark year for acquisitions and exploring new opportunities that are a strategic fit to our long-term growth targets. Armed with IPO proceeds of about RM4.5 billion, we began a disciplined and focused process of investing in our growth engines for the future. At the same time, our attention was also channelled on improving our operating performance in key areas such as on-going measures to promote financial discipline, enhance productivity and efficiency and the streamlining of various processes to achieve cost savings. The plantation business is a long-term undertaking and requires a commitment of some 30 years. While there are low hanging fruits for the picking, these are still early days in our on-going transformation journey. The decisions and actions that were taken in Financial Year (FY) 2013 will support future top line growth, enhance the Group's value proposition and help overcome macro-economic headwinds.

These are exciting times for us at FGV as we lay the foundations that will anchor new growth to future success. We have the positive momentum, a viable plan and a commercially-driven management team to take the Group to the next level. FGV's long-term prospects promises to be both exponential and spectacular, providing an opportunity for our shareholders to own a stake in what may well be the biggest growth story in corporate Malaysia.

Selepas pelaksanaan Tawaran Awam Permulaan (IPO), agenda pertumbuhan seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Strategik Global (GSB) menjadi tumpuan paling utama dalam senarai keutamaan Kumpulan pada tahun 2013. Melalui pelaksanaan pelbagai strategi dalam GSB yang ditakrif secara jelas, kita bertekad untuk mengembangkan lagi perniagaan kita sebanyak lapan kali ganda mulai sekarang hingga tahun 2020 menjana pendapatan tahunan sebanyak RM100 billion. Langkah ini akan mentransformasi Kumpulan sebagai antara 10 peneraju komoditi pertanian terbesar di dunia dengan kehadiran yang teguh di seluruh rantaian nilai perniagaan kita. Bagi merealisasi matlamat ini, kita telah meletakkan sasaran secara agresif dan realistik di setiap fasa perjalanan transformasi kita. Oleh itu, saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa agenda pertumbuhan kita kini berada di landasan yang kukuh.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kita untuk mewujudkan nilai pemegang saham yang mampan, 2013 mencatatkan satu mercu tanda dalam pelbagai usaha pengambilalihan yang bertujuan meneroka pelbagai peluang baharu secara strategik, sejajar dengan sasaran pertumbuhan jangka panjang kita. Dengan kutipan daripada IPO sebanyak kira-kira RM4.5 bilion, kita telah memulakan pelaburan secara berdisiplin dan berfokus ke dalam pelbagai enjin pertumbuhan masa depan kita. Pada masa yang sama, kita juga memberi perhatian terhadap usaha menambahbaik prestasi operasi kita dalam beberapa bidang utama misalnya mengambil langkah menggalakkan disiplin kewangan, mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan serta melicinkan pelbagai proses untuk mencapai penjimatan kos secara berterusan. Perniagaan perladangan merupakan suatu penglibatan jangka panjang dan ia memerlukan komitmen selama kira-kira 30 tahun. Walaupun kita mempunyai banyak peluang yang boleh dimanfaatkan, namun ia hanya merupakan peringkat permulaan kerana perjalanan transformasi kita masih jauh. Keputusan dan tindakan yang diambil pada Tahun Kewangan (TK) 2013 akan menyokong pertumbuhan masa depan penglibatan utama kita, mempertingkatkan cadangan nilai Kumpulan serta membantu mengatasi pelbagai cabaran makro-ekonomi yang dihadapi.

Ini adalah tempoh yang mengujakan sedang kita meletakkan asas bagi menjadi paksi pertumbuhan baharu yang menentukan kejayaan masa depan FGV. Kita memiliki momentum yang positif, pelan yang berdaya maju dan pasukan pengurusan yang bersemangat komersil untuk mengangkat Kumpulan ke tahap berikutnya. Prospek jangka panjang FGV menjanjikan sesuatu yang pesat dan hebat; menyediakan peluang kepada para pemegang saham kita memiliki kepentingan di dalam sesuatu yang bakal melakar kisah pertumbuhan terbesar dalam sejarah korporat Malaysia.

FGV is ranked among the top 30 companies on Bursa Malaysia with a market capitalisation of RM16.6 billion.

FGV tersenarai antara 30 syarikat terkemuka di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran berjumlah RM16.6 bilion.

CHAIRMAN'S LETTER TO SHAREHOLDERS
PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PEMEGANG SAHAM

I hope you will continue to journey with us as we seek to unlock the full potential the Group has to offer and make the most of the vast growth opportunities we continue to see at home in Malaysia and around the globe.

A CREDIBLE FINANCIAL PERFORMANCE

Despite a challenging global economic environment and pressures on crude palm oil (CPO) prices, I am pleased to announce that the Group was able to deliver a credible financial performance. For the year under review, the Group recorded a PAT from continuing operations of RM1.1 billion, which is a significant 30.2 percent increase from the previous financial year.

This was achieved on the back of revenue of RM12.6 billion, which declined marginally from RM12.9 billion recorded previously. The decrease in revenue was attributed mainly to lower average prices of Crude Palm Oil (CPO) and fresh fruit bunches (FFB) realised in 2013 and rising operating costs, notably with the coming into effect of the minimum wage requirement in July. It also reflected a lower contribution from the Group's associate and joint-venture companies and a loss from discontinuing operations of Bunge ETGO.

The Group's net profit takes into account a gain of RM328.3 million arising from the acquisition of Felda Holdings Bhd (FHB) and a gain of RM494.5 million in fair value changes in the Land Lease Agreement (LLA) liability.

For the year under review, FGV's core plantation segment recorded an increase in profit in 2013 of RM1,181.4 million from RM1,118.7 million posted the previous year, despite the fall in the CPO price, which averaged RM2,333 per tonne in 2013, compared to RM2,843 per tonne in 2012.

Our sugar segment has turned around in 2013, with profit growing 23.8 percent to RM387.2 million, on the back of a larger export volume of refined sugar and lower purchasing and processing costs. With a reduction in the cost of sales, a higher gross margin of 20.2 percent was achieved during the year in review, compared with 16.3 percent in the preceding year.

The losses incurred by our downstream segment further deepened in 2013 to RM42.6 million from a loss of RM12.04 million registered the previous year, due mainly to negative margins derived from the Group's downstream activities and some impairment losses taken during the year.

Profit After Tax
Keuntungan Selepas Cukai
RM1.1 Billion/Bilion
+30.2%

Saya berharap anda sekalian akan meneruskan perjalanan ini bersama kami untuk merealisasi sepenuhnya potensi yang ditawarkan oleh Kumpulan dan memanfaatkan sebaik mungkin peluang pertumbuhan yang terbentang luas baik di Malaysia mahupun di seluruh dunia.

PRESTASI KEWANGAN YANG MEMUASKAN

Walaupun berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang mencabar dan tekanan harga minyak sawit mentah (MSM), saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan bahawa Kumpulan mampu menyampaikan prestasi kewangan yang memuaskan. Bagi tahun kewangan yang ditinjau, Kumpulan mencatatkan KSC daripada operasi berterusan sebanyak RM1.1 bilion yang merupakan peningkatan ketara sebanyak 30.2 peratus berbanding pencapaian pada tahun kewangan sebelumnya.

Ia diperoleh daripada hasil sebanyak RM12.6 bilion yang mencatatkan kejatuhan kecil berbanding RM12.9 bilion yang dicapai sebelumnya. Pengurangan hasil ini telah disebabkan terutamanya oleh penurunan harga purata MSM dan buah tandan segar (BTS) yang direalisasi pada tahun 2013, diikuti dengan kenaikan kos operasi; paling ketara penguatkuasaan gaji minimum pada bulan Julai. Ia juga menggambarkan pengurangan sumbangan daripada syarikat bersekutu dan usahasama Kumpulan serta kerugian daripada penamatan operasi Bunge ETGO.

Keuntungan bersih Kumpulan mengambilkira keuntungan sebanyak RM328.3 juta yang timbul daripada pengambilalihan Felda Holdings Bhd (FHB) dan keuntungan sebanyak RM494.5 juta dalam nilai saksama liabiliti Perjanjian Pajakan Tanah (LLA).

Pada tahun yang ditinjau, keuntungan segmen perladangan teras FGV meningkat kepada RM1,181.4 juta berbanding RM1,118.7 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya, walaupun berdepan dengan kejatuhan harga MSM yang secara purata mencapai harga RM2,333 setiap tan metrik pada tahun 2013 berbanding RM2,843 setiap tan metrik pada tahun 2012.

Peningkatan jumlah eksport gula halus dan kos pembelian serta pemprosesan yang rendah telah membantu memulihkan kembali segmen gula kita yang mencatatkan keuntungan sebanyak 23.8 peratus kepada RM387.2 juta pada tahun 2013. Pengurangan kos jualan juga membolehkan margin kasar lebih tinggi sebanyak 20.2 peratus dicapai pada tahun yang ditinjau, berbanding 16.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Kerugian yang dialami oleh segmen hiliran kita terus meningkat, daripada kerugian sebanyak RM12.04 juta pada tahun sebelumnya kepada RM42.6 juta pada tahun 2013. Punca utama kerugian ini adalah margin negatif yang dicapai oleh kegiatan hiliran Kumpulan dan rosot nilai yang telah diambilkira dalam tahun tersebut.

CHAIRMAN'S LETTER TO SHAREHOLDERS
PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PEMEGANG SAHAM

Profit from the Research & Development and Manufacturing, Logistics and Others (MLO) segment declined by 45.6 percent in 2013 to RM186.8 million. This was due to a 34.1 percent reduction in research and development income, lower margins achieved as a result of a 12 percent decline in the average selling price of fertilisers and a 5 percent dip in the sales volume of compound fertilisers.

We continue to be a strong and financially sound company and this is evidenced by the growth in our balance sheet. Other than the internal operations growth, the acquisitions of FHB and Pontian United Plantations Berhad (PUP) contributed to the increase in the Group Shareholders' Funds of RM6.57 billion from RM6.10 billion in 2012. The Group's retained earnings grew to RM1.65 billion from RM1.19 billion the year before whilst the Return on Shareholders' Funds was 14.9 percent compared to 13.2 percent in 2012 on the back of Net Tangible Assets (NTA) per share of RM1.56 increase from RM1.48 the year before.

As a plantation player, the vagaries of market demand and supply and fluctuating CPO prices are limiting the upside potential of FGV's share price. In 2013, our stock traded at a low of RM4.11 in 3 October 2013, after reaching a high of RM4.77 in 12 March 2013 before closing the year at RM4.49. It may be noted that the counters of other oil palm-based listed companies have not fared any better. We are taking steps to cushion the impact of fluctuating CPO prices by diversifying further into other commodities namely rubber and sugar. Looking beyond temporal market fluctuations, long-term investors will no doubt recognise the intrinsic value of FGV shares and appreciate our efforts to unlock the full potential the Group has to offer moving forward.

DIVIDENDS

In line with the Group's commitment to deliver shareholder value, the Board of Directors is recommending a final dividend payment of 10 sen per share amounting to RM364.8 million, subject to the approval of shareholders at the forthcoming Annual General Meeting. This is in addition to an interim payment of 6 sen per share declared in December 2013, bringing the total dividend payment for FY 2013 to RM583.7 million. The amount declared is approximately 60 percent of the Group's net profit after minority interest and higher than the 50 percent payout as promised in the IPO prospectus. The dividend payment is expected to benefit approximately 50,000 shareholders, including 112,635 FELDA settlers who are FGV shareholders via Felda Asset Holdings Company Sdn Bhd.

ANCHORING NEW GROWTH

FGV is ranked among the top 30 companies on Bursa Malaysia with a market capitalisation of RM16.6 billion. The Group's integrated operations span the entire palm oil value chain, with our upstream plantation business ably supported by its midstream and downstream ventures. Through our two refineries, we are also the largest producer of refined sugar in Malaysia with a 57 percent market share. We have also established a strong global presence, with operations in more than 10 countries across four continents. As a brand, FGV has gained resonance with the international investing community.

Building on this position of strength, the GSB charts the course for the Group to transform into a leading agri-business power-house. The key aspects of the GSB focus our attention on stepping up acquisitions, expanding our downstream capabilities, improving operating efficiency and productivity and applying our extensive R&D expertise across the industry value chain. Several key corporate exercises were carried out during the year to support the future growth of the Group.

Upstream acquisitions. Organic growth has only taken the Group so far. In line with the Group's plan to expand its plantation upstream business, we realised that the way forward is through strategic acquisitions, preferably a combination of greenfield or brownfield land that would add to earnings accretion or generate positive cash flow immediately. Care was also exercised to ensure that the prospective acquisition was not high-conservation or peat swamp forests to protect their unique ecosystem.

Keuntungan daripada segmen Penyelidikan & Pembangunan dan Perkilangan, Logistik dan Lain-lain (MLO) susut pula sebanyak 45.6 peratus kepada RM186.8 juta pada tahun 2013. Ini disebabkan terutamanya oleh pengurangan pendapatan penyelidikan dan pembangunan sebanyak 34.1 peratus, pengurangan margin baja sebanyak 12 peratus berikutan penurunan harga jualan puratanya serta kejatuhan jumlah jualan baja kompaun sebanyak 5 peratus.

Pertumbuhan yang ditampilkan dalam kunci kira-kira jelas membuktikan kita kekal sebagai sebuah syarikat yang teguh dan kukuh dari segi kewangan. Selain menikmati pertumbuhan operasi dalaman, pengambilalihan FHB dan Pontian United Plantations Berhad (PUP) telah menyumbang peningkatan Dana Pemegang Saham Kumpulan sebanyak RM6.57 bilion berbanding RM6.10 bilion pada tahun 2012. Pendapatan tersimpan Kumpulan mencatatkan peningkatan kepada RM1.65 bilion berbanding RM1.19 bilion tahun sebelumnya. Sementara itu, Pulangan ke atas Dana Pemegang Saham pula mencapai 14.9 peratus berbanding 13.2 peratus pada tahun 2012, hasil peningkatan Aset Ketara Bersih (AKB) kepada RM1.56 sesaham berbanding RM1.48 sebelumnya.

Sebagai peneraju perladangan, ragam permintaan dan bekalan di pasaran serta turun naik harga MSM menghadkan potensi harga saham FGV untuk meningkat. Pada tahun 2013, saham kita diniagakan di paras serendah RM4.11 pada 3 Oktober 2013 dan kemudian meningkat setinggi RM4.77 pada 12 Mac 2013 sebelum ditutup pada harga RM4.49 pada tahun tersebut. Kaunter syarikat senarai awam berasaskan minyak sawit yang lain juga tidak menampilkan prestasi yang lebih baik berbanding kita. Justeru, kita sedang mengambil beberapa langkah untuk membendung kesan turun naik harga MSM dengan mempelbagaikan ke dalam komoditi lain seperti getah dan gula. Selain turun naik harga di pasaran yang hanya bersifat sementara, para pelabur jangka panjang pasti mengenali nilai intrinsik di sebalik saham FGV dan menghargai usaha kita merealisasi sepenuhnya potensi yang ditawarkan oleh Kumpulan pada masa depan.

DIVIDEN

Sejajar dengan komitmen Kumpulan untuk menyampaikan nilai pemegang saham, Lembaga Pengarah dengan ini mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 10 sen sesaham berjumlah RM364.8 juta, tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Pembayaran ini adalah tambahan kepada pembayaran dividen interim sebanyak enam sen sesaham yang diisytihar pada bulan Disember 2013, menjadikan pembayaran dividen bagi TK 2013 berjumlah RM583.7 juta. Jumlah yang diisytihar adalah kira-kira 60 peratus daripada keuntungan bersih Kumpulan selepas kepentingan minoriti dan lebih tinggi dari jumlah 50 peratus pembayaran yang dijanjikan dalam prospektus IPO. Pembayaran dividen ini dijangka akan memanfaatkan kira-kira 50,000 pemegang saham, termasuk 112,635 peneroka FELDA yang merupakan pemegang saham FGV melalui Felda Asset Holdings Company Sdn Bhd.

MEMAKSI PERTUMBUHAN BAHARU

FGV tersenarai antara 30 syarikat terkemuka di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran berjumlah RM16.6 bilion. Operasi bersepadu Kumpulan merentasi seluruh rantaian nilai minyak sawit, di mana perniagaan perladangan huluan kita disokong dengan mantap oleh usaha niaga di peringkat pertengahan dan hilirannya. Melalui dua kilang penapisan yang dimiliki, kita muncul sebagai pengeluar gula halus terbesar di Malaysia dengan bahagian pasaran sebanyak 57 peratus. Kita juga telah mewujudkan kehadiran yang teguh di peringkat dunia dengan operasi lebih 10 buah negara merentasi empat benua. Sebagai satu jenama, FGV telah berjaya menyerlahkan kewibawaannya di kalangan komuniti pelabur antarabangsa.

Bermula daripada kedudukan yang teguh ini, GSB kita membuka laluan kepada Kumpulan untuk mentransformasi dirinya menjadi sebuah gedung asas tani yang terkemuka di dunia. Aspek utama dalam GSB memfokus tumpuan kita kepada usaha memperhebat pengambilalihan, meluaskan keupayaan hiliran, menambahbaik kecekapan operasi serta produktiviti dan mengguna pakai kepakaran R&D kita yang ekstensif di seluruh rantaian nilai industri. Beberapa langkah korporat utama telah dilaksanakan pada tahun ini bagi menyokong pertumbuhan masa depan Kumpulan.

Pengambilalihan Huluan. Pertumbuhan organik hanya membawa Kumpulan kita setakat ini. Sejajar dengan rancangan Kumpulan untuk meluaskan perniagaan huluan perladangannya, kita mengakui bahawa cara yang terbaik untuk maju ialah dengan melaksanakan pengambilalihan strategik, terutamanya gandingan tanah *greenfield* atau *brownfield* yang akan meningkatkan pendapatan tambahan atau yang menjana aliran tunai secara positif dengan serta-merta. Kita teliti dalam memastikan pengambilalihan prospek ini tidak melibatkan kawasan pemuliharaan atau hutan paya bakau supaya ekosistemnya yang unik kekal terpelihara.

CHAIRMAN'S LETTER TO SHAREHOLDERS
PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PEMEGANG SAHAM

The Group signed an Asset Purchase Agreement with Mission Biotechnologies Sdn Bhd to acquire its 100,000 tonnes biodiesel refinery at Kuantan Port for RM36.9 million.

Kumpulan menandatangani Perjanjian Pembelian Aset dengan Mission Biotechnologies Sdn Bhd untuk mengambilalih kilang penapisan biodiesel 100,000 tan di Pelabuhan Kuantan pada harga RM36.9 juta.

In July 2013, the Group made its first plantation acquisition since it was listed in June 2012 when it entered into an agreement to acquire a 95 percent equity interest in two Indonesian companies, PT Temila Agro Abadi and PT Landak Bhakti Palma for a total purchase consideration of RM44.2 million. The acquisition will pave the way for FGV to own 21,037 hectares of mostly greenfield plantations in West Kalimantan, of which 8,193 hectares will be developed for planting oil palms while 12,844 hectares will be designated for rubber cultivation. The Group expects to spend RM283.6 million over the next five to six years to develop its new acquisitions.

In October 2013, the voluntary conditional takeover exercise of the Sabah-based PUP was completed for a total consideration of RM1.2 billion. PUP has approximately 15,161 hectares of primarily matured oil palm land, located in Sabah and in Johor. The deal includes a processing mill, a kernel crushing facility as well as RM250 million in cash.

The completion of these acquisitions has increased FGV's landbank by 8.9 percent to 446,656 hectares. The PT Temilia land is adjacent to the PT Citra Niaga Perkasa land purchased earlier, while the PUP plantation is in close proximity to the Group's existing plantation in Lahad Datu, Sabah, this bodes well for economies of scale in estate management and the sharing of resources. The Group's drive to acquire oil palm estates also comes at an opportune moment, as the downturn in CPO prices has made it easier to push through an acquisition at reasonable valuations.

Expanding Downstream Presence. The GSB also mandates the Group to expand its downstream operations and diversify into the manufacture of high value innovative products to sustain and protect its upstream business.

On 17 April 2013, the Group signed an Asset Purchase Agreement with Mission Biotechnologies Sdn Bhd to acquire its 100,000 tonnes biodiesel refinery at Kuantan Port for RM36.9 million. A wholly-owned subsidiary known as FGV Biotechnologies Sdn Bhd was incorporated to undertake the production of biodiesel and expand the Group's product offerings. Operational in mid-2013, the refinery has since delivered its first shipment of palm methyl ester for export to Europe and for the Government's B5 mandated programme. Current biodiesel production has become commercially viable as a result of the relatively low CPO price against other biodiesel feedstock such as rapeseed and soya.

Pada bulan Julai 2013, Kumpulan melaksanakan pengambilalihan perladangan yang pertama sejak disenaraikan pada bulan Jun 2012, apabila ia mengikat perjanjian untuk mengambilalih 95 peratus kepentingan ekuiti dalam dua buah syarikat Indonesia, PT Temila Agro Abadi dan PT Landak Bhakti Palma, dengan bayaran sebanyak RM44.2 juta. Pengambilalihan ini akan merintis laluan bagi FGV untuk memiliki 21,037 hektar tanah, sebahagian besarnya ladang *greenfield* di Kalimantan Barat di mana 8,193 hektar akan dibangunkan dengan tanaman kelapa sawit, sementara 12,844 hektar lagi akan digunakan untuk penanaman getah. Kumpulan menjangka akan membelanjakan sebanyak RM283.6 juta sepanjang tempoh lima hingga enam tahun akan datang bagi membangunkan pengambilalihan baharu ini.

Pada bulan Oktober 2013, langkah pengambilalihan bersyarat secara sukarela PUP yang berpangkalan di Sabah telah diselesaikan dengan bayaran sebanyak RM1.2 bilion. PUP mempunyai kira-kira 15,161 hektar tanah di mana sebahagian besarnya meliputi kelapa sawit matang, terletak di Sabah dan Johor. Urusniaga ini turut melibatkan sebuah loji pemprosesan, kemudahan penghancuran isirung serta RM250 juta tunai.

Penyelesaian semua pengambilalihan ini telah menambah tanah simpanan FGV sebanyak 8.9 peratus kepada 446,656 hektar. Tanah PT Temila terletak bersebelahan tanah PT Citra Niaga Perkasa yang dibeli terdahulu, sementara ladang PUP pula terletak berhampiran dengan ladang Kumpulan yang sedia ada di Lahad Datu, Sabah. Kedudukan ini sangat sesuai kerana ia membolehkan kita mencapai operasi ekonomi skala dalam pengurusan estet dan perkongsian sumber. Usaha Kumpulan mengambilalih estet kelapa sawit juga dilaksana ketika wujud peluang baik berikutan kejatuhan harga MSM yang memudahkan langkah mengambilalih dibuat pada nilai yang berpatutan.

Meluaskan Perniagaan Hiliran. GSB juga memberi mandat kepada Kumpulan untuk meluaskan operasi hilirannya dan mempelbagai ke dalam pengilangan produk inovatif bernilai tinggi bagi mengekal dan melindungi perniagaan huluannya.

Pada 17 April 2013, Kumpulan menandatangani Perjanjian Pembelian Aset dengan Mission Biotechnologies Sdn Bhd untuk mengambilalih kilang penapisan biodiesel 100,000 tan di Pelabuhan Kuantan pada harga RM36.9 juta. Sebuah anak syarikat milik penuh dikenali sebagai FGV Biotechnologies Sdn Bhd, telah diperbadankan untuk menjalankan pengeluaran biodiesel dan meluaskan tawaran produk Kumpulan. Beroperasi pada pertengahan tahun 2013, kilang penapisan ini telah menyerahkan penghantaran methyl ester sawit pertamanya untuk dieksport ke Eropah dan untuk program B5 yang dimandat oleh Kerajaan. Pengeluaran biodiesel kini telah menjadi berdaya maju secara komersial berikutan harga MSM yang rendah berbanding bahan suapan biodiesel lain seperti biji sesawi dan soya.

CHAIRMAN'S LETTER TO SHAREHOLDERS
PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PEMEGANG SAHAM

In tapping cutting-edge technologies to expand the usage of palm oil, FGV is set to become the first company in the world to pioneer and produce high grade carbon nanotubes (CNT) and graphene from by-products of CPO and other hydrocarbons. A Memorandum of Understanding was signed with Cambridge Nanosystems Limited (CNL) to develop the revolutionary products using CNL's proprietary nano-systems technology. The collaboration will enable the Group to leverage on the strength, capabilities and expertise of CNL to advance the Group's strategic plan to push boundaries and diversify into non-food high value products based on palm oil and palm oil waste.

On 13 November, a joint-venture and shareholders' agreement was signed with Lipid Venture Sdn Bhd to produce and extract palm oil-based vitamin E, also known as tocotrienol from refined bleached palm oil. The tocotrienol plant will be built in Kuantan, and is strategically located near the Group's plantation as well as a vegetable oil refinery owned by a subsidiary company. It is expected to commence production in the fourth quarter of 2015. As one of the entry point projects (EPP 8) identified under the National Key Economic Areas, the joint-venture project has secured a seed grant from the Malaysian Government.

Meanwhile, the Group has terminated its joint venture partnership with Bunge Ventures Canada L.P. (Bunge). The partnership was established to enable the Group's Twin Rivers Technologies Enterprises De Transformation De Graines Oleagineuses Due Quebec Inc (TRT ETGO) to leverage Bunge's technical expertise in oilseed processing and accelerate market penetration into North America. With the objectives of the partnership met, the joint venture with Bunge was wound up on 30 November 2013.

Streamlining our portfolio. To further consolidate its position in the palm oil business, the Group acquired the remaining 51 percent equity stake in Felda Holdings Bhd (FHB) on 27 December for a purchase consideration of RM2.2 billion. The acquisition of FHB will enable the Group to streamline its plantation value chain, reduce structural complexity and align the management and equity interest of the midstream and downstream activities. With control over FHB's processing and logistics businesses, FGV is in a better position to optimise efficiencies, manage costs, reap synergistic benefits and ultimately enhance its earnings base.

In our efforts to strengthen asset quality, we are continually fine-tuning our portfolio, disposing of assets that are under-performing or are no longer in line with the Group's vision and long-term strategy. Thus, in early 2013, a decision was taken in February 2013 to divest our 20 percent stake in Tradewinds (M) Bhd (Tradewinds). From the sale of our stake in Tradewinds, FGV has realised a capital appreciation of about 165 percent with a windfall of RM551.4 million that will be utilised for its expansion programme.

Bagi memanfaatkan kelebihan teknologi terkini yang bertujuan meluaskan penggunaan minyak sawit, FGV bersedia menjadi syarikat pertama di dunia merintis dan mengeluar tiub nano karbon (CNT) dan grafin bergred tinggi daripada produk sampingan MSM dan hidro karbon lain. Satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani dengan Cambridge Nanosystems Limited (CNL) untuk membangunkan produk baharu ini menggunakan teknologi sistem nano milik CNL. Permuafakatan ini akan membolehkan Kumpulan memanfaatkan keteguhan, keupayaan dan kepakaran CNL untuk memperhebatkan lagi pelan strategik Kumpulan ke luar sempadan dan mempelbagai ke dalam produk bernilai tinggi bukan makanan berasaskan kepada minyak sawit dan sisa minyak sawit.

Pada 13 November, satu perjanjian usahasama dan pemegang saham telah ditandatangani dengan Lipid Venture Sdn Bhd untuk mengeluar dan mengekstrak vitamin E berasaskan minyak sawit, yang dikenali juga sebagai tokotrienol, dihasilkan daripada minyak sawit luntur bertapis. Kilang tokotrienol akan dibina di Kuantan dan mempunyai kedudukan strategik yang berhampiran dengan ladang Kumpulan serta sebuah kilang penapisan minyak sayuran yang dimiliki oleh sebuah anak syarikat. Ia dijangka akan memulakan pengeluaran pada suku keempat tahun 2015. Projek usahasama ini telah mendapat geran permulaan daripada Kerajaan Malaysia kerana ia merupakan salah sebuah projek permulaan (EPP 8) yang dikenal pasti di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara.

Sementara itu, Kumpulan telah menamatkan perkongsian usahasamanya dengan Bunge Ventures Canada L.P. (Bunge). Perkongsian ini telah dijalinkan untuk membolehkan anak syarikat Kumpulan, Twin Rivers Technologies Enterprises De Transformation De Graines Oleagineuses Du Quebec Inc. (TRT ETGO) memanfaatkan kepakaran teknikal Bunge dalam pemprosesan bijian minyak dan mempercepatkan penembusan ke dalam pasaran Amerika Utara. Dengan tercapainya objektif jalinan tersebut, maka usahasama dengan Bunge ditamatkan pada 30 November 2013.

Menyelaraskan Portfolio kita. Bagi mengukuhkan lagi kedudukannya dalam perniagaan minyak sawit, Kumpulan telah mengambilalih baki 51 peratus kepentingan ekuiti dalam FHB pada 27 Disember dengan harga belian sebanyak RM2.2 bilion. Pengambilalihan FHB akan membolehkan Kumpulan menyelaraskan rantaian nilai perladangannya, mengurangkan kompleksiti struktur dan melaras pengurusan serta kepentingan ekuiti kegiatan di peringkat pertengahan dan hiliran. Penguasaan kawalan terhadap perniagaan pemprosesan dan logistik FHB telah meletakkan Kumpulan dalam kedudukan yang lebih baik untuk mengoptimum kecekapan, mengurus kos, merebut manfaat sinergi dan yang paling penting; mempertingkatkan asas pendapatannya.

Dalam usaha mengukuhkan lagi kualiti aset kita, usaha memperkemaskan portfolio dilakukan secara berterusan dengan melupuskan aset yang tidak berprestasi atau yang tidak lagi sejajar dengan wawasan dan strategi jangka panjang Kumpulan. Justeru, pada awal tahun 2013, keputusan telah dibuat pada bulan Februari 2013 untuk menarik keluar pelaburan kita sebanyak 20 peratus dalam Tradewinds (M) Bhd (Tradewinds). FGV telah merealisasi peningkatan nilai modal sebanyak kira-kira 165 peratus daripada penjualan kepentingan kita dalam Tradewinds dengan keuntungan sebanyak RM551.4 juta yang akan digunakan untuk program meluaskan perniagaan Kumpulan.

FGV is set to become the first company in the world to pioneer and produce high grade carbon nanotubes (CNT) and graphene from by-products of CPO and other hydrocarbons.

FGV bersedia menjadi syarikat pertama di dunia merintis dan mengeluar tiub nano karbon (CNT) dan grafin bergred tinggi daripada produk sampingan MSM dan hidro karbon lain.

CHAIRMAN'S LETTER TO SHAREHOLDERS
PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PEMEGANG SAHAM

Enhancing productivity and efficiency. The Group has adopted a more commercially driven approach to enhance productivity and efficiency. The LLA concluded with FELDA means the Group is now able to directly drive efficiency improvements and making the right capital allocation decisions in key areas such as fertiliser application, replanting and leveraging technology to improve productivity and efficiency across our value chain.

About 53 percent of our palms are past their prime and have been earmarked for replanting with Felda Yangambi's superior planting material. We are committed to an aggressive plan of replanting 15,000 hectares per year, which is equivalent to the size of 18,181 FIFA-sanctioned football fields. At this rate of replanting, we expect to improve the palm age profile to an average of 12 years by 2019, at which time the Group can expect to see a meaningful upside from higher yields. The Group's R&D arm continued to play an important role in our efforts to increase yield and productivity, reduce unit production costs and ensure environmental sustainability.

AWARDS AND ACCOLADES

Over the years, FGV has been receiving its share of awards and accolades and 2013 was no exception. Last year, we were the recipient of Frost & Sullivan Malaysia Award under the Palm Oil Plantation Company of the Year category in recognition of the Group's outstanding performance in Malaysia. As the leading palm oil plantation company in Malaysia, the Group has been awarded The Brand Laureate SME's Signature Award under the category of "The Best Brand in Oil Palm Germinated Seed" in recognition of the Group's Yangambi planting material. Yangambi has become an iconic oil palm seed brand and is the most highly sought after planting material in Malaysia. The Group also earned a Merit Award for its 2012 Annual Report at the National Annual Corporate Awards (NACRA) ceremony, jointly organised by Bursa Malaysia Berhad, the Malaysian Institute of Accountants and the Malaysian Institute of Certified Public Accountants.

Mempertingkatkan Produktiviti dan Kecekapan. Kumpulan menggunakan pendekatan komersil yang berdaya maju bagi mempertingkatkan produktiviti dan kecekapannya. LLA yang ditandatangani dengan FELDA juga bermakna bahawa kini Kumpulan boleh mendorong penambahbaikan kecekapan secara langsung dan membuat keputusan peruntukan modal yang sesuai dalam beberapa bidang seperti penggunaan baja, penanaman semula dan memanfaatkan teknologi bagi mempertingkatkan produktiviti serta kecekapan di seluruh rantaian nilai kita.

Kira-kira 53 peratus daripada pokok kelapa sawit kita telah melepasi umur matang dan dengan demikian sedia untuk ditanam semula dengan benih tanaman Yangambi Felda. Kita komited terhadap pelan agresif untuk menanam semula 15,000 hektar setiap tahun yang bersamaan dengan saiz 18,181 padang bola sepak diiktiraf FIFA. Pada kadar tanaman semula ini, kita berharap untuk menambahbaik profil usia pokok kelapa sawit kepada secara purata 12 tahun menjelang tahun 2019, di mana pada masa itu, Kumpulan boleh mengharapkan kenaikan yang bermakna daripada hasil yang lebih tinggi. Bahagian R&D Kumpulan memainkan peranan penting secara berterusan dalam usaha kita meningkatkan hasil dan produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran setiap unit dan pada masa yang sama, memastikan kemampanan alam sekitar.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

FGV telah mendapat pelbagai anugerah dan pengiktirafan sejak beberapa tahun lepas dan kejayaan yang serupa turut dicapai pada tahun 2013. Pada tahun lepas, kita menerima Anugerah Frost and Sullivan Malaysia di bawah kategori Syarikat Perladangan Kelapa Sawit sebagai pengiktirafan terhadap prestasi cemerlang Kumpulan di Malaysia. Sebagai sebuah syarikat perladangan kelapa sawit yang terkemuka di Malaysia, Kumpulan telah diberi anugerah Brand Laureate SME's Signature Award di bawah kategori Anugerah Jenama Terbaik dalam Benih Kelapa Sawit Bercambah sebagai pengiktirafan terhadap bahan tanaman Felda Yangambi. Felda Yangambi telah menjadi jenama ikon bagi benih sawit dan bahan tanaman paling dikehendaki di Malaysia. Kumpulan juga mendapat Anugerah Merit bagi Laporan Tahunan 2012 di majlis penyampaian Anugerah Laporan Korporat Tahunan (NACRA), anjuran bersama Bursa Malaysia Berhad, Institut Akauntan Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

PROSPEK DAN MASA DEPAN

Berlatarkan ekonomi global yang bertambah baik secara berperingkat, Kumpulan secara berhati-hati kekal optimistik bahawa harga MSM akan menikmati kenaikan pada tahun 2014. Menurut sesetengah pakar dan penganalisis industri, harga MSM akan secara purata berlegar di paras RM2,600 setiap tan iaitu RM200 lebih tinggi berbanding harga pada tahun 2013. Perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah pelaksanaan program biodiesel Indonesia dan Malaysia yang mungkin boleh mengakibatkan kehabisan inventori lebihan serta mengurangkan bekalan MSM ke pasaran dunia.

CHAIRMAN'S LETTER TO SHAREHOLDERS
PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PEMEGANG SAHAM

OUTLOOK AND PROSPECTS

Against the backdrop of a gradual improvement in the global economy, the Group remains cautiously optimistic that CPO prices in 2014 will be on the uptrend. According to some industry experts and analysts, CPO prices will average around RM2,600 per tonne, which is RM200 higher than 2013 prices. Fundamentals to watch out for would be the implementation of Indonesia's and Malaysia's biodiesel programmes that could mop up excess inventory and result in a lower supply of CPO to world markets.

Meanwhile, the coming year will see the Group harvesting the low hanging fruits of its recent acquisitions. The PUP acquisition has already started contributing to FGV's bottom-line in the fourth quarter of 2013. As most of its trees are at a prime age of 13 years, there will be minimal replanting costs incurred for the next 10 years. A consistent replanting programme underway will bring down the average age profile of the Group palm estates. As more palms reach maturity, there will be a corresponding improvement in yields, supporting stronger CPO production year will also see the Group begin to book earnings from FHB, which saw its status change from an associate to a wholly-owned subsidiary on 27 December 2013. FHB is a very profitable entity as an investment holding company with subsidiaries, joint arrangements and other related companies involved in the processing of crude, refined and packed palm oil products. It is also involved in the provision of shared support services including research and development, bulking and transportation services, rubber processing and manufacturing of fertilisers. In 2013, FHB generated a consolidated profit before tax of RM383.4 million and had a net cash position of RM1,656.6 million. The full-year earnings of FHB will be reflected in FGV's financial performance in 2014.

As at the end of the 2013 financial year, the Group had utilised about 70 percent of its IPO proceeds of RM4.5 billion. The bulk of it went to the acquisition of plantation assets, with another RM427 million invested in the downstream business. The Group has set aside RM100 million as capital expenditures to increase efficiency and capabilities and RM130 million as working capital requirements. Moving into FY 2014, we have a balance of RM1.33 billion from our IPO coffers and cash reserves of RM3.70 billion. The Group, therefore, is in a strong position to pursue its merger and acquisition (M&A) mandate in the GSB.

We will continue to relentless pursue every opportunity for future profitable growth in both the upstream and downstream segments of our business. As Malaysia is running short of land that can be used for plantation cultivation, the Group is looking abroad for opportunities to increase its landbank. Myanmar, Cambodia and Papua New Guinea have been identified as suitable countries for our upstream expansion programme not only for oil palms, but also rubber and sugar cultivation. We also recognise that some of the best opportunities for growth exist outside the region, and areas of interest include the African countries around the tropical belt, such as Ghana, Cameroon and Gabon. Our growing international portfolio will be one of the Group's main drivers of revenue growth in the coming years.

At the mid and downstream ends of the value chain, the Group remains alert to collaborations and joint-ventures with prospective partners. The Group has also developed a promising line of downstream products to increase our market presence in the Southeast Asian market. In Cambodia, we will build on the foothold established and the target is to capture a 30 percent market share for our products from Delima Oil Products Sdn Bhd over the next three years.

Our outlook for the coming year is for profit growth to continue at a very satisfactory level. I would like to emphasise that the FGV Group is not just about making money. It is doing it in a responsible and sustainable manner and this will always be the cornerstone of our business philosophy.

APPRECIATION

At the end of the day, it is FGV's people who will determine the success of the Group and its ultimate destiny. In this time of revitalisation and preparing for the next thrust forward, what has been inspirational is how everyone has pulled together to share the Group's bold vision and ambitions. Your professionalism, commitment and willingness to work hard will remain our greatest source of confidence in the Group's future. In its transformation journey, the Group is fortunate to have a great support team comprising its shareholders, customers, contractors, business partners and other stakeholders. We thank all of you for your confidence in us and your continuing support as we look forward to expanding our horizons.

I thank my Board colleagues for their diligence and support throughout 2013. The composition of the Board has changed during the year with the departure of Tan Sri Dato' Sabri Ahmad who has completed his term of office together with Datuk Wira Jalilah Baba, Datuk Shahril Ridza Ridzuan and Tan Sri Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah who resigned from the Board owing to other commitments. During his three-year tenure as Group President/Chief Executive Officer, Tan Sri Dato' Sabri played an instrumental role in the listing of FGV and put in place the Strategic Global Blueprint. All of them will be missed and the Board wishes them every success in their future undertakings. Mohd Emir Mavani Abdullah has been appointed Group President/CEO effective 15 July 2013. A leading expert in economic and government administration reforms and a Board member since January 2012, he has the breadth and depth of knowledge and experience required to lead the Group at this critical phase of its transformation journey.

The FGV Group is entering 2014 with a new vigour. We have come some distance over the past year but it is only the beginning. The task at hand is to sustain the momentum into 2014 and in the years ahead.

I thank all of you.



YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad
Chairman

Sementara itu, pada tahun depan, Kumpulan akan mula menikmati manfaat permulaan daripada beberapa usaha pengambilalihan yang dilaksanakan baru-baru ini. Pengambilalihan PUP telah pun menyumbang kepada perolehan FGV pada suku keempat tahun 2013. Oleh kerana kebanyakan pokoknya baru mencapai usia puncak 13 tahun, kos menanam semula yang minimum sahaja akan ditanggung sepanjang tempoh 10 tahun akan datang. Program penanaman semula secara konsisten yang sedang dijalankan bakal mengurangkan profil usia purata ladang kelapa sawit Kumpulan. Oleh kerana semakin banyak pokok kelapa sawit mencapai kematangan, ia akan diikuti dengan pertambahan hasil yang menyokong keteguhan pengeluaran MSM pada tahun ini. Ia juga akan menyaksikan Kumpulan menikmati pendapatan daripada FHB yang telah bertukar statusnya daripada sebuah syarikat bersekutu kepada sebuah anak syarikat pada 27 Disember 2013. FHB sebagai sebuah syarikat induk pelaburan dengan anak-anak syarikat, janji urus usahasama dan beberapa syarikat berkaitan lain terlibat dalam pemprosesan produk sawit mentah, bertapis dan berbungkus, merupakan sebuah entiti yang sangat menguntungkan. Ia turut terlibat dalam penyediaan perkhidmatan sokongan berkongsi, termasuk penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pukal dan pengangkutan, pemprosesan getah dan pengilangan baja. Pada tahun 2013, FHB menjana keuntungan sebelum cukai disatukan sebanyak RM383.4 juta dan mempunyai kedudukan tunai bersih sebanyak RM1,656.6 juta. Pendapatan tahun penuh FHB akan digambarkan dalam prestasi kewangan FGV pada tahun 2014.

Sehingga akhir tahun kewangan 2013, Kumpulan telah menggunakan kira-kira 70 peratus daripada kutipan IPOnya yang berjumlah RM4.5 bilion. Sebahagian besar daripada kutipan tersebut diguna untuk mengambilalih aset perladangan, sementara RM427 juta lagi dilaburkan ke dalam perniagaan hiliran. Kumpulan telah mengenepikan sebanyak RM100 juta sebagai perbelanjaan modal bagi meningkatkan tahap kecekapan dan keupayaan dan RM130 juta lagi sebagai keperluan modal kerja. Pada awal TK 2014, kita mempunyai baki RM1.33 bilion daripada IPO dan rizab tunai sebanyak RM3.70 bilion. Justeru, Kumpulan berada dalam kedudukan yang teguh untuk meneruskan mandat M&A seperti terkandung dalam Pelan Induk Strategik Globalnya.

Kita akan meneruskan usaha memanfaatkan setiap peluang yang wujud dengan gigih bagi melaksanakan pertumbuhan masa depan yang menguntungkan, baik dalam segmen perniagaan huluan mahupun hiliran. Oleh kerana Malaysia kekurangan tanah yang boleh digunakan untuk tujuan perladangan, Kumpulan sedang mencari peluang di luar negara untuk menambah tanah simpanannya. Myanmar, Kemboja dan Papua New Guinea telah dikenal pasti sebagai negara-negara yang sesuai untuk program pengembangan huluan kita bukan sahaja untuk kelapa sawit, malah tanaman getah dan tebu. Kita juga mengakui bahawa sesetengah peluang terbaik untuk mencapai pertumbuhan terletak di luar rantau ini dan kawasan yang menarik minat kita termasuk di sekitar lingkaran tropika beberapa buah negara Afrika seperti Ghana, Cameroon dan Gabon. Portfolio antarabangsa kita yang semakin berkembang akan menjadi salah sebuah pemacu utama pertumbuhan hasil dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Di peringkat pertengahan dan hiliran rantaian nilai pula, Kumpulan masih mencari lebih banyak peluang menjalin permuafakatan dan usahasama dengan rakan kongsi prospek. Kumpulan juga telah membangunkan pelbagai produk hiliran yang berpotensi untuk meningkatkan kehadiran kita di pasaran Asia Tenggara. Di Kemboja, kita akan terus membina di tapak yang telah diasaskan dan kita telah meletakkan sasaran untuk menguasai 30 peratus bahagian pasaran bagi produk-produk Delima Oil Products Sdn Bhd dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Kita meletakkan harapan untuk memastikan supaya Kumpulan mampu mencapai pertumbuhan keuntungan berterusan pada tahap yang sangat memuaskan pada masa depan. Saya ingin menekankan bahawa Kumpulan FGV bukan bermatlamat untuk mencari keuntungan semata-mata, tetapi sebaliknya melakukan usaha tersebut secara bertanggungjawab dan mampan dan pendekatan ini akan sentiasa menjadi asas kepada falsafah perniagaan kita.

PENGHARGAAN

Setiap matlamat yang ingin dicapai hanya boleh ditentukan oleh warga FGV sendiri yang akan memastikan kejayaan dan masa depan Kumpulan. Ketika kita menyuntik semangat kebangkitan dan membuat persediaan untuk menerjah ke hadapan, penyertaan setiap warga kerja yang telah berganding bahu untuk berkongsi wawasan dan cita-cita Kumpulan benar-benar telah mencetuskan inspirasi yang diharapkan. Semangat profesionalisma, komitmen dan kesediaan anda sekalian untuk bekerja keras akan terus menjadi sumber keyakinan kita terhadap masa depan Kumpulan. Dalam mengharungi perjalanan transformasinya, Kumpulan bertuah kerana mempunyai pasukan yang memberi sokongan kuat; terdiri daripada pemegang saham, pelanggan, kontraktor, rakan dalam perniagaan dan pemegang kepentingan lain. Kami mengucapkan terima kasih kepada anda sekalian kerana memberikan keyakinan dan sokongan berterusan ketika kita sama-sama melangkah ke hadapan untuk meluaskan penglibatan kita.

Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya di dalam Lembaga Pengarah atas kesungguhan dan sokongan yang diberikan sepanjang tahun 2013. Komposisi Lembaga Pengarah telah berubah pada tahun ini dengan Tan Sri Dato' Sabri Ahmad tamatnya tempoh jawatan serta Datuk Wira Jalilah Baba, Datuk Shahril Ridza Ridzuan dan Tan Sri Dato' Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah yang meletakkan jawatan daripada Lembaga Pengarah atas sebab komitmen masing-masing. Sepanjang tempoh tiga tahun sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Dato' Sabri telah memainkan peranan penting dalam penyenaraian FGV dan meletakkan Pelan Induk Strategik Global di landasan yang tepat. Kita akan merasakan ketiadaan mereka dan Lembaga Pengarah mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka semua dalam apa jua penglibatan yang diceburi di masa depan. Mohd Emir Mavani Abdullah telah dilantik sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mulai 15 Julai 2013. Seorang pakar terkemuka dalam bidang pembaharuan ekonomi dan pentadbiran kerajaan dan telah menjadi ahli Lembaga Pengarah sejak bulan Januari 2012, beliau mempunyai pengetahuan serta pengalaman yang mendalam dan luas untuk menerajui Kumpulan dalam fasa kritikal mengharungi perjalanan transformasinya.

Kumpulan FGV memasuki tahun 2014 dengan semangat baharu yang lebih mantap. Kita telah melakar satu pencapaian pada tahun lalu, tetapi pencapaian itu hanyalah satu permulaan sahaja. Justeru, kita harus sama-sama memikul tugas untuk mengekalkan momentum tersebut ke dalam tahun 2014 dan pada tahun-tahun akan datang.

Saya berterima kasih kepada anda sekalian.



YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad
Pengerusi



CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Dear Stakeholders,

IT GIVES ME GREAT PLEASURE TO PRESENT THIS OPERATIONAL REVIEW OF ONE OF THE MOST SUCCESSFUL, FASTEST GROWING AND EXCITING COMPANIES IN CORPORATE MALAYSIA. TO BE THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER OF THIS GREAT COMPANY AT THIS PARTICULAR PHASE OF ITS EVOLUTION IS AN HONOUR AND A PRIVILEGE.

Para Pemegang Kepentingan Sekalian,

DENGAN SUKACITANYA, SAYA MEMBENTANGKAN ULASAN OPERASI SALAH SEBUAH SYARIKAT YANG PALING BERJAYA, PESAT BERKEMBANG DAN MENGUJAKAN DI ARENA KORPORAT MALAYSIA. MENJADI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SYARIKAT YANG HEBAT INI, DI KALA IA MELALUI FASA EVOLUSINYA KINI, MERUPAKAN SATU KEBANGGAAN DAN PENGHORMATAN.

Mohd Emir Mavani Abdullah
Group President/Chief Executive Officer
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Looking back, there was much to be positive about the Group's performance in 2013. Aside from the financial numbers, it was a landmark year for asset acquisitions and investments in strategic technology initiatives to meet the objectives outlined in our Global Strategic Blueprint. The underlying momentum of the Group's business remains robust. For each of our operating clusters, a strong base has been created that can be built upon to meet our longer-term goals. The Group's balance sheet strength places it in a strong position to take advantage of opportunities coming its way for future top and bottom line growth.

While the basis for future growth has been established, we want to play a more proactive role in accelerating the pace of the Group's transformation journey to be among the top 10 largest agriculture commodity players in the world. With the new line-up in a revitalised management team, we are confident that our focus on operational improvement, high performance and portfolio optimisation will take the Group's performance to a new level.

In all that we are striving to achieve, we will never lose sight of the fact that we are stewards of a business that was built over more than 50 years ago. This means we have an obligation to approximately 50,000 shareholders including Felda Asset Holdings Company Sdn Bhd who holds the interest of the 112,635 FELDA settlers. We are committed to delivering long-term shareholder value, abiding by a high level of accountability, sustainability and respect for the human dimension that guide the way we conduct our business.

Tahun 2013 meninggalkan banyak kesan positif yang menyumbang kepada prestasi Kumpulan. Ia merupakan satu tahun yang mencatatkan mercu tanda kerana selain mencapai kejayaan yang boleh diukur dari segi angka kewangan, langkah pengambilalihan aset dan pelaburan dalam inisiatif teknologi strategik yang dilaksanakan olehnya menepati matlamat yang digariskan di bawah Pelan Induk Strategik Global. Momentum di sebalik perniagaan Kumpulan juga kekal cergas. Asas yang teguh telah diwujudkan di setiap kelompok operasi kami di mana ia akan dipertingkatkan untuk memenuhi matlamat jangkamasa lebih panjang. Kekuatan kunci kira-kira Kumpulan meletakkannya di kedudukan yang teguh bagi memanfaatkan pelbagai peluang yang muncul untuk membolehkannya mencapai pertumbuhan di peringkat huluan atau hiliran.

Kini asas untuk mencapai pertumbuhan sudah diwujudkan dan, kami seterusnya ingin memainkan peranan secara lebih proaktif bagi mempercepatkan lagi rentak perjalanan transformasi Kumpulan untuk muncul sebagai antara 10 peneraju komoditi pertanian terbesar di dunia. Dengan barisan pasukan pengurusan yang bersemangat baharu, kami yakin bahawa fokus kami untuk menambahbaik operasi, meningkatkan prestasi dan mengoptimum portfolio akan mampu melonjakkan prestasi Kumpulan ke tahap baharu yang lebih cemerlang.

Walau apa jua yang ingin dicapai, kami tidak akan sekali-kali mengabaikan tanggungjawab kami sebagai penjaga kepada satu perniagaan yang telah dibina lebih 50 tahun lepas. Ini juga bermakna bahawa kami tanggungjawab kepada kira-kira 50,000 pemegang saham, termasuk Felda Asset Holdings Company Sdn Bhd yang memegang kepentingan 112,635 peneroka FELDA. Kami beriltizam untuk menyampaikan nilai pemegang saham jangka panjang, dengan mematuhi tahap kebertanggungjawaban yang tinggi, kemampanan dan menghormati dimensi kemanusiaan yang memacu cara kami mengendalikan perniagaan kami.

MALAYSIA CPO PRODUCTION & STOCKS
PENGELUARAN & STOK MSM MALAYSIA



SOURCE OF FFB
SUMBER BTS



CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PLANTATION
PERLADANGAN

PALM PLANTATION AGE PROFILE
PROFIL USIA TANAMAN KELAPA SAWIT



Note/Nota:
1. Inclusive of Pontian United Plantation
   Termasuk Pontian United Plantation
2. Prime Improved by 2%
   Peningkatan matang sebanyak 2%

2013 FFB PRODUCTION
PENGELUARAN BTS 2013
('000 Tonnes)
('000 Tan Metrik)



2013 FFB YIELD
HASIL BTS 2013
(Tonnes / Hectare)
(Tan Metrik / Hektar)



Profit Before Tax
Keuntungan Sebelum Cukai

RM1.2bil

+ 5.6%

CULTIVATING NEW GROWTH

The Plantation Cluster registered a profit before tax of RM1,181.4 million in 2013, an increase from RM1,118.7 million posted the previous year. This performance was mainly attributed to the average CPO price of RM2,333 per tonne compared to RM2,843 per tonne achieved previously. The price of fresh fruit bunches (FFB) also declined to RM448 per tonne, against RM541 per tonne recorded in 2012. This was despite an increase in FFB production to 5.05 million tonnes, from 4.91 million tonnes. Yields have also improved to 19.6 tonnes per hectare owing to favourable weather conditions during the harvesting season.

MEMUPUK PERTUMBUHAN BAHARU

Kelompok Perladangan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1,181.4 juta pada tahun 2013, berbanding RM1,118.7 juta pada tahun sebelumnya. Harga purata MSM sebanyak RM2,333 setiap tan metrik berbanding dengan RM2,843 setiap tan metrik yang dicapai sebelumnya merupakan penyumbang utama pencapaian prestasi yang bertambah baik ini. Harga buah tandan segar (BTS) juga merosot kepada RM448 setiap tan metrik berbanding RM541 setiap tan metrik yang dicatatkan pada tahun 2012, walaupun pengeluaran BTS meningkat kepada 5.05 juta tan metrik berbanding 4.91 juta tan metrik. Hasil turut bertambah baik kepada 19.6 tan metrik setiap hektar kerana cuaca yang menggalakkan sepanjang musim menuai.



CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PLANTATION
PERLADANGAN

The Group has a total landbank of 446,656 hectares, of which 390,234 hectares or 87.4 percent are in Malaysia, while the remainder 56,422 hectares are in Indonesia. Of the total hectarage, some 347,517.50 hectares have been planted with oil palms and another 12,372 hectares consist of rubber plantations. Owing to legacy issues, about 53 percent of the Group's oil palms have passed their prime, being more than 20 years. To correct the age profile and improve yields, the Group has adopted a two-prong strategy focusing on an aggressive replanting programme of 15,000 hectares per year and through brownfield acquisitions of plantation land in Malaysia and overseas.

The Group is aiming for a more favourable age profile of 12 years by 2019. To achieve this target, the Group has embarked on an optimal replanting rate of 15,000 hectares to reduce the total hectarage of old palms by around 5 percent per annum. After two consecutive years of exceeding this target, the progress in 2013 was impeded by floods with only 14,494 hectares replanted.

During the year under review, one major acquisition exercise was completed while another two expected to be completed in 2014. In July 2013, the Group acquired 21,037 hectares of greenfield and brownfield landbank in Kalimantan, Indonesia. Some 8,193 hectares will be planted with oil palms, while 12,844 hectares of land will be developed for rubber cultivation. As a monoculture planting strategy exposes the Group to inherent risks, the plan is to increase our rubber plantation area to 30,000 hectares in South East Asian region by 2020.

The Group aims to accelerate the process of improving the age profile of its palms through brownfield acquisitions. On 1 October 2013, the Group completed the acquisition of Pontian United Plantations Bhd (PUP). The PUP acquisition comprises 15,161 hectares of mostly mature oil palms, which in 2013 produced an average yield per hectare of 22.77 tonnes.

The Plantation embarked on several productivity improvement initiatives during the year. They include the implementation of new processes and the upgrading of boilers at the mills, leading to improved consistency and efficiency of mill operations. In the interest of sustainability, a total of 19 mills have also been installed with Empty Fruit Bunches (EFB) pressing facilities. This initiative is not only environmentally friendly, but the shredded EFB can be sold either on its own or can be further processed at two other plants into Dried Long Fibre.

TOTAL LAND BANK
JUMLAH TANAH SIMPANAN

MALAYSIA	OIL PALM KELAPA SAWIT	RUBBER GETAH	OTHERS** LAIN-LAIN**	
Planted/Ditanam	333,368	12,372	2,538	
Unplanted/Tidak ditanam	1,968	2,115	37,873	
Total/Jumlah	335,336	14,487	40,411	390,234
INDONESIA*				
Planted/Ditanam	15,022	-	-	
Unplanted/Tidak ditanam	23,753	12,844	4,803	
Total/Jumlah	38,775	12,844	4,803	56,422
Total Plantation/ Jumlah Tanaman	374,111	27,331	45,214	446,656

* Trurich landbank is calculated based on 50 percent JV.
Tanah simpanan Trurich dikira berdasarkan pegangan usahasama 50 peratus.

** Others -includes other crops and unplantable areas e.g. river, road, and offices.
Lain-lain –termasuk tanaman lain dan kawasan tidak boleh ditanam seperti sungai, jalan raya dan pejabat.

Kumpulan mempunyai tanah simpanan seluas 446,656 hektar, di mana 390,234 hektar atau 87.4 peratus daripadanya terletak di Malaysia, sementara 56,422 hektar lagi terletak di Indonesia. Daripada keluasan tersebut, kira-kira 347,517.50 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit dan 12,372 hektar lagi meliputi ladang getah. Kira-kira 53 peratus daripada tanaman kelapa sawit yang diwarisi Kumpulan telah mencapai usia puncak kerana telah berusia lebih 20 tahun. Bagi memperbaiki profil usia dan meningkatkan hasil, Kumpulan menerima pakai strategi dua serampang dengan memfokus kepada program penanaman semula secara agresif 15,000 hektar setiap tahun dan mengambilalih tanah ladang *brownfield* di Malaysia dan juga di luar negara.

Kumpulan berhasrat untuk mencapai profil usia yang lebih menggalakkan iaitu 12 tahun menjelang tahun 2019. Bagi mencapai sasaran ini, Kumpulan telah melancarkan kadar penanaman semula secara optimum seluas 15,000 hektar bagi mengurangkan keluasan pokok kelapa sawit tua sebanyak lebih kurang 5 peratus setahun. Selepas mengatasi sasaran ini selama dua tahun berturut-turut, kemajuan pada tahun 2013 telah dihalang oleh banjir di mana hanya 14,494 hektar sahaja mampu ditanam semula.

Pada tahun ditinjau, satu langkah pengambilalihan utama telah diselesaikan manakala dua lagi dijangka selesai pada tahun 2014. Pada bulan Julai 2013, Kumpulan mengambilalih 21,037 hektar tanah simpanan *greenfield* dan *brownfield* di Kalimantan, Indonesia. Kira-kira 8,193 hektar akan ditanam dengan kelapa sawit, sementara 12,844 hektar lagi akan dibangunkan untuk tanaman getah. Oleh kerana strategi penanaman monokultur mendedahkan ia kepada risiko yang tidak boleh dilihat, rancangan yang diatur oleh Kumpulan bertujuan untuk menambah kawasan ladang getah kami kepada 30,000 hektar di rantau Asia Tenggara menjelang tahun 2020.

Kumpulan bertekad untuk mempercepatkan proses menambahbaik profil usia pokok kelapa sawitnya melalui pengambilalihan *brownfield*. Pada 1 Oktober 2013, Kumpulan telah menyelesaikan pengambilalihan Pontian United Plantations Bhd (PUP). Pengambilalihan PUP meliputi kawasan ladang seluas 15,161 hektar, sebahagian besarnya pokok kelapa sawit matang yang secara purata mampu mengeluarkan 22.77 tan metrik setiap hektar pada tahun 2013.

Perladangan melancarkan beberapa inisiatif meningkatkan produktiviti pada tahun ini. Ia meliputi pelaksanaan beberapa proses baharu dan menaik taraf dandang di kilang yang membawa kepada operasi kilang yang bertambah konsisten dan cekap. Bagi memastikan operasi yang mampan, sejumlah 19 kilang telah dilengkapkan dengan kemudahan pemampat Buah Tandan Kosong (BTK). Inisiatif ini bukan sahaja mesra alam, malah BTK yang dicincang boleh dijual dan diproses selanjutnya di dua kilang lain untuk dijadikan Fiber Panjang Kering.

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

DOWNSTREAM
HILIRAN

A higher sales volume of
Jualan lebih tinggi sebanyak

1.39 million tonnes
juta tan metrik

BUILDING A STRONGER PRESENCE

The Group's downstream cluster produces and sells a variety of products derived from the processing of palm oil, such as oils and fats, packed goods for consumers and the food services industry and oleochemicals.

MEMBINA KEHADIRAN YANG LEBIH TEGUH

Kelompok hiliran Kumpulan mengeluar dan menjual berbagai produk yang dijana daripada pemprosesan minyak sawit, misalnya minyak dan lelemak, barangan dalam bungkusan untuk pengguna dan industri perkhidmatan makanan serta oleokimia.

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

DOWNSTREAM
HILIRAN

For the year under review, the losses incurred by the downstream cluster further declined to RM42.6 million mainly due to lower margins achieved for refined, bleached and deodorised palm kernel oil and loss in the soybean and canola crushing operation in Canada. The Group's local vegetable oil refineries recorded an improved performance over the previous year by producing an operating margin of RM87 per tonne, though it still suffered a net negative margin of RM25 per tonne, a higher sales volume of 1.39 million tonnes was achieved by capitalising on low CPO prices to boost exports. The fatty acid business recorded a lower profit of RM44.6 million mainly because of a seasonal decline in sales volume and year-end inventory reductions. The Group's integrated soybean and canola crushing and refining operations in Canada recorded a loss of RM101.89 million due mainly to lower tolling fees from Bunge ETGO, a joint-venture between the Group's TRT-ETGO and Bunge Limited. Our Canadian operations were also adversely impacted by deep freeze conditions in North America in the month of December 2013, which resulted in the cancellation of a delivery contract. With the termination of our joint venture with Bunge ETGO effective 1 September 2013, TRT-ETGO has derived revenue from the commercial operations of the business instead of tolling fees.

During the year, the Group continued to enhance its downstream capabilities and presence as a strategic move to enhance the value of its upstream products. We are constantly on the look-out for value-added deals that will support the future growth of the Group. Thus, on 9 October 2013, the Group acquired the assets of Mission Biotechnologies Sdn Bhd, which include a 100,000 tonnes per annum biodiesel refinery in Kuantan, Pahang. In another joint-venture undertaking, this time with Lipid Venture Sdn Bhd, a plant will be established in Kuantan to produce tocotrienol (Vitamin E) from refined bleached palm oil. This venture is targeted to commence operations towards the end of 2015.

The Group has also teamed up with the United Kingdom-based Cambridge Nanosystems Limited (CNL) to pioneer and produce High Grade Carbon Nanotubes (CNT) and Graphene from by-products of crude palm oil and other hydrocarbons. CNT and Graphene have potential usage for the next generation communication cables for use in the aviation, oil and gas, electricity and nuclear power industries, among others. This collaboration marks a significant step in the Group's on-going efforts to diversify into non-food and high value products.

The Group has also plans to carve out a larger presence in Cambodia, not only in the upstream but also the downstream sector of the plantation industry. We have opened an operations office in Phnom Penh, following an agreement signed with a local partner to market a range of 50 quality products produced by our subsidiary company, Delima Oil Products Sdn Bhd (DOP). Our goal is to secure 30 percent of the Cambodian market within the next three years. DOP is already a household name in Malaysia and its products are widely distributed in Myanmar, Cambodia, Philippines, Laos and Vietnam. Its marketing strategy is to focus on developing products with higher margins and during the year, it has expanded its product offerings with the launch of a new range of non-food items such as bath soaps and shower creams.

Pada tahun yang ditinjau, kerugian yang ditanggung oleh kelompok hiliran susut lagi kepada RM42.6 juta disebabkan terutamanya oleh margin yang rendah dicapai oleh minyak isirung sawit bertapis, luntur dan nyahbau serta kerugian dalam operasi penghancuran kacang soya dan kanola di Kanada. Penapis minyak sayuran tempatan Kumpulan pula merekodkan prestasi yang bertambah baik berbanding pada tahun sebelumnya. Ia mengeluarkan margin operasi sebanyak RM87 setiap tan metrik, walaupun ia masih menanggung margin negatif bersih sebanyak RM25 setiap tan metrik, namun jumlah jualan lebih tinggi sebanyak 1.39 juta tan metrik dicapai dengan memanfaatkan harga MSM yang rendah bagi mempertingkatkan eksport. Perniagaan asid lelemak mencatatkan pengurangan keuntungan sebanyak RM44.6 juta disebabkan oleh kemerosotan jumlah jualan yang bermusim dan pengurangan inventori hujung tahun. Operasi penghancuran dan penapisan kacang soya serta kanola di Kanada mencatatkan kerugian sebanyak RM101.89 juta disebabkan oleh yuran pengetolan yang rendah daripada Bunge ETGO, sebuah syarikat usahasama antara TRT-ETGO milik Kumpulan dan Bunge Limited. Operasi kami di Kanada juga mendapat impak yang teruk daripada cuaca dingin yang melampau di Amerika Utara pada bulan Disember 2013 yang mengakibatkan pembatalan sebuah kontrak penghantaran. Penamatan usahasama kami dengan Bunge ETGO mulai 1 September 2013, menyebabkan TRT-ETGO memperoleh hasil daripada operasi komersial perniagaan tersebut dan bukan lagi daripada yuran pengetolan.

Pada tahun ini, Kumpulan meneruskan usaha mempertingkatkan keupayaan dan perniagaan hilirannya sebagai satu langkah strategik untuk melonjakkan nilai produk huluannya. Kami sentiasa mencari perniagaan tambah nilai yang akan menyokong pertumbuhan masa depan Kumpulan. Justeru, pada 9 Oktober 2013, Kumpulan telah mengambilalih aset Mission Biotechnologies Sdn Bhd yang meliputi kilang penapisan biodiesel 100,000 tan metrik setahun, di Kuantan, Pahang. Dalam sebuah lagi usahasama, iaitu dengan Lipid Venture Sdn Bhd, sebuah kilang akan didirikan di Kuantan untuk mengeluarkan tokotrienol (Vitamin E) daripada minyak sawit luntur bertapis. Usahaniaga ini dijadual akan memulakan operasi menjelang penghujung tahun 2015.

Kumpulan juga telah berganding bahu dengan Cambridge Nanosystems Limited (CNL) yang berpangkalan di United Kingdom untuk merintis dan mengeluar Tiub Nano Karbon (CNT) dan Grafin Bergred Tinggi daripada produk sampingan minyak sawit mentah dan hidro karbon lain. CNT dan Grafin berpotensi untuk digunakan sebagai kabel komunikasi generasi akan datang, antara lain untuk digunakan dalam industri penerbangan, minyak dan gas, elektrik dan tenaga nuklear. Permuafakatan ini menggambarkan satu langkah penting dalam usaha berterusan Kumpulan untuk mempelbagai ke dalam produk bukan makanan dan bernilai tinggi.

Kumpulan juga mempunyai rancangan untuk mewujudkan kehadiran yang lebih besar di Kemboja, bukan sahaja di sektor huluan, malah hiliran dalam industri perladangan. Kami telah membuka sebuah pejabat operasi di Phnom Penh berikutan perjanjian yang ditandatangani dengan seorang rakan kongsi bagi memasarkan rangkaian 50 produk berkualiti yang dikeluarkan oleh anak syarikat kami, Delima Oil Products Sdn Bhd (DOP). Kami bertekad untuk menguasai 30 peratus pasaran Kemboja dalam tempoh tiga tahun akan datang. DOP sudah menjadi sebuah jenama isi rumah di Malaysia dan produknya diedarkan secara meluas di Mynmar, Kemboja, Filipina, Laos dan Vietnam. Strategi pemasarannya memfokus kepada usaha membangunkan produk yang mempunyai margin lebih tinggi dan pada tahun ini, ia telah meluaskan tawaran produknya dengan pelancaran item bukan makanan yang baharu seperti sabun mandi dan krim mandian.

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SUGAR
GULA

Profit Before Tax
Keuntungan Sebelum Cukai

RM387.2
million/juta
+ 25.9%

A STELLAR YEAR

In almost all respects, 2013 was a commendable year for the Group's Sugar Cluster where our listed subsidiary, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) is part of. Despite global competition and volatility in raw sugar prices, pre-tax profit of the cluster soared 25.9 percent to RM387.2 million from RM312.6 million in 2012 on the back of RM2.2 billion of revenue.

TAHUN YANG GEMILANG

Dari hampir segenap aspek, tahun 2013 merupakan satu tahun yang cemerlang bagi Kelompok Gula yang dikendalikan oleh anak syarikat senarai awam kami, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM). Walaupun berdepan dengan persaingan global dan harga gula mentah yang tidak menentu, keuntungan sebelum cukai kelompok ini melonjak sebanyak 25.9 peratus kepada RM387.2 juta berbanding RM312.6 juta yang dicapai pada tahun 2012, daripada hasil sebanyak RM2.2 bilion.

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SUGAR
GULA

The total production of refined sugar rose 4.2 percent to 938,203 tonnes, representing 57 percent of Malaysia's entire production of granulated sugar. Total sales volume increased by 1.6 percent to 952,740 tonnes, of which 76.6 percent was sold locally with the remainder exported, mainly to the Asia Pacific region. MSM's export growth is supported by the many quality certifications it has earned from internationally recognised bodies such as SIRIM and ISO. In 2013, MSM was awarded FSSC : 2200 (Food Safety System Certification) as a globally accepted assurance that international food safety standards are adhered to within the production process.

In laying the foundations for a new phase of growth, a sum of RM85 million has been allocated for various infrastructure and facility enhancement projects. The production capacities of its refineries in Prai, Penang and in Chuping, Perlis have increased to 87 percent and 95 percent respectively. This will see the annual production capacity of these two refineries increasing to 1.2 million tonnes by the end of 2014, making the Group one of Asia's top five suppliers of refined sugar. Other improvement initiatives include the upgrading of processes and the expansion of various facilities and the rationalisation of MSM's distribution channels. An Enterprise Resource Planning (ERP) initiative was rolled out in 2013 to enhance resource management and equip our human resources with the relevant technical and managerial skills essential to propel the business to the next level.

Looking beyond organic growth, MSM is planning a vigorous programme of strategic acquisitions, mergers and joint-ventures to grow its business. From its position of strength in the sugar refining business and exploiting the synergies of belonging to the FGV Group, MSM has plans to expand its business to cover the entire supply chain. Upstream, a feasibility study has been conducted to determine the viability of establishing sugar plantations in the ASEAN region, particularly in Myanmar where margins are higher. We are also looking at various options to expand downstream either through acquisitions or in joint-ventures with prospective foreign sugar producers in ASEAN as well as Brazil.

Moving forward, the prospects for the Sugar Cluster remain bright. Global demand is set to grow by between 25 percent and 27 percent over the next five years, driven by increasing consumption in Africa and Asia.

Jumlah pengeluaran gula halus meningkat sebanyak 4.2 peratus kepada 938,203 tan, mewakili 57 peratus daripada pengeluaran keseluruhan gula pasir Malaysia. Jumlah jualan meningkat sebanyak 1.6 peratus kepada 952,740 tan, di mana 76.6 peratus dijual di dalam negara, sementara selebihnya dieksport terutamanya ke rantau Asia Pasifik. Pertumbuhan eksport MSM disokong oleh beberapa pensijilan kualiti yang diperoleh daripada badan-badan diiktiraf di peringkat antarabangsa seperti SIRIM dan ISO. Pada tahun 2013, MSM telah diberi FSSC : 2200 (Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan) sebagai sebuah jaminan yang diterima di seluruh dunia bahawa piawaian keselamatan makanan antarabangsa dipatuhi dalam proses pengeluaran.

Untuk mewujudkan asas yang merintis fasa pertumbuhan baharu, RM85 juta telah diperuntukan bagi melaksanakan pelbagai projek peningkatan infrastruktur dan kemudahan. Keupayaan pengeluaran kilang penapisannya di Prai, Pulau Pinang telah dipertingkatkan kepada 87 peratus, sementara kilang di Chuping, Perlis pula kepada 95 peratus. Ini membolehkan kapasiti pengeluaran tahunan kedua-dua kilang ini meningkat kepada 1.2 juta tan menjelang akhir tahun 2014, menjadikan Kumpulan salah sebuah daripada pembekal gula halus lima teratas di Asia. Inisiatif penambahbaikan lain yang dilaksanakan termasuk menaik taraf pelbagai proses dan peluasan pelbagai kemudahan serta rasionalisasi saluran pengedaran MSM. Inisiatif Perancangan Sumber Perniagaan (ERP) juga dilancarkan pada tahun 2013 untuk mempertingkatkan pengurusan sumber dan melengkapkan sumber manusia kami dengan kemahiran teknikal dan pengurusan berkaitan yang diperlukan bagi melonjakkan perniagaan ini ke tahap seterusnya.

Selain pertumbuhan organik, MSM sedang merancang satu program pengambilalihan, penggabungan dan usahasama strategik secara agresif untuk mengembangkan perniagaannya. Berteraskan kedudukannya yang teguh dalam perniagaan penapisan gula dan mengeksploitasi sinergi milik Kumpulan FGV, MSM merancang untuk meluaskan perniagaannya untuk meliputi seluruh rantaian bekalan. Di peringkat huluan, satu kajian daya laksana telah dijalankan bagi menentukan daya maju bagi mewujudkan perladangan tebu di rantau ASEAN, terutamanya di Myanmar di mana margin adalah lebih tinggi. Kami juga sedang meninjau beberapa pilihan lain untuk meluaskan operasi hiliran yang ada menerusi pengambilalihan atau usahasama dengan pengeluar gula luar negara di ASEAN dan juga di Brazil.

Sebagai langkah ke depan, prospek bagi Kelompok Gula kekal cerah. Permintaan global bakal berkembang antara 25 peratus hingga 27 peratus sepanjang tempoh lima tahun akan datang, didorong oleh peningkatan penggunaan di Afrika dan Asia.

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

RESEARCH & DEVELOPMENT (R&D) AND MANUFACTURING, LOGISTICS AND OTHERS (MLO)

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D) DAN PEMBUATAN, LOGISTIK DAN LAIN-LAIN (MLO)

Profit
Keuntungan
RM186.8
million/juta

HARNESSING DIVERSE STRENGTHS

The Group's diverse R&D and MLO Cluster consist of companies engaged in variety of activities, which include the R&D, production of fertilisers, bulking facilities and logistics services. These companies act as the 'core-enablers', representing a combination of internal strengths to support and complement FGV's core activities.

MEMANFAATKAN PELBAGAI KETEGUHAN

Kepelbagaian kelompok R&D dan MLO Kumpulan meliputi syarikat-syarikat yang terlibat dalam pelbagai kegiatan yang merangkumi R&D, pengeluaran baja, kemudahan pukal serta perkhidmatan logistik. Syarikat-syarikat ini berperanan sebagai penggerak teras, yang merupakan kombinasi keteguhan dalaman untuk menyokong dan melengkapkan kegiatan teras FGV.

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

RESEARCH & DEVELOPMENT (R&D), MANUFACTURING, LOGISTICS AND OTHERS (MLO)
PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN, PEMBUATAN, LOGISTIK DAN LAIN-LAIN

This includes, the most advanced vegetable oil terminals in major ports of Malaysia and ranked as the largest bulking edible oil facilities in the world. In addition, we are also engaged into production of fertilisers of which we are the market leader in producing and distributing more than 500,000 tonnes of high quality fertilisers per annum. We are also embarking on the fertiliser expansion mode by adding a new fertiliser plant in Kuantan Port, Pahang with an additional capacity of approximately 300,000 tonnes per annum, expected commissioning by Q3 2014.

Other MLO companies engage in provision of security services, travel and hospitality, engineering, project management and property development as well as Information and Communication Technology (ICT) services.

For 2013, R&D and MLO posted a profit of RM186.8 million, compared to RM343.3 million achieved by the previous year. The 45.6 percent decline was attributed primarily due to decrease in R&D income and lower fertiliser margins due to lower average selling price and lower sales volume.

R&D and MLO's financial performance is a reflection of the challenging environment in 2013. In a very competitive market, R&D and MLO's performance was impacted by fluctuations in the prices of raw materials, underpinned by lower and volatility of the CPO prices, unpredictable weather condition, increase in electricity tariff rates and diesel prices coupled with the weakening Ringgit against the US Dollar.

Moving forward, R&D and MLO has identified a raft of revenue and cost initiatives to improve its performance for the coming financial year. Greater efforts will be channelled to expand its fertiliser market base, targeting private and government-linked companies (GLCs) operating plantations in Malaysia, expanding export sales to the ASEAN region, adopting a direct sales approach to FELDA second generations of settlers and stepping up sales to Malaysian-owned plantations operating overseas. In transportation services, MLO will focus on external high-value sectors such as oil and gas, defence and security, energy and utilities, automotive and manufacturing, to cite a few examples.

Among cost initiatives, MLO will be establishing partnerships with local fertiliser companies to achieve greater economies of scale. It will also explore new sources of raw materials from suppliers in the Middle East, Pakistan and Vietnam. MLO is also planning to implement a more comprehensive ICT support system that will contribute towards overall cost control.

Ini meliputi terminal minyak sayuran termaju di pelabuhan utama di Malaysia dan merupakan antara kemudahan pukal minyak boleh dimakan terbesar di dunia. Selain itu, kami turut terlibat dalam aktiviti pengeluaran baja dan merupakan pengeluar terbesar di pasaran dalam pengeluaran dan pengedaran lebih 500,000 tan metrik baja berkualiti tinggi dalam setahun. Kami juga mula mengembangkan operasi baja dengan menambah loji baja yang baharu di Pelabuhan Kuantan, Pahang dengan anggaran kapasiti tambahan sebanyak 300,000 tan metrik setahun, yang dijangka akan mula beroperasi pada S3 2014.

Syarikat MLO lain terlibat dalam aktiviti penyediaan perkhidmatan kawalan keselamatan, pelancongan dan perhotelan, pengurusan projek dan pembangunan hartanah serta Teknologi maklumat dan Komunikasi (ICT).

Bagi tahun 2013, R&D dan MLO merakamkan keuntungan sebanyak RM186.8 juta berbanding RM343.3 juta yang dicapai tahun sebelumnya. Penurunan 45 peratus ini disebabkan oleh penyusutan pendapatan R&D dan margin baja yang lebih rendah kerana harga jualan purata serta jumlah jualan yang rendah.

Prestasi kewangan R&D dan MLO adalah gambaran kepada keadaan yang mencabar pada 2013. Dalam pasaran yang sangat kompetitif, prestasi R&D dan MLO dijejaskan oleh turun naik harga bahan mentah, harga MSM yang rendah dan tidak menentu, keadaan cuaca yang sukar diramal, peningkatan kadar tarif elektrik dan harga diesel serta kelemahan nilai Ringgit berbanding Dolar AS.

Melangkah ke hadapan, R&D dan MLO telah mengenal pasti beberapa hasil dan inisiatif penjimatan untuk mempertingkatkan prestasinya pada tahun kewangan akan datang. Usaha yang lebih besar akan disalurkan ke arah mengembangkan asas pasaran bajanya, menyasarkan kepada syarikat persendirian dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) perladangan di Malaysia, meningkatkan jualan eksportnya ke negara di rantau ASEAN, menggunakan pendekatan langsung kepada generasi kedua peneroka FELDA dan menggiatkan usaha penjualan kepada syarikat perladangan milik Malaysia yang beroperasi di luar negera. Dalam perkhidmatan pengangkutan, MLO akan memberi fokus terhadap sektor luar yang bernilai tinggi seperti minyak dan gas, pertahanan dan keselamatan, tenaga dan utiliti, automotif dan perkilangan.

Antara inisiatif dari segi kos, MLO akan mengukuhkan perkongsian dengan syarikat baja tempatan untuk mencapai skala ekonomi yang lebih besar. Ia juga akan menerokai sumber-sumber bahan mentah yang baharu daripada para pembekal di Timur Tengah, Pakistan dan Vietnam. MLO turut merancang untuk melaksanakan sistem sokongan IT lebih komprehensif yang akan menyumbang kepada langkah pengawalan kos secara keseluruhan.

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

ACCELERATING IMPROVEMENTS

The ultimate challenge now lies before us – to focus all our energies on realising the aspirations of our Global Strategic Blueprint. If the Group is to be among the top 10 global players over the next seven years and grow its business eight-fold, it needs to be more aggressive and accelerate improvements. As we move into 2014, we have mapped out a clear strategy to meet the targets we want to achieve on a year-to-year basis.

CEO's priority. Under the Performance Excellence Programme we are reshaping the Group by focusing on Operational Improvement, High Performance and Portfolio Optimisation. My own priority areas will be those that have the greatest impact on the Group's business performance, namely budgetary discipline, upstream cost management and productivity, growth through mergers and acquisitions, development of trading and country strategies and the introduction of a matrix-based organisation structure to drive efficiency and productivity. With a myriad of transformation projects simultaneously underway, scorecards will help to keep tabs on performance metrics and these will be cascaded to the respective leadership teams.

The Group has also revived the Transformation Management Office (TMO), whose principal role is to drive results by tracking progress against pre-set targets and outcomes. TMO will also be working closely with business and initiative owners to solve critical issues and provide support where corrective actions are required.

Operational improvements. On the operational front, we are looking into several key areas that have a significant impact on profitability. In upstream cost management, we are adopting best management practices, establishing estate-level scorecards, enhancing grading capabilities and optimising our extensive mill network. Other areas would include our trading, procurement and pricing strategies and maximising the potential of our R&D capabilities.

High performance. In our on-going transformation into a high performance organisation (HPO), we strive to inculcate a culture whereby key performance indicators (KPIs) become ingrained as a way of life in the workplace. More than ever before, we need a tighter grip on budgetary discipline linked to KPIs and other leading indicators aligned to the Group's vision and direction. At regular intervals, the Group's performance has to be benchmarked not only against its peer sets but the best in class to achieve a distinct competitive advantage. To drive a high performance culture, a matrix-based organisation structure will also be introduced, which unlike a traditional functional hierarchy, allows employees to move beyond the dotted lines, working across functions and products structures.

People drive the organisation and the Group's ability to be a HPO depends on the knowledge, capabilities and commitment of its human capital. We want to brand FGV as an employer of choice to attract and retain the best talents the market has to offer. Besides improving the recruitment process, we are also fine-tuning the Group's Performance Management System that will link rewards to performance. Another human resource initiative is our Talent Management Programme, the objective being to identify the top talents at mid-level and leadership tiers to ensure a talent pipeline to assume open positions.

Portfolio optimisation. Greater emphasis will be placed on managing our portfolio of assets. The Group's priority building blocks include the pursuit of growth through mergers and acquisitions. Our approach is to pursue opportunistic deals in high margin and high growth businesses. Geographical expansion remains a critical aspect of our growth strategy. Go to market country strategies are being developed so that the Group can deliver its unique value proposition to its target markets, such as Myanmar, Cambodia, Indonesia and other South East Asian nations.

To get the most of our existing assets, we are identifying new markets to maximise productivity. Non-performing assets will be turned around, while certain non-core assets that are no longer a strategic fit to the Group's evolving business model will be hived off. At the same time, we are establishing new profit centres and developing new revenue streams.

MEMPERCEPATKAN PENAMBAHBAIKAN

Cabaran terbesar di hadapan kami adalah untuk menumpukan seluruh tenaga untuk merealisasi aspirasi Pelan Induk Strategik Global kami. Jika Kumpulan ingin menempatkan diri dalam kalangan 10 syarikat terbaik global dalam tempoh tujuh tahun akan datang dan mengembangkan perniagaannya lapan kali ganda, ia perlu menjadi lebih agresif dan mempercepatkan penambahbaikannya. Ketika kita melangkah masuk ke tahun 2014, kami telah merangka dengan jelas strategi untuk mencapai sasaran yang kami tetapkan dari tahun ke tahun.

Kepentingan CEO. Di bawah Program Kecemerlangan Prestasi kami sedang membentuk semula Kumpulan dengan memberi fokus terhadap Penambahbaikan Operasi, Prestasi Tinggi dan Pengoptimuman Portfolio. Bidang kepentingan saya sendiri adalah bidang yang memberi kesan paling ketara terhadap prestasi perniagaan Kumpulan, iaitu, disiplin belanjawan, pengurusan kos huluan dan produktiviti, pertumbuhan melalui penggabungan dan pengambilalihan, pembangunan perdagangan dan strategi negara dan pengenalan struktur organisasi berasaskan matriks bagi mendorong kecekapan dan produktiviti. Melalui pelbagai projek transformasi yang dijalankan serentak, kad skor akan membantu memanfaatkan peluang peningkatan prestasi dan ini akan diserapkan ke dalam setiap pasukan kepimpinan.

Kumpulan juga telah memberi nafas baharu kepada Pejabat Pengurusan Transformasi (TMO) yang mana peranan utamanya adalah untuk meningkatkan keputusan dengan menjejaki kemajuan berbanding sasaran awal dan hasil. TMO juga akan bekerjasama erat dengan pemilik perniagaan dan penggerak inisiatif bagi menyelesaikan isu-isu kritikal dan menyediakan sokongan kepada bidang yang memerlukan tindakan pembetulan.

Penambahbaikan Operasi. Dari sudut operasi, kami meneliti beberapa bidang utama yang mempunyai impak besar terhadap keuntungan. Dalam pengurusan kos huluan, kami menerima pakai amalan pengurusan terbaik, mewujudkan kad skor peringkat ladang, mempertingkatkan kemampuan penggredan dan mengoptimumkan rangkaian kilang kami yang luas. Bidang lain turut meliputi perdagangan, strategi pemerolehan dan penentuan harga dan memaksimumkan potensi keupayaan R&D kami.

Prestasi tinggi. Dalam proses transformasi kami yang berterusan untuk menjadi organisasi berprestasi tinggi (HPO), kami berusaha menyemai budaya di mana petunjuk prestasi utama (KPI) menjadi juzuk penting sebagai gaya hidup di tempat kerja. Kami perlu memperketatkan disiplin bajet yang berkaitan dengan KPI dan petunjuk utama lain yang sejajar dengan wawasan dan halatuju Kumpulan. Pada tempoh masa yang tetap, prestasi Kumpulan perlu diukur bukan sahaja berbanding syarikat setara lain dengannya tetapi dibandingkan dengan yang terbaik di dalam kelasnya untuk mencapai kelebihan daya saingan. Untuk mendorong budaya prestasi tinggi, struktur organisasi berasaskan matriks juga akan diperkenalkan, yang berbeza daripada hierarki fungsi lazim, yang membenarkan kakitangan keluar daripada zon biasa mereka, bekerja di luar fungsi dan struktur produk.

Modal insanlah yang mendorong organisasi dan keupayaan Kumpulan untuk menjadi sebuah HPO bergantung kepada pengetahuan, kemampuan dan komitmen modal insannya. Kami ingin menjenamakan FGV sebagai majikan pilihan untuk menarik dan mengekalkan bakat terbaik yang ada di pasaran. Di samping menambahbaik proses pengambilan, kami juga sedang memperhalusi Sistem Pengurusan Prestasi Kupulan yang akan menghubungkan ganjaran dengan prestasi. Inisiatif modal insan yang lain adalah Program Pengurusan Bakat kami yang bermatlamat untuk mengenalpasti bakat terbaik di peringkat pertengahan dan pemimpin bagi memastikan bakat yang terbaik menyandang jawatan tertentu.

Mengoptimumkan portfolio. Penekanan yang lebih besar akan diberi untuk menguruskan portfolio aset kami. Kumpulan memberi keutamaan kepada usaha untuk membina keteguhan termasuk berusaha mencapai pertumbuhan melalui penggabungan dan pengambilalihan. Pendekatan kami adalah mengambil kesempatan terbaik daripada perjanjian dalam perniagaan bermargin tinggi dan berpertumbuhan tinggi. Pengembangan dari segi geografi terus menjadi aspek penting dalam strategi pertumbuhan kami. Strategi mengikut pasaran negara sedang dibangunkan untuk membolehkan Kumpulan menyampaikan keunikan nilai perniagaannya kepada pasaran sasarannya, seperti Myanmar, Kemboja, Indonesia dan lain-lain negara di Asia Tenggara.

Bagi mendapat manfaat terbaik daripada aset sedia ada, kami sedang mengenalpasti beberapa pasaran baharu untuk memaksimumkan produktiviti. Aset tidak berprestasi akan dipulihkan, sementara aset bukan teras tertentu yang tidak lagi strategik kepada model perniagaan Kumpulan akan dilupuskan. Pada masa yang sama, kami sedang mewujudkan pusat keuntungan baharu dan memajukan aliran hasil yang baharu.

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Total Quality Management. As part of our branding exercise, we want FGV's name to be synonymous with quality. Under our Total Quality Management framework, we have embarked on a group-wide effort to attain International Standard Organisation (ISO). Within the Group, we have adopted an integrated management system accreditation called Quality of Health, Safety and Environment System (QOSHE), which combines all related components of existing certifications such as ISO 9001, ISO 14001 and OHSAS 18001.

In parallel we are also earning certification to other schemes specific to the palm oil industry. The foremost is the Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO), which is the main certification standard for the use of palm oil and its fractions in food and oleo-chemicals. Another one is the International Sustainability and Carbon Certification Scheme (ISCC) that ensures the palm oil used as feedstock for biofuels is truly sustainable. The Malaysian Palm Oil Board (MPOB) has also established its own Codes of Practice (CoP) as a certification scheme for food safety, quality assurance and sustainability along the oil palm supply chain. The CoP is a precursor to the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) palm oil certification standard that will be launched in early 2014.

To date, 99 percent of the 71 mills operated by Felda Palm Industries Sdn Bhd have earned accreditation to QOSHE. The Group's newly-acquired Pontian United Plantation QOSHE programme is underway and expects to be certified by mid-2014.

The Group has a time-bound plan for all relevant complexes and facilities to be RSPO certified within a time frame of 2009-2017. As at year-end 2013, a total of 17 complexes have been RSPO certified, while another 10 have already completed the audit process for review by RSPO before certification is granted. 12 more complexes have been targeted to undergo the RSPO certification process in 2014, with another 12 earmarked for 2015 and 10 more in 2017.

In the group-wide effort to promote ISCC as an operational excellence tool, 15 complexes have earned accreditation to ISCC. The year in review also saw a total of 12 mills, 33 estates and five nurseries certified with MPOB's CoP. In the downstream cluster, three kernel crushing plants and FGV Biotechnologies have been certified with ISCC. This process is still underway in other plants and facilities identified for certification.

Pengurusan Kualiti Menyeluruh. Sebagai sebahagian daripada langkah penjenamaan, kami ingin nama FGV sinonim dengan kualiti. Di bawah rangka kerja Pengurusan Kualiti Menyeluruh, kami telah memulakan usaha di seluruh kumpulan untuk memperoleh akreditasi daripada pelbagai skim pensijilan kualiti, seperti daripada kelompok International Standard Organisation (ISO). Di dalam Kumpulan kami telah menerima pakai system pengurusan bersepadu yang dikenali sebagai Sistem Kualiti Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (QOSHE), yang menggabungkan semua komponen berkaitan pensijilan sedia ada seperti ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001.

Sejajar dengan itu, kami juga memperoleh pensijilan daripada skim-skim lain yang khusus untuk industri kelapa sawit, terutamanya akreditasi Rundingan Meja Bulat Kemampanan Minyak Sawit (RSPO) yang merupakan standard pensijilan utama bagi kegunaan industri kelapa sawit dan bahagiannya dalam industri makanan dan oleokimia. Pensijilan lain adalah *International Sustainability and Carbon Certification Scheme (ISCC)* yang memastikan minyak sawit yang digunakan sebagai bahan bagi bahan api bio benar-benar lestari. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga menggariskan Kod Amalannya (CoP) sendiri, sebagai skim pensijilan bagi keselamatan makanan, jaminan kualiti dan kemampanan di seluruh rantaian bekalan kelapa sawit. CoP ini menjadi tonggak kepada Kelapa Sawit Mampan Malaysia (MSPO) iaitu piawaian pensijilan kelapa sawit yang akan dilancarkan pada awal tahun 2014.

Sehingga kini, 99 peratus daripada 71 kilang kendalian Felda Palm Industries Sdn Bhd telah memperoleh akreditasi QOSHE. Program QOSHE bagi Pontian United Plantation yang baru sahaja diambilalih oleh Kumpulan sedang dalam pelaksanaan dan dijangka akan mendapat pensijilan menjelang pertengahan tahun 2014.

Kumpulan menetapkan sasaran masa bagi semua kompleks dan kemudahannya untuk memperoleh pensijilan RSPO dalam rangka masa dari 2009 – 2017. Pada akhir tahun 2013, sebanyak 17 kompleks telah dianugerahi sijil RSPO, sementara 10 yang lain telah menyiapkan proses audit untuk kajian oleh RSPO sebelum pensijilan diberi. 12 kompleks lain disasar untuk menjalani proses pensijilan RSPO pada 2014, dengan 12 yang lain ditetapkan pada 2015 dan 10 buah pada 2017.

Dalam usaha di seluruh Kumpulan untuk memperkenalkan ISCC sebagai alat kecemerlangan operasi, 15 buah kompleks telah menerima pensijilan ISCC. Pada tahun yang ditinjau ini juga menyaksikan sebanyak 12 buah kilang, 33 ladang dan lima tapak semaian diberi pensijilan CoP MPOB. Dalam kelompok hiliran, tiga buah kilang penghancur isirung dan FGV Biotechnologies telah diberi pensijilan ISCC. Proses ini masih berterusan di kilang dan kemudahan lain yang telah dikenalpasti untuk pensijilan.


PRESS NO. 6

CEO'S REVIEW
ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

The Group's commitment to quality excellence is also reflected in the various certifications earned by MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM). Apart from quality management certifications from SIRIM and ISO, MSM's products are certified halal and kosher. MSM is also accredited to the Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) system, which is the universally recognised and accepted method for food safety assurance. In 2013, MSM was awarded the Food Safety System Certification (FSSC:2200) in recognition that stringent food safety standards are adhered to within the production process.

Research and Development. There is no question that FGV's competitive edge includes its significant research and development (R&D) capabilities. Through Felda Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB), the Group is an industry leader in various R&D capabilities. Backed by over 40 years of R&D experience, we produce award winning oil palm planting materials cementing our position as the top seed producer in the country. Annually, FASSB produces about 60 million oil palm seeds and about one million ramets (clonal materials). Our Felda Yangambi brand has captured 35 percent of the planting material market. Besides the traditional breeding method, FSSB leverages on tissue culture at its facility in Nilai, Negeri Sembilan. Its plan to introduce a new hybrid planting material which involves a three-way cross of elite materials. Other scientific breakthrough includes a gene marker for Ganoderma, a basal rot disease affecting oil palm trees. FASSB also supports the Group's downstream processes through formulation enhancement and product development.

Execution enablers. In charting our strategy to accelerate improvements, we have also identified key execution enablers such as communications, management discipline, governance quality, IT-enabled decision making, finance systems and planning and the introduction of change management programmes among others. In fostering transformational growth, an effective communications strategy is essential to engage effectively with stakeholders, both internal and external. Employee communications will be enhanced group-wide to win the buy-in and support of staff on the many transformation projects and organisation changes that will be occurring simultaneously.

ACKNOWLEDGEMENTS

It goes without saying that the way to success is through our employees and it has been my privilege to work with a great team. Our people are the ultimate source of competitive advantage and in these challenging times, our management and staff must be commended for their professionalism, adaptability and dedication. I thank all of you.

Unquestionably that we have our work cut out for us. We are aware of the challenges ahead, but we need to look upon these challenges as an opportunity – an opportunity to break away from traditional structures that have out-lived its usefulness, embrace a more commercially-driven approach that is more in sync with today's dynamic business environment, develop innovative products and services, expand our global foot-print and not least of all, an opportunity to create further value for our shareholders.

These challenges will undoubtedly push the boundaries of our capabilities, especially those of our human capital who will play a pivotal role in shaping our corporate destiny. However, I am confident that these very challenges will drive our people forward, working closely as a team and creating innovative synergies in pursuit of a brighter future.

FGV is definitely on the cusp of a new and brighter future. Our people have an important role to play in what could well be the making of one of corporate Malaysia's greatest success stories. We owe that to the original settlers who brought us to where we are today. Most of all, we owe it to ourselves.

Thank you.

MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH
Group President Chief Executive Officer

Komitmen Kumpulan terhadap kecemerlangan kualiti ditampilkan dalam pelbagai pensijilan yang dicapai oleh MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM). Selain daripada pensijilan pengurusan kualiti daripada SIRIM dan ISO, produk MSM turut diberi persijilan halal dan kosher. MSM juga diakreditasi kepada sistem *Hazard Analysis and Critiical Control Point (HACCP)*, yang mana kaedah jaminan keselamatan makanannya diiktiraf dan diterima di peringkat antarabangsa. Pada 2013, MSM telah dianugerahi Pensiijilan Sistem Keselamatan Makanan (Food Safety System Certification FSCC: 2200) sebagai pengiktirafan terhadap piawaian keselamatan makanannya yang ketat dalam proses pengeluaran.

Penyelidikan dan Pembangunan. Tidak perlu dipersoalkan lagi bahawa kelebihan daya saingan FGV terletak pada keunggulan keupayaan penyelidikan dan pembangunannya (R&D). Melalui Felda Agriculture Services Sdn Bhd (FASSB), Kumpulan merupakan peneraju industri dalam pelbagai keupayaan R&D. Hasil sokongan pengalaman selama 40 tahun, kami menghasilkan bahan perladangan kelapa sawit yang memenangi anugerah untuk mengukuhkan kedudukan kami sebagai pengeluar unggul di negara ini. FASSB mengeluarkan kira-kira 60 juta biji benih kelapa sawit dan kira-kira satu juta ramet (bahan berklon) setiap tahun. Jenama Felda Yangambi kami menguasai 35 peratus daripada pasaran bahan penanaman. Di samping kaedah pembenihan tradisional, FASSB turut menafaatkan kultur tisu di kemudahan penyelidikannya di Nilai, Negeri Sembilan. Ia bercadang untuk memperkenalkan bahan penanaman hibrid baharu yang melibatkan gabungan tiga hala bahan elit. Selain daripada kejayaan saintifik termasuk dalam penanda gen bagi Ganoderma, penyakit akar basal bagi pokok kelapa sawit, FASSB juga menyokong proses hiliran Kumpulan melalui peningkatan formulasi dan pembangunan produk.

Pemboleh perlaksanaan. Dalam merangka strategi kami untuk mempercepatkan peningkatan, kami juga telah mengenalpasti pemboleh perlaksanaan utama antara lain seperti komunikasi, disiplin pengurusan, kualiti tadbir urus, proses membuat keputusan berasaskan IT, sistem kewangan dan perancangan serta pengenalan program pengurusan perubahan. Dalam memupuk pertumbuhan berciri transformasi, satu strategi komunikasi berkesan amat penting untuk melibatkan pemegang kepentingan, sama ada dalaman mahupun luaran. Komunikasi kakitangan akan dipertingkatkan di seluruh kumpulan untuk memenangi hati dan sokongan seluruh warga kerja berhubung pelbagai projek transformasi dan perubahan organisasi yang akan berlaku serentak.

PENGHARGAAN

Sememangnya diakui cara untuk mencapai kejayaan adalah melalui warga kerja kami dan saya berbesar hati kerana berkesempatan berkhidmat dengan pasukan yang hebat ini. Modal insan kami adalah sumber utama kelebihan daya saingan dan dalam waktu yang mencabar ini, pengurusan dan warga kerja kami patut dipuji atas sikap profesionalisme, kebolehan menyesuaikan diri dan dedikasi mereka. Saya mengucapkan terima kasih kepada anda sekalian.

Tidak syak lagi kita mampu mengharungi apa jua rintangan. Kita sedar cabaran getir menanti di hadapan, tetapi kita perlu melihat cabaran ini sebagai satu peluang – iaitu peluang untuk berubah daripada struktur tradisi yang semakin kurang berkesan, kepada pendekatan yang lebih berdorongan komersial sesuai dengan persekitaran dinamik perniagaan masa kini, membangunkan produk dan perkhidmatan yang inovatif, meluaskan liputan di peringkat antarabangsa dan tidak kurang pentingnya peluang untuk mencipta nilai seterusnya untuk para pemegang saham kami.

Cabaran ini pasti akan mempertingkatkan sempadan keupayaan kami, khususnya bagi modal insan yang akan memainkan peranan utama dalam membentuk halatuju masa depan korporat kami. Walau bagaimanapun, saya berasa yakin bahawa cabaran ini akan mendorong sumber manusia kami bergerak ke hadapan, berganding bahu sebagai sebuah pasukan dan mencipta sinergi inovatif bagi menikmati masa depan yang lebih gemilang.

FGV kini berada di ambang masa depan baharu yang lebih gemilang. Modal insan kami perlu memainkan peranan yang lebih besar dalam melakar kejayaan bersejarah bagi salah sebuah korporat yang terunggul di Malaysia. Kami terhutang budi kepada para peneroka asal yang telah membolehkan kami berada pada kedudukan sekarang. Namun, yang lebih utama kami juga merupakan sebahagian daripada kejayaan tersebut.

Terima Kasih.

MOHD EMIR MAVANI ABDULLAH
Presiden Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

EFFECTIVENESS
KEBERKESANAN
EFFICIENCY
KECEKAPAN

INNOVATIVELY CREATING DISTINCTIVE GROWTH

Through advanced technology, we have bettered our processes, ensuring we offer a wide spectrum of agricultural products, services and solutions; a differentiating factor that sets us apart in an environment of increasingly intense competition.

MENCIPTA PERTUMBUHAN TERSENDIRI SECARA INOVATIF

Kami berjaya mempertingkatkan pelbagai proses kami melalui kecanggihan teknologi, membolehkan kami menawarkan pelbagai rangkaian produk, perkhidmatan dan penyelesaian pertanian. Ini adalah faktor yang membezakan kami dalam persekitaran yang amat berdaya saing.

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV) AIMS FOR SUSTAINABLE DEVELOPMENT. THE GROUP'S BUSINESS STRATEGY IS TO DRIVE LONG-TERM CORPORATE GROWTH BY MANDATING THE INCLUSION OF SOCIAL AND ENVIRONMENTAL ISSUES IN ITS BUSINESS MODEL. WE DEMONSTRATE OUR COMMITMENT TOWARD CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) BY ADOPTING A HOLISTIC APPROACH BASED ON THE TRIPLE 'P' BOTTOMLINE OF PEOPLE, PLANET AND PROFIT.

IN AS MUCH AS MEETING THE EXPECTATIONS OF STAKEHOLDERS, WE ARE GUIDED BY OUR OWN MORAL COMPASS. WE NEED TO GO BEYOND PLATITUDES. OUR ACTIONS SPEAK MORE THAN WORDS.

FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV) BERMATLAMAT UNTUK MENCAPAI PEMBANGUNAN LESTARI. STRATEGI PERNIAGAAN KUMPULAN ADALAH UNTUK MENGHASILKAN PERTUMBUHAN KORPORAT JANGKA PANJANG DENGAN MEMBERI MANDAT MELALUI KEMASUKAN ISU-ISU SOSIAL DAN ALAM SEKITAR DI DALAM MODEL PERNIAGAANNYA. KAMI MENAMPILKAN KOMITMEN KAMI KE ARAH TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) DENGAN MENGGUNA PAKAI PENDEKATAN HOLISTIK BERDASARKAN KEPADA ASAS TIGA 'P' IAITU 'PEOPLE' (MANUSIA), 'PLANET' DAN 'PROFIT' (KEUNTUNGAN).

WALAUPUN BERUSAHA GIGIH UNTUK MEMENUHI HARAPAN MASYARAKAT, KAMI DIBIMBING OLEH KERANGKA ETIKA KAMI SENDIRI. KAMI PERLU PERGI LEBIH JAUH LAGI. TINDAKAN KAMI LEBIH BERMAKNA DARIPADA KATA-KATA.

PEOPLE

Community outreach programmes. We strive to make a positive contribution to the communities in which we operate and to leave behind a positive and enduring legacy. FGV contributes 2 percent of its net profit annually to the Felda Foundation (Yayasan Felda) and in FY 2013, the Group contributed RM19.6 million. Its philanthropic activities are focused on the following areas: providing quality education; providing access to kidney dialysis treatment; funding research and development projects as well as provision of welfare assistance.

The Felda Foundation also funds and operates four colleges to develop talents of Felda settlers' children. These colleges offer short courses and diploma programmes to equip them with marketable skills. In a globalised world where English is increasingly the lingua franca of international business, the Foundation's English Language Centre offers various English language course. The programme has also benefitted some of the settlers operating home-stay accommodation as an alternative to intrepid tourists.

MANUSIA

Program hubungan luar komuniti. Kami berusaha untuk memberi sumbangan positif kepada komuniti di mana kami beroperasi dan meninggalkan kesan yang positif dan berpanjangan. FGV menyumbang 2 peratus daripada keuntungan bersih tahunannya kepada Yayasan Felda dan pada TK 2013 sumbangan Kumpulan adalah sebanyak RM19.6 juta. Kegiatan bantuan amal difokus kepada bidang berikut: menyediakan pendidikan berkualiti, menyediakan akses kepada rawatan dialisis buah pinggang, pembiayaan penyelidikan dan projek pembangunan juga peruntukan bantuan kebajikan.

Yayasan Felda turut membiayai dan mengendalikan empat buah kolej bagi menggilap bakat anak-anak peneroka. Kolej tersebut menawarkan kursus sijil atau diploma untuk menyediakan kumpulan lepasan sekolah dengan kemahiran yang diperlukan untuk memasuki pasaran kerja. Dalam dunia yang semakin menjurus ke arah globalisasi di mana Bahasa Inggeris menjadi 'lingua franca' dunia perniagaan antarabangsa, Pusat Bahasa Inggeris Yayasan ini menawarkan kursus Bahasa Inggeris. Program tersebut juga memberi manfaat kepada peneroka-peneroka yang mengendalikan perniagaan inap desa sebagai penginapan alternatif kepada para pelancong.

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Since 1999, Felda Foundation has been operating a haemodialysis centre providing subsidised care to the lower income population. The Foundation has donated 50 dialysis machines to government hospitals, clinics and treatment centres operated by non-governmental organisations. In collaboration with the National Cancer Council Malaysia, the Foundation also operates a mobile clinic offering general health screening and breast cancer screening as a public service.

In the field of research and development, Felda Foundation has disbursed some 80 grants worth a total of RM14.75 million to sponsor a total of 32 research projects that benefits the industry and nation.

An employer of choice. FGV aspires to be an employer of choice. As a progressive and equal opportunity employer, we thrive on meritocracy, empowering women who make up 10 percent of the Group's management and rewarding individuals based on their knowledge, experience, capability and contributions to the Group. The management of health and safety of our employees remains a paramount concern and in 2013, we reviewed our Plantation Safety Manual to ensure compliance with the Malaysian Occupational Safety Standard (MS 1722). By 2017, our target is to have a qualified Plantation Safety Supervisor at all our estates.

An appropriately qualified workforce is vital to the ongoing success of our business and we remain attentive to their career needs. A wide range of technical, leadership development and capacity-building programmes has been designed for staff at all levels. Human Capital Development Group is responsible for the Group's internal training programmes in collaboration with UiTM and the Incorporated Society of Planters.

Several proactive measures have been initiated to ensure a qualified talent pool. Each year, fresh graduates and final year students are given the opportunity to undergo on-the-job training at our subsidiaries and associate companies. We have also developed a study-at-work ACCA/ CIMA/ ICAEW certification programme to groom a cadre of accounting professionals. In addition, FGV has established a scholarship to give high achievers an opportunity to further their education in the relevant fields at some of the world's most prestigious and highly rated universities. Since the inception of this programme in 2006, we have sponsored 40 students in the field of biotechnology, mechanical engineering, accounting and finance amongst others. Currently, 12 of them have graduated and works with the Group.

The shift towards higher value-added activities calls for a larger pool of top talent. We have in place a succession planning programme, whereby high potential staff are identified to undergo intensive leadership development training. In 2013, the first batch of candidates under the 47 Green Talent and Global Leaders programmes graduated with their Diploma and Executive Masters qualifications.

Sejak tahun 1999, Yayasan Felda telah mengendalikan pusat haemodialisis yang menyediakan penjagaan bersubsidi kepada penduduk yang berpendapatan rendah. Yayasan ini telah mendermakan 50 buah mesin dialisis kepada hospital-hospital kerajaan, klinik dan pusat rawatan yang dikendalikan oleh organisasi bukan kerajaan. Dengan kerjasama Majlis Kanser Negara Malaysia, Yayasan ini juga mengendalikan sebuah klinik bergerak yang menawarkan pemeriksaan kesihatan umum dan pemeriksaan barah payu dara sebagai perkhidmatan untuk orang ramai.

Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, Yayasan Felda telah mengeluarkan 80 geran dengan jumlah RM14.75 juta bagi menaja sebanyak 32 projek penyelidikan yang memberi manfaat kepada industri dan negara.

Majikan Pilihan. FGV beriltizam untuk menjadi majikan pilihan. Sebagai majikan yang progresif dan saksama, kami berkembang mengikut merit, memberi peluang kepada wanita untuk membentuk 10 peratus daripada pengurusan Kumpulan dan memberi ganjaran kepada individu berdasarkan kepada pengetahuan, pengalaman, kemampuan dan sumbangan mereka kepada Kumpulan. Pengurusan kesihatan dan keselamatan pekerja juga diberi perhatian utama oleh kami. Pada 2013, kami telah mengkaji Panduan Keselamatan Perladangan kami bagi memastikan ia mematuhi Piawaian Keselamatan Pekerjaan Malaysia (MS1722). Sasaran kami menjelang 2017 adalah untuk mempunyai seorang Penyelia Keselamatan Ladang di kesemua ladang kami .

Tenaga kerja yang mempunyai kelayakan yang sesuai amat penting dalam menentukan kejayaan perniagaan kami dan kerjaya mereka akan terus diberi perhatian. Pelbagai jenis program teknikal, pembangunan kepimpinan dan pembinaan kapasiti telah dirangka untuk kakitangan kami di semua peringkat. Bahagian Pembangunan Modal Insan Kumpulan bertanggungjawab terhadap program latihan dalaman dengan kerjasama UiTM dan Persatuan Pertubuhan Peladang.

Beberapa langkah proaktif telah diambil untuk memastikan Kumpulan mempunyai kumpulan bakat yang berkelayakan. Setiap tahun ramai lepasan universiti dan penuntut tahun akhir diberi peluang untuk menjalani latihan sambil kerja di anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu kami. Kami juga telah membangunkan program inovatif belajar sambil bekerja peringkat sijil ACCA/CIMA/ICAEW yang pertama di Malaysia bagi mewujudkan kumpulan akauntan profesional. Di samping itu, FGV juga telah mewujudkan biasiswa untuk memberi peluang kepada para pelajar cemerlang melanjutkan pelajaran di dalam bidang yang berkaitan di sesetengah universiti terkemuka dan bertaraf tinggi di dunia. Sejak program ini ditubuhkan pada tahun 2006, kami telah menaja sebanyak 40 orang pelajar dalam bidang bioteknologi, kejuruteraan mekanikal, perakaunan dan kewangan antara lainnya. Seramai 12 daripadanya kini telah menamatkan pengajian dan bertugas di dalam Kumpulan.

Perubahan terhadap kegiatan bernilai tambah yang lebih tinggi memerlukan lebih ramai tenaga kerja yang berbakat. Kami menyediakan program perancangan penggantian di mana kakitangan berpotensi tinggi dikenal pasti untuk mengikuti latihan pembangunan kepimpinan intensif. Pada 2013, kumpulan pertama calon di bawah program 47 'Green Talent and Global Leaders' telah menamatkan kursus mereka dengan kelayakan Diploma dan Sarjana Eksekutif mereka.

PLANET

The relationship between the human world and the earth that sustains it has undergone a profound change. It has come to a point where the human race must step up and collectively stop using up the earth's ecological capital. As the manager of one of the country's largest land banks, the Group takes its entrepreneurial responsibility toward the environment seriously by developing and implementing environmental management systems.

Protecting the natural environment. The commitment to sustainability includes being good stewards of the environment. Our priorities are the preservation and protection of waterways, enhancement of riparian buffer zones, reducing our water footprint, reducing palm oil mill effluent (POME) discharge and ensuring that the use of water in our operations does not result in adverse impacts on other users. In the implementation of the Group's Strategic Global Blueprint, our acquisition of new land is guided by the Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) Principles & Criteria on New Plantings Procedures. We are resolved not to acquire land containing significant amounts of peat or areas of high conservation values.

During the year, a desktop High Conservation Assessment (HCV) was conducted, providing us with an overview of the diverse biodiversity and ecosystems surrounding our plantations in Peninsular Malaysia. Similar assessments will be conducted at our estates in Sabah, Sarawak and Indonesia in 2014. The findings will enable us to identify biodiversity conservation and protection priorities and develop appropriate monitoring and management plans. In 2014, the Sustainability Research Department will begin a study to identify the water hotspots.

The Group's concern for the environment is shared by the settler communities. In an endeavour jointly undertaken by the Forest Research Institute Malaysia and the settlers of Felda Pasoh, trees were planted in an oil palm plantation to form a green corridor linking the Pasoh forest reserve with other nearby forested areas.

PLANET

Perhubungan antara kehidupan manusia dan bumi di mana mereka tinggal telah melalui perubahan yang sangat ketara. Kini sampai ketikanya di mana manusia perlu berusaha dan berpakat untuk berhenti menggunakan unsur ekologi bumi. Sebagai pengurus salah satu simpanan tanah terbesar negara ini, Kumpulan melaksanakan tanggungjawab keusahawanannya dengan membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan alam sekitarnya dengan lebih serius.

Melindungi alam sekitar. Komitmen terhadap kelestarian meliputi tekad untuk menjadi penjaga alam sekitar yang baik. Keutamaan kami adalah berhubung pemuliharaan dan perlindungan laluan air, peningkatan zon penampan, mengurangkan jejak penggunaan air kami, mengurangkan sisa buangan kilang minyak sawit (POME) dan memastikan supaya penggunaan air dalam operasi kami tidak memberikan kesan negatif terhadap pengguna lain. Dalam pelaksanaan Pelan Induk Global Strategik Kumpulan, pembelian tanah-tanah baharu kami adalah mengikut panduan Prinsip & Kriteria mengenai Prosedur Penanaman Baharu oleh Rundingan Meja Bulat Kemampanan Minyak Sawit (RSPO). Kami memutuskan untuk tidak membeli tanah yang mengandungi kawasan gambut yang luas atau kawasan yang mempunyai nilai pemuliharaan yang tinggi.

Pada tahun ini, satu Taksiran Pemuliharaan Tinggi (HCV) telah dijalankan untuk memberi kami satu kefahaman tentang kepelbagaian bio dan eko sistem di sekeliling ladang kami di Semenanjung Malaysia. Penilaian yang serupa juga akan dijalankan di ladang-ladang kami di Sabah, Sarawak dan Indonesia pada 2014. Penemuan daripada usaha tersebut akan membolehkan kami mengenal pasti pemuliharaan dan perlindungan kepelbagaian bio yang perlu diutamakan dan membangunkan rancangan pemantauan dan pengurusan yang sesuai. Pada 2014, Bahagian Penyelidikan Kelestarian akan memulakan kajian untuk mengenal pasti kawasan air yang kritikal (water hotspots).

Sikap prihatin Kumpulan terhadap alam sekitar ini dikongsi oleh masyarakat peneroka. Dalam usaha yang dijalankan secara bersama dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia, peneroka Felda Pasoh telah menanam pokok di dalam ladang sawit mereka untuk membentuk koridor hijau yang menghubungkan rizab hutan Pasoh dengan kawasan hutan yang lain berhampirannya.

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY
TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

International sustainability standards. Good agriculture practices have always been the mainstay of our operations, but in the pursuit of more sustainable practices throughout the entire chain we are certified to international sustainability standards such as the International Sustainability and Carbon Certification (ISCC) and the RSPO, the largest multi-stakeholder initiative of its kind.

Renewable energy initiatives. The Group has pioneered a number of renewable energy projects utilising biomass and biogas as feedstock. Biogas captured from the treatment of POME also being used as fuel to generate electricity. To date, the Group has commissioned 15 biogas capturing plants as part of the Group's efforts to reduce greenhouse gas emissions. Biogas-fueled electricity generation also has economic benefits as it creates potential income stream by selling electricity to the national power grid and reduces dependence on diesel to power up our mill. The Serting Hilir and Umas biogas plants have begun supplying power to the national and local grids respectively while the plants in Besut and Maokil mills supplying power to support the mill operations.

Biodiesel programme. Globally, countries are taking active steps to implement mandatory biodiesel usage in an attempt to reduce greenhouse gas emissions. With global demand for biodiesel expected to rise to 15 million tonne by 2020, the production of biodiesel is a key part of the Group's downstream development strategy. Malaysia has already introduced a mandatory 5 percent biodiesel blend and has plans to migrate to a B10 biodiesel programme nationwide by mid-2014. In 2013, FGV through its subsidiary FGV Biotechnologies Sdn Bhd (FGVB), acquired a biodiesel refinery and other assets at Kuantan Port for RM35 million. In November 2013, the first consignment of FGV's ISCC Certified Palm Methyl Ester was shipped to its first European client in Switzerland.

Standard kelestarian antarabangsa. Amalan pertanian yang baik sentiasa menjadi tonggak dalam operasi kami, tetapi dalam usaha untuk mencapai lebih banyak amalan lestari dalam seluruh rantaian kegiatan, kami telah diberi pengiktirafan sijil piawaian kemampanan antarabangsa seperti 'International Sustainability and Carbon Certification' (ISCC) dan RSPO, iaitu inisiatif pelbagai pemegang kepentingan terbesar seumpamanya.

Inisiatif tenaga boleh diperbaharui. Kumpulan merintis beberapa projek tenaga boleh diperbaharui menggunakan biomas dan biogas sebagai bahan mentah. Biogas yang terhasil dari rawatan POME juga boleh digunakan sebagai bahan api untuk menjana tenaga elektrik. Hingga kini, Kumpulan telah memasang 15 loji biogas sebagai salah satu daripada usaha Kumpulan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Penjanaan tenaga biogas juga memberi manfaat ekonomi kerana ia berpotensi menjana aliran pendapatan dengan menjual tenaga elektrik kepada grid nasional dan mengurangkan kebergantungan penggunaan diesel di kilang kami. Loji biogas Serting Hilir dan Umas telah mula membekalkan tenaga ke grid nasional dan tempatan sementara loji di Kilang Besut dan Kilang Maokil membekalkan tenaga bagi kegunaan operasi kilang masing-masing.

Program biodiesel. Di seluruh dunia, banyak negara mula mengambil langkah aktif untuk melaksanakan penggunaan biodiesel secara mandatori dalam usaha mereka mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Dengan permintaan global terhadap biodiesel dijangka akan meningkat kepada 15 juta tan metrik menjelang 2020, pengeluaran biodiesel merupakan bahagian penting dalam strategi pembangunan hiliran Kumpulan. Malaysia telahpun memperkenalkan campuran 5 peratus biodiesel secara mandatori dan mempunyai rancangan untuk beralih kepada program biodiesel B10 di seluruh negara menjelang pertengahan 2014. Dalam tahun 2013, FGV melalui anak syarikatnya FGV Biotechnologies Sdn Bhd (FGVB), telah mengambil alih kilang penapisan biodiesel dan lain-lain asetnya di Pelabuhan Kuantan untuk RM35 juta. Pada bulan November 2013, konsainan pertama FGV 'ISCC Certified Palm Methyl Ester' telah dihantar kepada pelanggan Eropah pertamanya di Switzerland.

Research and development. The Group is a market leader in the field of oil palm research and development (R&D) activities. Through our breeding programme, we have developed high yielding seeds to improve the average yields of fresh fruit bunches and oil extraction rates over the years. For the Felda settlers, a one percent improvement in OER translates to a 5 to 6 percent increase in net income. Another of our success stories in the making is the production of planting materials that are more resistant to diseases. We continue to invest in R&D to improve efficiency, quality and productivity of our operations.

PROFIT

The palm oil industry in Malaysia continues to be a significant contributor to the local economy. In 2013, palm oil and its products contributed RM63.2 billion (8.8 percent) to the country's merchandise export earnings. The industry remains as one of the sectors earmarked for transforming Malaysia into a high income nation by 2020.

The raison d'être for our existence is making profit. Our business model is designed to ensure the sustainability of our business well into the future. The target has been set out in our Global Strategic Blueprint where the goal is to grow our business eight-fold from now until 2020. By making the right capital allocation decisions today, it is an achievable goal.

The ultimate beneficiaries of the Group's success will be the nation and our many stakeholders, including the Felda settlers. Under the Land Lease Agreement, FGV pays approximately RM250 million to FELDA annually in respect of the 355,864 hectares of land leased and additional 15 percent from operational profits of the estates. This provides a consistent income for FELDA to defray its overheads in running settler development programmes. FELDA received RM6 billion from the FGV listing which is reinvested in various financial instruments. The proceeds are utilised in the development of infrastructure and facilities in FELDA schemes, entrepreneurial training and youth development programmes. Finally, through the Settlers Trust Fund, dividend payments on 20 percent of FELDA shares are distributed to 112,635 settlers. For FY 2013, this amounted to RM116.7 million, with each settler receiving RM1,036.

CSR has become part of the FGV Group's long-term strategic direction. While much has been accomplished, CSR is still very much a work in progress. In a more complex and evolving environment, we need to look at the gap.

Penyelidikan dan pembangunan. Kumpulan adalah peneraju pasaran dalam bidang aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) kelapa sawit. Melalui program pembiakan, kami telah menghasilkan biji benih berhasil tinggi bagi mempertingkatkan hasil purata buah tandan segar dan kadar perahan minyak yang diterjemahkan ke dalam OER untuk mencapai peningkatan pendapatan bersih sebanyak 5 hingga 6 peratus. Satu lagi kejayaan kami yang bakal dicapai adalah pengeluaran bahan tanaman yang lebih mampu menahan penyakit. Kami akan terus melabur ke dalam R&D bagi meninggikan kecekapan, kualiti dan produktiviti operasi kami.

KEUNTUNGAN (PROFIT)

Industri minyak sawit di Malaysia terus menjadi penyumbang penting kepada ekonomi negara. Pada 2013, kelapa sawit dan produknya menyumbangkan RM63.2 bilion (8.8 peratus) kepada pendapatan eksport barangan negara. Industri ini terus menjadi salah satu sektor utama untuk menukar Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Matlamat kewujudan kami adalah untuk mencapai keuntungan. Model perniagaan kami dirangka untuk memastikan kemampanan perniagaan kami akan berterusan pada masa hadapan. Pelan Induk Strategik Global menetapkan bahawa perniagaan kami akan mencapai pertumbuhan lapan kali ganda dari sekarang hingga ke tahun 2020. Dengan membuat keputusan peruntukan modal yang tepat pada hari ini, sasaran ini pasti akan tercapai.

Kejayaan Kumpulan akan memberi manfaat terbesar kepada negara dan pelbagai pemegang kepentingan kami, termasuk para peneroka Felda. Di bawah Perjanjian Pajakan Tanah, FGV membayar sebanyak lebih kurang RM250 juta dengan tambahan 15 peratus daripada keuntungan ladang setiap tahun kepada FELDA bagi tanah yang dipajak seluas 355,864. Ini menyediakan pendapatan berpanjangan kepada FELDA untuk menampung kos program pembangunan penerokanya. FELDA menerima RM6 bilion daripada penyenaraian FGV yang dilaburkan semula di dalam pelbagai instrumen kewangan. Kutipan tersebut digunakan dalam pembangunan infrastruktur dan kemudahan di tanah rancangan FELDA, program latihan keusahawanan dan latihan belia. Akhir sekali, melalui Tabung Amanah Peneroka, pembayaran dividen sebanyak 20 peratus daripada saham FELDA diagihkan kepada 112,635 peneroka. Bagi tahun 2013, pengagihan ini berjumlah RM116.7 juta, dengan setiap peneroka menerima RM1,036.

Tidak syak lagi CSR merupakan sebahagian daripada hala tuju jangka panjang Kumpulan FGV. Walaupun telah banyak yang berjaya dicapai, namun masih banyak kerja dalam CSR yang sedang berlangsung. Di dalam persekitaran yang lebih rumit dan semakin berubah, kami perlu mengisi setiap kekurangan.


Harga sawit tidak stabil jejaskan saham FGV
FGV stands firm behind new CEO
FGV hantar biodiesel ke Eropah
FGV working to iron out kinks in Myanmar deal
Felda Global seals RM1.2b
takeover of Pontian Unite
FGV kuasai Felda Holdings
FGV turning palm oil by-products into nanotubes
FGVH on aggressive upstream expansion
SAJI Krimer Sejati Teh-C dilancar
FGV raises landbank in Indonesia
FGVH and JV partner may invest in Pakistan

MEDIA HIGHLIGHTS
SOROTAN MEDIA

CALENDAR OF EVENTS
KALENDAR PERISTIWA PENTING

2013

MARCH/MAC

- Working Visit Trip to Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) by Hon. Leo Dion, Deputy Prime Minister of the Independent State of Papua New Guinea – 18th & 19th March 2013
  Lawatan Kerja ke Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) oleh Tuan Yang Terutama Leo Dion, Timbalan Perdana Menteri, Papua New Guinea – 18 & 19 Mac 2013

- FGV Zakat Handover Ceremony to Zakat State Collection Centres at Felda Villa on 27 March 2013
  Majlis Penyerahan Zakat FGV kepada Pusat-Pusat Pungutan Zakat Negeri di Felda Villa pada 27 Mac 2013

APRIL/APRIL

- Inauguration of the Biogas Power Plant Palm Oil Mill in Serting Hilir, Negeri Sembilan on 12 April 2013
  Perasmian Loji Janakuasa Biogas Kilang Sawit Serting Hilir, Negeri Sembilan pada 12 April 2013

- Blood Donation Drive at Balai Felda on 24 April 2013
  Kempen Menderma Darah di Balai Felda pada 24 April 2013

FGV IS IN THE MIDST OF A TRANSFORMATION. BY THE YEAR 2020, WE EXPECT TO BE A DIFFERENT COMPANY, COMBINING OUR DYNAMIC NEW VIGOUR AND CORPORATE ROBUSTNESS AND CAPITALISING ON OUR DIVERSITY OF PEOPLE, GEOGRAPHICAL FOOTPRINT AND PRODUCTS. TO ACHIEVE THIS GOAL, WE ARE AWARE THAT OUR PEOPLE HOLD THE KEY TO THE SPEED AND EXECUTION OF OUR GROUP-WIDE TRANSFORMATION. HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT IS THEREFORE THE CRITICAL CATALYSTS IN SHAPING OUR CORPORATE FUTURE.

MEMBENTUK MASA DEPAN KORPORAT

FGV SEDANG MENGALAMI TRANSFORMASI. MENJELANG TAHUN 2020, KAMI MENJANGKA AKAN MENJADI SEBUAH SYARIKAT BERWAJAH BAHARU YANG MENGGABUNGKAN CIRI-CIRI DINAMIK DAN SEGAR DENGAN KETEGUHAN KORPORAT SERTA BERGANTUNG KEPADA KEPELBAGAIAN MODAL INSAN, RANGKUMAN GEOGRAFI DAN PRODUK KAMI. UNTUK MENCAPAI MATLAMAT INI, KAMI MENYEDARI BAHAWA SUMBER MANUSIA KAMI MENJADI KUNCI KEPADA KEPANTASAN DAN PELAKSANAAN TRANSFORMASI DI SELURUH KUMPULAN KAMI. OLEH ITU, PEMBANGUNAN MODAL INSAN MERUPAKAN PEMANGKIN PENTING DEMI MEMBENTUK MASA DEPAN KORPORAT KAMI.

One of our most important Human Resource goals for the Group is to develop a corporation of highly qualified personnel at the same pace that we increase the depth and breadth of our operations. During 2013, FGV's Group Human Resource Division (GHRD) continued to focus on talent development and enhancement of the knowledge, skills, capabilities and experience of employees at all levels of the organisation. New management trainees were recruited, giving fresh graduates their first exposure to potential careers, while our cadet planters and cadet mill programmes have been designed to groom future plantation and mill managers.

Resource Committees have also been established at Company-level and they bring their perspectives and experiences to the process of identifying high potential talent to be put through the necessary development interventions. As the Group continues to move further down the path an as international player, there is also increasing emphasis on developing leaders of tomorrow with the global knowledge, culture, mindset and experience. These high potential talents will be our reservoir of future organisational leaders.

Salah satu matlamat terpenting Sumber Manusia Kumpulan adalah untuk membangunkan sebuah perniagaan yang mempunyai kakitangan berkelayakan pada kadar perkembangan yang sejajar dengan kedalaman dan keluasan operasi kami. Pada tahun 2013, Bahagian Sumber Manusia Kumpulan FGV terus memberi fokus terhadap pembangunan bakat dan peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran, keupayaan dan pengalaman kakitangan di semua peringkat organisasi. Pelatih pengurusan baharu diambil, memberikan graduan baharu pendedahan pertama mereka kepada kerjaya berpotensi, sementara program-program kadet peladang dan kadet kilang kami dirangka untuk menggilap pengurus ladang dan kilang masa depan.

Jawatankuasa Sumber juga telah ditubuhkan di peringkat Syarikat dan mereka membawa bersama perspektif dan pengalaman mereka kepada proses pengenalpastian bakat yang berpotensi besar untuk melalui peringkat pembangunan yang diperlukan. Ketika Kumpulan terus melangkah jauh menjelajahi sempadan antarabangsa, ia tidak lupa untuk memberi penekanan terhadap usaha membangunkan pemimpin masa hadapan yang mempunyai pengetahuan, budaya, kerangka minda dan pengalaman bertaraf global. Bakat berpotensi tinggi inilah yang akan menjadi barisan pemimpin masa depan kami.

HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

In this regard, the Green Talent and Global Leaders programmes proactively meet the Group's need of top talent and actively manage its leadership pipeline. Career paths are created for high potential talents, along with supporting development programmes to fill gaps and promote employee growth through an entire lifecycle process. Selected individuals are also enrolled in a Diploma in Management Programme or an Executive Masters in Management. The first batch of 47 candidates under the Green Talent and Global Leaders programmes graduated with their Diploma and Executive Masters qualifications in 2013. A second batch of 54 Green Talents is expected to graduate in July 2014.

In implementing our Green Talent programme, we have also taken a leaf from Ram Charan's Leadership Pipeline Model that helps define the different skills required as leaders move from one level to the next. Resultantly, our learning framework has been further refined and customised in ways aligned to our strategy. One of the modules include an overseas study trip as part of the talent development and global readiness programme. Talents were exposed to overseas business operations in Chiang Mai, Thailand and Pontianak, Indonesia so that they can acquire an international outlook and cross-cultural experience to support the Group's global aspirations. In addition to the above, the Group also provides overseas assignment opportunities in various countries for selected candidates. In all, a total of 51 employees at executive and managerial level have benefitted from these overseas assignments.

An important chapter in FGV's corporate history has yet to be written. With the pool of high potential talent we are developing, we are confident they will continue to contribute to the Group's continuing success well into the future.

Sehubungan itu, program *Green Talent and Global Leaders* memenuhi secara proaktif keperluan Kumpulan kepada bakat terbaik dan menguruskan secara aktif barisan kepimpinannya. Laluan kerjaya tersedia untuk bakat berpotensi tinggi berserta dengan program pembangunan bagi mengisi jurang dan menggalakkan perkembangan warga kerja melalui proses kitaran menyeluruh. Individu terpilih juga dihantar mengikuti Program Diploma dalam Pengurusan atau Sarjana Eksekutif dalam Pengurusan. Kumpulan pertama yang terdiri daripada 47 orang calon di bawah program *Green Talent and Global Leaders* ini telah menamatkan pengajian mereka dengan kelulusan Diploma dan Sarjana Eksekutif mereka pada tahun 2013. Kumpulan kedua seramai 54 orang dijangka akan menamatkan pengajian pada Julai 2014.

Dalam melaksanakan program *Green Talent*, kami juga mendapat manfaat daripada Model *Leadership Pipeline* oleh Ram Charan yang membantu mentakrif kemahiran berbeza yang diperlukan oleh pemimpin dari satu peringkat ke peringkat berikutnya. Hasilnya, rangka kerja pembelajaran kami telah diperhalusi lagi dan disesuaikan mengikut keperluan strategi kami. Salah satu modul meliputi lawatan sambil belajar di luar negeri sebagai sebahagian daripada program pembangunan bakat dan kesediaan global. Bakat-bakat ini didedahkan kepada operasi perniagaan di Chiang Mai, Thailand dan Pontianak, Indonesia bagi membolehkan mereka memahami persekitaran antarabangsa dan pengalaman kebudayaan luar bagi menyokong aspirasi global Kumpulan. Di samping itu, Kumpulan turut memberi peluang tugasan luar negeri di beberapa buah negara kepada calon yang terpilih. Secara keseluruhan, seramai 51 kakitangan di peringkat eksekutif dan pengurusan mendapat manfaat daripada tugasan luar negeri ini.

Walau bagaimanapun, FGV masih mempunyai banyak ruang untuk berkembang. Dengan kumpulan bakat yang kami pupuk, kami yakin bahawa mereka akan terus menyumbang kepada kejayaan Kumpulan pada masa akan datang.

STATEMENT OF CORPORATE INTEGRITY
PENYATA INTEGRITI KORPORAT

FGV IS COMMITTED TO A CULTURE OF INTEGRITY. THE CODE OF ETHICS & CONDUCT (COEC) AND CODE OF BUSINESS PRACTICE (COBP) SET OUT THE PRINCIPLES OF BUSINESS ETHICS AND THE ETHICAL BUSINESS PRACTICES TO BE OBSERVED, ADOPTED AND EMBEDDED IN ALL OPERATIONS AND BUSINESSES OF FGV AND ITS GROUP OF COMPANIES. THIS IS TO ENSURE THAT FGV GROUP CONDUCTS ITS BUSINESSES GLOBALLY IN COMPLIANCE WITH LAWS AND ETHICAL VALUES.

FGV KOMITED TERHADAP BUDAYA INTEGRITI. KOD ETIKA & TATALAKU (COEC) DAN KOD AMALAN PERNIAGAAN (COBP) MEMBENTANGKAN PRINSIP-PRINSIP ETIKA PERNIAGAAN SERTA AMALAN PERNIAGAAN BERETIKA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN, DITERIMA PAKAI DAN DISISIPKAN KE DALAM SEMUA OPERASI DAN PERNIAGAAN FGV SERTA KUMPULAN SYARIKATNYA. IA BERTUJUAN UNTUK MEMASTIKAN SUPAYA KUMPULAN FGV SENTIASA MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN NILAI ETIKA DALAM MENGENDALIKAN PERNIAGAANNYA DI SELURUH DUNIA.

Through the execution of Code of Ethics & Conduct, Code of Business Practice, Gift Policy, Asset Declaration, Corporate Integrity Pledge, Integrity Pact and Integrity Plan, FGV Group commits to:

- Adhere to all set of laws, policies, procedures, rules, regulation and guidelines,
- Perform to our best ability at "global standards', whilst continuously improving the quality of our products and services,
- Deliver products and services to customers as pledged,
- Take pride in contributing towards FGV's success,
- Uphold FGV's core values (accountability, sustainability and human dimension); and
- Adopt an open and honest attitude in all aspect.

Our Integrity Initiative which shall enable the FGV Group to achieve its eight times (8x) growth as outlined in its Global Strategic Blueprint (GSB) target by the year 2020.

Melalui pelaksanaan Kod Etika & Kod Tatalaku Perniagaan, Dasar Hadiah, Pengisytiharan Aset, Akur Janji Integriti Korporat, Perjanjian Integriti, dan Pelan Integriti, Kumpulan FGV komited untuk:

- Mematuhi kepada undang-undang, dasar, prosedur, peraturan dan garis panduan,
- Melaksana sebaik mungkin "mengikut piawaian global", dan pada masa yang sama, menambahbaik secara berterusan kualiti produk dan perkhidmatan,
- Menyampaikan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan seperti yang diakur janji,
- Berasa bangga menyumbang kepada kejayaan FGV;
- Menjulang nilai-nilai teras FGV (kebertanggungjawaban, kemampanan dan dimensi kemanusian); dan
- Menerima pakai sikap yang terbuka dan jujur dalam semua aspek.

Inisiatif integriti kami yang akan membolehkan Kumpulan FGV mencapai pertumbuhan sebanyak lapan kali (8X) ganda seperti yang dipaparkan dalam Pelan Induk Strategik Global (GSB), disasar menjadi kenyataan menjelang tahun 2020.

INVESTOR RELATIONS
PERHUBUNGAN PELABUR

AS A NEWLY LISTED ORGANISATION, THE INVESTOR RELATIONS FUNCTION HAS GROWN IN SIGNIFICANCE FOR THE GROUP AS IT PROVIDES AN IMPORTANT AVENUE FOR A TWO-WAY COMMUNICATION BETWEEN THE COMPANY AND ITS SHAREHOLDERS. THE YEAR 2013 BEGAN WITH THE INVESTOR RELATIONS DEPARTMENT CONTINUING THE ACTIVITIES INITIATED DURING THE IPO WHICH WERE AIMED AT EDUCATING STAKEHOLDERS AND THE INVESTMENT COMMUNITY IN GENERAL OF FGV'S BUSINESS AND GROWTH PLANS.

It was a challenging start to the year as we considered and updated analysts and fund managers, the effects of significant events affecting our business, such as the further decline of CPO prices to a low of RM2,157 in 14 January 2014, newly revised CPO export tax duty structure, China Inspection & Quarantine's imposition of quality imported CPO; the implementation of the minimum wage policy, and particular to FGV, the invasion of "Sulu Army" at Kampung Tanduo resulting in Ops Daulat in Sahabat, Sabah. We also faced various external factors including the general election in 5 May 2013 as well as Indonesia's new policies with regards to palm oil industry.

The second half of 2013 proved more exciting with the eagerly anticipated announcement of FGV's acquisitions, namely the acquisition of a biodiesel plant in Kuantan, Pahang, 21,037 hectares of land in Kalimantan, Indonesia, the takeover of Pontian United Plantations Berhad involving 15,161 hectares in Sabah and the acquisition of the 51 percent equity in Felda Holdings Berhad from Koperasi Permodalan Felda.

Throughout the year under review, the Investor Relations team actively engaged with the investment community both local and foreign to provide clarity and consistent updates on FGV's performance. Institution investors and analysts are provided opportunities to interface with the senior management at events usually led by the Chief Executive Officer, Chief Financial Officer and Chief Strategy Officer, supported by the Investor Relations team and selected members of the plantation, sugar, downstream and R&D and MLO segments.

SUMMARY OF INVESTOR RELATIONS ACTIVITIES

	2012 *	2013
Number of briefings to analysts and fund managers	2	6
Site visits to Group's facilities	4	5
Number of conferences organized by financial institutions	4	9
Number of meetings (1-to-1 meetings at conferences and in-house meetings)	89	83
Number of analysts/fund managers met during in house meeting and conferences	234	334

** Post IPO*

SEBAGAI ORGANISASI YANG BARU DISENARAIKAN, FUNGSI PERHUBUNGAN PELABUR MENJADI SEMAKIN PENTING BAGI KUMPULAN KERANA IA MENJADI LANDASAN UTAMA BAGI KOMUNIKASI DUA HALA ANTARA SYARIKAT DAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAMNYA. TAHUN 2013 BERMULA DENGAN JABATAN PERHUBUNGAN PELABUR MENERUSKAN AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN SEMASA IPO YANG DISASAR UNTUK MENDIDIK PARA PEMEGANG BERKEPENTINGAN DAN KOMUNITI PELABURAN SECARA UMUM MENGENAI PERNIAGAAN FGV DAN PELAN PERTUMBUHAN.

Tahun 2013 bermula dengan cabaran ketika kami mempertimbangkan dan memberi maklumat terkini kepada penganalisis dan pengurus dana tentang impak peristiwa penting yang mempengaruhi perniagaan kami, seperti kemerosotan harga MSM kepada serendah RM2,157 pada 14 Januari 2014, struktur duti cukai eksport MSM yang baharu disemak, penguatkuasaan Pemeriksaan & Kuarantin negara China ke atas MSM yang berkualiti, perlaksanaan dasar upah minimum dan pencerobohan "Tentera Sulu" di Kampung Tanduo yang telah menyebabkan Ops Daulat di Sahabat, Sabah. Kami juga berhadapan dengan pelbagai faktor luaran termasuk pilihan raya umum pada 5 Mei 2013 serta dasar baharu Indonesia berhubung industri minyak sawit.

Separuh kedua 2013 menampilkan perkembangan yang lebih menarik dengan pengumuman pengambilalihan yang ditunggu-tunggu oleh FGV, iaitu pengambilalihan loji biodiesel di Kuantan, Pahang, tanah seluas 21,037 di Kalimantan, Indonesia, pengambilalihan Pontian United Plantations Berhad yang melibatkan 15,161 hektar tanah di Sabah dan pengambilalihan 51 peratus ekuiti dalam Felda Holdings Berhad daripada Koperasi Permodalan Felda.

Sepanjang tahun 2013, pasukan Perhubungan Pelabur terlibat secara aktif dengan komuniti pelaburan dalam dan luar negara untuk memberi penjelasan dan maklumat terkini yang konsisten berhubung prestasi FGV. Pelabur institusi dan penganalisis diberi peluang untuk berhubung secara langsung dengan pengurusan kanan di acara yang biasanya diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Strategi, disokong oleh pasukan Perhubungan Pelabur dan ahli terpilih daripada bahagian perladangan, gula, hiliran dan R&D dan MLO.

RINGKASAN AKTIVITI PERHUBUNGAN PELABUR

	2012 *	2013
Taklimat kepada penganalisis dan pengurus dana	2	6
Lawatan tapak ke kemudahan Kumpulan	4	5
Bilangan persidangan yang dianjurkan oleh institusi kewangan	4	9
Bilangan mesyuarat (mesyuarat 1 kepada 1 di persidangan dan mesyuarat dalaman)	89	83
Bilangan pertemuan dengan penganalisis/pengurus dana semasa mesyuarat dalaman dan persidangan	234	334

* Pasca IPO

INVESTOR RELATIONS
HUBUNGAN PIHAK PELABUR

ANALYST BRIEFINGS

FGV conducted six live briefings for analysts, shareholders and fund managers in 2013. Four conference calls were organised during quarterly financial results announcements and two physical briefings were conducted in conjunction with the announcements of the three major acquisitions. The briefings provide a platform for analysts to receive a balanced and complete view of FGV Group's performance and issues faced during the period.

DATE	EVENT	TYPE OF MEETING
26 February 2013	Fourth Quarter 2012 Financial Results	Conference Call
29 May 2013	First Quarter 2013 Financial Results	Conference Call
9 July 2013	Land Acquisitions in Kalimantan	Analyst Briefing
29 August 2013	Second Quarter 2013 Financial Results	Conference Call
11 October 2013	Takeover of Pontian United Plantations Berhad & Proposed Acquisition of 51% Equity Interest in Felda Holding Berhad (FHB)	Analyst Briefing
28 November 2013	Third Quarter 2013 Financial Results	Conference Call

TAKLIMAT PENGANALISIS

FGV menganjurkan enam taklimat secara langsung untuk penganalisis, pemegang saham dan pengurus dana pada 2013. Empat panggilan persidangan diadakan pada suku tahun keputusan kewangan diumumkan dan dua taklimat fizikal dijalankan bersempena dengan pengumuman tiga pengambilalihan utama. Taklimat ini menjadi landasan untuk penganalisis menerima pandangan yang seimbang dan lengkap berhubung prestasi Kumpulan FGV dan isu-isu yang dihadapinya.

TARIKH	ACARA	JENIS MESYUARAT
26 Februari 2013	Keputusan Kewangan Suku Keempat 2012	Panggilan Persidangan
29 Mei 2013	Keputusan Kewangan Suku Pertama 2013	Panggilan Persidangan
9 Julai 2013	Pengambilalihan Tanah di Kalimantan	Taklimat Penganalisis
29 Ogos 2013	Keputusan Kewangan Suku Kedua 2013	Panggilan Persidangan
11 Oktober 2013	Pengambilalihan Pontian United Plantations Berhad & Cadangan Pengambilalihan 51% Kepentingan Ekuiti dalam Felda Holdings Berhad (FHB)	Taklimat Penganalisis
28 November 2013	Keputusan Kewangan Suku Ketiga 2013	Panggilan Persidangan

INVESTORS MEETINGS

Given the series of significant events affecting FGV as well as the palm oil industry since the IPO in June 2012, our senior management were frequently engaged by various investors seeking information and understanding of the Group's operations. For the year 2013, we conducted 83 meetings during which we met 334 analysts and fund managers. These meetings were held either in-house or during conferences or roadshows in Malaysia and abroad.

SITE VISITS

In addition to meetings, FGV encourages analysts and investors to visit the Group's facilities to obtain a better understanding of the Group's operation scale. The visits are also important for stakeholders to develop an appreciation for the dedication of our employees in undertaking each activity of the group's palm value chain. In 2013 among the facilities visited by the 5 groups comprising 41 analysts and fund managers were:

1. Research facility in Tun Razak Agricultural Services Center in Tekam, Pahang,
2. Ladang Tenggaroh 12, Johor,
3. Kilang Sawit Lok Heng, Johor; and
4. Felda Biotechnology Centre, Nilai, Negeri Sembilan.

MESYUARAT PELABUR

Berikutan beberapa kejadian penting yang memberi kesan terhadap FGV serta industri minyak sawit sejak IPO pada bulan Jun 2012, pengurusan kanan kami sering dihubungi oleh para pelabur yang ingin mendapatkan maklumat dan kefahaman berhubung operasi Kumpulan. Bagi tahun 2013, kami telah mengadakan sebanyak 83 mesyuarat yang mana kami telah berjumpa seramai 334 penganalisis dan pengurus dana. Mesyuarat ini diadakan sama ada di dalam syarikat atau semasa persidangan atau siri jelajah di Malaysia dan luar negara.

LAWATAN TAPAK

Di samping mesyuarat, FGV menggalakkan para penganalisis dan pelabur untuk melawat kemudahan Kumpulan bagi mendapatkan kefahaman yang lebih baik tentang skala dan operasi Kumpulan. Lawatan ini juga penting kepada para pemegang kepentingan untuk memupuk penghargaan terhadap kegigihan warga kerja kami dalam melaksanakan setiap kegiatan dalam rantaian nilai sawit Kumpulan. Pada tahun 2013, antara kemudahan yang dilawati oleh 5 kumpulan yang terdiri daripada 41 penganalisis dan pengurus dana termasuk:

1. Kemudahan penyelidikan di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak di Tekam, Pahang,
2. Ladang Tenggaroh 12, Johor,
3. Kilang Sawit Lok Heng, Johor; dan
4. Pusat Bioteknologi Felda, Nilai, Negeri Sembilan.

FGV SHARE PRICE VS FBM KLCI (January to December 2013)
HARGA SAHAM FGV VS FBM KLCI (Januari hingga Disember 2013)



INVESTOR RELATIONS
HUBUNGAN PIHAK PELABUR

CONFERENCES AND ROADSHOWS

As a newly listed company, we participated in several events locally and abroad in order for investors to meet with our senior management who continually seek to provide clarification and updates on the group's performance as well as industry trends. Throughout 2013, we participated in eight conferences and one non-deal roadshow. FGV is garnering higher interest from foreign investors as our foreign shareholding increased to 9.9% as at 31 December 2013 from 8.0% in 2012.

DATE	EVENT	VENUE	ORGANIZER
20-22 May	4th Annual dbAccess Asia Conference	Singapore	Deutsche Bank
13-14 June	Invest Malaysia 2013	Kuala Lumpur	Bursa Malaysia/Maybank
6-7 June	CIMB 11th Annual Asia Pacific Leaders' Conference	London	CIMB
10-11 September	J.P. Morgan Asia Pacific Conference	New York	J.P. Morgan
12-13 September	Global Commodities Conference – Asia Pacific 2013	Singapore	Goldman Sachs
17 October	Invest Malaysia Hong Kong	Hong Kong	Bursa Malaysia/RHB-OSK
18-22 October	Nomura Non-Deal Road Show	Tokyo	Nomura
4-8 November	Invest Malaysia US	New York, Boston & San Francisco	Bursa Malaysia/Maybank
15 November	12th Annual Asia Pacific Summit	Singapore	Morgan Stanley

PERSIDANGAN DAN SIRI JELAJAH

Sebagai sebuah syarikat yang baru sahaja disenaraikan, kami telah menyertai beberapa acara di dalam dan luar negeri untuk membolehkan para pelabur yang terus ingin mendapatkan penjelasan dan maklumat terkini mengenai prestasi Kumpulan serta arah aliran industri menemui pengurusan kanan kami. Sepanjang tahun 2013, kami telah mengambil bahagian dalam lapan persidangan dan satu siri jelajah bukan tujuan perniagaan. FGV berjaya menarik minat daripada para pelabur asing yang lebih tinggi apabila pegangan saham asing kami meningkat kepada 9.9% pada 31 Disember 2013 daripada 8.0% pada 2012.

TARIKH	ACARA	TEMPAT	PENGANJUR
20-22 Mei	Persidangan Tahunan dbAccess Asia ke-4	Singapura	Deutsche Bank
13-14 Jun	Invest Malaysia 2013	Kuala Lumpur	Bursa Malaysia/Maybank
6-7 Jun	Persidangan Tahunan Asia Pacific Leaders CIMB ke-11	London	CIMB
10-11 September	Persidangan J.P. Morgan Asia Pacific	New York	J.P. Morgan
12-13 September	Persidangan Global Commodities Asia Pacific 2013	Singapura	Goldman Sachs
17 Oktober	Invest Malaysia Hong Kong	Hong Kong	Bursa Malaysia/RHB-OSK
18-22 Oktober	Nomura Non-Deal Road Show	Tokyo	Nomura
4-8 November	Invest Malaysia US	New York, Boston & San Francisco	Bursa Malaysia/Maybank
15 November	Persidangan Asia Pacific Ke-12	Singapura	Morgan Stanley

RESEARCH ANALYST COVERAGE

As at 31 December 2013, FGV maintained coverage of 19 analysts and research houses.

Insert list of banks and research houses

1. CIMB Investment Bank
2. Maybank Investment Bank
3. Affin Investment Bank
4. Alliance Research
5. BIMB Securities Research
6. Bank of America Merrill Lynch
7. Credit Suisse
8. Hwang DBS Vickers Research
9. Deutsche Bank Market Research
10. Interpacific Research
11. J.P. Morgan
12. KAF-Seagroatt & Campbell Securities
13. Kenanga Research
14. Morgan Stanley Research
15. Nomura Equity Research
16. Public Investment Bank
17. RHB OSK Securities
18. TA Securities

RECOGNITION AND CONTINUOUS IMPROVEMENT

Despite having only been listed for several months, the Group's Investor Relations efforts were recognised by the investment community during the 2013 Malaysian Investor Relations Association (MIRA) Awards as FGV was nominated in the Main Board/Large Cap categories of Best Company for Investor Relation, Best IR Professional (Ms Zaida Alia Shaari) and Best IR Website.

Recognising the need for continuous improvement in undertaking the Investor Relations support role, members of FGV's Investor Relations team, namely Ms Zaida Alia Shaari and Mr Azlil Ahmad have sat and passed the examination for the Certificate of Investor Relations by Investor Relations Society of United Kingdom.

Investor queries may be addressed to the unit through the following contact:

Zaida Alia Shaari
Head of Investor Relations
Tel : +603 2692 8355
Email : zaida.s@feldaglobal.com

LIPUTAN PENGANALISA PENYELIDIKAN

Pada 31 Disember 2013, FGV mengekalkan liputan 19 penganalisis dan gedung penyelidikan.

Senarai bank dan gedung penyelidikan

1. CIMB Investment Bank
2. Maybank Investment Bank
3. Affin Investment Bank
4. Alliance Research
5. BIMB Securities Research
6. Bank of America Merrill Lynch
7. Credit Suisse
8. Hwang DBS Vickers Research
9. Deutsche Bank Market Research
10. Interpacific Research
11. J.P. Morgan
12. KAF-Seagroatt & Campbell Securities
13. Kenanga Research
14. Morgan Stanley Research
15. Nomura Equity Research
16. Public Investment Bank
17. RHB OSK Securities
18. TA Securities

PENGIKTIRAFAN DAN PENINGKATAN BERTERUSAN

Walaupun baru sahaja beberapa bulan disenaraikan, usaha Perhubungan Pelabur Kumpulan mendapat pengiktirafan oleh komuniti pelaburan dalam Anugerah Pertubuhan Perhubungan Pelabur Malaysia 2013 apabila FGV telah dicalonkan dalam kategori Papan Utama/Modal Besar bagi Perhubungan Pelabur Terbaik untuk Syarikat, IR Profesional Terbaik (Cik Zaida Alia Shaari) dan Laman Web IR Terbaik.

Menyedari keperluan untuk mencapai peningkatan berterusan dalam melaksanakan peranan sokongan Perhubungan Pelabur, ahli pasukan Perhubungan Pelabur FGV iaitu Cik Zaida Alia Shaari dan Encik Azlil Ahmad telah menduduki dan lulus dalam peperiksaan Sijil Perhubungan Pelabur anjuran Persatuan Perhubungan Pelabur, United Kingdom.

Sebarang pertanyaan pelabur boleh diajukan kepada unit ini melalui hubungan berikut:

Zaida Alia Shaari
Ketua Perhubungan Pelabur
Tel : +603 2692 8355
Emel : zaida.s@feldaglobal.com

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

THE BOARD OF DIRECTORS OF FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (THE BOARD) IS COMMITTED TOWARDS UPHOLDING THE HIGHEST STANDARD OF CORPORATE GOVERNANCE THROUGHOUT FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD'S (FGV OR COMPANY) GROUP OF COMPANIES (FGV GROUP OR THE GROUP) AS PROMULGATED IN THE 8 PRINCIPLES AND 26 RECOMMENDATIONS OF THE MALAYSIAN CODE ON CORPORATE GOVERNANCE 2012 (THE CODE), RELEVANT CHAPTERS OF THE MAIN MARKET LISTING REQUIREMENTS (LISTING REQUIREMENTS) OF BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (BURSA SECURITIES) AS WELL AS THE ADOPTION OF BETTER PRACTICES AS PRESCRIBED IN THE CORPORATE GOVERNANCE GUIDE 2ND EDITION (THE GUIDE) ISSUED BY BURSA SECURITIES.

The Board acknowledges that high standards of corporate governance plays an important part towards FGV Group's continued growth and success. The Board is committed to managing the Group's businesses ethically and in a transparent manner to ensure equitable long term value for all its shareholders. The Board is pleased to present this corporate governance statement (Statement) which sets out the Company's application and observation of the principles and recommendations of the Code throughout the financial year ended 31 December 2013 (FYE 2013) and up to 29 April 2014, being the date of approval of this Statement by the Board.

The Company was listed on the Main Market of Bursa Securities on 28 June 2012 (the Listing Date) and up to the date of this Statement, FGV Group has been actively introducing new policies and procedures and improving the Group's processes and controls in order to ensure that the Group's internal processes, guidelines and systems are reviewed and aligned to corporate governance practices.

THE BOARD OF DIRECTORS

Roles and Responsibilities of the Board

The Board is collectively responsible for the overall conduct of FGV Group's business and takes full responsibility for the performance of the Company and the Group. The Board members exercise due diligence and care in discharging their duties and responsibilities and ensure that high ethical standards are applied, through compliance with the applicable rules and regulations, directives and guidelines whilst acting in the best interest of FGV Group and its shareholders.

In discharging its responsibilities, the Board observes the principles of ethical conduct as contained in the Code of Ethics and Conduct (CoEC) and Code of Business Practice (CoBP). The CoEC and CoBP outlines the ethical standards of behaviour and conduct expected from all Directors of FGV Group. The Board ensures that compliance is monitored through an annual declaration process that requires all Directors to declare their compliance, including any existing and/or potential conflict of interest situations. Further information relating to the CoEC and CoBP is separately provided for in the Statement of Corporate Integrity on page 103 of this Annual Report.

The Board Charter

The Board has formally adopted a Board Charter, which provides guidance to the Board in the fulfilment of its roles, duties and responsibilities which are in line with the principles of good corporate governance.

The Board Charter outlines the roles and responsibilities of the Board, the balance and composition of the Board, the Board's authorities, schedule of matters reserved for the Board, the establishment of the Board Committees, processes and procedures for convening Board meetings, the Board's assessment and review of its performance, compliance with ethical standards, Board's access to information and advice and declarations of conflict of interest.

LEMBAGA PENGARAH FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (LEMBAGA) KOMITED KE ARAH MENGEKALKAN PIAWAIAN TADBIR URUS KORPORAT TERTINGGI DI SELURUH KUMPULAN SYARIKAT (KUMPULAN FGV ATAU KUMPULAN) FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (SYARIKAT) SEPERTI YANG TELAH DINYATAKAN DALAM 8 PRINSIP DAN 26 SARANAN KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2012 (KOD), BAB-BAB YANG BERKAITAN DALAM KEPERLUAN PENYENARAIAN PASARAN UTAMA (KEPERLUAN PENYENARAIAN) BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (BURSA SECURITIES) SERTA TERIMA PAKAI AMALAN-AMALAN TERBAIK SEPERTI YANG DIGARISKAN DALAM PANDUAN TADBIR URUS KORPORAT EDISI KE-2 (PANDUAN) YANG DIKELUARKAN OLEH BURSA SECURITIES.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa piawaian tadbir urus korporat yang tinggi memainkan peranan penting ke arah pertumbuhan dan kejayaan berterusan Kumpulan FGV. Lembaga Pengarah komited untuk menguruskan perniagaan Kumpulan secara beretika dan telus bagi memastikan nilai jangka panjang yang saksama untuk semua pemegang sahamnya. Lembaga Pengarah dengan sukacita membentangkan penyata tadbir urus korporat ini yang menyatakan tentang bagaimana Syarikat menggunakan dan mengamalkan prinsip dan saranan Kod sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (TKB 2013) dan sehingga 29 April 2014, iaitu tarikh Penyata ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Syarikat telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities pada 28 Jun 2012 (Tarikh Penyenaraian) dan sehingga tarikh Penyata ini, Kumpulan FGV telah memperkenalkan secara aktif dasar dan prosedur-prosedur baharu serta menambah baik proses dan kawalan Kumpulan bagi memastikan supaya proses dalaman, garis panduan dan sistem Kumpulan dikaji dan diselaraskan dengan amalan tadbir urus korporat yang mantap.

LEMBAGA PENGARAH

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara kolektif terhadap pelaksanaan keseluruhan perniagaan Kumpulan FGV dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas prestasi Syarikat dan Kumpulan. Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengambil pendekatan berhemah dan prihatin dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka bagi memastikan piawaian etika tertinggi digunakan, menerusi pematuhan dengan peraturan dan penguatkuasaan, arahan dan garis panduan yang diguna pakai sambil bertindak demi kepentingan Kumpulan FGV dan pemegang sahamnya.

Dalam melunaskan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah mematuhi prinsip-prinsip amalan etika seperti yang terkandung dalam Kod Etika dan Tatacara (CoEC) dan Kod Amalan Perniagaan (CoBP). CoEC dan CoBP menggariskan piawaian beretika bagi tingkah laku dan tatacara yang dikehendaki daripada semua Pengarah Kumpulan FGV. Lembaga Pengarah memastikan supaya pematuhan dipantau menerusi satu proses pengisytiharan yang memerlukan para Pengarah mengisytiharkan pematuhan mereka, termasuk sebarang keadaan percanggahan kepentingan sedia ada dan/atau potensi. Maklumat selanjutnya berkaitan CoEC dan CoBP disediakan secara berasingan dalam Penyata Integriti Korporat di muka surat 103 dalam Laporan Tahunan ini.

Piagam Lembaga

Lembaga Pengarah telah menerima pakai secara rasmi satu Piagam Lembaga yang memberi panduan kepada Lembaga Pengarah dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawabnya, selaras dengan prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang baik.

Piagam Lembaga menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, keseimbangan dan komposisi Lembaga Pengarah, kuasa Lembaga Pengarah, jadual perkara-perkara yang dikhaskan untuk Lembaga Pengarah, penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga, proses dan prosedur untuk mengadakan mesyuarat Lembaga, penilaian dan kajian Lembaga Pengarah terhadap prestasinya, pematuhan dengan pawaian etika, akses Lembaga Pengarah kepada maklumat dan khidmat nasihat serta pengisytiharkan percanggahan kepentingan.

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The Board Charter is made available on the Company website at www.feldaglobal.com. Broadly, the Board assumes the following principle responsibilities in discharging its fiduciary and leadership duties:

- Reviewing and adopting a sustainable strategic plan for the Group's business;

  Review, challenge and approve the corporate strategic plan for the Group, monitoring the implementation of the strategic plan.

- Overseeing the conduct of the Group's business;

  Oversee the conduct of the Group's business and evaluate whether the business is properly managed. The Board ensures that there are measures in place to assess the management's performance.

- Identifying principal risks and ensuring the implementation of appropriate internal controls and mitigation measures;

  Assesses the principal risks of all aspects of the Group's business, recognising that business decisions involve taking appropriate risks. The Board ensures that there are systems in place which effectively monitor and manage these risks.

- Succession planning, self-evaluation and appointments;

  Ensures a succession plan is in place including appointing, training, fixing the compensation of and, where appropriate, replacing Senior Management. Ensures that all candidates appointed to Senior Management positions are of sufficient calibre and programmes are in place to provide for the orderly succession of Senior Management.

- Overseeing the development and implementation of investor relations programme and stakeholder communications policy; and

  Ensures that the Company has in place a policy to enable effective communication with its shareholders and other stakeholders.

- Reviewing the adequacy and the integrity of the Group's management information and internal controls systems, including systems for compliance with applicable laws, regulations, rules, directives and guidelines.

  Ensures that there is a sound framework of reporting on internal controls and regulatory compliance.

A formal schedule of matters reserved for the Board to ensure the direction and control of the Company are in its hands, has been provided for in the Board Charter, and includes amongst others, the review of the annual budgets, acquisitions and disposals of undertakings and properties of substantial value, major investments and financial decisions and changes to the Management and control structure within FGV Group including key risk management, treasury, financial and operational policies and delegated authority limits.

Piagam Lembaga ada dimuatkan di dalam laman sesawang Syarikat di www.feldaglobal.com. Secara umumnya, Lembaga Pengarah menggalas tanggungjawab utama berikut dalam melunaskan tugas fidusiari dan kepimpinannya:

- Mengkaji dan menerima pakai pelan strategik yang mampan untuk perniagaan Kumpulan;

  Mengkaji, membahas dan meluluskan pelan strategik korporat bagi Kumpulan, memantau pelaksanaan pelan strategik tersebut.

- Mengawasi tatacara perniagaan Syarikat

  Mengawasi tatacara perniagaan Syarikat dan menilai sama ada perniagaan telah diuruskan dengan sewajarnya. Lembaga Pengarah memastikan supaya terdapat langkah-langkah yang disediakan untuk menilai prestasi pengurusan.

- Mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman dan langkah-langkah pengurangan yang sewajarnya;

  Menilai risiko-risiko utama bagi semua aspek perniagaan Kumpulan, menyedari bahawa keputusan perniagaan yang dibuat melibatkan pengambilan risiko yang bersesuaian. Lembaga Pengarah memastikan supaya sistem yang mampu memantau dan menguruskan risiko tersebut secara berkesan telah tersedia.

- Perancangan penggantian, penilaian kendiri dan pelantikan;

  Memastikan satu rancangan penggantian yang meliputi pelantikan, latihan, penetapan ganjaran dan, jika sesuai, penggantian Pengurusan Kanan telah tersedia. Memastikan agar semua calon yang dilantik bagi menyandang jawatan Pengurusan Kanan memliki tahap kewibawaan yang sewajarnya dan program-program penggantian Pengurusan Kanan yang teratur telah tersedia.

- Mengawasi pembangunan dan pelaksanaan program perhubungan pelabur dan dasar komunikasi pemegang kepetingan; dan

  Memastikan supaya Syarikat telah menyediakan sebuah dasar yang membolehkan komunikasi berkesan dengan para pemegang saham dan pemegang kepentingannya yang lain.

- Mengkaji kecukupan dan integriti maklumat pengurusan Kumpulan dan sistem kawalan dalaman termasuk sistem bagi pematuhan dengan undang-undang, penguatkuasaan, peraturan, arahan dan garis panduan yang diguna pakai.

  Memastikan supaya terdapat sebuah rangka kerja laporan yang mantap berhubung kawalan dalaman dan pematuhan penguatkuasaan.

Satu jadual rasmi perkara-perkara yang dikhaskan untuk Lembaga Pengarah bagi memastikan hala tuju dan kawalan Syarikat berada di tangannya telah diperuntukkan dalam Piagam Lembaga yang meliputi, antara lain, kajian belanjawan tahunan, pengambilalihan dan pelupusan usahaniaga dan hartanah bernilai tinggi, pelaburan dan keputusan kewangan penting serta perubahan Pengurusan dan struktur kawalan dalam Kumpulan FGV termasuk pengurusan risiko utama, perbendaharaan, dasar-dasar kewangan dan operasi serta had-had kuasa yang ditetapkan.

The Directors continue to adhere to the highest standards of ethical behaviour as stated in the Board Charter. The Board also supports and encourages policies within FGV Group which require Directors and employees to observe high standards of personal integrity and display honesty in their dealings.

The Board appoints members to sit on subsidiary boards, in particular the cluster boards, namely Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd, Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd, Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd and Felda Holdings Bhd, to maintain oversight and ensure the operations of the respective subsidiaries are aligned with the Group's strategies and objectives.

Board Balance and Composition

Under the Company's Articles of Association, the number of Directors shall not be less than two (2) and not more than twelve (12). As at the date of this Statement, there are twelve (12) members of the Board, comprising seven (7) Independent Non-Executive Directors, four (4) Non-Independent Non-Executive Directors and one (1) Non-Independent Executive Director (Group President/Chief Executive Officer (CEO)), the composition of which is in compliance with paragraph 15.02 of the Bursa Securities Listing Requirements.

The composition of the Board fairly reflects the interest of the significant shareholders, without compromising the interest of the minority shareholders. The Independent Non-Executive Directors on the Board act as caretakers of the minority shareholders and their views carry significant weight in the Board's decision-making process. The presence of Independent Non-Executive Directors fulfils a pivotal role in corporate accountability. Although all the Directors have equal responsibility at the Board level, the roles of these Independent Non-Executive Directors are particularly important as they provide unbiased and independent views, advice as well as judgement to take account of the interests, not only of the Group, but also that of minority shareholders, employees, customers, suppliers and the many communities within which the Group conducts its business. The Board places great importance on the balance of its Independent Non-Executive Directors since they serve as an essential source of impartial and professional guidance to protect the interest of the shareholders.

The Board regularly reviews the composition of the Board and its Committees to ensure appropriate balance and a good mix of skills and experience. The Board members comprise high calibre individuals with diverse professional backgrounds, skills and extensive experience and knowledge in their respective fields. Together, the Directors with their wide range of competencies, capabilities, technical skills and relevant business experience add value in governing the strategic direction of the Group.

The Board encourages female candidates to take up board positions. On 25 July 2012 and 16 July 2013, Datuk Wira Jalilah Baba and Datuk Nozirah Bahari were appointed as directors respectively. However, Datuk Wira Jalilah Baba resigned on 19 August 2013. Datuk Dr. Salmiah Ahmad was then appointed as director on 15 March 2014. The Board will continue to seek to appoint capable and competent Directors in order to reach at least 30 % female representation on the Board in the near term.

Para Pengarah terus mematuhi piawaian tingkah laku beretika seperti yang dinyatakan dalam Piagam Lembaga. Lembaga Pengarah turut menyokong dan menggalakkan dasar-dasar dalam Kumpulan FGV yang memerlukan para Pengarah dan kakitangan mematuhi piawaian integriti peribadi tertinggi dan menampilkan kejujuran dalam urusan mereka.

Lembaga Pengarah melantik ahli-ahlinya untuk menganggotai lembaga pengarah anak-anak syarikat, khususnya lembaga pengarah kelompok yang terdiri daripada Felda Global Ventures Plantations Sdn Bhd, Felda Global Ventures Downstream Sdn Bhd, Felda Global Ventures Sugar Sdn Bhd dan Felda Holdings Bhd, untuk mengekalkan pengawasan dan memastikan supaya operasi setiap anak syarikat sejajar dengan strategi dan objektif Kumpulan.

Keseimbangan dan Komposisi Lembaga Pengarah

Di bawah Tataurusan Pertubuhan Syarikat, bilangan Pengarah hendaklah tidak kurang daripada dua (2) orang dan tidak lebih daripada dua belas (12) orang. Pada tarikh Penyata ini, Lembaga Pengarah dianggotai oleh dua belas (12) orang ahli yang terdiri daripada tujuh (7) orang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, empat (4) orang Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan seorang (1) Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (CEO)). Komposisi ini mematuhi perenggan 15.02 Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

Komposisi Lembaga Pengarah ini menggambarkan kepentingan pemegang saham utama, tanpa menjejaskan kepentingan para pemegang saham minoriti. Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah bertindak sebagai penjaga kepentingan pemegang saham minoriti dan pandangan mereka membawa kesan penting dalam proses pembuatan keputusan Lembaga Pengarah. Kehadiran Pengarah Bukan Eksekutif Bebas memenuhi peranan penting dalam kebertanggungjawaban korporat. Walaupun para Pengarah mempunyai tanggungjawab yang setara di peringkat Lembaga Pengarah, peranan para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas adalah sangat penting kerana mereka memberikan pandangan yang tidak berat sebelah dan bebas, nasihat dan pertimbangan yang mengambil kira kepentingan, iaitu bukan sahaja kepentingan Kumpulan, tetapi juga kepentingan pemegang saham minoriti, kakitangan, pelanggan, pembekal dan komuniti di mana Kumpulan menjalankan perniagaannya. Lembaga Pengarah meletakkan kepentingan yang tinggi ke atas keseimbangan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kerana mereka bertindak sebagai sumber penting dalam memberi panduan yang adil dan profesional demi melindungi kepentingan para pemegang saham.

Lembaga Pengarah mengkaji komposisi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya secara kerap untuk memastikan keseimbangan yang sesuai dan gabungan kemahiran serta pengalaman yang wajar. Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada individu-individu yang berkaliber tinggi dengan latar belakang profesional yang berpelbagai, berkemahiran serta berpengalaman dan berpengetahuan luas dalam bidang masing-masing. Secara bersama, para Pengarah dengan daya saing, keupayaan, kemahiran teknikal dan pengalaman perniagaan yang berkaitan memberi nilai tambah dalam tadbir urus hala tuju strategik Kumpulan.

Lembaga Pengarah menggalakkan calon-calon wanita untuk menyertai Lembaga Pengarah. Pada 25 Julai 2012 dan 16 Januari 2013, Datuk Wira Jalilah Baba dan Datuk Nozirah Bahari masing-masing telah dilantik sebagai Pengarah. Walau bagaimanapun, Datuk Wira Jalilah Baba telah meletak jawatan pada 19 Ogos 2013. Kemudian, Datuk Dr. Salmiah Ahmad telah dilantik sebagai pengarah pada 15 Mac 2014. Lembaga Pengarah akan terus berusaha melantik para Pengarah yang berkebolehan dan berwibawa untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah dalam tempoh terdekat.

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

With its diversity of skills, the Board has been able to provide clear and effective collective leadership to the Group, and has brought informed and independent judgment to the Group's strategy and performance so as to ensure the highest standards of conduct and integrity are always at the core of the Group.

A brief description of the background of each Director is contained in the "Board of Directors' Profiles" section, set out on pages 70 to 83 of this Annual Report.

Independent Non-Executive Directors

The Board has undertaken an assessment of the Independent Non-Executive Directors, and has concluded that each of them continue to demonstrate behaviour that reflects their independence, which is in accordance with the definition under Paragraph 1.01 of the Listing Requirements on the definition of Independent Directors. The Board is satisfied that all its Independent Non-Executive Directors represent the interest of the minority shareholders by virtue of their roles and responsibilities.

The Code's Recommendation on reinforce independence, provides a limit of a cumulative term of nine (9) years as the tenure for an Independent Director, after which, the said Director may either seek shareholders approval to continue to remain on the Board or be re-designated to a Non-Independent Non-Executive Director. To date, the Independent Non-Executive Directors of FGV Board have served less than nine years and are therefore not subject to this Recommendation.

Division of Roles and Responsibilities between the Chairman and Group President/CEO

The Board appreciates the distinct roles and responsibilities of the Chairman of the Board and the Group President/CEO. This division ensures that there is a clear and proper balance of power and authority. As such, the role of the Chairman and Group President/CEO is separate. The Chairman's main responsibility is to ensure effective conduct of the Board through the execution of the following key roles :

(i) Building a high performance Board by leading the evaluation of the Board's performance and ensuring that succession planning is considered on an on-going basis.

(ii) Managing Board meetings to ensure robust decision making by ensuring the provision of accurate, timely and clear information to all Directors. The Chairman encourages participation and deliberation by Board members to tap the wisdom of all the Board members and to promote consensus building as much as possible.

(iii) Facilitating the Board and Management interface by acting as the conduit between the two parties.

(iv) Facilitating the selection and appointment of a successor to the Group President/CEO.

(v) Acting as a spokesperson for the Board and the Group.

Dengan kepelbagaian kemahirannya, Lembaga Pengarah telah berupaya menyediakan kepimpinan kolektif yang jelas dan berkesan kepada Kumpulan, dan telah membawa pertimbangan yang termaklum dan bebas untuk strategi dan prestasi Kumpulan bagi memastikan piawaian tatalaku dan integriti tertinggi sentiasa menjadi teras dalam Kumpulan.

Penerangan ringkas mengenai latar belakang setiap Pengarah terkandung dalam bahagian "Profil Lembaga Pengarah" yang dibentangkan di muka surat 70 hingga 83 dalam Laporan Tahunan ini.

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Lembaga Pengarah telah menjalankan penilaian terhadap para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan menyimpulkan bahawa setiap daripada mereka terus menunjukkan tingkah laku yang mencerminkan pendirian bebas mereka, sejajar dengan takrifan di bawah Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian berhubung takrifan Pengarah Bebas. Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa semua Pengarah Bukan Eksekutif Bebas mewakili kepentingan pemegang saham minoriti menerusi peranan dan tanggungjawab mereka.

Saranan Kod tentang kebebasan yang diperkukuh, menggariskan had tempoh terkumpul selama sembilan (9) tahun sebagai tempoh Pengarah Bebas memegang jawatan, di mana selepas itu, seseorang Pengarah boleh mendapatkan kelulusan para pemegang saham untuk terus kekal dalam Lembaga Pengarah atau ditukar ke jawatan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas. Hingga kini, para Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah FGV telah berkhidmat kurang dari sembilan tahun, justeru, tidak tertakluk kepada Saranan ini.

Pembahagian Peranan dan Tanggungjawab antara Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Lembaga Pengarah menghargai peranan dan tanggungjawab berbeza antara Pengerusi Lembaga Pengarah dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Pembahagian ini memastikan supaya terdapat keseimbangan kuasa dan autoriti yang jelas dan sesuai. Oleh itu, peranan yang dimainkan oleh Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan adalah berasingan. Tanggungjawab utama Pengerusi adalah untuk memastikan tatacara Lembaga Pengarah yang berkesan menerusi pelaksanaan peranan-peranan utama seperti berikut:

(i) Membina Lembaga Pengarah berprestasi tinggi dengan mengetuai penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan memastikan rancangan penggantian dipertimbangkan secara berterusan.

Jawatankuasa Pemandu bagi Projek MI ditubuhkan pada 16 Julai 2013 dan telah diberi mandat oleh Lembaga Pengarah FGV untuk mengurus dan memberi panduan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek MI yang merujuk kepada cadangan pengambilalihan kepentingan majoriti dalam Felda Holdings Bhd.

Di bawah Terma Rujukannya, Jawatankuasa Pemandu bagi Projek MI hendaklah dianggotai oleh ahli-ahli yang hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah FGV.

Jawatankuasa Pemandu bagi Projek MI terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan seorang (1) Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, seperti berikut:

1. Dato' Yahaya Abd Jabar
   Pengerusi Jawatankuasa Pemandu bagi Projek MI
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

2. Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
   Ahli
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)

3. Mohd Emir Mavani Abdullah
   Ahli
   (Pengarah Eksekutif Bukan Bebas)

4. Dato' Paduka Ismee Ismail
   Ahli
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
   (Dilantik sebagai Ahli pada 9 Disember 2013)

5. Datuk Shahril Ridza Ridzuan
   Ahli
   (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)
   (Dilantik sebagai Ahli pada 9 Disember 2013)
   (Meletak jawatan sebagai pengarah pada 26 Disember 2013)

Tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu bagi Projek MI meliputi seperti berikut :

(i) Menerajui rundingan dan perbincangan dengan KPF berhubung terma dan syarat serta semua perkara berkaitan lain mengenai Projek MI.

(ii) Menerajui semua tugasan, rundingan dan perbincangan dengan Kumpulan Kerja Usaha Wajar dan para pemegang kepentingan utama lain, iaitu Felda, komuniti peneroka dan pihak-pihak berkuasa.

(iii) Meluluskan penyata pegangan dan bahan-bahan perhubungan pelabur untuk akhbar dan penganalisis, sidang akhbar dan taklimat penganalisis.

(iv) Berunding dan memuktamadkan syarat-syarat pelantikan penasihat seperti bank-bak pelaburan, jurunilai, akauntan, penasihat undang-undang, perunding media dan para penasihat profesional yang berkaitan.

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

The Steering Committee for Project MI held nine (9) meetings during the FYE 2013. The details of the attendance are as follows:

MEMBERS	NUMBER OF MEETINGS ATTENDED IN 2013
Dato' Yahaya Abd Jabar	9 out of 9
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah	7 out of 9
Mohd Emir Mavani Abdullah	7 out of 9
Dato' Paduka Ismee Ismail	Not applicable
Datuk Shahril Ridza Ridzuan	Not applicable

The Steering Committee for Project MI was abolished on 29 April 2014.

Board Steering Committee for the Fund Raising Exercise

The Board Steering Committee for the Fund Raising Exercise was established on 9 December 2013 and mandated by FGV Board to manage and provide guidance to ensure successful execution of Project GLIP (Global Liquidity Program).

Under its Terms of Reference, the Board Steering Committee for the Fund Raising Exercise shall consist of Directors of FGV Board.

The Board Steering Committee for the Fund Raising Exercise comprises of three (3) Independent Non-Executive Directors and one (1) Non-Independent Executive Director, as follows :

1. Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
   Chairman of the Board Steering Committee for the Fund Raising Exercise
   (Independent Non-Executive Director)

2. Datuk Nozirah Bahari
   Member
   (Non-Independent Non-Executive Director)

3. Dato' Paduka Ismee Ismail
   Member
   (Independent Non-Executive Director)

4. Datuk Shahril Ridza Ridzuan
   Member
   (Independent Non-Executive Director)
   (Resigned as director on 26 December 2013)

5. Fazlur Rahman Ebrahim
   Member
   (Independent Non-Executive Director)
   (Appointed as Member on 8 April 2014)

Jawatankuasa Pemandu bagi Projek MI mengadakan sembilan (9) mesyuarat sepanjang TKB 2013. Butiran kehadiran adalah seperti berikut:

AHLI	BILANGAN MESYUARAT DIHADIRI PADA 2013
Dato' Yahaya Abd Jabar	9 daripada 9
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah	7 daripada 9
Mohd Emir Mavani Abdullah	7 daripada 9
Dato' Paduka Ismee Ismail	Tidak berkenaan
Datuk Shahril Ridza Ridzuan	Tidak berkenaan

Jawatankuasa Pemandu bagi Projek MI telah dibubarkan pada 29 April 2014.

Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Pengumpulan Dana

Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Pengumpulan Dana ditubuhkan pada 9 Disember 2013 dan diberi mandat oleh Lembaga Pengarah FGV untuk mengurus dan memberi panduan bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Projek GLIP (Global Liquidity Program – Program Kecairan Global).

Di BAWAH Terma dan Rujukannya, Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Pengumpulan Dana hendaklah terdiri daripada para Pengarah Lembaga FGV.

Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Pengumpulan Dana dianggotai oleh tiga (3) orang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan seorang (1) Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, seperti berikut :

1. Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
   Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Pengumpulan Dana
   (Pengarah Bukan Ekseutif Bebas)

2. Datuk Nozirah Bahari
   Ahli
   (Pengarah Bukan Ekseutif Bukan Bebas)

3. Dato' Paduka Ismee Ismail
   Ahli
   (Pengarah Bukan Ekseutif Bebas)

4. Datuk Shahril Ridza Ridzuan
   Ahli
   (Pengarah Bukan Ekseutif Bebas)
   (Meletak jawatan sebagai pengarah pada 26 Disember 2013)

5. Fazlur Rahman Ebrahim
   Ahli
   (Pengarah Bukan Ekseutif Bebas)
   (Dilantik sebagai Ahli pada 8 April 2014)

The Board Steering Committee for the Fund Raising Exercise responsibilities include the following:

(i) Spearhead the discussion and selection process with the shortlisted financial institution.

(ii) Spearhead all engagement, negotiations and discussions with the Due Diligence Working Group and other related matters pertaining to Project GLIP.

(iii) Approve holdings statements and investors relation material for the press and analysts, press conferences and analyst briefings.

(iv) Negotiate and finalise the terms of appointment of advisers such as investment banks, valuer, accountants, legal advisers, media consultant and other relevant professional advisers.

Given that the formation of the Board Steering Committee for the Fund Raising Exercise took place in late 2013, no meeting was held during the FYE 2013.

COMPANY SECRETARY

The Company Secretary has the prerequisite qualifications and experience to support the Board. The Company Secretary organises and attends all Board and Board Committee meetings and ensures meetings are properly convened; accurate and proper records of the proceedings and resolutions passed are maintained accordingly at the registered office of the Company; and produced for inspection, if required.

The Company Secretary is responsible for advising the Board on issues relating to corporate compliance with the relevant laws, rules, procedures and regulations affecting the Board and the Group, as well as best practices of governance. The Company Secretary is also responsible for advising the Directors of their obligations and duties to disclose their interest in securities, disclosure of any conflict of interest in a transaction involving prohibition on dealing in securities and restrictions on disclosure of price-sensitive information.

All Directors have unrestricted access to the advice and services of the Company Secretary. The Board through the Board evaluation assessment questionnaire evaluated the support and services of the Company Secretary for the fianancial year under review. The removal of the Company Secretary is a matter for the Board, as a whole.

INSIDER TRADING

In line with the Listing Requirements and the relevant provisions of the Capital Markets & Services Act 2007, Directors, key management personnel and principal officers of Felda Global Group are prohibited from trading in securities or any kind of property based on price sensitive information and knowledge, which have not been publicly announced. Notices on the closed period for trading in FGV's shares are circulated to Directors, key management personnel and principal officers who are deemed to be privy to any price sensitive information and knowledge, in advance of whenever the closed period is applicable. Further information on prohibitions relating to insider trading is codified in the Directors' CoEC and CoBP. A summary of the Directors' CoEC and CoBP is made available on the corporate website.

Tanggungjawab Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Pengumpulan Dana meliputi perkara-perkara beikut:

(i) Menerajui proses perbincangan dan pemilihan dengan institusi kewangan yang disenarai pendek.

(ii) Menerajui semua tugasan, rundingan dan perbincangan dengan Kumpulan Kerja Usaha Wajar dan perkara-perkara berkaitan lain mengenai Projek GLIP.

(iii) Meluluskan penyata pegangan dan perhubungan pelabur untuk akhbar dan penganalisis, sidang akhbar dan taklimat penganalisis.

(iv) Berunding dan memuktamadkan syarat-syarat pelantikan penasihat seperti bank-bank pelaburan, jurunilai, akauntan, penasihat undang-undang perunding media dan para penasihat profesional berkaitan lain.

Memandangkan Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Pengumpulan Dana dibentuk pada penghujung tahun 2013, tiada mesyuarat yang telah diadakan pada TKB 2013.

SETIAUSAHA SYARIKAT

Setiausaha Syarikat mempunyai prasyarat kelayakan dan pengalaman untuk menyokong Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat menyusun dan menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta memastikan mesyuarat diadakan secara teratur; rekod yang tepat dan bersesuaian bagi prosiding dan resolusi yang diluluskan disimpan dengan sewajarnya di pejabat berdaftar Syarikat; dan dikeluarkan untuk pemeriksaan , jika perlu.

Setiausaha Syarikat bertanggungjawab menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu berkaitan pematuhan korporat terhadap undang-undang, peraturan, prosedur dan penguatkusaan yang memberi kesan kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan, serta amalan-amalan tadbir urus terbaik. Beliau juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada Pengarah mengenai tanggungjawab dan tugas mereka dalam mendedahkan kepentingan mereka dalam sekuriti, pendedahan sebarang percanggahan kepentingan dalam urusniaga yang melibatkan larangan menjalankan urusniaga dalam sekuriti dan halangan pendedahan maklumat sensitif harga.

Semua Pengarah mempunyai akses tidak terhalang kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat. Lembaga Pengarah menilai sokongan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan menerusi soal selidik penilaian Lembaga Pengarah.

PEDAGANGAN DALAMAN

Selaras dengan Keperluan Penyenaraian dan peruntukan yang berkaitan dalam Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007, para Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai utama Kumpulan Felda Global adalah dilarang daripada menjalankan urusniaga perdagangan dalam sekuriti atau apa-apa jenis hartanah yang berdasarkan maklumat dan pengetahuan sensitif harga, yang belum diumumkan kepada orang ramai. Notis tempoh tutup urusniaga saham FGV diedarkan kepada para Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai utama yang dianggap sebagai mengambil bahagian dalam apa-apa maklumat dan pengetahuan sensitive harga, terdahulu sebelum tempoh tutup berkenaan. Maklumat selanjutnya mengenai larangan berkaitan perdagangan dalaman telah direkodkan dalam CoEC an CoBP Pengarah. Satu ringkasan CoEC dan CoBP Pengarah disediakan di laman sesawang korporat.

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

CONFLICT OF INTEREST

It has been the practice of the Company to require that members of the Board to make a declaration to that effect at the Board meeting in the event that they have interests in proposals being considered by the Board, including where such interest arises through close family members, in line with various statutory requirements on the disclosure of Director's interest.

Any interested Directors shall abstain from deliberations and decisions of the Board on the subject proposal and, where appropriate, excuse themselves from being physically present during such deliberations. Further information on conflict of interest is codified in the Directors' CoEC and CoBP. A summary of the Directors' CoEC and CoBP is made available on the corporate website.

SHAREHOLDER COMMUNICATION

The Board recognizes the importance in promoting an effective communications channel with all shareholders while ensuring consistency and clarity of disclosures at all times. An effective communications are aimed to provide its shareholders with transparent and accurate information of the Group's financial performance and position.

In this respect, the Company thrives in maintaining a high standard for the dissemination of relevant and material information of the Group. The Group Corporate Disclosure Policy provides the proper framework and guidelines to govern the release of material and sensitive information so as not to mislead the public and shareholders. Information that is price sensitive or may be regarded as undisclosed material information about the Group is not disclosed to any party until it is already in the public domain through proper disclosure.

FGV's Investor Relations programme ensures a planned and balanced engagement with its current and potential shareholders providing a variety of forum including meetings, conference calls, investor conferences and management presentations. All of investor relations activities are conducted by FGV's executive management, including Group Chief Executive Officer, Chief Financial Officer as well as other divisional management.

The full report on the Investor Relations unit activities are as stated on page 104 of this Annual Report.

Quarterly Results Analyst Briefings

The Company holds media and analyst results briefings and/or conference calls chaired by the Group President/Chief Executive Officer immediately after each announcement of quarterly results to Bursa Securities. The briefings provide a platform for analysts to receive a balanced and complete view of FGV Group's performance and the issues faced.

Investor Meetings

The Investor Relations unit has frequent one-on-one and group meetings with analysts, investors and potential investors throughout the year to provide constant communications with the investment community. Reasonable access to Senior Management is also provided to ensure analysts and important investors are able to meet with key executives within the Group.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Adalah menjadi amalan FGV untuk meminta ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk membuat perisytiharan yang berkaitan pada mesyuarat Lembaga Pengarah sekiranya mereka mempunyai kepentingan dalam cadangan yang sedang dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah, termasuk apabila kepentingan tersebut timbul menerusi ahli keluarga terdekat, selaras dengan keperluan berkanun berhubung pendedahan kepentingan Pengarah.

Mana-mana Pengarah yang mempunyai percanggahan kepentingan hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan Lembaga Pengarah mengenai cadangan terbabit dan, di mana wajar, mengecualikan diri daripada hadir secara fizikal semasa perbincangan tersebut. Satu ringkasan CoEC dan CoBP Pengarah disediakan di laman sesawang korporat.

KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan menggalakkan saluran komunikasi yang berkesan dengan semua pemegang saham sambil memastikan keseragaman dan kejelasan pendedahan sepanjang masa. Komunikasi yang berkesan bertujuan untuk menyediakan para pemegang sahamnya dengan maklumat yang telus dan tepat mengenai prestasi dan kedudukan kewangan Kumpulan.

Sehubungan itu, Syarikat komited dalam mengekalkan piawaian yang tinggi bagi penyebaran maklumat yang penting dan relevan mengenai Kumpulan. Dasar Pendedahan Korporat Kumpulan menyediakan rangka kerja dan garis panduan yang sesuai untuk mentadbir urus pengeluaran maklumat penting dan sensitif agar tidak mengelirukan orang awam dan pemegang saham. Maklumat yang sensitive harga atau yang boleh dianggap sebagai maklumat yang tidak boleh didedahkan mengenai Kumpulan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak sehingga ia sudah berada dalam domain awam menerusi pendedahan yang sewajarnya.

Program Perhubungan Pelabur FGV memastikan komunikasi terancang dan seimbang dengan pemegang saham semasa dan potensinya melalui penyediaan pelbagai forum termasuk mesyuarat, panggilan persidangan, persidangan pelabur dan pembentangan oleh pengurusan. Semua aktiviti perhubungan pelabur dijalankan oleh pengurusan eksekutif FGV, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan serta pengurusan bahagian yang lain.

Laporan penuh mengenai aktiviti unit Perhubungan Pelabur disediakan di muka surat 104 dalam Laporan Tahunan ini.

Taklimat Penganalisis mengenai Keputusan Sukuan Tahun

Syarikat mengadakan taklimat dan/atau persidangan media dan keputusan penganalisis yang dipengerusikan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan sejurus selepas setiap pengumuman keputusan suku tahun kepada Bursa Securities. Taklimat tersebut menyediakan platform bagi para penganalisis untuk menerima pandangan yang seimbang dan lengkap mengenai prestasi Kumpulan FGV dan isu-isu yang dihadapinya.

Mesyuarat Pelabur

Unit Perhubungan Pelabur mengadakan mesyuarat secara bersemuka dan berkumpulan dengan para penganalisis, pelabur dan bakal pelabur sepanjang tahun bagi menyediakan komunikasi yang berterusan dengan komuniti pelaburan. Akses yang munasabah kepada Pengurusan Kanan juga disediakan bagi memastikan penganalisis dan pelabur penting dapat bertemu dengan eksekutif utama dalam Kumpulan.

Investor queries may be addressed to the unit through the following contact :

Zaida Alia Shaari
Head of Investor Relations
Tel : +603 2692 8355
Email : zaida.s@feldaglobal.com

Corporate Website

FGV's corporate website at www.feldaglobal.com provides quick access to information about the Group. The information on the website includes corporate profile, Board and key management profiles, announcements to Bursa Securities, press releases, share and dividend information, investor presentations, financial results, and corporate news. The Company's website is updated periodically to provide current and comprehensive information about FGV Group.

Annual Report

FGV's Annual Report 2013 is its second Annual Report produced since its listing on Bursa Securities on 28 June 2012. The Annual Report provides a comprehensive report on the Group's operations and financial performance. The Annual Reports are also printed in summary form together with a digital version of the Annual Report in CD-ROM format. An online version of the Annual Report is also available on FGV's corporate website.

Media Coverage

Media coverage on the Group and Senior Management, either through print media or television coverage, is also initiated proactively at regular intervals to provide wider publicity and improve the general understanding of the Group's business among investors and the public.

GENERAL MEETINGS

The Group's Extraordinary General Meetings (EGM) and AGM represent the primary platforms for direct two-way interaction between the shareholders, Board and Management of the Group. The Chairman, at the commencement of a general meeting, informs shareholders of their right to a vote by poll.

The Company sends out the Notice of the AGM and related circulars to shareholders at least 21 days before the meeting as required under the Listing Requirements. FGV's first AGM since its listing date was held on 26th June 2013, which acted as a principal forum for dialogue with all shareholders.

All shareholders were encouraged and given sufficient opportunity to enquire about the Group's activities and prospects as well as their expectations and concerns. Shareholders were encouraged to participate in the Question and Answer session on the resolutions to be proposed or about the Group's operations in general. Shareholders who were unable to attend are allowed to appoint proxies in accordance with the Company's Articles to attend and vote on their behalf. The Chairman and the Board members are in attendance to provide clarifications, if any, on shareholders' queries. A press conference is held immediately after the AGM where the Chairman and Group President/Chief Executive Officer provide updates to the media representatives on matters pertaining to the Group. The outcome of the AGM is announced to Bursa Securities on the same day.

Pertanyaan pelabur boleh dihantar ke unit tersebut melalui butiran perhubungan berikut :

Zaida Alia Shaari
Ketua Perhubungan Pelabur
Tel : +603 2692 8355
Emael : zaida.s@feldaglobal.com

Laman Sesawang Korporat

Laman sesawang korporat FGV di www.feldaglobal.com memberikan akses pantas kepada maklumat mengenai Kumpulan. Maklumat di laman sesawang ini termasuk profil korporat, profil Lembaga Pengarah dan pengurusan utama, pengumuman kepada Bursa Securities, siaran akhbar, maklumat saham dan dividen, pembentangan pelabur, keputusan kewangan, dan berita korporat. Laman sesawang Syarikat dikemas kini secara berkala bagi memberikan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai Kumpulan FGV.

Laporan Tahunan

Laporan Tahunan 2013 FGV adalah Laporan Tahunan yang kedua dihasilkan sejak penyenaraiannya di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2012. Laporan Tahunan ini menyediakan laporan komprehensif mengenai operasi dan prestasi kewangan Kumpulan. Laporan Tahunan ini juga dicetak dalam bentuk ringkas berserta versi digital dalam format CD-ROM. Versi online Laporan Tahun ini juga boleh didapati di laman sesawang korporat FGV.

Liputan Media

Liputan media mengenai Kumpulan dan Pengurusan Kanan, sama ada menerusi media cetak atau liputan televisyen, juga telah dilaksanakan secara proaktif dari semasa ke semasa untuk memberi publisiti yang lebih luas dan meningkatkan pemahaman am mengenai perniagaan Kumpulan di kalangan pelabur dan orang ramai.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) dan AGM Kumpulan merupakan platform utama bagi interaksi dua hala antara pemegang saham, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan. Sebaik sahaja mesyuarat agung dimulakan, Pengerusi akan memaklumkan para pemegang saham mengenai hak mereka untuk mengundi melalui pungutan suara.

Syarikat mengedarkan Notis AGM dan pekeliling yang berkaitan kepada pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat sebagaimana yang dikehendaki di bawah Keperluan Penyenaraian. AGM pertama FGV sejak ia disenaraikan telah diadakan pada 26 Jun 2013, yang berperanan sebagai forum utama bagi dialog dengan semua pemegang saham.

Semua pemegang saham digalakkan dan diberi peluang yang sewajarnya untuk membuat pertanyaan mengenai aktiviti dan prospek Kumpulan serta jangkaan dan kebimbangan mereka. Pemegang saham digalakkan untuk mengambil bahagian dalam sesi Soal Jawab mengenai resolusi yang akan dicadangkan atau mengenai operasi Kumpulan secara umum. Pemegang saham yang tidak dapat hadir dibenarkan melantik proksi menurut Tataurusan Syarikat untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak mereka. Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah hadir untuk memberikan penjelasan terhadap pertanyaan para pemegang saham, jika ada. Sebuah sidang akhbar diadakan sebaik sahaja AGM tamat di mana Pengerusi dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan menyediakan kemas kini kepada wakil-wakil media berhubung perkara-perkara berkaitan Kumpulan. Keputusan AGM diumumkan kepada Bursa Securities pada hari yang sama.

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

DIVIDEND POLICY

The Company presently adopts a dividend pay-out ratio of at least 50% of its profit after tax (PAT) attributable to shareholders excluding non-recurring income. The dividend policy also takes into consideration the level of cash, gearing, return on equity and retained earnings, expected financial performance, projected levels of capital expenditure and other investment plans and working capital requirements, general financial condition, contractual obligations and other factors considered relevant by the Board.

As the Company is an investment holding company, its income and therefore its ability to pay dividends is dependent upon the dividends received from its subsidiaries, which in turn would depend on the subsidiaries' distributable profits, operating results, financial condition, capital expenditure plans and other factors deemed relevant.

Whilst the dividend policy reflects the Board's current views on FGV Group's financial and cash flow position, the dividend policy will be reviewed from time to time. It is the policy of the Board, in recommending dividends, to allow shareholders to participate in the Company's profit, as well as to retain adequate reserves for future growth.

FINANCIAL REPORTING AND DISCLOSURE

The Board ensures that shareholders are presented with a clear, balanced and comprehensive view of FGV Group's financial performance and prospects through the audited financial statements, quarterly announcement of results, the Chairman's Statement, the Group President/Chief Executive Officer's Business Review in the Annual Report as well as corporate announcements on significant developments affecting the Company and Group in accordance with the Listing Requirements.

The Board is satisfied that it has met its obligation to present a balanced and understandable assessment of the Company's position and prospects in the Directors' Report in pages 174 to 176 and the Financial Statements set out on pages 180 to 312 of this Annual Report.

INTERNAL CONTROLS

The Board recognises that the ultimate responsibility for ensuring FGV Group's sound internal control system and reviewing its effectiveness lies with the Board. The Statement on Risk Management and Internal Control which provides the key features of the risk management framework and an overview of the internal control system of FGV Group is set out in pages 146 to 157 of this Annual Report.

WHISTLE BLOWING POLICY

In line with the Whistle-blower Protection Act 2010, the Board had on 7 December 2012, established a Whistle Blowing Policy to encourage transparent and ethical conduct within the Group. The main objectives of this Whistle blowing Policy are:

DASAR DIVIDEN

Syarikat kini menerima pakai nisbah pembayaran dividen pada sekurang-kurangnya 50% daripada keuntungan selepas cukai (PAT) milik para pemegang saham tidak termasuk pendapatan tidak berulang. Dasar dividen juga mengambil kira paras tunai, penggearan, pulangan ke atas ekuiti dan pendapatan tersimpan, prestasi kewangan yang dijangkakan, unjuran tahap perbelanjaan modal serta rancangan-rancangan pelaburan lain dan keperluan modal kerja, keadaan kewangan umum, obligasi kontrak dan faktor-faktor lain yang dianggap berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

Oleh kerana Syarikat adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan, pendapatan dan keupayaannya untuk membayar dividen adalah bergantung kepada dividen yang diterima daripada anak-anak syarikatnya, yang sebaliknya bergantung kepada keuntungan boleh diagihkan, keputusan operasi, keadaan kewangan, pelan perbelanjaan modal anak-anak syarikat terbabit dan faktor-faktor lain yang dianggap berkaitan.

Walaupun dasar dividen mencerminkan pandangan terkini Lembaga Pengarah mengenai kedudukan kewangan dan aliran tunai Kumpulan FGV, namun dasar dividen itu akan dikaji dari masa ke semasa. Adalah menjadi dasar Lembaga Pengarah, dalam mengesyorkan dividen, untuk membenarkan pemegang saham mengambil bahagian dalam keuntungan Syarikat, selain mengekalkan rizab yang mencukupi untuk pertumbuhan masa hadapan.

LAPORAN KEWANGAN DAN PENDEDAHAN

Lembaga Pengarah memastikan supaya pemegang saham disediakan dengan pandangan yang jelas, seimbang dan komprehensif mengenai prestasi kewangan dan prospek Kumpulan FGV menerusi penyata kewangan yang telah diaudit, pengumuman keputusan suku tahunan, Penyata Pengerusi, Tinjauan Perniagaan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dalam Laporan Tahunan serta pengumuman korporat mengenai perkembangan penting yang mempengaruhi Syarikat selaras dengan Keperluan Penyenaraian.

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa ia telah memenuhi tanggungjawabnya untuk membentangkan satu penilaian yang seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Syarikat dalam Laporan Pengarah di muka surat 316 hingga 318 dan Penyata Kewangan yang disediakan di muka surat 322 hingga 454 dalam Laporan Tahunan ini.

KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui bahawa tanggungjawab utama untuk memastikan sistem kawalan dalaman Kumpulan FGV yang kukuh dan kajian keberkesanannya terletak pada Lembaga Pengarah. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang menyediakan ciri-ciri penting rangka kerja pengurusan risiko dan tinjauan mengenai sistem kawalan dalaman Kumpulan FGV dibentangkan di muka surat 146 hingga 157 dalam Laporan Tahunan ini.

DASAR PENDEDAHAN MAKLUMAT

Sejajar dengan Akta Perlindungan Pendedahan Maklumat 2010, pada 7 Disember 2012 Lembaga Pengarah telah mewujudkan Dasar Pendedahan Maklumat bagi menggalakkan tatalaku yang telus dan beretika dalam Kumpulan. Matlamat utama Dasar Pendedahan Maklumat ini adalah seperti berikut:

(i) To provide avenues for employees to disclose any acts of wrongdoing.

(ii) To assure the employees that they will be protected from reprisals, discrimination or victimization for whistle blowing in good faith.

(iii) To provide a formal mechanism for action on all reports made.

This policy allows individuals to report on alleged acts of wrongdoing within the Group such as, but not exhaustive to, the following :

1. Malpractice, impropriety, fraud and embezzlements.
2. Misappropriation of assets and funds.
3. Criminal breach of trust.
4. Illicit and corrupt practices.
5. Questionable or improper accounting.
6. Misuse of confidential information.
7. Acts or omissions, which are deemed to be against the interest of the Group, laws, regulations or public policies.
8. Breaches of any Group policies or Code of Ethics and Employee Conduct.
9. Attempts to deliberately conceal any of the above or other acts of wrongdoing.

Dedicated channels of reporting have been set-up as secure mechanisms to report any concerns as follows:

- Hotlines administered directly by the Head of Investigation from the Group's internal audit function through :

  (i) Email to alert@feldaglobal.com.
  (ii) Posting through e-Alert form on the Group's portal.
  (iii) Call to the following hotline number :

COUNTRY	ITFS#
Indonesia	001 803 60 1940
USA	1 855 503 0531
Thailand	1 800 060 162
Canada	1 855 526 8551
Malaysia	1800-888-717

- In writing or via email to specific key management identified in the Whistle blowing Policy.

(i) Untuk memberikan saluran kepada kakitangan bagi mendedahkan sebarang tindakan salahlaku.

(ii) Untuk meyakinkan kakitangan bahawa mereka akan dilindungi daripada serangan balas, diskriminasi atau penganiayaan untuk pendedahan maklumat berdasarkan niat yang baik.

(iii) Untuk menyediakan satu mekanisma rasmi untuk tindakan ke atas semua laporan yang dibuat.

Dasar ini membolehkan individu melaporkan dakwaan perbuatan salah laku dalam Kumpulan seperti, tetapi tidak terhad kepada, yang berikut:

1. Penyelewengan, salah laku, penipuan dan penggelapan wang.
2. Penyalahgunaan aset dan dana.
3. Jenayah pecah amanah.
4. Amalan haram dan rasuah.
5. Perakaunan tidak wajar atau boleh dipersoalkan.
6. Penyalahgunaan maklumat sulit.
7. Perbuatan atau pengecualian, yang dianggap sebagai bertentangan dengan kepentingan Kumpulan, undang-undang, peraturan atau dasar-dasar awam.
8. Pelanggaran mana-mana dasar Kumpulan atau Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan.
9. Percubaan untuk sengaja menyembunyikan mana-mana perbuatan di atas atau lain-lain tindakan salah laku.

Saluran laporan khusus seperti berikut telah disediakan sebagai mekanisma selamat untuk melaporkan sebarang kebimbangan:

- Talian bantuan yang ditadbir secara langsung oleh Ketua Siasatan daripada fungsi audit dalaman Kumpulan menerusi:

  (i) Emel kepada alert@feldaglobal.com.
  (ii) Makluman menerusi borang e-Alert di portal Kumpulan.
  (iii) Panggilan ke talian hotline berikut :

NEGARA	ITFS#
Indonesia	001 803 60 1940
USA	1 855 503 0531
Thailand	1 800 060 162
Canada	1 855 526 8551
Malaysia	1800-888-717

- Dalam bentuk bertulis atau menerusi e-mel kepada pengurusan utama tertentu yang dikenal pasti dalam Dasar Pendedahan Maklumat

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE
PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

All reports or complaints received will be treated with strict confidentiality and the reporting individual will not be at risk of victimisation or retaliation for reporting in good faith. All reports made will be investigated by the Group's internal audit function. Updates and the conclusions of the investigations will be provided to the Audit Committee on a quarterly basis.

RELATED PARTY TRANSACTIONS AND RECURRENT RELATED PARTY TRANSACTIONS POLICY

The Company had established its Related Party Transactions and Recurrent Related Party Transactions Policy on 7 December 2012.

The objectives of this policy and procedures are as follows :

1. To set out the framework for the identification, monitoring, evaluation, reporting and approval of Related Party Transactions and Recurrent Related Party Transactions of FGV Group.

2. To put in place the guidelines and processes to ensure that Related Party Transactions and Recurrent Related Party Transactions are undertaken on terms not more favourable to the Related Parties than generally available to the public, and are not detrimental to the minority shareholders and in the best interest of FGV Group.

All Related Party Transactions (including Recurrent Related Party Transactions) which require specific shareholders' approval are poll voted as mandated by the Listing Requirements.

The Company did not enter into any Recurrent Related Party Transactions which required shareholders' mandate at the previous AGM on 26th June 2013. At the forthcoming AGM, the Company will seek shareholders' ratification and mandate for the Recurrent Related Party Transactions of a revenue or trading nature. The details of the Recurrent Related Party Transactions requiring shareholders' ratification and mandate are provided in the Circular to Shareholders which will be sent together with the Annual Report.

RELATIONSHIP WITH EXTERNAL AUDITORS

The Company's transparent and professional relationship with the external auditors is primarily maintained through the Audit Committee and the Board. The key features underlying the Audit Committee's relationship with both internal auditors and the external auditors are detailed in the Report on the Audit Committee of this Annual Report in pages 158 to 169.

The Audit Committee works closely with the external auditors in establishing procedures in assessing the suitability and independence of the external auditors, in confirming that they are, and have been, independent throughout the conduct of the audit engagement with the Company in accordance with the independence criteria set out by the Malaysian Institute of Accountants.

Semua laporan atau aduan yang diterima akan ditangani dengan penuh kerahsiaan dan individu yang membuat laporan tidak akan menghadapi risiko penganiayaan atau serangan balas terhadap laporan yang dibuat. Semua laporan yang dibuat akan disiasat oleh fungsi audit dalaman Kumpulan. Maklumat terkini dan kesimpulan penyiasatan akan disediakan kepada Jawatankuasa Audit setiap suku tahun.

DASAR URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN DAN URUSNIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN YANG BERULANG

Syarikat telah mewujudkan Dasar Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang pada 7 Disember 2012.

Matlamat dasar dan prosedur ini adalah seperti berikut:

1. Untuk menetapkan rangka kerja bagi mengenal pasti, memantau, menilai, melapor dan meluluskan Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang bagi Kumpulan FGV.

2. Untuk menyediakan garis panduan dan proses untuk memastikan bahawa Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang dijalankan atas terma yang tidak lebih memihak kepada Pihak Berkaitan berbanding yang tersedia kepada umum, dan tidak menjejaskan pemegang saham minoriti serta memelihara kepentingan Kumpulan FGV.

Semua Urusniaga Pihak Berkaitan (temasuk Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang) yang memerlukan kelulusan pemegang saham secara spesifik akan diputuskan secara pungutan suara seperti yang dibenarkan oleh Keperluan Penyenaraian.

Syarikat tidak memeterai sebarang Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang yag memerlukan mandat pemegang saham di AGM yang lalu paa 26 Jun 2013. Di AGM yang akan datang, Syarikat akan mendapatkan ratifikasi dan mandat pemegang saham untuk Urusniaga Pihak Berkaitan yang Berulang berbentuk hasil atau perdagangan. Butiran Urusniaga Pihak Berkaitan Berulang yang memerlukan ratifikasi dan mandat pemegang saham disediakan dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham yang akan dihantar bersama-sama dengan Laporan Tahunan ini.

PERHUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUAR

Perhubungan telus dan profesional antara Syarikat dan juruaudit luar dikekalkan terutamanya menerusi Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Ciri-ciri utama yang mendasari perhubungan Jawatankuasa Audit dengan juruaudit dalaman dan juruaudit luar diperincikan dalam Laporan Jawatankuasa Audit dalam Laporan Tahunan ini di muka surat 158 hingga 169.

Jawatankuasa Audit bekerjasama secara rapat dengan juruaudit luar dalam menggariskan prosedur untuk menilai kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar, dalam mengesahkan bahawa mereka adalah, dan sentiasa bebas sepanjang pelaksanaan tugasan audit dengan Syarikat selaras dengan kriteria bebas yang digariskan oleh Institut Akauntan Malaysia.

In addition, to the best of the Audit Committee's knowledge, the Audit Committee is not aware of any non-audit services that had compromised the external auditors' independence. The terms of engagement of the external auditors are reviewed by the Audit Committee prior to submission to the Board for approval.

CORPORATE INTEGRITY PLEDGE

The FGV Group reinforces its commitment to a high level of governance and transparency by signing the Malaysian Corporate Integrity Pledge on 9 April 2012. This declaration signifies to the public that the Group supports and upholds Anti-Corruption Principles for Corporations in Malaysia as well as working towards creating a business environment that is free from corruption in the conduct of its business and in its interactions with its business partners and the Government.

SUSTAINABILITY

FGV Group manages its business responsibly by managing the environmental, social and governance aspects of its operations. As a company aspiring to be a globally integrated, diversified multi-national corporation, FGV is committed to all three principles of sustainability i.e. people, planet and profit (triple bottom line).

FGV has always encouraged balance between its triple bottom line and its role as a responsible corporate citizen whilst approaching it from the four dimensions of marketplace, community, workplace and environment.

FGV has published its first Sustainability Report in 2014 which is available on FGV's corporate website. The report represents a new chapter in FGV's journey and builds on its legacy and commitment to sustainable business practices. As FGV ramps up its effort towards implementing the Global Strategic Blueprint, it is important for FGV to demonstrate transparency in its commitment to sustainability through measurable and accountable environmental and social targets towards its stakeholders.

STATEMENT BY THE BOARD

This Statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors and approved at the Board meeting dated 29 April 2014.

On behalf of the Board

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Chairman

Di samping itu, berdasarkan pengetahuan terbaik Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Audit tidak menyedari tentang sebarang perkhidmatan bukan audit yang telah menjejaskan kebebasan juruaudit luar. Syarat-syarat tugasan juruaudit luar dikaji oleh Jawatankuasa Audit sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Kumpulan FGV memperkukuhkan komitmennya terhadap tahap tadbir urus dan ketelusan yang tinggi dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat Malaysia pada 9 April 2012. Ini menunjukkan kepada orang ramai bahawa Kumpulan menyokong dan berpegang kepada Prinsip-prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat-syarikat di Malaysia serta berusaha ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dalam pengendalian perniagaannya dan dalam interaksinya dengan rakan-rakan niaga dan pihak Kerajaan.

KEMAMPANAN

Kumpulan FGV menguruskan perniagaannya secara bertanggungjawab dengan mengurus aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus operasinya. Berdasarkan cita-cta syarikat untuk menjadi sebuah perbadanan multi nasional berpelbagai yang bersepadu secara global, FGV komited kepada ketiga-tiga prinsip kemampanan, iaitu manusia, planet dan keuntungan (asas tiga serangkai).

FGV sentiasa menggalakkan keseimbangan antara asas tiga serangkai dan peranannya sebagai sebuah warga korporat yang bertanggungjawab menerusi pendekatan empat dimensi, iaitu pasaran, komuniti, tempat kerja dan alam sekitar.

FGV telah menerbitkan Laporan Kemampanan pertamanya pada tahun 2014 yang boleh didapati di laman sesawang korporat FGV. Laporan tersebut mewakili lembaran baharu dalam pengembaraan FGV dan memanfaatkan warisan dan komitmennya terhadap amalan perniagaan yang mampan. Dalam usaha FGV mempertingkatkan usahanya ke arah melaksanakan Pelan Induk Strategik Global, adalah penting bagi FGV untuk menampilkan ketelusan dalam komitmennya terhadap kemampanan melalui sasaran alam sekitar dan sosial yang boleh diukur dan bertanggungjawab terhadap para pemegang kepentingannya.

PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah dan diluluskan di mesyuarat lembaga pengarah bertarikh 29 April 2014.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

YB TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD
Pengerusi

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

INTRODUCTION

THE BOARD OF DIRECTORS OF FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV OR THE COMPANY) IS COMMITTED AND PLEASED TO PROVIDE THE FOLLOWING STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL WHICH OUTLINES THE SCOPE AND NATURE OF RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROLS OF FGV AND ITS GROUP OF COMPANIES (FGV GROUP) FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31ST DECEMBER 2013.

THIS STATEMENT IS ISSUED PURSUANT TO PARAGRAPH 15.26 (B) OF BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD'S MAIN MARKET LISTING REQUIREMENTS AND IN ACCORDANCE WITH THE STATEMENT ON RISK MANAGEMENT & INTERNAL CONTROL: GUIDELINES FOR DIRECTORS OF LISTED ISSUERS.

PENGENALAN

LEMBAGA PENGARAH FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD (FGV ATAU SYARIKAT) KOMITED DAN BERBESAR HATI MENYEDIAKAN PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN YANG MENGGARISKAN SKOP DAN JENIS PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN FGV DAN SYARIKAT KUMPULANNYA (KUMPULAN FGV) BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31HB DISEMBER 2013.

PENYATA INI ADALAH MENURUT PERENGGAN 15.26 (B) KEPERLUAN PENYENARAIAN BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD DAN MENGIKUT KEPADA PENYATA RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN: PANDUAN UNTUK PENGARAH SYARIKAT TERSENARAI AWAM.

BOARD'S RESPONSIBILITY

The Board is fully responsible and accountable for the governance of the Group's risk management and internal control. It acknowledges that a control environment and a framework that is conducive are necessary to achieve a sound system of risk management and internal control. The overall board governance framework is enclosed in Figure 1 below.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab dan berkewajipan sepenuhnya ke atas tadbir urus pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan. Ia mengakui bahawa persekitaran kawalan dan rangka kerja yang kondusif adalah perlu untuk mencapai satu sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap. Rangka kerja tadbir urus lembaga yang menyeluruh adalah seperti ditunjukkan oleh Rajah 1 bawah.

FIGURE 1: BOARD GOVERNANCE FRAMEWORK
RAJAH 1: RANGKA KERJA TADBIR URUS LEMBAGA PENGARAH



* 2 other committees i.e : Steering Committee for MI and Board Steering Committee for the Fund Raising Exercise are not included as they do not constitute key roles in the Group's internal control.

* 2 jawatankuasa lain iaitu : Jawatankuasa Pemandu untuk MI dan Jawatankuasa Pemandu Lembaga Pengarah bagi Pelaksanaan Pengumpulan Dana tidak disertakan kerana kedua-duanya tidak termasuk dalam peranan penting kawalan dalaman Kumpulan.

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL
PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

The Board is assisted by four (4) committees. The Board Governance & Risk Management Committee (BGRMC) oversees the governance and risk management aspects of the Group. The Audit Committee (AC) oversees the implementation of a system of internal controls and audit. The Investment Committee (IC) assists the Board in ensuring investments undertaken is aligned to the Group's vision and overall risk appetite. The Nomination & Remuneration Committee (NRC) determines who goes into the board and who goes out from the board based on assessment of board members effectiveness and contribution. Similarly, at the Management level, NRC also determines the senior management member position from Vice President and above that goes into the Management and goes out of the Management. The NRC also determines the quantum of remuneration and benefits entitled to the board members and management members.

The Board has an on-going process for identifying, evaluating and managing significant risks faced by the Group. The Board has delegated the responsibility of monitoring the internal control and risk management systems to specific Board Committees. There are two (2) Committees at the Board level that have primary risk management and internal control oversight responsibilities:

i. Board Governance & Risk Management Committee, and

ii. Audit Committee.

The Investment Committee is also tasked to oversee and address the risks arising out of the specific investment decisions in investment projects that FGV undertakes.

These Committees empowered by clearly established and approved terms of reference, ensure that appropriate methods and procedures are used to obtain the level of assurance as required by the Board.

Management is responsible for implementing the Board's framework, policies and procedures on risk and internal controls. The Board has received assurance from the Group President/Chief Executive Officer and Group Chief Financial Officer that the Group's risk management framework and internal control systems of the Group are operating adequately and effectively in all material aspects, throughout the financial year ended 31st December 2013 and up to the date of this statement.

BOARD GOVERNANCE & RISK MANAGEMENT COMMITTEE (BGRMC)

The BGRMC supports the Board's oversight function on its statutory and fiduciary responsibilities in relation to governance, ethics and risk management. The BGRMC provides quarterly reports of the matters deliberated to the Board. The scope of BGRMC includes:

- Directing, overseeing, formulating, reviewing, monitoring and recommending the Group's governance framework, blueprints and policies with the view to inculcate an ethical and governance climate consistent with the Board's risk appetite, guided by the best practices of the Malaysian Code of Corporate Governance 2012.

Lembaga Pengarah dibantu oleh empat (4) jawatankuasa. Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga (BGRMC) menyelia aspek-aspek tadbir urus dan pengurusan risiko Kumpulan. Jawatankuasa Audit (AC) pula menyelia pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan audit, sementara Jawatankuasa Pelaburan (IC) membantu Lembaga Pengarah memastikan pelaburan yang dijalankan diselaraskan dengan visi dan keseluruhan tahap kesanggupan pengambilan risiko Kumpulan. Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan (NRC) pula menentukan inividu yang akan menyertai lembaga dan yang akan keluar daripada lembaga berdasarkan penilaian terhadap keberkesanan dan sumbangan setiap ahli lembaga. Begitu juga di peringkat Pengurusan, di mana NRC turut menentukan jawatan ahli pengurusan kanan daripada jawatan Naib Presiden ke atas yang menyertai Pengurusan dan yang keluar daripada Pengurusan. NRC turut menentukan kelayakan kuantum imbuhan dan manfaat untuk ahli-ahli lembaga dan pihak pengurusan.

Lembaga Pengarah mempunyai proses berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko yang ketara dihadapi oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah telah menyerahkan sistem tanggungjawab pemantauan kawalan dalaman dan pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah tertentu. Terdapat dua (2) Jawatankuasa di peringkat Lembaga Pengarah yang menggalas tanggungjawab utama dalam pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman:

i. Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga; dan

ii. Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Pelaburan juga ditugaskan untuk menyelia dan menangani risiko-risiko yang timbul daripada keputusan pelaburan tertentu dalam projek-projek pelaburan yang dijalankan oleh FGV.

Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut diberi kuasa menyediakan dan meluluskan terma rujukan yang jelas, memastikan kaedah dan prosedur yang digunakan bersesuaian bagi mendapatkan tahap jaminan yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah.

Pengurusan bertanggungjawab melaksanakan rangka kerja, dasar dan prosedur Lembaga Pengarah berhubung risiko dan kawalan dalaman. Lembaga telah menerima jaminan daripada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa rangka kerja sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan sedang beroperasi dengan mencukupi dan berkesan dalam semua aspek penting sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan sehingga ke tarikh penyata ini.

JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA PENGARAH (BGRMC)

BGRMC menyokong fungsi pengawasan Lembaga Pengarah berhubung tanggungjawab berkanun dan fidusiarinya berkaitan tadbir urus, etika dan pengurusan risiko. BGRMC menyediakan laporan suku tahunan mengenai perkara-perkara yang dibincangkan oleh Lembaga. Skop BGRMC termasuk:

- Mengarah, menyelia, merangka, mengkaji, memantau dan mencadangkan rangka kerja tadbir urus, pelan induk dan dasar-dasar Kumpulan dengan tujuan untuk menerapkan persekitaran beretika dan tadbir urus, sejajar dengan tahap kesanggupan mengambil risiko Lembaga, berpandukan amalan terbaik Kod Tadbir Urus Korporat 2012.

- Directing, overseeing, formulating, reviewing, monitoring and recommending to the Board on the Group's overall enterprise risk management framework and strategies, including policies, procedures, systems and capability. In return Risk Management Department (RMD) identifies, assess and manages business risks to ensure their relevance and appropriateness to the Group's position and business with respect to the overall risk appetite, tolerance and strategy.

- Reviewing any reporting of matters relating to the Group's governance ethics, and risk management to the shareholders and relevant authorities including in the Group's Annual Report.

- Ensuring proper follow-up is undertaken on the Audit Committee's observations and decisions in relation to the sufficiency or effectiveness of the Group's overall enterprise governance, ethics and risk management framework, strategies, policies, procedures and systems.

AUDIT COMMITTEE (AC)

The AC supports the Board's oversight function on risk management and internal control through the following:

- Assessing the risks and control environment by ensuring the effectiveness of the Group's system of internal control vis-a-vis the risks, control environment and compliance requirements.

- Overseeing financial reporting and processes.

- Assessing consistency and inclusiveness against the financial reporting process.

- Evaluating the internal and external audit process.

- Reviewing conflict of interest situations and related party transactions.

- Ensuring an appropriate Whistleblowing process is in place.

The AC deliberates on the above-mentioned to assess the state of the Group's management of risks and internal controls and management actions on the control issues identified on a quarterly basis. The internal control recommendations by Group Internal Audit are followed-up and reported to the AC to monitor the implementation of preventive and corrective actions to mitigate related risks.

The AC provides quarterly reports of the matters deliberated to the Board. For further details on the activities of the AC during the financial year 2013, please refer to the Report on the AC in pages 156 to 167 in the Annual Report.

- Mengarah, menyelia, merangka, mengkaji, memantau dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah keseluruhan rangka kerja dan strategi pengurusan risiko perniagaan, termasuk dasar, prosedur, sistem dan kemampuan. Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) kemudiannya mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko bagi memastikan keberkaitan dan kesesuaiannya dengan kedudukan dan perniagaan Kumpulan berkenaan dengan keseluruhan tahap risiko, toleransi dan strategi.

- Mengkaji sebarang laporan mengenai perkara-perkara berkaitan etika tadbir urus Kumpulan dan pengurusan risiko kepada para pemegang saham dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan, termasuk Laporan Tahunan Kumpulan.

- Memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil berhubung pemerhatian dan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit berkaitan kecukupan atau keberkesanan rangka kerja, strategi, dasar, prosedur dan sistem bagi tadbir urus, etika dan pengurusan risiko seluruh perniagaan Kumpulan.

JAWATANKUASA AUDIT (AC)

AC menyokong fungsi pengawasan Lembaga Pengarah dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman dengan melaksanakan perkara berikut:

- Menilai risiko dan persekitaran kawalan dalaman dengan memastikan keberkesanan sistem Kumpulan oleh kawalan dalaman yang mencakupi, antara lain, risiko, persekitaran kawalan dan keperluan pematuhan.

- Mengawasi laporan kewangan dan proses-prosesnya.

- Menilai keseragaman dan keterangkuman terhadap proses laporan kewangan.

- Menilai proses audit dalaman dan luaran.

- Mengkaji situasi percanggahan kepentingan dan transaksi pihak berkaitan.

- Memastikan proses Pendedahan Maklumat yang sewajarnya disediakan.

AC membincangkan mengenai perkara-perkara yang disebutkan di atas untuk menilai keadaan pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan serta tindakan pengurusan terhadap isu-isu kawalan yang dikenalpasti pada setiap suku tahun. Syor-syor kawalan dalaman oleh Audit Dalaman Kumpulan dan juruaudit luaran dibuat susulan dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit agar pelaksanaan tindakan pencegahan dan pembetulan bagi mengurangkan risiko-risiko berkaitan dapat dipantau.

AC menyediakan laporan suku tahunan mengenai perkara-perkara yang telah dibincangkan kepada Lembaga Pengarah. Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti AC pada tahun kewangan 2013, sila rujuk Laporan AC di mukasurat 156 hingga 167 di dalam Laporan Tahunan.

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL
PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

INVESTMENT COMMITTEE (IC)

The IC supports the Board's oversight function on the Group's risk management and internal control on business strategies and new investments through the following:

- To evaluate proposals on new investments and disposals of significant value to ensure consistency with the Global Strategic Blueprint (GSB) and returns in excess of a hurdle rate adjusted for risk and performance premium,
- To recommend investments of a prescribed amount as determined by the Board from time to time under the Group Discretionary Authority Limits (DAL),
- To review financial investment portfolios of the Company and Group,
- To oversee current and future capital and financial resource requirements,
- To monitor the fund raising activities of FGV Group; and
- To conduct the annual performance evaluation of FGV Group's investment activities.

All major new investment proposals are presented to the IC for deliberation and recommendation to the Board of Directors of FGV. Through the investment proposals, the IC evaluates risks related to new investment proposals. The Board considers the evaluation by the IC before any investment decisions are made. Once the Board approves on the specific investment, RMD monitors the progress of the agreed upon mitigation strategies of the project.

RISK MANAGEMENT FRAMEWORK

The Group has a Risk Management Framework in place to continuously identify, assess and monitor risks. The Framework enables the identification, assessment and management of key business risks protecting the interests of various stakeholders.

Under the Risk Management Framework, the Group Risk Management Committee (GRMC) meets regularly to identify, assess and monitor risks related to the operations. The GRMC comprises members of Executive Management Committee of the Group, except for MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) and prior to September 2013 submitted its quarterly report on the key risks facing the Group to the Audit Committee. Effective from 1st September 2013 onwards, the GRMC submits its quarterly report to Board Governance & Risk Management Committee (BGRMC). Any significant risks that require the Board's attention are escalated to it for deliberation.

The GRMC is supported by a Risk Management Department, Cluster Risk Champions and Risk Champions who are the representatives from respective business clusters and support units respectively, which facilitates in identifying, evaluating, managing and monitoring key risks. The Risk Champions are specifically tasked with ensuring the implementation of risk action plans to timely and effectively mitigate the risks.

Key risks are highlighted to the internal audit function for development of the internal audit plan. The risk management framework and activities are reviewed by the internal audit function annually.

JAWATANKUASA PELABURAN (IC)

IC menyokong fungsi pengawasan Lembaga Pengarah dalam pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan berkaitan strategi perniagaan dan pelaburan baharu dengan melaksanakan perkara berikut:

- Menilai cadangan-cadangan pelaburan yang baru dan pelupusan bernilai besar yang penting sejajar dengan Pelan Induk Strategi Kumpulan (GSB) dan memberi pulangan dengan kadar rintangan lebihan yang diselaraskan untuk premium risiko dan prestasi,
- Mencadangkan pelaburan mengikut jumlah tertentu yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa menurut Had Kuasa Budi Bicara (DAL) Kumpulan,
- Mengkaji portfolio pelaburan kewangan Syarikat dan Kumpulan,
- Menyelia keperluan sumber modal dan kewangan semasa dan masa depan,
- Memantau akitiviti pengumpulan dana Kumpulan FGV; dan
- Menjalankan penilaian prestasi tahunan aktiviti pelaburan Kumpulan FGV.

Semua cadangan pelaburan utama baharu dibentangkan kepada IC untuk dibincangkan dan dicadangkan kepada Lembaga Pangarah FGV. Menerusi cadangan-cadangan pelaburan tersebut, IC menilai risiko-risiko yang berkaitan dengan cadangan-cadangan pelaburan baharu itu. Lembaga Pengarah mempertimbangkan penilaian yang telah dibuat oleh IC sebelum sebarang keputusan pelaburan dibuat. Apabila Lembaga Pengarah meluluskan pelaburan tertentu, pemantauan akan dilakukan oleh RMD terhadap perkembangan strategi pengurangan yang telah dipersetujui bagi projek tersebut.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Kumpulan mempunyai Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang tersedia untuk sentiasa mengenalpasti, menilai dan memantau risiko. Rangka Kerja tersebut membolehkan pengenalpastian, penilaian dan pengurusan risiko perniagaan utama bagi melindungi kepentingan para pemegang berkepentingan.

Di bawah Rangka Kerja Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan (GRMC) bermesyuarat secara kerap untuk mengenal pasti, menilai dan memantau risiko yang berkaitan dengan operasi. GRMC terdiri daripada semua kakitangan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Kumpulan kecuali bagi MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan telah mengemukakan laporan suku tahunannya kepada Jawatankuasa Audit Kumpulan mengenai risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan sebelum bulan September 2013. Berkuatkuasa mulai 1 September 2013, GRMC telah mengemukakan laporan suku tahunannya kepada Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga (BGRMC). Sebarang risiko penting yang memerlukan perhatian Lembaga Pengarah dilaporkan kepadanya untuk perbincangan.

GRMC disokong oleh Jabatan Pengurusan Risiko, Juara Risiko Kelompok dan Juara Risiko yang merupakan wakil daripada kelompok perniagaan dan unit sokongan masing-masing, yang membantu mengenalpasti, menilai, mengurus dan memantau risiko-risiko utama. Juara Risiko diberi tugas khusus untuk memastikan ketepatan dan keberkesanan pelaksanaan pelan-pelan tindakan risiko dalam mengurangkan risiko-risiko terbabit.

Risiko utama diketengahkan kepada fungsi audit dalaman untuk Pembangunan pelan audit dalaman. Rangka kerja dan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko dikaji oleh fungsi audit dalaman setiap tahun.

MSM, as a listed company, reports its risk management activities to the MSM Audit Committee for subsequent deliberation at MSM Board. However, any significant risks impacting the FGV Group will be identified and reported to both, the GRMC as well as the MSM Audit Committee.

KEY INTERNAL CONTROLS

The key elements of the internal control structures of the Group set the tone in providing the fundamental discipline on risk management and control. These internal control structures apply to all of the Group's investments, except to the following:

- The Group's overseas subsidiaries, which are subject to local laws and customs, have their own internal control structures.
- MSM Malaysia Holdings Berhad, which is a listed subsidiary of the Group, which operates independently and has its own internal control structures.
- Felda Iffco Sdn. Bhd. and Trurich Resources Sdn. Bhd., which are significant joint ventures companies not managed by the Group.
- Significant associate companies (Felda Procter & Gamble, Taiko Clay, Paragon, MEO, etc)

The Group has continuously been undertaking efforts to enhance its internal control structures within the Group, extending to MSM and its overseas subsidiaries.

The key elements of the Group's internal control structures are as follows:

Sebagai sebuah syarikat tersenarai, MSM melaporkan kegiatan pengurusan risikonya kepada Jawatankuasa Audit MSM untuk perbincangan Lembaga Pengarah MSM. Walau bagaimanapun, sebarang risiko penting yang menjejaskan Kumpulan FGV akan dikenal pasti dan dilaporkan kepada GRMC serta Jawatankuasa Audit MSM.

KAWALAN DALAMAN UTAMA

Elemen-elemen penting dalam struktur kawalan dalaman Kumpulan menetapkan rentak dalam penyediaan disiplin asas pengurusan risiko dan kawalan. Struktur kawalan dalaman ini diguna pakai bagi semua pelaburan Kumpulan, kecuali yang berikut:

- Anak-anak syarikat Kumpulan di luar negara, yang tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tempatan, memiliki struktur kawalan dalaman mereka sendiri.
- MSM Malaysia Holdings Berhad yang merupakan anak syarikat tersenarai Kumpulan, beroperasi secara bebas dan memiliki struktur kawalan dalaman sendiri.
- Felda Iffco Sdn. Bhd. dan Trurich Resources Sdn. Bhd., merupakan syarikat usaha sama penting yang tidak diuruskan oleh Kumpulan.
- Felda Procter & Gamble, Taiko Clay, Paragon, MEO dan lain-lain merupakan syarikat bersekutu penting.

Kumpulan telah melaksanakan usaha berterusan untuk mempertingkatkan struktur kawalan dalamannya dalam Kumpulan yang merangkumi MSM dan anak-anak syarikatnya di luar negara.

Elemen penting struktur kawalan dalaman Kumpulan adalah seperti berikut:



STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL
PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

1. Integrity and Ethical Values

- **Code of Ethics and Conduct for Employees**

  The Group has a set of Code of Ethics and Conduct for Employees, which sets out the principles to guide Malaysian employees based locally or overseas in carrying out their duties and responsibilities to the highest standards of personal and corporate integrity. The Group's Code of Ethics and Conduct for Employees covers areas such as compliance with respective local laws and regulations, integrity, conduct in the workplace, business conduct, protection of the Group's assets, confidentiality, conflict of interest and anti-competition practices. All new Malaysian employees are provided awareness briefing on the Code of Ethics and Employee Conduct booklet upon joining the Group.

- **Integrity Initiatives**

  The Group had signed the Corporate Integrity Pledge with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) on 9th April 2012. The signing of the Corporate Integrity Pledge signifies the Group's unilateral declaration that it will not be involved with corruption, commit any act of corruption, work towards creating a business environment that is free from corruption and will uphold the Anti-Corruption Principles for Corporations in Malaysia. Several initiatives undertaken by the Group in FY 2013 are as follows:

  - Integrity awareness program for FGV Group 2013
  - Integrity Visit Programme
  - 'Integrity Champion' programme for Integrity enhancement
  - Integrity Plan
  - Code of Business Practice
  - Corporate Integrity Pledge and Integrity Pact
  - Whistle Blowing Policy and Procedures

  The Group Procurement Division has also revised the Procurement Code of Ethics (PCE) to provide ethical guidance to vendors when dealing with the Group. The revised PCE was effective on 15th July 2011. A series of road show was undertaken in 2012 to explain the PCE to Malaysian employees and vendors. In addition, Integrity Pact was also signed with the Group's registered vendors. A total of 724 vendors have signed the Integrity Pact as at 31st December 2013.

1. Integriti dan Nilai-nilai Etika

- **Kod Etika dan Tatalaku Pekerja**

  Kumpulan mempunyai satu set Kod Etika dan Tatalaku Pekerja yang menggariskan prinsip-prinsip yang membimbing kakitangan Malaysia yang berpangkalan di dalam atau di luar negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka mengikut piawaian integriti peribadi dan korporat tertinggi. Kod Etika dan Tatalaku Pekerja Kumpulan ini meliputi bidang-bidang seperti pematuhan kepada undang-undang dan peraturan tempatan, integriti, tatalaku di tempat kerja, tatacara perniagaan, perlindungan aset Kumpulan, kerahsiaan, percanggahan kepentingan dan amalan anti-persaingan. Semua kakitangan baharu di Malaysia diberi taklimat kesedaran mengenai Kod Etika dan Tatalaku Pekerja dan buku kecil mengenainya apabila menyertai Kumpulan.

- **Inisiatif Integriti**

  Kumpulan telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 9 Mac 2012. Majlis menandatangani Ikrar Integriti Korporat tersebut menandakan pengisytiharan sehala Kumpulan bahawa ia tidak akan terlibat dengan rasuah, melakukan apa-apa perbuatan rasuah, berusaha ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah dan akan mendokong Prinsip Pencegahan Rasuah bagi Syarikat-syarikat di Malaysia. Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kumpulan pada TK 2013 adalah seperti berikut:

  - Program kesedaran integriti bagi Kumpulan FGV 2013
  - Program Lawatan Integriti
  - Program 'Juara Integriti' untuk peningkatan Integriti
  - Pelan Integriti
  - Kod Amalan Perniagaan
  - Ikrar Integriti Korporat dan Perjanjian Integriti
  - Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat

  Bahagian Pemerolehan Kumpulan juga telah menyemak Kod Etika Pemerolehan (PCE) bagi menyediakan panduan etika kepada vendor ketika berurusan dengan Kumpulan. PCE yang telah disemak semula berkuatkuasa pada 15 Julai 2011. Satu siri jelajah telah dilaksanakan pada 2012 untuk menjelaskan tentang PCE kepada kakitangan dan vendor Malaysia. Selain itu, Perjanjian Integriti juga telah ditandatangani dengan vendor berdaftar Kumpulan. Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah 724 vendor telah menandatangani Perjanjian Integriti tersebut.

- **Whistleblowing Policy and Procedures**

  As the Group expects the highest standards of integrity, probity, transparency and accountability from all employees to preserve and protect the Group's interests and reputation, the Group takes a serious view of any acts of wrongdoing by any of its employees.

  The Board approved the Whistleblowing Policy and Procedures in December 2012, which enables employees to raise their concerns through various officially designated avenues in a confidential manner. The Procedures extend to the investigation process, reporting the investigation results and ensuring proper closure of all valid reports. Employees are accorded protection under the Policy for whistleblowing in good faith.

2. Assignment of Authority and Responsibility

- **Organisation Structure**

  The Group has a comprehensive organisational structure, which organises the business operations into four (4) core clusters and support groups. The organisation structure provides clear lines of reporting, authority and segregation of duties, which promotes ownership and accountability for risk taking and defines lines of accountability and delegated authority for planning, executing, controlling and monitoring of business operations. The organisational structure is reviewed on a regular basis to incorporate any emerging business needs.

- **Group Discretionary Authority Limits (DAL)**

  The Group has undertaken an initiative to compile and revise the Group DAL, which is aligned to the Group's appetite and tolerance for risk. The Board has approved the revised Group DAL on 30th November 2012, to be used consistently throughout the Group. The Group is in the process of revising its DAL and shall table it for Board's approval in FY2014.

  The Group DAL establishes a sound framework of authority and accountability within the Group, including segregation of duties, which facilitates timely, effective and quality decision-making at the appropriate levels in the Group's hierarchy which further translates into tighter financial controls and procedures.

- **Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat**

  Oleh kerana Kumpulan menuntut piawaian integriti, kejujuran, ketelusan dan kebertanggungjawaban tertinggi daripada semua kakitangan agar kepentingan dan reputasi Kumpulan terpelihara dan dilindungi, Kumpulan memandang serius sebarang perbuatan salah laku oleh mana-mana kakitangan.

  Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat pada Disember 2012, yang membolehkan kakitangan menyuarakan kebimbangan mereka menerusi pelbagai saluran rasmi yang telah dikhaskan secara sulit. Prosedur tersebut meliputi proses penyiasatan, laporan keputusan siasatan dan memastikan penutupan yang sewajarnya bagi semua laporan yang sah. Kakitangan diberi perlindungan di bawah Dasar ini agar mereka dapat membuat pendedahan maklumat dengan niat yang baik.

2. Tugasan Kuasa dan Tanggungjawab

- **Struktur Organisasi**

  Kumpulan mempunyai struktur organisasi komprehensif yang menyusun operasi perniagaan kepada empat (4) kelompok dan kumpulan sokongan teras. Struktur organisasi menyediakan aliran yang jelas bagi laporan, kuasa dan pembahagian tugas yang menggalakkan pemilikan dan kebertanggungjawaban dalam pengambilan risiko selain mentakrif had-had kebertanggungjawaban dan kuasa yang diwakilkan untuk perancangan, pelaksanaan, pengawalan dan pemantauan operasi perniagaan. Struktur organisasi ini dikaji dari semasa ke semasa untuk disertakan dengan sebarang keperluan perniagaan baharu.

- **Had Kuasa Budi Bicara Kumpulan (DAL)**

  Kumpulan telah mengambil inisiatif untuk menyusun dan menyemak DAL Kumpulan, yang diselaraskan dengan kesanggupan dan toleransi Kumpulan terhadap risiko. Lembaga Pengarah telah meluluskan semakan semula DAL Kumpulan pada 30 November 2012 untuk digunakan secara seragam di seluruh Kumpulan. Kumpulan dalam proses menyemak semula DAL dan akan membentangkannya untuk kelulusan Lembaga Pengarah pada TK2014.

  DAL Kumpulan mewujudkan rangka kerja yang kukuh bagi kuasa dan kebertanggungjawaban dalam Kumpulan, termasuk pembahagian tugas yang memudahkan proses membuat keputusan tepat pada masanya, berkesan dan berkualiti di peringkat yang sesuai dalam hierarki Kumpulan, seterusnya menghasilkan kawalan dan prosedur kewangan yang lebih ketat.

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL
PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

- **Job Description and Performance Management**

  The organisation structure is supported by clear description of the job responsibilities of each position and the linkage of related functions. Through this clarity of responsibilities and relationship between functions, the Group is moving towards operational efficiency.

  The Group's performance management is based on the Key Performance Indicators (KPI) system which aligns the performance of individuals to the financial targets and business plans of the Group as approved by the Board. The half-yearly review of the KPIs provides opportunity to ensure that efforts are taken to meet the performance requirements.

- **Executive Information System (EIS)**

  In FY2013, the Group had created Executive Information System (EIS) to track performance online. This gives tremendous visibility to the Management to monitor performance online and make quick and meaningful response to the competitive business environment. Key operational targets, financial metrics and valuations are updated and tracked on monthly basis. The Group has completed the EIS Phases 1 and 2 and is further developing EIS Phases 3 and 4 which shall be completed tentatively in FY 2015.

- **Penerangan Tugas dan Pengurusan Prestasi**

  Struktur organisasi disokong oleh penerangan yang jelas mengenai tanggungjawab tugas setiap jawatan dan hubungan antara fungsi yang berkaitan. Menerusi tanggungjawab dan hubungan yang jelas antara fungsi ini, Kumpulan bergerak ke arah kecekapan operasi.

  Pengurusan prestasi Kumpulan adalah berdasarkan sistem Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang menyelaraskan prestasi individu dengan sasaran kewangan dan pelan perniagaan Kumpulan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kajian setengah-tahunan ke atas KPI tersebut menyediakan peluang untuk memastikan bahawa usaha-usaha telah diambil bagi memenuhi keperluan prestasi.

- **Sistem Maklumat Eksekutif (EIS)**

  Pada TK2013, Kumpulan telah mewujudkan Sistem Maklumat Eksekutif (EIS) untuk memantau prestasi secara dalam talian. Kaedah ini memberi skop pandangan yang luas kepada Pengurusan untuk memantau prestasi secara dalam talian dan bertindak balas secara pantas dan bermakna terhadap persekitaran perniagaan yang bersaingan. Sasaran operasi, metriks dan nilaian kewangan penting dapat dikemas kini dan dipantau setiap bulan. Kumpulan telah dapat menyelesaikan Fasa 1 dan 2 EIS dan sedang membangunkan Fasa 3 dan 4 yang dijangka akan selesai pada TK 2015.

FIGURE 2: EXECUTIVE INFORMATION SYSTEM (EIS)
RAJAH 2: SISTEM MAKLUMAT EKSEKUTIF (EIS)



* Phase 3 & 4 can be done concurrently
* Fasa 3 & 4 boleh diadakan serentak

3. Commitment to Competency

- **Talent Pipeline Program**

  A Talent Pipeline Program has been implemented within the organisation to meet future leadership demands of the Group. In this respect, the Group has identified potentials from within the organisation and has been intensifying its efforts to raise these talents to meet the growth strategies and succession needs of the Group. The Talent Pipeline Program includes intensified leadership development, mentoring, and coaching, cross-functional and cross-border assignments.

- **External Recruitment**

  FGV Group also recruits talents from open market to fill positions required by the Group. FGV Group practices open recruitment based on merit, suitability, relevant industry experience, value-added and synergy to the Group.

- **Trainee Programs**

  The Group has attractive Cadet Planter, Cadet Mill, Management Trainee and Accountant Trainee programs (the Trainee Programs) to attract high potential graduates to the Group to provide continuous supply of high calibre talent to the Group. Upon completing 9 months field training and 3 months classroom training, selected Cadet Planters will be absorbed and placed as Assistant Manager in the estates. Similarly, upon completing 9 months field training and 3 months classroom training, selected Cadet Mills will be absorbed and placed as Assistant Manager in the palm oil mills. Management Trainees are hired according to specific disciplines as required by the Group and attached to specific department and shall be absorbed into the Group upon successful selection process. The Accountant Trainees are placed through professional accounting certifications (i.e. ACCA, ICAEW, CIMA or equivalent) to ensure that the Group is supported with properly qualified individuals.

  The Trainee Programs are selected through a rigorous process. They are placed through a carefully designed program to provide them the experience and exposure, aimed at raising them to middle management capability at an accelerated rate.

- **On-going Development Programs**

  The Group is committed to developing all levels of its human capital. Development programs are undertaken through its Group, Cluster and Company human resource initiatives. The Group level initiatives are focused on leadership and soft skills, whilst the Cluster or Company levels are more focused on technical industry skills.

3. Komitmen terhadap Daya Saing

- **Program Penyaluran Bakat**

  Satu Program Penyaluran Bakat telah dilaksanakan dalam organisasi untuk memenuhi keperluan kepimpinan masa depan Kumpulan. Sehubungan ini, Kumpulan telah mengenal pasti individu-individu berpotensi dari dalam organisasi dan telah menggiatkan lagi usahanya untuk memupuk bakat-bakat ini bagi memenuhi keperluan strategi pertumbuhan dan penggantian Kumpulan. Program Penyaluran Bakat mencakupi pembangunan kepimpinan yang diperhebatkan, bimbingan dan latihan, serta tugasan merentas fungsi dan merentas sempadan.

- **Pengambilan Luar**

  Kumpulan FGV juga mengambil bakat-bakat dari pasaran luar bagi mengisi jawatan-jawatan yang diperlukan oleh Kumpulan. Kumpulan FGV mengamalkan pengambilan terbuka berdasarkan merit, kesesuaian, pengalaman industri berkaitan, nilai tambah dan sinergi kepada Kumpulan.

- **Program Pelatih**

  Kumpulan mempunyai program-program Kadet Peladang, Kadet Kilang, Pelatih Pengurusan dan Pelatih Akauntan (Program Pelatih) untuk menarik minat graduan berpotensi tinggi menyertai Kumpulan untuk menyediakan bekalan bakat amat berwibawa secara berterusan kepada Kumpulan. Selepas menamatkan latihan lapangan selama 9 bulan dan latihan di dalam kelas selama 3 bulan, Kadet Peladang yang dipilih akan diserapkan dan ditempatkan sebagai Penolong Pengurus di ladang-ladang. Begitu juga dengan Kadet Kilang di mana selepas menamatkan latihan selama 9 bulan di lapangan dan 3 bulan di dalam kelas, Kadet Kilang yang terpilih akan diserap dan ditempatkan sebagai Penolong Pengurus di kilang-kilang sawit. Pelatih Pengurusan diambil menurut bidang-bidang tertentu seperti yang diperlukan oleh Kumpulan dan ditugaskan ke jabatan tertentu serta akan diserapkan ke dalam Kumpulan setelah berjaya menjalani proses pemilihan. Pelatih Akauntan dikehendaki melalui pensijilan perakaunan profesional (iaitu ACCA, ICAEW, CIMA atau yang setaraf) bagi memastikan Kumpulan disokong oleh individu-individu yang mempunyai kelayakan yang sesuai.

  Para pelatih dalam Program Pelatih dipilih melalui proses yang ketat. Mereka ditempatkan dalam program yang direka dengan teliti untuk memberi mereka pengalaman dan pendedahan, bertujuan untuk meningkatkan mereka ke tahap kemampuan pengurusan pertengahan dalam tempoh yang singkat.

- **Program Pembangunan Berterusan**

  Kumpulan komited untuk membangunkan modal insannya di semua peringkat. Program-program pembangunan dijalankan menerusi inisiatif sumber manusia pada peringkat Kumpulan, Kelompok dan Syarikat. Inisiatif peringkat Kumpulan tertumpu kepada kemahiran kepimpinan dan insaniah, manakala peringkat Kelompok atau Syarikat lebih tertumpu kepada kemahiran industri teknikal.

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL
PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

4. Policies and Procedures

- **Operational Policies and Procedures**

  The Group operates based on existing policies and procedures. The Operational Policies and Procedures (the Policy) are periodically and partially reviewed to remain effective and relevant to support the Group's business activities at all times as it continues to grow and transform locally and across borders. The Policy also facilitates compliance to regulations, listing and governance requirements.

  The Group issued a Related Party Transaction Policy and Procedures with approval of the Board in December 2012. The Group will review the existing policies and procedures progressively in FY2014.

- **Budgetary Process**

  Business Planning, which is coordinated and aligned to specific objectives, is essential to direct the activities of each business operations towards meeting the Group's objectives. With this view, the Group emphasises on a comprehensive annual budgeting process to ensure that the Group's business plans are in line with the Group's approved GSB.

5. On-going Monitoring

- **Financial and Operational Review**

  Financial and Operational Review is a mechanism adopted to measure the Group's performance against its business plan, annual budget and the Group's approved GSB. The Financial and Operational review is undertaken on a regular basis by Executive Committee comprising all Senior Management of the Group.

  The Group had presented its quarterly Financial and Operational Review to AC in addition to the financial results announcement required to be made quarterly to Bursa Malaysia. These are subsequently recommended to the Board for their approval.

- **Group Internal Audit (GIA)**

  Group Internal Audit undertakes audit reviews aimed at assisting the Audit Committee and the Board to assess the design and operating effectiveness of the system of risk management and internal controls.

  GIA plays a pivotal role in improving the effectiveness of risk management, control and governance processes of the Group's operations through its recommendations for improvement in internal controls and consulting services on related matters. GIA follows-up on the decisions and instructions of the Audit Committee to ensure improvement actions are taken. Based on the follow-up conducted during the year, actions have been taken towards improvements in the related areas.

4. Dasar dan Prosedur

- **Dasar dan Prosedur Operasi**

  Kumpulan beroperasi menurut dasar dan prosedur sedia ada. Dasar dan Prosedur Operasi (Dasar) ini dikaji secara berkala mengikut bahagian agar kekal berkesan dan relevan dalam menyokong aktiviti perniagaan Kumpulan sepanjang masa dalam pada ia terus berkembang dan berubah secara setempat dan merentasi sempadan. Dasar ini juga memudahkan pematuhan kepada keperluan peraturan, penyenaraian dan tadbir urus.

  Kumpulan telah mengeluarkan Dasar dan Prosedur Urusniaga Pihak Berkaitan dengan kelulusan Lembaga Pengarah pada Disember 2012. Kumpulan akan mengkaji dasar dan prosedur sedia ada secara beransur-ansur pada TK2014.

- **Proses Belanjawan**

  Perancangan Perniagaan yang diselaraskan dan sejajar dengan objektif-objektif tertentu adalah penting dalam memastikan hala tuju aktiviti setiap operasi perniagaan untuk memenuhi objektif Kumpulan. Sehubungan itu, Kumpulan memberi penekanan terhadap proses belanjawan tahunan yang komprehensif bagi memastikan rancangan perniagaan Kumpulan selaras dengan GSB Kumpulan yang telah diluluskan.

5. Pemantauan Berterusan

- **Kajian Kewangan dan Operasi**

  Kajian Kewangan dan Operasi adalah satu mekanisme yang diterima pakai untuk mengukur prestasi Kumpulan berbanding rancangan perniagaan, belanjawan tahunan dan GSB Kumpulan yang telah diluluskan. Kajian Kewangan dan Operasi dijalankan secara kerap oleh Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada semua Pengurusan Kanan Kumpulan.

  Kumpulan telah membentangkan Kajian Kewangan dan Operasi suku tahunan kepada Jawatankuasa Audit di samping pengumuman keputusan suku tahunan kewangan kepada Bursa Malaysia. Ini kemudiannya disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

- **Audit Dalaman Kumpulan (GIA)**

  Audit Dalaman Kumpulan menjalankan kajian audit bertujuan untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah menilai reka bentuk dan keberkesanan operasi sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman.

  GIA memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dan urus tadbir operasi Kumpulan menerusi cadangan-cadangan penambahbaikan bagi kawalan dalaman dan khidmat rundingan bagi perkara-perkara berkaitan. GIA membuat susulan ke atas keputusan dan arahan Jawatankuasa Audit bagi memastikan tindakan penambahbaikan telah diambil. Berdasarkan susulan yang dijalankan pada tahun ini, tindakan telah diambil untuk menambah baik bidang-bidang berkaitan.

The FGV Group has several jointly controlled entities and associates. The Group's risk management process, internal audit review and internal control system do not apply to jointly controlled entities and associates where the Group does not have full management control.

Kumpulan FGV mempunyai beberapa entiti dikawal bersama dan syarikat bersekutu. Proses pengurusan risiko, tinjauan audit dalaman dan sistem kawalan dalaman Kumpulan tidak tertakluk kepada entiti dikawal bersama dan syarikat bersekutu di mana Kumpulan tidak mempunyai kawalan pengurusan sepenuhnya.

REVIEW OF THE STATEMENT BY EXTERNAL AUDITORS

As required by Paragraph 15.23 of the Bursa Malaysia Securities Berhad Main Market Listing Requirements, the external auditors have reviewed this Statement on Risk Management and Internal Control. Their review was performed in accordance with Recommended Practice Guide (RPG) 5 (Revised) issued by the Malaysian Institute of Accountants. RPG 5 (Revised) does not require the external auditors to form an opinion on the adequacy and effectiveness of the risk management and internal control systems of the Group.

CONCLUSION

Based on the processes and measures undertaken by the Board and its Committees during the financial year and assurance provided by the Group President/Chief Executive Officer and Group Chief Financial Officer, the Board is of the view that the risk management and internal control system as described in this Statement is operating adequately and effectively, in all material aspects, to mitigate the Group's major risks. The Board continues to take pertinent measures to sustain and, where required, to improve the Group's risk management and internal control systems to meet the Group's objectives. There is continual focus on measures to protect shareholder value and business sustainability.

This statement is made in accordance with a resolution of the Board of Directors dated 29th April 2014.

SEMAKAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Seperti yang dikehendaki oleh Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan mereka dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan yang Disyorkan (RPG) 5 (Disemak Semula) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Disemak Semula) tidak memerlukan juruaudit luar untuk membentuk pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

KESIMPULAN

Berdasarkan proses dan langkah yang diambil menerusi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya sepanjang tahun kewangan serta jaminan yang disediakan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman seperti yang dinyatakan di dalam Penyata ini telah beroperasi dengan secukupnya dan berkesan, bagi semua aspek penting, dalam mengurangkan risiko-risiko utama Kumpulan. Lembaga Pengarah akan terus mengambil tindakan bersesuaian bagi mengekalkan dan di mana perlu, akan memperbaiki pengurusan risiko Kumpulan dan sistem kawalan dalamannya untuk memenuhi matlamat Kumpulan. Terdapat tumpuan berterusan terhadap langkah-langkah untuk melindungi nilai pemegang saham dan kemampanan perniagaan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 29 April 2014.

REPORT ON THE AUDIT COMMITTEE
LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

The Board of Directors of Felda Global Ventures Holdings Berhad (the FGV Board) is pleased to present the Report on the Audit Committee for the financial year ended 31 December 2013.

Lembaga Pengarah Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dengan sukacita membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

COMPOSITION AND MEETINGS

KOMPOSISI DAN MESYUARAT

The Audit Committee held ten (10) meetings during the financial year ended 31 December 2013.

Jawatankuasa Audit telah mengadakan sepuluh (10) mesyuarat pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

The members of the Audit Committee during the financial year 2013 up to 29 April 2014 and the record of their attendance are as follows:

Ahli-ahli Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan 2013 hingga 29 April 2014 dan rekod kehadiran mereka di mesyuarat adalah seperti berikut:

Directors **Pengarah**	**Date of appointment in the Audit Committee** **Tarikh pelantikan ke Jawatankuasa Audit**	**Designation** **Jawatan**	**Number of meetings attended in 2013** **Bilangan mesyuarat dihadiri pada 2013**
1. Fazlur Rahman Ebrahim (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	8 April 2014 / 8 April 2014	Chairman Pengerusi	Not applicable Tidak berkenaan
2. Dato' Paduka Ismee Ismail (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	17 April 2013 / 17 April 2013 (Appointed as Chairman on 12 March 2014) (Resigned as Chairman on 8 April 2014) (Dilantik sebagai Pengerusi pada 12 Mac 2014) (Meletak jawatan sebagai Pengerusi pada 8 April 2014)	Member Ahli	5 out of 7 5 daripada 7
3. Datuk Shahril Ridza Ridzuan (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	30 January 2012 / 30 Januari 2012 (Resigned as Chairman/Member on 26 December 2013) (Meletak jawatan sebagai Pengerusi/Ahli pada 26 Disember 2013)	Chairman Pengerusi	10 out of 10 10 daripada 10
4. Datuk Dr. Omar Salim (Non-Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas)	30 January 2012 / 30 Januari 2012	Member Ahli	10 out of 10 10 daripada 10
5. Dato' Abdul Rahman Ahmad (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	30 January 2012 / 30 Januari 2012 (Resigned as Member on 28 February 2013) (Meletak jawatan sebagai Ahli pada 28 Februari 2013)	Member Ahli	2 out of 2 2 daripada 2
6. Dato' Yahaya Abd Jabar (Senior Independent Non-Executive Director) (Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif)	7 December 2012 / 7 Disember 2012	Member Ahli	10 out of 10 10 daripada 10
7. Datuk Wira Jalilah Baba (Independent Non-Executive Director) (Pengarah Bukan Eksekutif Bebas)	17 April 2013 / 17 April 2013 (Resigned as Member on 19 August 2013) (Meletak jawatan sebagai Ahli pada 19 Ogos 2013)	Member Ahli	4 out of 4 4 daripada 4

The Audit Committee was established on 25 March 2010 to act as a Committee of the Board.

The Audit Committee comprise exclusively of Non-Executive Directors, a majority of whom are Independent Non-Executive Directors. Dato' Paduka Ismee Ismail is a Fellow member of The Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom ("CIMA") and a member of the Malaysian Institute of Accountants ("MIA").

All members of the Audit Committee are financially literate and are able to analyse and interpret financial statements to effectively discharge their duties and responsibilities. The Audit Committee, therefore, meets the requirements of paragraph 15.09(1)(c) of the Listing Requirements which stipulates that at least one (1) member of the Audit Committee must be a qualified accountant.

The Audit Committee held ten (10) meetings in the financial year ended 31 December 2013. During the financial year, the Group President/ Chief Executive Officer ("CEO"), Chief Financial Officer, Chief Internal Auditor and Head of various operations attended the meetings upon the invitation of the Audit Committee.

The Audit Committee Chairman reports to the Board on principal matters deliberated at Audit Committee Meetings. Minutes of each meeting are circulated to the Board at the most practicable next Board Meeting.

The external auditors briefed the Audit Committee on matters relating to the external audit at five (5) Audit Committee Meetings held during the financial year. The Audit Committee has the right to meet the external and internal auditors without the presence of the Executive Directors and Management. The Audit Committee had two (2) private sessions with the external auditors without the presence of the Management during the financial year.

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 25 Mac 2010 untuk bertindak sebagai sebuah Jawatankuasa bagi Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Audit terdiri secara eksklusif daripada para Pengarah Bukan Eksekutif yang majoriti daripada mereka merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas. Dato' Paduka Ismee Ismail adalah seorang ahli Fellow Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom ("CIMA") dan ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA").

Semua ahli Jawatankuasa Audit berkepakaran dalam bidang kewangan dan boleh menganalisis serta mentafsir penyata kewangan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Dengan ini, Jawatankuasa Audit telah memenuhi syarat-syarat perenggan 15.09(1)(c) Keperluan Penyenaraian yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan seorang akauntan bertauliah.

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Jawatankuasa Audit telah mengadakan sepuluh (10) mesyuarat. Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ("CEO"), Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua daripada pelbagai operasi telah menghadiri mesyuarat yang diadakan pada tahun ini atas jemputan Jawatankuasa Audit.

Pengerusi Jawatankuasa Audit melapor kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara utama yang dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Audit. Minit setiap mesyuarat diedarkan kepada Lembaga Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah akan datang.

Juruaudit luar memberi taklimat kepada Jawatankuasa Audit mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan audit luar pada lima (5) mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan sepanjang tahun kewangan ini. Jawatankuasa Audit juga berhak untuk bertemu dengan juruaudit luar dan dalaman tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan Pengurusan. Jawatankuasa Audit juga telah mengadakan dua (2) sesi pertemuan tertutup dengan juruaudit luar pada tahun kewangan ini tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

REPORT ON THE AUDIT COMMITTEE
LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

TERMS OF REFERENCE OF THE AUDIT COMMITTEE

1. Purpose

The purpose of the Audit Committee is to assist the Board in fulfilling the following key responsibilities:

(i) Assessing the risks and control environment;

(ii) Overseeing financial reporting;

(iii) Evaluating the internal and external audit process; and

(iv) Reviewing conflict of interest situations and related party transactions.

2. Composition

(i) The Audit Committee members shall be appointed by and from the Board of FGV, and shall comprise of not less than three (3) members.

(ii) All members of the Audit Committee shall be Non-Executive Directors with a majority being Independent Directors of FGV. An alternate Director cannot be appointed as a member of the Audit Committee.

(iii) At least one member of the Audit Committee :

a) must be a member of the Malaysian Institute of Accountants; or

b) if he is not a member of the Malaysian Institute of Accountants, he must have at least 3 years relevant working experience and :

- he must have passed the examinations specified in Part I of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or
- he must be a member of one of the associations of accountants specified in Part II of the 1st Schedule of the Accountants Act 1967; or

c) fulfills such other requirements as prescribed by the Bursa Malaysia.

(iv) All members of the Audit Committee shall be financially literate.

(v) In the event a member of the Audit Committee resigns, dies or for any other reason ceases to be a member with the result that 2(i), 2(ii) and 2(iii) is not complied with, the Board shall within three (3) months of that event appoint such number of new members as may be necessary to make up the requirements.

(vi) The members of the Audit Committee shall elect a Chairman from among themselves, who shall be an Independent Director.

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

1. Tujuan

Tujuan penubuhan Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab utama berikut:

(i) Menilai risiko-risiko dan persekitaran kawalan;

(ii) Memantau laporan kewangan;

(iii) Menilai proses audit dalaman dan luar; dan

(iv) Mengkaji keadaan percanggahan kepentingan dan urusniaga pihak berkaitan.

2. Komposisi

(i) Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh dan daripada kalangan Lembaga Pengarah FGV, dan hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli.

(ii) Semua ahli Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dengan majoriti daripada mereka merupakan Pengarah Bebas FGV. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

(iii) Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:

a) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau

b) jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang berkaitan dan:

- beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 1 Akta Akauntan 1967; atau
- beliau mestilah merupakan ahli salah sebuah persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 1 Akta Akauntan 1967; atau

c) memenuhi keperluan lain yang telah ditetapkan oleh Bursa Malaysia.

(iv) Semua ahli Jawatankuasa Audit mestilah berpengetahuan dalam bidang kewangan.

(v) Sekiranya seorang ahli Jawatankuasa Audit meletak jawatan, meninggal dunia atau atas sebarang sebab lain tidak lagi menjadi ahli dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap perkara 2(i), 2(ii) and 2(iii), Lembaga Pengarah hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada peristiwa tersebut, melantik bilangan ahli baru yang perlu untuk keperluan-keperluan tersebut

(vi) Ahli-ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang Pengerusi dari kalangan mereka sendiri, yang merupakan seorang Pengarah Bebas.

3. Authority

The Audit Committee shall have the following authorities relating to FGV Group as empowered by the Board:

(i) To investigate any activity or matter within its terms of reference;

(ii) To acquire the resources which are required to perform its duties;

Saya, Ahmad Tifli Dato' Mohd Talha, Pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Felda Global Ventures Holdings Berhad, dengan ini sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 322 hingga 454 adalah menurut pendapat saya betul, dan saya membuat perakuan ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan memenuhi peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

AHMAD TIFLI DATO' MOHD TALHA

Diperakui dengan sesungguhnya dan sebenarnya oleh penama di atas Ahmad Tifli Dato' Mohd Talha di Kuala Lumpur pada 29 April 2014, di hadapan saya.

PESURUHJAYA SUMPAH

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No. A-W 201
EN. MOHD ZAWAWI B. HJ HAMDI @ ABDUL MANAP
MAHKAMAH
KUALA LUMPUR
KUALA LUMPUR

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI FELDA GLOBAL VENTURES HOLDINGS BERHAD

LAPORAN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Felda Global Ventures Holdings Berhad di muka surat 322 hingga 454, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan bagi Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang telah berakhir, serta ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota penjelasan yang lain, seperti yang dibentangkan dalam Nota 1 hingga 59.

Tanggungjawab para Pengarah ke atas penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan supaya ia memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti yang mereka tentukan perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang penting, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami ialah untuk memberi pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mengkehendaki kami mematuhi kehendak-kehendak etika serta merancang dan melaksanakan audit bagi mendapatkan jaminan munasabah bahawa penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata yang penting.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur bagi mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan yang dinyata dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko akibat salah nyata yang penting dalam penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami menilai kawalan dalaman entiti-entiti yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan entiti berkenaan supaya memberi gambaran yang benar dan saksama bagi membentuk prosedur audit yang sesuai dengan keadaan tersebut, tetapi bukan bertujuan untuk memberi pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Audit juga melibatkan penilaian kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian ke atas pembentangan keseluruhan penyata kewangan tersebut.

Kami yakin bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai bagi menyediakan asas untuk pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2013 serta prestasi kewangan dan aliran tunai masing-masing bagi tahun kewangan yang telah berakhir mematuhi Piawaian Laporan Kewangan dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

LAPORAN KEHENDAK-KEHENDAK PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta senarai daftar yang perlu disimpan mengikut kehendak Akta telah disimpan dengan sempurna menurut Akta tersebut oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya yang mana kami bertindak sebagai juruaudit.

(b) Kami telah mengambilkira penyata kewangan dan laporan juruaudit ke atas semua anak syarikat yang mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit, seperti yang dinyatakan dalam Nota 22 kepada penyata kewangan.

(c) Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah lengkap dan kandungannya wajar dan sesuai untuk tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan untuk tujuan tersebut.

(d) Laporan audit ke atas penyata kewangan anak-anak syarikat tidak mengandungi sebarang kelayakan atau komen tidak memuaskan yang dibuat di bawah Seksyen 174 (3) Akta tersebut.

TANGGUNGJAWAB LAPORAN YANG LAIN

Maklumat tambahan yang dibentangkan dalam Nota 59 di muka surat 455 didedahkan bagi memenuhi kehendak Bursa Malaysia Securities Berhad dan bukan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan. Para Pengarah bertanggungjawab menyiapkan maklumat tambahan tersebut sejajar dengan Panduan Berkaitan Perkara Khas No. 1, Penentuan Keuntungan atau Kerugian Yang Direalisasi dan Tidak Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Kehendak-kehendak Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (Panduan MIA) dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad. Pada pendapat kami, maklumat tambahan tersebut telah disediakan, dalam semua aspek yang penting, menurut Garis Panduan MIA dan arahan Bursa Malaysia Securities Berhad.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat hanya untuk ahli-ahli Syarikat sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas mana-mana pihak untuk isi kandungan laporan ini.

PricewaterhouseCoopers

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF: 1146)
Akauntan Bertauliah

THAYAPARAN A/L S. SANGARAPILLAI
(No. 2085/09/14 (J))
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
29 April 2014

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Operasi Berterusan					
Perolehan	6	12,568,008	12,886,499	550,360	921,735
Kos jualan		(11,689,738)	(11,319,137)	(132,581)	(117,195)
Keuntungan kasar		878,270	1,567,362	417,779	804,540
Lain-lain pendapatan operasi	7	508,820	40,512	343,826	105
Kos jualan dan pengagihan		(208,183)	(158,146)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(193,180)	(250,198)	(61,680)	(90,984)
Lain-lain perbelanjaan operasi	8	(2,181)	(37,464)	(12,396)	(180,002)
Lain-lain (kerugian)/keuntungan , bersih	9	494,261	(204,793)	-	-
Keuntungan operasi		1,477,807	957,273	687,529	533,659
Pendapatan kewangan	10	164,172	107,273	-	139
Kos kewangan	10	(103,429)	(111,280)	(93,168)	(93,680)
Pendapatan/(kos) kewangan – bersih	10	60,743	(4,007)	(93,168)	(93,541)
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu	23	83,368	201,079	-	-
Bahagian keputusan entiti-entiti kawalan bersama	24	(85,596)	(60,676)	-	-
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	11	1,536,322	1,093,669	594,361	440,118
Zakat	13	(32,612)	(16,580)	-	-
Cukai	14	(366,659)	(204,582)	16,990	(4,137)
Keuntungan bagi tahun kewangan daripada operasi berterusan		1,137,051	872,507	611,351	435,981
Operasi Diberhentikan					
(Kerugian)/keuntungan daripada operasi diberhentikan	15	(28,753)	32,551	-	-
Keuntungan bagi tahun kewangan		1,108,298	905,058	611,351	435,981
Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif					
Perkara yang tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian					
(Kerugian)/keuntungan aktuari ke atas pelan manfaat tertakrif		(212)	(1,048)	19	(141)
Perkara yang mungkin akan dikelaskan semula kemudian kepada keuntungan atau kerugian					
Perbezaan pertukaran matawang		26,645	(12,978)	-	-
Lain-lain bahagian kerugian komprehensif syarikat-syarikat bersekutu		(9,411)	(4,673)	-	-
Lain-lain bahagian pendapatan/(kerugian) komprehensif lain dalam syarikat usahasama		14,924	(24,232)	-	-
		32,158	(41,883)	-	-
Lain-lain perolehan/(kerugian) keseluruhan bagi tahun kewangan, selepas cukai		31,946	(42,931)	19	(141)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		1,140,244	862,127	611,370	435,840

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Keuntungan boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Syarikat		982,251	805,953	611,351	435,981
Kepentingan pihak tidak mengawal		126,047	99,105	-	-
		1,108,298	905,058	611,351	435,981
Jumlah pendapatan komprehensif boleh diagihkan kepada:					
Pemilik Syarikat		1,014,304	763,023	611,370	435,840
Kepentingan pihak tidak mengawal		125,940	99,104	-	-
		1,140,244	862,127	611,370	435,840
Jumlah pendapatan komprehensif diagihkan kepada pemegang saham ekuiti terhasil daripada:					
- Operasi berterusan		1,043,057	730,472	611,370	435,840
- Operasi diberhentikan		(28,753)	32,551	-	-
		1,014,304	763,023	611,370	435,840
EPS asas dicairkan (sen)	17				
- Daripada operasi berterusan		27.7	27.3		
- Daripada operasi diberhentikan		(0.8)	1.2		
		26.9	28.5		

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2013

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
ASET					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	19	5,682,552	1,683,316	9,547	551
Pelaburan hartanah	20	129,628	40,378	-	-
Aset tidak nyata	21	876,261	707,099	5,965	5,749
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	22	-	-	8,024,403	2,901,093
Kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu	23	371,063	2,386,306	-	1,775,226
Kepentingan dalam syarikat usahasama	24	547,564	333,577	-	-
Bayaran pajakan prabayar	25	40,969	715	-	-
Belum terima	27	84,441	8,198	-	-
Aset biologi	29	2,447,265	1,864,224	-	-
Aset cukai tertunda	48	1,281,465	1,479,710	21,257	6,435
Aset kewangan tersedia untuk dijual	30	211,575	-	-	-
		11,672,783	8,503,523	8,061,172	4,689,054
Aset semasa					
Inventori	31	1,740,099	597,667	-	-
Aset biologi	29	41,491	41,662	-	-
Belum terima	27	1,351,512	742,765	174,974	301,047
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	28	81,923	73,091	377	52,442
Jumlah belum terima daripada anak-anak syarikat	28	-	-	58,584	39,447
Jumlah belum terima daripada syarikat-syarikat usahasama	28	421,838	318,224	-	-
Jumlah belum terima daripada syarikat bersekutu	28	37	-	-	-
Jumlah belum terima daripada syarikat-syarikat bersekutu lain	28	29,060	503,650	61	63,776
Cukai boleh diperoleh semula		177,575	23,217	18,617	16,037
Instrumen kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian	32	12,955	-	-	-
Instrumen kewangan derivatif	33	3,499	5,189	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai	34	5,028,873	5,688,372	1,902,463	4,183,705
		8,888,862	7,993,837	2,155,076	4,656,454
Aset dipegang untuk dijual	35	159,920	1,941	-	-
		9,048,782	7,995,778	2,155,076	4,656,454
Jumlah aset		20,721,565	16,499,301	10,216,248	9,345,508
EKUITI DAN LIABILITI					
Modal dan Rizab					
Modal saham	36	3,648,152	3,648,152	3,648,152	3,648,152
Premium saham	38	3,371,685	3,371,685	3,371,685	3,371,685
Rizab pertukaran matawang	39	(62,801)	(84,016)	-	-
Rizab penyusunan semula	40	(2,088,969)	(2,088,969)	-	-
Lain-lain rizab	41	23,791	63,694	10,052	11,511
Perolehan tersimpan	42	1,679,150	1,191,818	348,681	264,834
Ekuiti boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat		6,571,008	6,102,364	7,378,570	7,296,182
Kepentingan pihak tidak mengawal		2,374,788	857,815	-	-
Jumlah ekuiti		8,945,796	6,960,179	7,378,570	7,296,182

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Liabiliti bukan semasa					
Pinjaman	43	11,801	509	-	-
Pinjaman belum terima kepada pemegang saham penting	44	2,473,828	1,620,714	2,473,828	1,620,714
Liabiliti perjanjian pajakan tanah ("LLA")	45	4,458,623	5,167,831	-	-
Peruntukan	46	32,291	4,500	-	-
Pelan manfaat tertakrif	47	34,686	19,429	101	186
Liabiliti cukai tertunda	48	620,192	91,461	-	-
Kontrak jaminan kewangan	49	-	-	-	26,952
		7,631,421	6,904,444	2,473,929	1,647,852
Liabiliti Semasa					
Belum bayar	50	1,349,184	348,688	19,705	32,235
Pinjaman belum terima kepada pemegang saham penting	44	223,962	219,557	223,962	219,557
Jumlah belum terima kepada pemegang saham penting	28	386,921	93,826	3,833	66
Jumlah belum terima kepada anak-anak syarikat	28	-	-	88,734	78,676
Jumlah belum terima kepada syarikat usahasama	28	23,000	-	-	-
Jumlah belum terima kepada sebuah syarikat bersekutu	28	-	69,510	-	69,510
Jumlah belum terima kepada syarikat-syarikat berkaitan lain	28	4,723	755,023	563	1,430
Liabiliti kewangan derivatif	33	15,361	1,668	-	-
Pinjaman	43	1,638,109	599,160	-	-
Peruntukan	46	82	412	-	-
Liabiliti cukai semasa		21,900	49,896	-	-
Liabiliti LLA	45	385,767	496,938	-	-
Kontrak jaminan kewangan	49	-	-	26,952	-
		4,049,009	2,634,678	363,749	401,474
Liabiliti berkaitan dengan aset dimiliki untuk dijual	35	95,339	-	-	-
		4,144,348	2,634,678	363,749	401,474
Jumlah liabiliti		11,775,769	9,539,122	2,837,678	2,049,326
Jumlah ekuiti dan liabiliti		20,721,565	16,499,301	10,216,248	9,345,508

PENYATA PERUBAHAN EKUITI DISATUKAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

						Rizab-rizab lain (Nota 41)						
Kumpulan	Nota	Modal saham (Nota 36) RM'000	Premium saham (Nota 38) RM'000	Rizab pertukaran matawang asing (Nota 39) RM'000	Rizab penyusunan semula (Nota 40) RM'000	Rizab tersedia untuk dijual RM'000	Rizab penebusan modal RM'000	Lain-lain RM'000	Keuntungan tersimpan (Nota 42) RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan pihak tidak mengawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
2013												
Pada 1 Januari 2013		3,648,152	3,371,685	(84,016)	(2,088,969)	20,027	10,052	33,615	1,191,818	6,102,364	857,815	6,960,179
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	-	982,251	982,251	126,047	1,108,298
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan, selepas cukai:												
Perkara yang tidak akan dikelas semula kepada keuntungan atau kerugian												
- kerugian aktuari ke atas pelan manfaat tertakrif		-	-	-	-	-	-	-	(212)	(212)	-	(212)
Perkara yang mungkin kemudian akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian												
- perbezaan pertukaran matawang		-	-	26,752	-	-	-	-	-	26,752	(107)	26,645
- Lain-lain bahagian (kerugian)/pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu		-	-	(190)	-	(9,881)	-	-	660	(9,411)	-	(9,411)
- Lain-lain bahagian(kerugian)/pendapatan komprehensif syarikat-syarikat usahasama		-	-	(9,885)	-	24,809	-	-	-	14,924	-	14,924
		-	-	16,677	-	14,928	-	-	660	32,265	(107)	32,158
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	16,677	-	14,928	-	-	982,699	1,014,304	125,940	1,140,244
Pengambilalihan anak-anak syarikat	22b(ii)	-	-	4,538	-	(21,216)	-	-	-	(16,678)	1,463,370	1,446,692
Dividen dibayar bagi tahun kewangan berakhir	16											
- 31 Disember 2012 (akhir)		-	-	-	-	-	-	-	(310,093)	(310,093)	-	(310,093)
- 31 December 2013 (interim)		-	-	-	-	-	-	-	(218,889)	(218,889)	-	(218,889)
Dividen dibayar kepada kepentingan pihak tidak mengawal dalam anak-anak syarikat		-	-	-	-	-	-	-	-	-	(72,337)	(72,337)
Lain-lain		-	-	-	-	-	-	(33,615)	33,615	-	-	-
Jumlah urusniaga dengan para pemilik		-	-	4,538	-	(21,216)	-	(33,615)	(495,367)	(545,660)	1,391,033	845,373
Pada 31 Disember 2013		3,648,152	3,371,685	(62,801)	(2,088,969)	13,739	10,052	-	1,679,150	6,571,008	2,374,788	8,945,796

Kumpulan	Nota	Modal saham (Nota 36) RM'000	Saham keutamaan boleh tebus (Nota 37) RM'000	Premium saham (Nota 38) RM'000	Rizab pertukaran matawang asing (Nota 39) RM'000	Rizab penyusunan semula (Nota 40) RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 41): Rizab tersedia untuk dijual RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 41): Rizab penebusan modal RM'000	Rizab-rizab lain (Nota 41): Lain-lain RM'000	Pendapatan tersimpan (Nota 42) RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan pihak tidak mengawal RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
2012													
Pada 1 Januari 2012		1,767,612	9,005	881,783	(60,608)	2,347,742	33,526	1,047	33,615	601,541	5,615,263	823,362	6,438,625
Kesan pengambilalihan estet perladangan	22 (d)	-	-	-	-	(4,436,711)	-	-	-	-	(4,436,711)	-	(4,436,711)
		1,767,612	9,005	881,783	(60,608)	(2,088,969)	33,526	1,047	33,615	601,541	1,178,552	823,362	2,001,914
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	-	-	805,953	805,953	99,105	905,058
Lain-lan pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan, selepas cukai:													
Perkara tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian													
- kerugian aktuari ke atas pelan manfaat tertakrif		-	-	-	-	-	-	-	-	(1,048)	(1,048)	-	(1,048)
Perkara yang mungkin kemudian boleh dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian													
- perbezaan pertukaran matawang		-	-	-	(12,977)	-	-	-	-	-	(12,977)	(1)	(12,978)
- Lain-lain bahagian pendapatan komprehensif syarikat-syarikat bersekutu		-	-	-	(1,325)	-	1,627	-	-	(4,975)	(4,673)	-	(4,673)
- Lain-lain bahagian pendapatan komprehensif syarikat-syarikat usahasama		-	-	-	(9,106)	-	(15,126)	-	-	-	(24,232)	-	(24,232)
		-	-	-	(23,408)	-	(13,499)	-	-	(4,975)	(41,882)	(1)	(41,883)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	(23,408)	-	(13,499)	-	-	799,930	763,023	99,104	862,127
Terbitan saham	36	1,880,540	-	3,479,000	-	-	-	-	-	-	5,359,540	-	5,359,540
Penebusan saham keutamaan boleh tebus	37 & 38	-	(9,005)	(881,783)	-	-	-	9,005	-	(9,005)	(890,788)	-	(890,788)
Perbelanjaan terbitan saham	38	-	-	(107,315)	-	-	-	-	-	-	(107,315)	-	(107,315)
Pengambilalihan sebuah anak syarikat	22(c)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	35	35
Pelaburan tambahan dalam sebuah anak syarikat		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	761	761
Dividen dibayar:													
- bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013	16	-	-	-	-	-	-	-	-	(200,648)	(200,648)	-	(200,648)
Dividen dibayar kepada kepentingan pihak tidak mengawal dalam anak-anak syarikat		-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(65,447)	(65,447)
Jumlah urusniaga dengan pemilik		1,880,540	(9,005)	2,489,902	-	-	-	9,005	-	(209,653)	4,160,789	(64,651)	4,096,138
Pada 31 Disember 2012		3,648,152	-	3,371,685	(84,016)	(2,088,969)	20,027	10,052	33,615	1,191,818	6,102,364	857,815	6,960,179

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Syarikat	Nota	Modal saham (Nota 36) RM'000	Tidak boleh dibahagikan: Premium saham (Nota 38) RM'000	Tidak boleh dibahagikan: Sumbangan modal (Nota 41) RM'000	Tidak boleh dibahagikan: Rizab penebusan modal (Nota 41) RM'000	Boleh dibahagikan: Pendapatan tersimpan (Nota 42) RM'000	Jumlah RM'000
2013							
Pada 1 Januari 2013		3,648,152	3,371,685	1,459	10,052	264,834	7,296,182
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-	-	-	611,351	611,351
Lain-lain kerugian komprehensif bagi tahun kewangan, selepas cukai							
Perkara tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian							
- keuntungan aktuari ke atas pelan manfaat tertakrif		-	-	-	-	19	19
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	611,370	611,370
Dividen dibayar bagi tahun kewangan berakhir:	16						
- 31 Disember 2012 (akhir)		-	-	-	-	(310,093)	(310,093)
- 31 Disember 2013 (interim)		-	-	-	-	(218,889)	(218,889)
Lain-lain		-	-	(1,459)	-	1,459	-
Jumlah urusniaga dengan pemilik		-	-	(1,459)	-	(527,523)	(528,982)
Pada 31 Disember 2013		3,648,152	3,371,685	-	10,052	348,681	7,378,570

Syarikat	Nota	Modal saham (Note 36) RM'000	Saham keutamaan boleh tebus (Nota 37) RM'000	Tidak boleh dibahagikan: Premium saham (Nota 38) RM'000	Tidak boleh dibahagikan: Sumbangan modal (Nota 41) RM'000	Tidak boleh dibahagikan: Rizab penebusan modal (Nota 41) RM'000	Boleh dibahagikan: Pendapatan tersimpan (Nota 42) RM'000	Jumlah RM'000
2012								
Pada 1 Januari 2012		1,767,612	9,005	881,783	1,459	1,047	38,647	2,699,553
Keuntungan bagi tahun		-	-	-	-	-	435,981	435,981
Lain-lain kerugian komprehensif bagi tahun kewangan selepas cukai								
Perkara tidak akan dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian								
- kerugian aktuari ke atas pelan manfaat tertakrif		-	-	-	-	-	(141)	(141)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	435,840	435,840
Terbitan saham	36	1,880,540	-	3,479,000	-	-	-	5,359,540
Penebusan saham keutamaan boleh tebus	37 & 38	-	(9,005)	(881,783)	-	9,005	(9,005)	(890,788)
Perbelanjaan terbitan saham	38	-	-	(107,315)	-	-	-	(107,315)
Dividen dibayar:								
- bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012	16	-	-	-	-	-	(200,648)	(200,648)
Jumlah urusniaga dengan pemilik		1,880,540	(9,005)	2,489,902	-	9,005	(209,653)	4,160,789
Pada 31 Disember 2012		3,648,152	-	3,371,685	1,459	10,052	264,834	7,296,182

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI					
Keuntungan bagi tahun kewangan		1,108,298	905,058	611,351	435,981
Pelarasan bagi:					
Operasi Berterusan					
Cukai		366,659	204,582	(16,990)	4,137
Zakat		32,612	16,580	-	-
Muhibah negatif yang terhasil daripada gabungan perniagaan		(67,581)	-	-	-
Keuntungan daripada ukuran semula nilai saksama pengambilalihan anak syarikat		(263,280)	-	-	-
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		98,818	88,818	779	189
Rosot nilai hartanah, loji dan peralatan		40,000	32,300	-	-
Pembalikan rosot nilai hartanah loji dan peralatan		-	(15,497)	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira		2,335	697	5	-
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		(5,978)	(1,810)	-	-
Kerugian daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		2,032	-	-	-
Susut nilai hartanah pelaburan		224	463	-	-
Kerugian rosot nilai hartanah pelaburan		1,622	-	-	-
Keuntungan daripada pelupusan hartanah pelaburan		(4,508)	-	-	-
Pelunasan aset tidak ketara		11,064	11,098	1,608	468
Pembalikan rosot nilai aset tidak nyata		-	(23,878)	-	-
Pelunasan pra-bayaran pajakan		150	70	-	-
Susut nilai bagi aset biologi dipercepatkan		8,682	8,656	-	-
Kerugian rosot nilai aset biologi		663	4,316	-	-
Aset biologi dihapus kira		32,195	13,638	-	-
Keuntungan daripada aset dipegang untuk jualan		(5,381)	-	-	-
Kerugian rosot nilai pelaburan dalam sebuah anak syarikat		-	-	12,391	115,356
Kerugian pelupusan anak-anak syarikat		-	-	-	4,528
Keuntungan pelupusan syarikat bersekutu		(26,673)	-	(343,822)	-
Kerugian pelupusan syarikat usahasama		-	-	-	36,890
Rosot nilai pinjaman belum terima daripada syarikat berkaitan		-	26,952	-	-
Rosot nilai/(pembalikan) belum terima		611	(79)	-	-
Peruntukan/(pembalikan) bagi inventori diturun nilai		1,012	(536)	-	-
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu		(83,368)	(201,079)	-	-
Bahagian keputusan syarikat-syarikat usahasama		85,596	60,676	-	-
Kerugian bersih pertukaran matawang asing telah direalisasi		26,683	2,905	-	947
Dividen daripada anak-anak syarikat		-	-	(273,819)	(529,895)
Dividen daripada syarikat-syarikat bersekutu		-	-	(76,863)	(196,997)
Perbelanjaan kewangan		103,429	111,280	93,168	93,680
Pendapatan kewangan		(164,172)	(107,273)	(123,797)	(67,475)
Lain-lain kerugian/(keuntungan) bersih		(494,261)	204,793	-	-
Peruntukan manfaat persaraan		563	2,523	(32)	21
Pembayaran berasaskan saham		-	25,723	-	25,723
Perbelanjaan kontrak jaminan kewangan		-	-	-	13,476
Operasi Diberhentikan:					
Bahagian keputusan daripada syarikat-syarikat usahasama		28,753	(32,551)	-	-
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja dibawa kehadapan		836,799	1,338,425	(116,021)	(62,971)

	Nota	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja dibawa dari hadapan		836,799	1,338,425	(116,021)	(62,971)
Perubahan dalam modal kerja:					
Inventori		(130,075)	(161,554)	-	-
Aset biologi		25,945	40,092	-	-
Belum terima		30,607	(349,274)	(1,033)	3,225
Antara syarikat		31,557	(132,206)	59,145	(118,328)
Belum bayar		151,782	115,631	(12,530)	25,781
Tunai dijana daripada/(digunakan dalam)		896,615	851,114	(70,439)	(152,293)
Pendapatan faedah		144,306	107,273	123,794	67,475
Cukai dibayar		(261,462)	(223,511)	(413)	(291)
Zakat dibayar		(32,612)	(16,580)	-	-
Manfaat persaraan dibayar		(1,544)	(3,279)	(34)	-
Tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) kegiatan operasi		745,303	715,017	52,908	(85,109)
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN					
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(252,269)	(147,016)	(9,780)	(50)
Pembelian aset biologi		(67,319)	(69,224)	-	-
Pembelian aset tidak nyata		(8,364)	(16,145)	(1,824)	(6,217)
Pengambilalihan estet perladangan		-	(54,690)	-	-
Perolehan daripada pelupusan anak-anak syarikat		-	-	-	820,683
Perolehan daripada pelupusan sebuah syarikat bersekutu		551,435	-	551,435	-
Aliran keluar tunai bersih daripada perolehan anak-anak syarikat/perniagaan	22	(1,578,276)	(9,884)	(3,536,008)	(283,400)
Bayaran tangungan pasaraan aset		(43)	(29)	-	-
Pembayaran bagi kos penstrukturan semula		(105)	(1,309)	-	-
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		6,116	6,187	-	-
Perolehan daripada aset dipegang untuk jualan		6,513	-	-	-
Pembayaran semula/(pengeluaran) pinjaman kepada sebuah syarikat usahasama		75,033	(29,552)	-	-
Pelaburan tambahan dalam sebuah syarikat usahasama		-	(38,984)	-	-
Pendahuluan kepada anak-anak syarikat		-	-	(51,218)	(1,180,417)
Deposit bagi pengambilalihan anak-anak syarikat		(12,719)	-	-	-
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat		-	-	319,011	314,502
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		76,863	195,110	158,782	113,190
Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan		(1,203,135)	(165,536)	(2,569,602)	(221,709)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN					
Pengeluaran pinjam daripada pemegang saham penting		1,067,400	-	1,067,400	-
Pengeluaran bersih pinjaman belum terima kepada pemegang saham penting		(214,286)	-	(214,286)	-
Pengeluaran pinjaman		1,097,884	100,000	-	316,679
Bayaran balik pinjaman		(716,955)	(475,523)	-	(320,259)
Perolehan bersih daripada penerimaan bank		(432,000)	172,700	-	-
Pembayaran balik liabiliti LLA		(325,894)	(388,103)	-	-
Dividen dibayar kepada pemegang saham		(528,982)	(200,648)	(528,982)	(200,648)
Dividen dibayar kepada kepentingan pihak tidak mengawal		(72,337)	(65,447)	-	-
Pembayaran perbelanjaan faedah		(96,213)	(104,176)	(88,680)	(93,856)
Penurunan deposit tetap untuk kemudahan bank		15,369	305,277	-	305,067
Perolehan daripada terbitan saham, selepas perbelanjaan terbitan saham		-	4,325,962	-	4,325,962
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pembiayaan		(206,014)	3,670,042	235,452	4,332,945
(KURANGAN)/TAMBAHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		(663,846)	4,219,523	(2,281,242)	4,026,127
Kesan perubahan kadar pertukaran matawang		19,716	(4,004)	-	2,633
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN		5,673,003	1,457,484	4,183,705	154,945
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	34	5,028,873	5,673,003	1,902,463	4,183,705

Urusniaga bukan tunai penting:

(a) Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013

Syarikat

(i) Pada 14 November 2013, Syarikat melanggan sebanyak 23,206,521 saham biasa berharga RM1.00 sesaham daripada Felda Global Ventures Downstream Sdn. Bhd. ("FGVD"), sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat, melalui penukaran jumlah belum terima daripada FGVD sebanyak RM23,206,521.

(ii) Pada 18 Disember 2013, Syarikat melanggan sebanyak 8,874,529 saham biasa berharga RM1.00 sesaham daripada Felda Global Ventures Plantation Sdn. Bhd. ("FGVP"), sebuah anak syarikat milik penuh Syarikat, melalui penukaran jumlah belum terima daripada FGVP sebanyak RM8,874,529.

(b) Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012

Kumpulan dan Syarikat

Pada 17 Mei 2012, Syarikat menukar sebanyak 329,949,500 Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus dan Tanpa Undian ("RCPS") dan 570,590,000 Saham Keutamaan Boleh Tukar Terkumpul Boleh Tebus dan Tanpa Undian ("RCCPS") pada nilai nominal RM0.01 dan premium RM0.99 sesaham kepada 900,539,500 saham biasa berharga RM1.00 sesaham, yang menyebabkan modal saham terbitan dan berbayar Syarikat meningkat sebanyak RM900,539,500, daripada RM1,767,612,000 kepada RM2,668,151,500.

Syarikat

(i) Pada 31 Disember 2012, Syarikat melanggan sebanyak 1,142,038,242 RCPS berharga RM0.01 sesaham FGVD, melalui penukaran jumlah belum terima daripada FGVD sebanyak RM1,142,038,242.

(ii) Pada 31 Disember 2012, Syarikat melanggan sebanyak 196,493,801 RCPS berharga RM0.01 sesaham daripada FGVP, melalui penukaran jumlah belum terima daripada FGVP sebanyak RM196,493,801.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

1 MAKLUMAT UMUM

Syarikat secara asas merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan dengan pelaburan utama dalam perladangan kelapa sawit dan pelbagai kegiatan hiliran yang berkaitan, penapisan gula, perkilangan, logistik dan lain-lain. Kegiatan utama anak-anak syarikat dinyatakan dalam Nota 22 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan ketara berlaku dalam kegiatan-kegiatan Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam Nota 56 kepada penyata kewangan.

Syarikat diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pejabat berdaftar dan tempat utama perniagaan Syarikat terletak di Aras 42, Menara Felda, Platinum Park, No.11 Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Laporan Kewangan ("FRS") dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Kumpulan meliputi entiti-entiti peralihan dan telah memilih untuk terus mengguna pakai FRS pada tahun kewangan ini. FRS akan terus diguna pakai oleh Kumpulan pada tahun kewangan akan datang. Kumpulan akan mengguna pakai rangka kerja mematuhi IFRS yang baharu, iaitu Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") apabila Rangka Kerja MFRS diberi mandat oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB"). Bagi melaksanakan rangka kerja baharu ini, Kumpulan akan mengguna pakai MFRS 1 "Guna Pakai MFRS Kali Pertama".

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam penyata dasar individu dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi FRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu. Ia memerlukan para Pengarah membuat anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan jumlah perolehan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tempoh laporan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada semua anggaran tersebut.

Ia juga memerlukan pengurusan supaya melaksanakan pertimbangan dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Bahagian-bahagian yang melibatkan tahap pertimbangan dan kompleksiti yang lebih tinggi atau bahagian-bahagian di mana andaian dan anggaran penting kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 5.

(i) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran yang diguna pakai oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2013:

- FRS 10 "Penyata Kewangan Disatukan"
- FRS 11 "Urus Janji Bersama"
- FRS 12 "Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain"
- FRS 13 "Ukuran Nilai Saksama"
- Semakan FRS 127 "Penyata Kewangan Berasingan"
- Semakan FRS 128 "Pelaburan dalam Syarikat-syarikat Bersekutu dan Syarikat-syarikat Usahasama"
- Pindaan kepada FRS 101 "Pembentangan Item dalam Lain-lain Pendapatan Komprehensif"
- Pindaan kepada FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan"
- Pindaan kepada FRS 10, 11 & 12 "Penyata Kewangan Disatukan, Urus Janji Bersama dan Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain: Panduan Peralihan"

Penggunaan pakai piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran di atas tidak memberi kesan kewangan yang ketara kepada Kumpulan dan Syarikat dan tidak menyebabkan perubahan besar kepada dasar-dasar perakaunan Kumpulan, kecuali piawaian berikut yang memberi kesan kepada Kumpulan dan Syarikat:

- Pindaan kepada FRS 101 'Pembentangan Item dalam Lain-lain Pendapatan Komprehensif' memerlukan entiti mengasingkan item-item yang dibentangkan dalam 'Lain-lain Pendapatan Komprehensif' (OCI) dalam penyata pendapatan komprehensif kepada dua kumpulan, berasaskan kepada, sama ada ia boleh dikitar semula atau tidak, kepada keuntungan atau kerugian pada masa depan.

- FRS 12 "Pendedahan Kepentingan dalam Entiti-entiti Lain" membentangkan pendedahan yang diperlukan bagi semua bentuk kepentingan dalam entiti-entiti lain, termasuk urus janji bersama, syarikat-syarikat bersekutu, entiti-entiti berstruktur dan lain-lain instrumen luar kunci kira-kira. Ia memerlukan entiti-entiti mendedahkan maklumat yang membantu para pembaca penyata kewangan menilai bentuk, risiko dan kesan kewangan berkaitan dengan kepentingan entiti berkenaan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, urus janji bersama dan entiti-entiti berstruktur yang tidak disatukan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

2 ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)

(i) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran yang diguna pakai oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2013: (Samb.)

- FRS 13 "Ukuran Nilai Saksama" bertujuan untuk menambah baik keselarasan dan mengurangkan kompleksiti dengan menyediakan pentakrifan yang tepat mengenai nilai saksama dan ukuran nilai saksama satu sumber serta keperluan pendedahan untuk digunakan di seluruh FRS. Keperluan ini tidak meluaskan penggunaan perakaunan nilai saksama, tetapi menyediakan panduan mengenai cara bagaimana ia diguna pakai di mana kegunaannya telah diperlukan atau dibenarkan oleh piawaian-piawaian lain. Keperluan pendedahan yang dipertingkatkan adalah serupa dengan keperluan dalam FRS 7 "Instrumen Kewangan: Pendedahan", tetapi diguna pakai kepada semua aset dan liabiliti yang diukur pada nilai saksama, bukan hanya kewangan semata-mata.

Penggunaan pakai piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran ini telah menghasilkan pendedahan tambahan dalam penyata kewangan.

(ii) Pindaan kepada piawaian telah diterbitkan yang telah diguna pakai oleh Kumpulan dan Syarikat dan telah diguna pakai lebih awal:

Pada tahun kewangan ini, Kumpulan dan Syarikat telah mengguna pakai lebih awal Pindaan kepada FRS 136 "Rosot Nilai Aset" (mulai 1 Januari 2014) dan telah mengguna pakai piawaian ini dari tahun kewangan bermula 1 Januari 2013.

Pindaan kepada FRS 136 "Rosot Nilai Aset"mengeluarkan pendedahan tertentu bagi jumlah boleh diperoleh semula dalam unit-unit penjanaan tunai ("CGU") yang telah dimasukkan ke dalam FRS 136 melalui penerbitan FRS 13.

Kesan mengguna pakai lebih awal adalah tidak ketara kepada Kumpulan dan Syarikat.

(iii) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat, tetapi belum berkuatkuasa dan masih belum diguna pakai lebih awal:

<u>Berkuatkuasa mulai tempoh kewangan dari 1 Januari 2014</u>

- Pindaan kepada FRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan" (mulai 1 Januari 2014) tidak mengubah model pengimbangan semasa dalam FRS 132. Ia menjelaskan makna mempunyai hak semasa untuk mengimbangi yang boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang bahawa hak untuk mengimbangi harus tersedia pada hari ini (bukan bergantung pada peristiwa masa depan) dan boleh dikuatkuasakan secara undang-undang bagi pihak yang telibat dalam urusan lazim perniagaan. Ia menjelaskan bahawa sesetengah mekanisma penyelesaian secara kasar dengan ciri-ciri yang bersamaan dengan penyelesaian secara bersih akan memenuhi keperluan kriteria imbangan FRS 132.

- Pindaan kepada FRS 10, FRS 12 dan FRS 127 (mulai 1 Januari 2014) memperkenalkan pengecualian kepada penyatuan entiti-entiti pelaburan. Entiti-entiti pelaburan adalah entiti di mana tujuan perniagaan adalah untuk melabur dana semata-mata bagi mendapatkan pulangan daripada peningkatan modal, pendapatan pelaburan atau kedua-duanya dan menilai prestasi pelaburannya mengikut asas nilai saksama. Pindaan ini memerlukan entiti pelaburan mengukur anak-anak syarikat berkenaan pada nilai saksama, bukan menyatukannya.

- Tafsiran IC 21 'Levi' (mulai 1 Januari 2014) membentangkan perakaunan bagi obligasi untuk membayar levi yang bukan merupakan cukai pendapatan. Pentafsiran ini menjelaskan bahawa liabiliti untuk membayar levi diiktiraf apabila peristiwa obligasi berlaku. Peristiwa obligasi adalah peristiwa yang dikenalpasti oleh perundangan yang mencetuskan pembayaran levi.

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian-piawaian di atas mulai tempoh kewangan bermula pada 1 Januari 2014.

Kesan piawaian-piawaian di atas kini sedang dinilai oleh para Pengarah.

<u>Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai pada atau selepas 1 Julai 2014 di mana penggunaan lebih awal dibenarkan</u>

- Pindaan kepada FRS 2 "Bayaran Berasaskan Saham" (berkuatkuasa pada atau selepas 1 Julai 2014) menjelaskan takrif 'syarat peletakan hak' dengan mentakrif secara berasingan 'syarat prestasi' dan 'syarat perkhidmatan' bagi memastikan keselarasan syarat-syarat klasifikasi yang mengiringi bayaran berasaskan saham.

- Pindaan kepada FRS 3 "Gabungan Perniagaan" (berkuatkuasa pada atau selepas 1 Julai 2014) menjelaskan bahawa apabila pertimbangan luar jangka memenuhi takrif instrumen kewangan, klasifikasi instrumen sebagai sebuah liabiliti atau ekuiti ditentukan melalui rujukan kepada FRS 132 "Instrumen Kewangan: Pembentangan".

  Ia juga menjelaskan bahawa pertimbangan luar jangka yang diklasifikasi sebagai sebuah aset atau liabiliti akan selepas ini diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan dan perubahan nilai saksama akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

2 ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)

(iii) Piawaian, pindaan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian sedia ada yang berkaitan dengan Kumpulan dan Syarikat, tetapi belum berkuatkuasa dan masih belum diguna pakai lebih awal: (Samb.)

Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan mulai pada atau selepas 1 Julai 2014 di mana penggunaan lebih awal dibenarkan (Samb.)

- Pindaan kepada FRS 8 "Segmen Operasi" (berkuatkuasa pada atau selepas 1 Julai 2014) memerlukan pendedahan bagi pertimbangan dibuat dalam penggunaan kriteria agregat kepada segmen operasi. Ini meliputi penerangan ringkas mengenai segmen operasi yang telah diagregat dan petunjuk ekonomi yang telah dinilai bagi menentukan bahawa segmen operasi yang diagregat berkongsi ciri-ciri ekonomi yang sama.

  Ia juga menjelaskan bahawa penyesuaian jumlah aset segmen yang dilaporkan kepada aset entiti berkenaan diperlukan jika jumlah tersebut disediakan secara kerap kepada ketua pembuat keputusan operasi.

- Pindaan kepada FRS 13 "Ukuran Nilai Saksama" (berkuatkuasa pada atau selepas 1 Julai 2014) berkaitan dengan Asas bagi Kesimpulan IASB yang bukan merupakan sebahagian daripada Piawaian tersebut. Asas bagi Kesimpulan tersebut menjelaskan bahawa apabila IASB menerbitkan IFRS 13, ia tidak menghapuskan keupayaan praktikal untuk mengukur belum terima dan perlu bayar jangka pendek yang tidak dinyatakan kadar faedah pada jumlah invois tanpa pendiskaunan, jika kesan pendiskaunan tidak material.

- Pindaan kepada FRS 116 "Hartanah, Loji dan Peralatan" (berkuatkuasa pada atau selepas 1 Julai 2014) menjelaskan perakaunan bagi susut nilai terkumpul apabila sesebuah aset dinilai semula. Ia menjelaskan bahawa nilai bawaan kasar dilaraskan dengan cara yang selaras dengan penilaian semula nilai bawaan aset tersebut dan susut nilai terkumpul dikira sebagai perbezaan antara nilai bawaan kasar dan nilai bawaan aset tersebut selepas mengambil kira kerugian rosot nilai terkumpul.

- Pindaan kepada FRS 138 "Aset Tidak Nyata" (berkuatkuasa pada atau selepas 1 Julai 2014) menjelaskan perakaunan bagi pelunasan terkumpul apabila sesebuah aset dinilai semula. Ia menjelaskan bahawa nilai bawaan kasar dilaraskan dengan cara yang selaras dengan penilaian semula nilai bawaan aset tersebut dan pelunasan terkumpul dikira sebagai perbezaan antara nilai bawaan kasar dan nilai bawaan aset tersebut selepas mengambil kira kerugian rosot nilai terkumpul.

- Pindaan kepada FRS 124 "Pendedahan Pihak Berkaitan" (berkuatkuasa pada atau selepas 1 Julai 2014) melanjutkan takrif 'pihak berkaitan' bagi memasukkan sebuah entiti, atau sebarang ahli sesebuah kumpulan di mana ia merupakan sebahagian daripadanya, yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada entiti dilapor atau kepada syarikat induk entiti dilapor.

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian-piawaian di atas mulai tempoh kewangan bermula pada 1 Julai 2014.

Kesan piawaian di atas kini sedang dinilai oleh para Pengarah.

Tarikh berkuatkuasa masih belum ditentukan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia

- FRS 9 "Instrumen Kewangan: Klasifikasi dan Ukuran Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan" (tarikh berkuatkuasa masih belum ditentukan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia) menggantikan bahagian FRS 139 yang berkaitan dengan klasifikasi dan ukuran instrumen kewangan. FRS 9 memerlukan aset kewangan diklasifikasi kepada dua kategori ukuran: aset yang diukur pada nilai saksama dan yang diukur pada kos dilunaskan. Penentuan dibuat pada pengiktirafan permulaan. Klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti yang mengurus instrumen kewangan dan ciri-ciri aliran tunai kontrak aset-aset kewangan tersebut. Bagi liabiliti kewangan, piawaian mengekalkan kebanyakan keperluan FRS 139. Perubahan utama ialah dalam hal di mana opsyen nilai saksama diambil bagi liabiliti kewangan, bahagian perubahan nilai saksama akibat risiko kredit sesebuah entiti dicatatkan dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan bukan penyata pendapatan, kecuali ia menimbulkan ketidakpadanan perakaunan. Kumpulan masih belum menilai kesan FRS 9 sepeuhnya. Kumpulan juga akan menimbangkan kesan fasa FRS 9 selebihnya selepas diselesaikan oleh Lembaga Piawaian.

Kumpulan dan Syarikat akan mengguna pakai piawaian ini selepas ia ditentukan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Kesan piawaian di atas kini sedang dinilai oleh para Pengarah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua anak-anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Anak-anak syarikat merupakan semua entiti (termasuk entiti berstruktur) di mana Kumpulan mempunyai kawalan ke atasnya. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti tersebut. Anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Anak-anak syarikatnya diasingkan daripada Kumpulan dari tarikh kawalan ke atasnya ditamatkan.

<u>Perakaunan pengambilalihan</u>

Perakaunan kaedah pengambilalihan digunakan untuk mengambilkira pengambilalihan anak-anak syarikat oleh Kumpulan. Bayaran yang dipindahkan bagi pengambilalihan sesebuah anak syarikat adalah nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti ditanggung oleh bekas pemilik yang diambilalih dan kepentingan ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Bayaran yang dipindahkan meliputi nilai saksama sebarang aset atau liabiliti yang terhasil daripada urus janji bayaran luar jangka. Kos berkaitan pengambilalihan dianggap sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Aset yang diambilalih dan liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diambilalih dalam penggabungan sesebuah perniagaan diukur pada peringkat permulaan pada nilai saksama masing-masing pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira sejauh mana tahap kepentingan pihak tidak mengawal. Kumpulan mengiktiraf sebarang kepentingan pihak tidak mengawal bukan semasa yang diambilalih berasaskan dari satu pengambilalihan ke satu pengambilalihan, sama ada pada nilai saksama atau bahagian nisbah kepentingan pihak tidak mengawal dalam jumlah aset bersih yang diambilalih yang dikenal pasti. Pada akhir tempoh laporan, kepentingan pihak tidak mengawal meliputi jumlah yang dikira pada tarikh gabungan dan bahagiannya dalam perubahan ekuiti anak syarikat berkenaan sejak tarikh gabungan.

Jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai bawaan kepentingan ekuiti yang dipegang sebelumnya oleh syarikat pengambilalih pada tarikh pengambilalihan diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui keuntungan atau kerugian.

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindahkan oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan berikutnya kepada nilai saksama pertimbangan luar jangka tersebut dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf menurut FRS 139 sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau sebagai sesuatu perubahan kepada lain-lain pendapatan komprehensif. Pertimbangan luar jangka yang diklasifikasi sebagai ekuiti tidak diukur semula, dan penyelesaian berikutnya akan diambilkira dalam ekuiti.

Lebihan pertimbangan yang dipindahkan, jumlah sebarang kepentingan pihak tidak mengawal dalam syarikat yang diambilalih dan nilai saksama, sebarang kepentingan ekuiti sebelumnya dalam syarikat yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan ke atas nilai saksama aset bersih yang diambilalih yang dikenal pasti diiktiraf sebagai muhibah. Jika jumlah pertimbangan yang dipindahkan, kepentingan pihak tidak mengawal yang diiktiraf dan kepentingan dimiliki sebelumnya yang diukur adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih anak syarikat yang diambilalih dalam kes pembelian murah, perbezaan tersebut diiktiraf secara langsung ke dalam keuntungan atau kerugian (Nota 3(d)).

<u>Perakaunan sebelumnya</u>

Pengambilalihan anak-anak syarikat dan perniagaan di bawah kawalan lazim yang memenuhi syarat-syarat gabungan diambilkira menggunakan asas perakaunan sebelumnya. Pengambilalihan Felda Global Ventures Indonesia Sdn. Bhd. ("FGVI"), Felda Global Ventures North America Sdn. Bhd. ("FGVNA") dan estet perladangan yang dimiliki oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA") (Nota 22) pada tahun sebelumnya yang memenuhi syarat-syarat gabungan, diambilkira menggunakan asas tersebut.

Di bawah asas perakaunan sebelumnya, keputusan anak-anak syarikat dan perniagaan di bawah kawalan lazim dibentangkan seolah-olah gabungan perniagaan telah dikuatkuasakan sepanjang tahun semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti yang digabungkan diambilkira berdasarkan nilai bawaan daripada perspekstif pemegang saham kawalan lazim pada tarikh pemindahan. Apabila disatukan, kos gabungan perniagaan dibatalkan dengan nilai saham yang diterima. Sebarang perbezaan kredit atau debit yang terhasil diklasifikasikan sebagai rizab penyusunan semula. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan lain-lain rizab yang berkait dengan modal saham entiti-entiti yang digabungkan, setakat tahap yang ia tidak dipermodalkan oleh perbezaan debit, diklasifikasi dan dibentangkan sebagai pergerakan dalam lain-lain rizab modal.

Urusniaga antara syarikat, baki dan keuntungan tidak direalisasi daripada urusniaga antara syarikat-syarikat Kumpulan dihapus kira, kerugian tidak direalisasi juga dihapuskan kecuali sekiranya kos tidak boleh diperoleh semula. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan keselarasan dengan dasar-dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Kepentingan pihak tidak mengawal adalah ekuiti dalam anak-anak syarikat yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk. Dalam pengambilalihan berasaskan dari satu pengambilalihan ke satu pengambilalihan, Kumpulan mengukur sebarang kepentingan pihak tidak mengawal dalam syarikat yang diambilalih mengikut bahagian berwajaran aset bersih syarikat yang diambilalih itu. Pada akhir tempoh laporan, kepentingan pihak tidak mengawal terdiri daripada jumlah yang dikira pada tarikh gabungan dan bahagiannya dalam perubahan ekuiti anak-anak syariikat sejak tarikh gabungan.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat (Samb.)

Perakaunan sebelumnya (Samb.)

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan sebuah anak syarikat adalah perbezaan antara kutipan bersih pelupusan dan bahagian Kumpulan daripada aset bersihnya pada tarikh ia dilupuskan, termasuk jumlah terkumpul sebarang perbezaan pertukaran matawang atau, lain-lain rizab yang berkaitan dengan anak syarikat dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Semua pendapatan dan kerugian anak syarikat diagihkan kepada syarikat induk dan kepentingan pihak tidak mengawal, walaupun pembahagian kerugian kepada kepentingan pihak tidak mengawal itu menyebabkan baki debit dalam kepentingan pihak tidak mengawal.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Apabila tanda-tanda rosot nilai wujud, nilai bawaan pelaburan ditaksir dan diturun nilai serta merta kepada jumlah yang boleh diperoleh semula (Nota 3 (h)).

(b) Perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam anak-anak syarikat tanpa perubahan kawalan

Urusniaga dengan kepentingan pihak tidak mengawal yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan diambilkira sebagai urusniaga ekuiti – iaitu, sebagai urusniaga dengan pemilik dalam kapasiti mereka sebagai pemilik. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang pertimbangan yang dibayar dan bahagian saham yang diambilalih pada nilai bawaan aset bersih anak-anak syarikat yang diambilalih direkodkan dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian daripada penjualan kepada pihak tidak mengawal turut direkodkan dalam ekuiti.

(c) Penjualan anak-anak syarikat

Apabila kawalan Kumpulan tamat, sebarang kepentingan tersimpan dalam entiti berkenaan diukur semula kepada nilai saksamanya pada tarikh semasa kawalan tamat, dengan perubahan nilai bawaan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Nilai saksama adalah nilai bawaan permulaan yang seterusnya untuk tujuan mengambil kira kepentingan tersimpan sebagai sebuah syarikat bersekutu, syarikat usahasama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang jumlah yang sebelum ini diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif berhubung entiti berkenaan diambilkira seolah-olah Kumpulan telah menjual secara langsung aset atau liabiliti berkaitan. Ini mungkin bermakna bahawa jumlah yang diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif sebelum ini diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian.

(d) Muhibah

Muhibah mewakili lebihan kos pengambialihan anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat usahasama ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama aset bersih yang dikenal pasti, termasuk liabiliti luar jangka pada tarikh pengambilalihan. Muhibah daripada pengambilalihan bagi sesebuah anak syarikat-syarikat dimasukkan ke dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai aset tidak nyata, atau jika terhasil bagi syarikat-syarikat bersekutu atau syarikat usahasama, ia dimasukkan ke dalam pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu atau syarikat-syarikat usahasama. Muhibah negatif mewakili jumlah pertimbangan dipindah, kepentingan piihak tidak mengawal diiktiraf dan kepentingan dimiliki sebelumnya diukur kurang berbanding nilai saksama aset bersih anak syarikat yang diambilalih; dalam kes belian murah, perbezaannya diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian.

Bagi tujuan menguji rosot nilai, muhibah yang diambilalih dalam sesebuah gabungan perniagaan diagihkan kepada setiap unit penjanaan tunai ("CGU") atau kumpulan CGU, yang dijangka akan mendapat manfaat daripada sinergi gabungan tersebut. Setiap unit atau kumpulan unit di mana muhibah tersebut diperuntukkan mewakili tahap paling rendah dalam entiti di mana muhibah tersebut dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman.

Semakan rosot nilai muhibah dilaksanakan setiap tahun atau lebih kerap jika peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan wujudnya potensi rosot nilai. Nilai bawaan muhibah dibandingkan dengan jumlah boleh diperoleh semula, di mana nilai yang lebih tinggi antara nilai digunakan dan nilai saksama, ditolak kos menjual. Sebarang rosot nilai diiktiraf sebagai perbelanjaan serta merta dan seterusnya tidak akan dibalikkan.

(e) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah syarikat, perkongsian atau entiti-entiti lain di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi ia tidak mengawal, secara umumnya disertai dengan pegangan saham antara 20% hingga 50% hak mengundi. Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dipermulaan diiktiraf pada kos, dan nilai bawaan ditambah atau dikurangkan untuk mengiktiraf bahagian pelabur tersebut dalam keuntungan atau kerugian syarikat yang dilabur selepas tarikh pengambilalihan. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu termasuk muhibah dikenal pasti semasa pengambilalihan.

Jika kepentingan pemilikan dalam sesebuah syarikat bersekutu dikurangkan, tetapi pengaruh penting dikekalkan, hanya nisbah bahagian jumlah yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian apabila wajar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(e) Syarikat-syarikat bersekutu (Samb.)

Bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan selepas pengambilalihan diiktiraf dalam keruntungan atau kerugian dan bahagiannya dalam pergerakan lain-lain pendapatan komprehensif selepas pengambilalihan diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif dengan pelarasan sewajarnya kepada nilai bawaan pelaburan tersebut. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam sesebuah syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu tersebut, termasuk sebarang lain-lain belum terima tidak bercagar, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali ia telah menangggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Kumpulan menentukan pada setiap tarikh laporan, sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu tersebut telah rosot nilai. Jika ia berlaku, Kumpulan mengira jumlah rosot nilai sebagai perbezaan antara jumlah boleh diperoleh semula bagi syarikat bersekutu dan nilai bawaannya dan mengiktiraf jumlah tersebut seiring dengan 'bahagian keuntungan/(kerugian) dalam syarikat bersekutu tersebut' dalam keuntungan atau kerugian .

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusniaga huluan dan hiliran antara Kumpulan dan syarikat bersekutunya diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya ke tahap kepentingan pelabur tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan kecuali urusniaga tersebut mempunyai bukti kewujudan rosot nilai kepada aset yang dipindahkan. Dasar-dasar perakaunan syarikat-syarikat bersekutu telah diubah di mana perlu untuk memastikan ianya selaras dengan dasar-dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Keuntungan dan kerugian pencairan yang terhasil di dalam pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila perlu, semasa mengguna pakai kaedah ekuiti, pelarasan sewajarnya dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu tersebut bagi memastikan ianya selaras dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Apabila wujud tanda rosot nilai, nilai bawaan pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu ditaksir dan diturun nilai ke jumlah boleh diperoleh semula (Nota 3(h)).

Semasa penjualan syarikat-syarikat bersekutu tersebut, perbezaan antara hasil kutipan bersih penjualan dan nilai bawaan dicaj/dikreditkan dan ke keuntungan atau kerugian.

(f) Urus janji usahasama

Urus janji usahasama ialah urus janji yang dipersetujui secara kontrak untuk berkongsi kawalan oleh Syarikat dengan satu atau lebih pihak, di mana keputusan mengenai kegiatan berkaitan berhubung urus janji usahasama tersebut memerlukan kebenaran sebulat suara semua pihak yang berkongsi kawalan. Klasifikasi sesebuah urus janji sebagai urusniaga usahasama atau sebuah syarikat usahasama bergantung kepada hak dan obligasi pihak-pihak kepada urus janji tersebut. Sebuah syarikat usahasama adalah sebuah urus janji usahasama di mana pengusahasama tersebut mempunyai hak ke atas aset bersih urus janji tersebut. Urus niaga usahasama adalah urus janji usahasama di mana pengurusniaga usahasama tersebut mempunyai hak ke atas aset dan obligasi ke atas liabiliti berkaitan dengan urus janji tersebut.

Syarikat-syarikat usahasama

Kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat usahasama diambilkira dalam penyata kewangan melalui kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, kepentingan dalam syarikat-syarikat usahasama diiktiraf di peringkat permulaan pada kos dan seterusnya dilaraskan bagi mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan selepas pengambilalihan dan pergerakan dalam pendapatan komprehensif lain dengan pelarasan yang bersesuaian ke nilai bawaan pelaburan tersebut. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam sesebuah syarikat usahasama bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat-syarikat usahasama (yang meliputi sebarang kepentingan jangka panjang, yang secara umum, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat-syarikat usahasama tersebut), Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali ia mempunyai tanggungan obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak syarikat-syarikat usahasama tersebut.

Keuntungan tidak direalisasi daripada urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat usahasamanya dihapuskan sehingga ke tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat usahasama tersebut. Kerugian belum direalisasi juga dihapuskan kecuali urusniaga ini mempunyai bukti kewujudan rosot nilai kepada aset yang dipindahkan.

Operasi bersama

Berhubung kepentingan Kumpulan dalam operasi bersama, Kumpulan mengiktiraf aset-asetnya (termasuk bahagian dalam sebarang aset yang dipegang bersama), liabiliti (termasuk bahagian dalam sebarang liabiliti dilangsung bersama), perolehan daripada penjualan bahagian dalam hasil pengeluaran daripada operasi bersama (termasuk bahagian dalam perolehan daripada penjualan hasil pengeluaran oleh operasi bersama) dan perbelanjaan (termasuk bahagian dalam sebarang perbelanjaan ditanggung bersama).

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(f) Urus janji usahasama (sambungan)

Apabila perlu, dalam mengguna pakai kaedah ekuiti, pelarasan sewajarnya dibuat kepada penyata kewangan urus janji usahasama bagi memastikan keselarasan dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam urus janji usahasama dinyatakan pada kos.

Apabila wujud tanda rosot nilai, nilai bawaan pelaburan tersebut ditaksir dan diturun nilai serta merta kepada jumlah yang boleh diperolehi semula (Nota 3(h)).

Bagi pelupusan urus janji usahama, perbezaan antara hasil kutipan bersih pelupusan penjualan dan jumlah bawaannya dicaj/dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian.

(g) Aset kewangan

Klasifikasi

Kumpulan mengklasifikasikan aset-aset kewangannya dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, pinjaman dan belum terima dan aset kewangan tersedia untuk dijual. Klasifikasi ini bergantung kepada tujuan di mana aset kewangan tersebut diambilalih. Pengurusan menentukan klasifikasi aset-aset kewangannya pada peringkat permulaan pengiktirafan.

(i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dipegang untuk dagangan. Aset kewangan diklasifikasikan dalam kategori ini jika ia diambilalih atau ditanggung secara umum bagi tujuan untuk menjual atau membelinya semula dalam jangka masa terdekat. Derivatif dikategorikan sebagai dipegang untuk dagangan kecuali ia ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai. Aset dalam kategori ini diklasifikasikan sebagai aset semasa jika dijelaskan dalam tempoh 12 bulan; atau, sebaliknya diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

Derivatif pada peringkat permulaan diikitiraf pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan selepas itu diukur semula pada nilai saksama. Kaedah mengiktiraf keuntungan atau kerugian daripadanya bergantung kepada sama ada derivatif tersebut bertujuan untuk menjadi instrumen lindung nilai dan jika demikian, bentuk perkara yang dilindung nilai. Kumpulan tidak menggunakan perakaunan lindung nilai pada tahun kewangan ini.

(ii) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset-aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh dipastikan yang tidak disebut dalam sesebuah pasaran aktif. Ia termasuk dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang lebih daripada 12 bulan selepas akhir tempoh laporan. Ia diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan belum terima Kumpulan dinyatakan dalam Nota 52.

(iii) Aset kewangan tersedia untuk dijual

Aset kewangan tersedia untuk dijual adalah bukan derivatif yang sama ada dimasukkan ke dalam kategori ini atau tidak diklasifikasikan dalam sebarang kategori lain. Ia dimasukkan ke dalam aset bukan semasa kecuali jika pelaburan mencapai tempoh matang atau para Pengarah bercadang untuk menjualnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh laporan.

Pengiktirafan dan ukuran permulaan

Pembelian dan penjualan aset-aset kewangan yang lazim diiktiraf pada tarikh dagangan, iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset berkenaan.

Aset kewangan diiktiraf pada peringkat permulaan pada nilai saksama berserta kos urusniaga bagi semua aset-aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Aset kewangan yang dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf diperingkat permulaan pada nilai saksama, dan kos urusniaga diambilkira sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentagan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(g) Aset kewangan (Samb.)

Ukuran lanjutan - keuntungan dan kerugian

Aset kewangan tersedia untuk dijual dan aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Pinjaman dan belum terima kemudiannya dibawa pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah biaya efektif.

Perubahan nilai saksama aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, termasuk kesan pertukaran matawang, pendapatan kewangan dan pendapatan dividen diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana perubahan tersebut terhasil.

Perubahan nilai saksama aset-aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi kerugian rosot nilai (lihat dasar perakaunan Nota 3 (h)) dan keuntungan dan kerugian ke atas aset monetari tukaran matawang asing. Perbezaan pertukaran matawang asing ke atas aset monetari diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, manakala perbezaan pertukaran matawang asing ke atas aset bukan monetari diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebagai sebahagian daripada perubahan nilai saksama.

Pendapatan kewangan dan dividen daripada aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf secara berasingan dalam keuntungan atau kerugian. Pendapatan dividen daripada aset-aset kewangan tersedia untuk dijual diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila hak Kumpulan untuk menerima bayaran ditetapkan.

Penarikan pengiktirafan

Aset kewangan ditarik pengiktirafannya apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan secara ketara semua risiko dan ganjaran pemilikan.

Belum terima yang difaktor kepada bank dan institusi kewangan lain dengan rekursa kepada Kumpulan tidak ditarik semula pengiktirafannya sehingga tempoh rekursa telah tamat tempoh dan risiko serta ganjaran belum terima itu telah dipindahkan sepenuhnya. Tunai yang diterima sewajarnya daripada institusi kewangan direkodkan sebagai pinjaman.

Apabila aset kewangan tersedia untuk dijual telah dijual, pelarasan nilai saksama terkumpul yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian.

Pengimbangan

Aset dan liabiliti kewangan diimbangi dan jumlah bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila wujud hak yang boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang untuk mengimbangi jumlah yang telah diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau merealisasikan aset tersebut dan pada masa yang sama, menyelesaikan liabiliti tersebut.

(h) Rosot nilai aset kewangan

Aset dibawa pada kos dilunaskan

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa nilai aset kewangan atau kumpulan aset kewangan rosot nilai. Aset kewangan atau kumpulan aset-aset kewangan dirosot nilai dan kerugian rosot nilai ditanggung hanya jika terdapat bukti objektif rosot nilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ("peristiwa kerugian") dan bahawa peristiwa kerugian itu ("atau peristiwa-peristiwa") mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan aset-aset kewangan atau kumpulan aset-aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Kriteria yang digunakan oleh Kumpulan bagi menentukan terdapat bukti objektif kerugian rosot nilai meliputi:

- Kesukaran kewangan yang ketara dihadapi oleh penerbit atau penanggung obligasi;
- Perlanggaran kontrak seperti keingkaran atau ketidak patuhan dalam pembayaran pokok atau faedah;
- Kumpulan atas sebab ekonomi atau perundangan berkaitan dengan kesukaran kewangan yang dihadapi oleh peminjam, memberi konsesi kepada peminjam tersebut, yang tidak pertimbangkan oleh pemberi pinjaman;
- Ia berkemungkinan akan menyebabkan peminjam muflis atau menjalani penyusunan semula kewangan lain;
- Kelenyapan sebuah pasaran aktif bagi aset kewangan tersebut akibat kesukaran kewangan yang dihadapi; atau
- Data yang boleh diperhatikan menunjukkan bahawa terdapat pengurangan boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa daripada sebuah portfolio aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset-aset tersebut, walaupun pengurangan tersebut tidak boleh dikenal pasti dengan aset kewangan individual tersebut, termasuk:

  (i) perubahan negatif dalam status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
  (ii) keadaan dalam negara atau ekonomi tempatan yang ada kaitan dengan keingkaran pada aset dalam portfolio tersebut.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(h) Rosot nilai aset kewangan (Samb.)

Aset dibawa pada kos dilunaskan (Samb.)

Jumlah kerugian, diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawaan aset tersebut dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum ditanggung) didiskaun pada kadar faedah asal aset kewangan tersebut berkuatkuasa. Nilai bawaan aset tersebut dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika sesebuah pinjaman mempunyai kadar biaya yang berubah-ubah, kadar diskaun untuk mengukur sebarang kerugian rosot nilai adalah biaya efektif yang diretapkan di bawah kontrak tersebut. Sebagai kaedah praktikal,Kumpulan mengukur rosot nilai berdasarkan kepada pengiraan nilai saksama instrumen tersebut menggunakan harga pasaran boleh diperhatikan.

Jika dalam tempoh selepasnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa berlaku selepas rosot nilai diiktiraf (seperti peningkatan penarafan kredit penghutang), pembalikan kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila sesebuah aset itu tidak boleh dikutip, ia dihapus kira dengan akaun elaun berkaitan. Aset sedemikian dihapus kira selepas semua prosedur diperlukan telah diselesaikan dan jumlah kerugian telah ditentukan.

Aset dikelaskan sebagai aset-aset kewangan tersedia untuk dijual

Kumpulan menaksir pada akhir tempoh laporan sama ada wujud bukti objektif bahawa sesebuah aset-aset kewangan atau kumpulan aset-aset kewangan telah rosot nilai.

Kumpulan menggunakan kriteria dan ukuran kerugian rosot nilai yang berkenaan untuk aset dibawa pada kos dilunaskan di atas. Selain kriteria bagi 'aset dibawa pada kos dilunaskan' di atas, kemerosotan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama sekuriti di bawah kosnya juga dianggap sebagai satu petunjuk bahawa aset tersebut telah rosot nilai. Jika bukti sedemikian wujud bagi aset-aset kewangan tersedia untuk dijual, kerugian terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam rizab tersedia untuk dijual dikeluarkan dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jumlah kerugian terkumpul yang diklasifikasikan semula kepada keuntungan atau kerugian adalah perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama semasa, ditolak sebarang kerugian rosot nilai pada aset-aset kewangan yang sebelumnya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian pada instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai tersedia untuk dijual tidak dibalikkan semula melalui keuntungan atau kerugian.

(i) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf pada penyata kedudukan kewangan hanya apabila, Kumpulan menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak dalam instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama, dan dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, ia diagihkan kepada kos urusniaga langsung.

Selepas pengiktirafan awal , semua liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah biaya efektif kecuali liabiliti LLA dan derivatif dalam kedudukan kerugian yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian.

Bagi liabiliti kewangan selain daripada liabiliti LLA dan derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti tersebut ditarik balik pengiktirafannya dan melalui proses pelunasan.

Keuntungan atau kerugian timbul daripada perubahan dalam nilai saksama liabiliti LLA dan derivatif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam keuntungan/kerugian lain, bersih. Keuntungan atau kerugian bersih daripada derivatif adalah termasuk perbezaan tukaran matawang asing.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa kecuali Kumpulan mempunyai hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti berkenaan bagi sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh kedudukan penyata kewangan.

Kos pinjaman dibahagikan secara langsung kepada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, iaitu aset yang memerlukan tempoh masa yang lama untuk disediakan bagi tujuan penggunaannya atau untuk dijual, dimasukkan ke dalam kos aset tersebut, sehingga sampai masa aset tersebut tersedia untuk digunakan atau untuk dijual.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(i) Liabiliti kewangan (Samb.)

Perbezaan daripada tukaran matawang asing dipermodalkan sehingga ke tahap kos pinjaman yang berkaitan yang telah dipermodalkan.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Yuran dibayar bagi penubuhan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urusniaga pinjaman tersebut sehingga ke tahap berkemungkinan sebahagian atau seluruh kemudahan tersebut akan dikeluarkan. Dalam hal ini, yuran ditunda sehingga berlakunya pengeluaran. Sehingga ke tahap tiada bukti bahawa berkemungkinan sebahagian atau seluruh kemudahan tersebut akan dikeluarkan, yuran tersebut dipermodalkan sebagai prabayar bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan tersebut yang mana berkaitan.

Sesebuah liabiliti kewangan ditarik balik pengiktirafannya apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dihapuskan. Apabila sesebuah liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan liabiliti kewangan lain daripada pemberi pinjaman yang sama berasaskan kepada syarat yang ketara berbeza atau syarat sesebuah liabiliti sedia ada diubahsuai secara ketara, perubahan atau pengubahsuaian sedemikian dianggap sebagai penarikan semula pengiktirafan daripada liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baharu serta perbezaan dalam nilai bawaan masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(j) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Kos bagi sebuah item hartanah, loji dan peralatan yang diiktiraf pada peringkat permulaan termasuk harga belian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset berkenaan ke lokasi dan keadaan yang diperlukan bagi membolehkannya ia beroperasi mengikut cara yang dikehendaki oleh pengurusan. Kos juga meliputi kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran sesebuah aset yang layak.

Kos berikutnya termasuk dalam nilai bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan,mengikut kesesuaian, hanya apabila wujud kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur sewajarnya. Nilai bawaan alat ganti yang diganti ditarik balik pengiktirafan. Semua pembaikan dan penyelengaraan dicaj ke keuntungan atau kerugian pada tempoh kewangan di mana ia ditanggung.

Alat ganti, peralatan siap sedia dan peralatan servis berbanding inventori apabila ia dijangka akan digunakan dalam lebih dari satu tempoh.

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai kerana ia mempunyai jangka hayat tidak terhad. Alat ganti atau peralatan servis diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan akan disusut nilai sepanjang tempoh yang tidak melepasi jangka hayat berguna aset tersebut. Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilai berasaskan garis lurus bagi menghapus kira kos setiap aset hingga ke nilai sisa masing-masing sepanjang anggaran jangka hayat berguna adalah seperti berikut:

<u>Hartanah, loji dan peralatan</u>	<u>Angggaran jangka hayat berguna (tahun)</u>
Tanah pegangan pajakan	50 hingga 933
Bangunan, struktur dan ubahsuai	3 hingga 58
Loji dan jentera	3 hingga 30
Kenderaan bermotor	3 hingga 50
peralatan pejabat, alat-alatan dan peralatan lain	2 hingga 33

Nilai sisa dan jangka hayat berguna aset berkenaan disemak semula dan dilaras jika wajar pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Susut nilai terhadap hartanah, loji dan peralatan tamat sama ada semasa penarikan semula pengiktirafan dan klasifikasi kepada dipegang untuk dijual antara dua yang awal. Susut nilai terhadap aset di bawah pembinaan bermula apabila aset tersebut telah tersedia untuk matlamat penggunaannya.

Keuntungan dan kerugian daripada penjualan ditentukan dengan membandingkan kutipan dengan nilai bawaan aset dan dalam "pendapatan operasi lain" dalam keuntungan atau kerugian.

Pada setiap tarikh kedudukan penyata kewangan, Kumpulan menaksir sama ada wujud sebarang petunjuk rosot nilai. Jika petunjuk sedemikian wujud, nilai bawaan sesebuah aset diturunkan nilai dengan serta merta ke jumlah yang boleh diperolehi semula jika nilai bawaan aset berkenaan lebih besar berbanding dengan anggaran jumlah boleh diperolehi semulanya. Lihat dasar-dasar perakaunan penting Nota 3(o) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(k) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah dipegang untuk pulangan sewa jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya dan tidak digunakan oleh Kumpulan. Pelaburan hartanah diukur pada permulaan pada kos, termasuk kos urusniaga berkaitan dan kos pinjaman. Jika hartanah pelaburan tersebut memenuhi pentakrifan aset yang layak.

Selepas pengiktirafan permulaan, pelaburan hartanah dinyatakan pada kos dan menolak sebarang susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Tanah milikan bebas tidak disusut nilai kerana ia mempunyai hayat yang tidak terhad. Semua pelaburan hartanah disusut nilai pada kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat bergunanya seperti berikut:

Hartanah pelaburan	Anggaran jangka hayat berguna (tahun)
Tanah pegangan pajakan	90
Bangunan	30 hingga 50

Perbelanjaan selanjutnya dipermodalkan kepada nilai bawaan aset apabila terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaannya akan mengalir kepada Kumpulan dan kos perkara tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua kos pembaikan dan penyenggaraan diiktiraf sebagai belanja apabila ianya ditanggung. Apabila bahagian hartanah pelaburan digantikan, jumlah bawa bahagian yang digantikan tidak lagi diiktiraf.

Pelaburan hartanah tidak diiktiraf apabila sama ada ia dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan dikeluarkan secara kekal daripada kegunaan dan tiada manfaat ekonomi dijangka daripada pelupusannya. Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan kutipan pelupusan bersih dengan nilai bawaan dan dimasukkan ke dalam "lain-lain pendapatan operasi" di keuntungan atau kerugian.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika ada petunjuk sedemikian, nilai bawaan sesuatu aset diturunkan dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperoleh semula jika jumlah bawa aset tersebut adalah lebih tinggi daripada jumlah anggaran boleh diperoleh semula. Sila lihat dasar-dasar perakaunan penting di Nota 3(o) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

(l) Aset tidak nyata

Aset tidak nyata yang diperoleh secara berasingan diukur pada permulaan pengiktirafan pada awal kos. Kos aset tidak ketara yang diperoleh dalam gabungan perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pengambilalihan. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak nyata dibawa kepada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Hayat berguna aset tidak nyata dinilai sama ada terhad atau tidak terhad. Aset tidak nyata dengan hayat terhad dilunaskan mengikut kaedah garisan lurus sepanjang anggaran hayat berguna ekonomi dan ditaksir bagi rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara tersebut mungkin mengalami rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai bawaan sesuatu aset diturunkan dengan segera kepada jumlah boleh diperoleh semulanya jika jumlah bawaan aset tersebut adalah lebih besar daripada anggaran jumlah boleh diperoleh semulanya. Lihat dasar-dasar perakaunan penting Nota 3 (o) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat berguna terhad disemak semula pada sekurang-kurangnya setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset tidak nyata dengan hayat berguna tidak terhad dan aset tidak ketara di bawah pembangunan tidak dilunaskan tetapi diuji untuk rosot nilai setiap tahun atau lebih kerap, jika terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawanya mungkin merosot sama ada secara individu atau pada peringkat unit penjanaan tunai. Hayat berguna aset tidak ketara dengan hayat tidak terhad juga disemak setiap tahun untuk menentukan sama ada taksiran hayat berguna akan berterusan.

Aset tidak ketara dilunaskan mengikut asas garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna seperti berikut:

Jenama	20 tahun
Teknologi lengkap	9 tahun
Perjanjian pajakan	18 tahun
Perhubungan pelanggan	9 tahun
Nama perdagangan	5 tahun
Perisian	3 - 5 tahun

Pelunasan aset tidak ketara di bawah pembangunan bermula apabila aset berkenaan sedia untuk kegunaan yang dikehendaki.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(l) Aset tidak nyata (Samb.)

Ciri-ciri aset tidak nyata adalah seperti berikut:

(i) Jenama adalah berkaitan dengan jenama gula 'Prai' yang diperolehi sebagai sebahagian daripada pengambilalihan perniagaan gula.

(ii) Teknologi lengkap adalah berkaitan dengan lesen bagi sebuah anak syarikat untuk menggunakan teknologi tertentu yang melibatkan pengeluaran lelemak haiwan.

(iii) Perjanjian pajakan adalah berkaitan dengan perjanjian pajakan bagi sebuah anak syarikat untuk memajak beberapa aset kepada pelanggan, yang diperoleh sebagai sebahagian daripada gabungan perniagaan. Twin Rivers Technologies Holdings, Inc. ("TRTH"), adalah pemberi pajak bagi sebahagian daripada kemudahan kepada penyewa di bawah pajakan operasi yang tidak boleh batalkan. Hartanah ini meliputi tangki minyak semulajadi dan sistem saluran paip minyak.

(iv) Hubungan pelanggan adalah berkaitan dengan kontrak untuk sebuah anak syarikat menjual produknya kepada beberapa pelanggan.

(v) Nama dagangan adalah berkaitan dengan nama dagangan 'Twin Rivers Technologies' yang diperoleh sebagai sebahagian daripada pengambilalihan operasi perniagaan asid lelemak di Amerika Syarikat.

(vi) Perisian berkaitan dengan teknologi maklumat (IT) yang digunakan dalam Kumpulan.

(vii) Aset tidak nyata di dalam pembangunan berkaitan dengan sistem IT dalam pembangunan dan hak penggunaan tanah bagi ladang kelapa sawit di Kalimantan, Indonesia, yang masih tertakluk kepada kelulusan berkaitan daripada pihak berkuasa.

(m) Aset biologi

<u>Ladang kelapa sawit dan getah</u>

Aset biologi adalah kos pembangunan penanaman baharu yang diambil kira di bawah kaedah penyelenggaraan modal. Di bawah kaedah ini, kos pembangunan penanaman yang ditanggung (contohnya pembersihan tanah dan penjagaan pokok) sehingga ke tempoh matang dari sifar (0) hingga tiga (3) tahun bagi kelapa sawit dan sifar (0) hingga tujuh (7) tahun bagi getah dipermodalkan dan tidak dilunaskan, ditunjukkan sebagai aset bukan semasa ditolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Aset biologi akan tertakluk kepada susut nilai yang dipercepatkan jika kewujudan kawasan tanaman telah di kenal pasti oleh para Pengarah untuk penanaman semula dengan tanaman yang berbeza, selepas menurunkan nilai bawaan kepada jumlah yang boleh diperolehi semula.

Perbelanjaan penanaman semula dicaj kepada keuntungan atau kerugian pada tahun ia ditanggung.

Apabila kawasan tanaman ditanam semula dengan tanaman yang berbeza, nilai bawaan aset biologi sedia ada dibelanjakan dalam keuntungan atau kerugian, dan kos pembangunan penanaman berhubung tanaman baharu itu dipermodalkan.

Bagi aset biologi yang diserahkan kepada FELDA menurut peruntukan LLA, nilai bawaan kos pembangunan penanaman tidak lagi diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, pada yang mana lebih awal antara tempoh notis kontrak atau tarikh diiambil alih oleh FELDA.

<u>Tapak semaian</u>

Kos tapak semaian meliputi kos biji benih kelapa sawit dan getah dan kos pembangunan berkaitan yang ditanggung (contohnya pembajaan dan merumput) dalam menyediakan tapak semaian. Kos tapak semaian berkaitan dengan penanaman baharu dipindahkan kepada ladang kelapa sawit dan getah apabila mencapai tahap kematangan tertentu, iaitu antara sepuluh (10) hingga dua belas (12) bulan bagi kelapa sawit dan lima (5) hingga enam (6) bulan bagi getah, sementara jenis lain (dijual semula atau ditanam semula) dicaj kepada keuntungan atau kerugian.

Jika ada petunjuk rosot nilai, jumlah bawa aset biologi ditaksir dan diturunkan nilainya kepada jumlah yang boleh diperoleh semula dengan segera. Lihat dasar-dasar perakaunan penting Nota 3(o) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(m) Aset biologi (Samb.)

Haiwan ternakan

(i) Lembu

Lembu dipelihara untuk tujuan meragut rumput, yang mana tidak ada pengurusan ke atas transformasi aset biologi tersebut. Lembu yang dibeli pada mulanya direkodkan pada nilai kos. Lembu dinyatakan pada kos tolak kerugian susut nilai dan rosot nilai terkumpul. Kos bagi perkara berkaitan lembu pada mulanya diiktiraf meliputi harga pembeliannya dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa lembu tersebut ke lokasi dan keadaan yang perlu untuk membolehkannya beroperasi seperti yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos turut meliputi kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau pengeluaran aset yang layak.

Anak lembu baru lahir dinyatakan pada kos standard berasaskan kepada nilai pasaran lembu berusia di bawah 3 bulan pada tarikh penilaian. Lembu disusut nilai mengikut asas garis lurus untuk menghapus kira kos sepanjang jangkaan hayat bergunanya selama 5 tahun.

(ii) Anjing

Anjing dibiak dan dilatih untuk tujuan kawalan keselamatan. Semua kos langsung bagi anjing dikumpul sehingga ia matang. Selepas itu, kos yang telah dipermodalkan dilunaskan mengikut asas garis lurus sepanjang jangkaan tempoh hayat produktif bergunanya. Tempoh kematangan anggaran bagi anjing adalah 2 tahun, dengan menyelesaikan semua latihan yang diperlukan dan menggunakan 8 tahun sebagai tempoh pelunasan.

Jika ada petunjuk rosot nilai, jumlah bawa aset biologi ditaksir dan diturunkan nilainya kepada jumlah yang boleh diperoleh semula dengan segera. Lihat dasar-dasar perakaunan penting Nota 3(o) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

Tebu

Tebu meliputi kos pembangunan penanaman baharu yang diambil kira di bawah kaedah penyelenggaraan modal. Di bawah kaedah ini, kos pembangunan tanaman baharu yang ditanggung (contohnya pembersihan tanah, penanaman dan penjagaan pokok) sehingga kematangannya dipermodalkan dan tidak dilunaskan dan ditunjukkan sebagai kos sejarah tolak kerugian rosot nilai terkumpul.

Walau bagaimanapun, kos yang dipermodalkan akan dilunaskan kepada penyata pendapatan komprehensif mengikut asas garis lurus atas baki tempoh pajakan jika tebu ditanam di atas tanah pegangan pajakan dan baki tempoh pajakan adalah lebih pendek daripada hayat ekonomi berguna tebu tersebut.

Jika ada petunjuk rosot nilai, nilai bawaan aset biologi ditaksir dan diturunkan nilainya dengan segera kepada jumlah yang boleh diperoleh semula. Lihat dasar-dasar perakaunan penting Nota 3(o) mengenai rosot nilai aset bukan kewangan.

(n) Inventori

Inventori yang meliputi komoditi berdasarkan produk dan derivatif yang berkaitan dengannya dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan nilai bersih boleh di realisasi. Kos ditentukan mengikut asas purata berwajaran dan masuk dahulu keluar dahulu.

Kos bahan mentah meliputi kos langsung pembelian. Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan meliputi kos bahan mentah, buruh langsung, kos langsung lain dan bahagian overhed perkilangan yang sesuai berdasarkan kapasiti operasi biasa. Ia tidak termasuk kos pinjaman.

Nilai boleh direalisasi bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, ditolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

(o) Rosot nilai aset bukan kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna tidak terhad, contohnya muhibah atau aset tidak nyata yang belum sedia untuk digunakan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi rosot nilai, dan apabila kejadian atau keadaan berlaku menunjukkan bahawa rosot nilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan dan aset bukan kewangan lain, termasuk aset bukan kewangan bukan semasa termasuk aset tidak nyata dengan hayat berguna terhad, disemak semula untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak boleh diperoleh semula. Kerugian rosot nilai diiktiraf bagi jumlah nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh diperoleh semula.

Kerugian rosot nilai dicaj kepada keuntungan atau kerugian. Jumlah boleh diperoleh semula adalah nilai lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan penaksiran rosot nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana ia boleh dikenal pasti mengikut aliran tunai (unit penjanaan tunai). Aset yang merosot nilai, kecuali muhibah, disemak semula untuk kemungkinan pembalikan rosot nilai pada setiap tarikh laporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(p) Zakat

Kumpulan mengiktiraf obligasinya terhadap pembayaran zakat perniagaan. Zakat bagi tempoh semasa diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi zakat hasil penaksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat akan ditaksir apabila sebuah syarikat dalam Kumpulan yang telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, iaitu tempoh yang dikenali sebagai "haul" "(tempoh layak)"

Kadar zakat yang berkuatkuasa atau sebahagian besarnya berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan digunakan untuk menentukan perbelanjaan zakat. Kadar zakat perniagaan, ditentukan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan bagi 2013 adalah 2.5% daripada asas zakat entiti yang berkenaan. Asas zakat Kumpulan ditentu berasaskan kepada keuntungan selepas cukai syarikat-syarikat yang layak dalam Kumpulan selepas menolak pendapatan dividen dan pendapatan serta perbelanjaan bukan operasi tertentu. Zakat daripada perniagaan dikira dengan mendarabkan kadar zakat dengan asas zakat. Jumlah zakat yang ditaksir diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun kewangan ia ditanggung.

(q) Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai bagi tahun ini meliputi cukai semasa dan tertunda. Cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali setakat mana ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini, cukai juga diiktiraf masing-masing dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Cukai semasa dan tertunda diukur menggunakan kadar cukai yang berkuatkuasa atau sebahagian besarnya berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan di negara di mana operasi anak-anak syarikat, usahasama dan syarikat bersekutu Kumpulan menjana pendapatan yang boleh dicukai.

Cukai tertunda diperuntukkan bagi perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaan dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana keuntungan boleh dicukai masa hadapan mungkin tersedia daripada perbezaan sementara yang boleh dikurangkan dan kerugian cukai belum digunakan boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan permulaan aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada gabungan perniagaan yang mana pada masa urus niaga tidak memberi kesan sama ada kepada perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian perakaunan atau yang boleh dicukai.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat, usahasama dan syarikat bersekutu, kecuali bagi liabiliti cukai pendapatan tertunda di mana faktor masa pembalikan perbezaan sementara dikawal oleh Kumpulan dan berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan berbalik dalam masa depan yang boleh diramalkan.

Aset dan liabiliti cukai pendapatan dan tertunda dikurangkan apabila terdapat hak sah untuk mengurangkan aset cukai semasa daripada liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkaitan dengan cukai dilevi oleh pihak berkuasa cukai yang sama ke atas sama ada entiti yang boleh dicukai atau entiti boleh dicukai yang berbeza di mana terdapat hasrat untuk menjelaskan baki pada asas bersih.

Manfaat cukai yang timbul daripada elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan diiktiraf apabila kredit cukai digunakan.

(r) Matawang asing

Matawang fungsi dan pembentangan

Perkara yang diliputi dalam penyata kewangan bagi setiap entiti Kumpulan diukur menggunakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("matawang fungsian"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian dan pembentangan Syarikat dan matawang pembentangan Kumpulan.

Urus niaga dan baki

Urus niaga matawang asing diterjemahkan kepada matawang fungsi menggunakan kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urus niaga atau penilaian di mana perkara diukur semula. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang terhasil daripada penjelasan urus niaga sedemikian dan daripada urus niaga pada kadar pertukaran akhir tahun aset dan liabiliti kewangan denominasi dalam matawang asing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila tertunda dalam ekuiti sebagai pelindung nilai aliran tunai berkelayakan dan pelindung nilai pelaburan bersih berkelayakan.

Keuntungan dan kerugian tukaran asing yang berkaitan dengan pinjaman dan tunai dan bersamaan tunai dibentangkan dalam keuntungan atau kerugian.

Perubahan dalam nilai saksama sekuriti kewangan dalam matawang asing dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual dianalisis antara perbezaan pertukaran yang terhasil daripada perubahan dalam kos sekuriti yang dilunaskan dan perubahan lain dalam nilai bawaan sekuriti berkenaan. Perbezaan pertukaran berkaitan dengan perubahan dalam kos dilunaskan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan perubahan lain dalam jumlah bawa diiktiraf dalam ekuiti.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(r) Matawang asing (Samb.)

Perbezaan pertukaran aset-aset dan liabiliti-liabiliti bukan kewangan seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian keuntungan atau kerugian nilai saksama. Perbezaan pertukaran aset kewangan bukan kewangan, seperti ekuiti dikelaskan sebagai tersedia untuk dijual, dimasukkan dalam pendapatan komprehensif lain.

Syarikat-syarikat kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan entiti-entiti dalam Kumpulan (yang mana tiada diantaranya memiliki matawang ekonomi hiper-inflasi) yang mempunyai matawang fungsi entiti yang berbeza daripada matawang pembentangan ditukarkan kepada matawang pembentangan seperti berikut:

(i) Aset dan liabiliti bagi setiap penyata kedudukan kewangan yang dibentangkan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh penyata kedudukan kewangan;
(ii) Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan komprehensif ditukar pada kadar purata (kecuali jika purata ini bukan merupakan anggaran yang munasabah daripada kesan terkumpul kadar yang lazim pada tarikh urus niaga, di mana pendapatan dan perbelanjaan ditukar pada tarikh urus niaga); dan
(iii) Semua perbezaan pertukaran yang terhasil dalam rizab pertukaran asing sebagai komponen ekuiti yang berasingan.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti entiti asing dan ditukar pada kadar penutup. Perbezaan pertukaran yang timbul diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Semasa penyatuan, perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran pelaburan bersih dalam entiti asing dan pendahuluan jangka panjang dibawa kepada rizab pertukaran asing, dalam ekuiti. Apabila operasi asing dijual, perbezaan pertukaran tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian pelupusan.

(s) Geran-geran kerajaan

Geran-geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksama di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat-syarat berkaitan.

Geran-geran kerajaan berkaitan dengan kos diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang tempoh supaya berpadanan dengan kos berkaitan di mana geran tersebut ingin diberi pampasan.

Geran-geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dibentangkan sebagai pengurangan nilai bawa aset berkaitan. Geran-geran kerajaan diiktiraf dalam untung rugi bagi tempoh hayat hartanah, loji dan peralatan berkaitan sebagai perbelanjaan susut nilai yang dikurangkan.

(t) Pengiktirafan perolehan

Perolehan meliputi nilai saksama pertimbangan yang diterima atau akan diterima daripada jualan barangan dan perkhidmatan dalam urusan lazim kegiatan Kumpulan. Perolehan dibentangkan selepas ditolak cukai barangan dan perkhidmatan, pulangan, rebat dan diskaun dan selepas menghapuskan jualan di dalam Kumpulan.

Hasil diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urus niaga akan mengalir kepada Kumpulan dan jumlah hasil boleh diukur dengan pasti.

Kriteria pengiktirafan khusus berikut juga perlu dipenuhi sebelum hasil diiktiraf:

(i) Hasil daripada jualan buah tandan segar ("BTS"), minyak sawit mentah ("MSM"), biodiesel, isirung sawit ("IS") dan getah beku.

Hasil biasanya diiktiraf semasa penghantaran barangan, apabila sebahagian besar risiko dan ganjaran daripada pemilikian barangan dipindahkan kepada pembeli.

(ii) Hasil daripada pengeluaran dan pengedaran asid lelemak, minyak sayuran, makanan protin, gula halus dan gula merah.

Hasil biasanya diiktiraf semasa penghantaran barangan, apabila risiko dan ganjaran pemilikan barangan dipindahkan kepada pembeli.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(t) Pengiktirafan perolehan (Samb.)

Kriteria pengiktirafan khusus berikut perlu dipenuhi sebelum perolehan diiktiraf: (Samb.)

(iii) Subsidi daripada Kerajaan

Subsidi yang diterima daripada Kerajaan Malaysia bagi produk-produk tertentu yang dijual adalah berkaitan dengan perbezaan di antara anggaran harga pasaran dan harga kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan untuk jualan produk tersebut di pasaran domestik terhad kepada jumlah yang dipersetujui oleh Kerajaan secara tahunan. Subsidi ini dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada perolehan dalam tempoh perakaunan di mana jualan barangan tersebut diiktiraf.

(iv) Perolehan daripada penyediaan perkhidmatan

Perolehan daripada penyediaan perkhidmatan termasuk yuran pengurusan dan urus janji pengetolan, diiktiraf apabila perkhidmatan berkaitan dijalankan, dengan merujuk kepada penyiapan perkhidmatan tertentu.

(v) Pendapatan keuntungan

Pendapatan keuntungan diiktiraf menggunakan kaedah keuntungan efektif. Apabila pinjaman atau bayaran belum terima merosot, Kumpulan mengurangkan nilai bawaan kepada jumlah boleh dikutip semula, yang merupakan anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar keuntungan efektif instrumen berkenaan dan terus mengurangkan diskaun tersebut sebagai pendapatan keuntungan. Pendapatan keuntungan ke atas pinjaman merosot dan bayaran belum terima diiktiraf menggunakan kadar keuntungan elektif asal.

(vi) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa berkaitan dengan penyewaan hartanah dan loji diiktiraf bagi tempoh penyewaan atau penggunaan, mengikut kesesuaian.

(vii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima wujud. Ini diguna pakai apabila ia dibayar daripada keuntungan pra-pengambilalihan. Walau bagaimanapun, pelaburan mungkin perlu diuji bagi kemerosotan nilai.

(viii) Pampasan belum terima

Pampasan belum terima adalah anggaran berasaskan kepada kawasan yang dituntut oleh FELDA, diiktiraf pada yang mana lebih awal di antara tempoh notis kontrak atau tarikh pengambilalihan oleh FELDA.

(u) Pengagihan dividen

Dividen pada saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila dicadangkan atau diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen yang dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan di tandatangani untuk dikeluarkan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(v) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai meliputi tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, pelaburan jangka pendek berkecairan tinggi lain dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang, dan overdraf bank. Overdraf bank dibentangkan dalam pinjaman dalam liabiliti semasa pada penyata kedudukan kewangan.

(w) Pajakan

(i) Klasifikasi

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan jika ia memindahkan sebahagian besar kepada Kumpulan semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan diklasifikasikan sebagai pajakan operasi dan pajakan kewangan sama seperti pajakan aset lain dan elemen tanah dan bangunan pajakan dianggap berasingan bagi tujuan klasifikasi pajakan. Semua pajakan yang tidak dipindahkan kesemua risiko dan ganjaran diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(w) Pajakan (Samb.)

(ii) Pajakan operasi – Kumpulan sebagai pemajak

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan berkaitan. Manfaat agregat insentif yang disediakan oleh pemberi pajakan diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan mengikut asas garis lurus.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum tempoh pajakan berakhir, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemberi pajakan melalui penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tempoh penamatan tersebut berlaku.

Kos langsung permulaan yang ditanggung oleh Syarikat dalam merunding dan mengatur pajakan operasi diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian apabila berlaku.

Bayaran bagi hak untuk menggunakan tanah dan bangunan sepanjang tempoh yang telah ditetapkan dikelaskan sebagai pra bayaran bagi bayaran pajakan dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Pra bayaran kepada bayaran pajakan dilunaskan mengikut garis lurus sepanjang tempoh 49 tahun.

(iii) Pajakan operasi – Kumpulan sebagai pemberi pajakan

Aset yang dipajakkan di bawah pajakan operasi dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan menurut ciri-ciri aset. Pendapatan sewa daripada pajakan operasi diiktiraf mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan berkenaan (Nota 3(t)(vii)). Kos langsung permulaan yang ditanggung untuk merunding dan mengatur pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawa aset dipajak dan diiktiraf mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(iv) Pajakan kewangan – Kumpulan sebagai pemajak

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan memegang sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan antara nilai saksama hartanah yang dipajak dan nilai semasa bayaran pajakan minimum yang lebih rendah.

Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah yang tetap daripada baki liabiliti yang selebihnya. Obligasi sewaan berkaitan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam akaun akan dibayar jangka panjang. Elemen biaya kos kewangan dicaj kepada keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar berkala yang tetap bagi baki liabiliti untuk setiap tempoh. Hartanah, loji dan peralatan yang diambil alih di bawah pajakan kewangan disusut nilai mengikut tempoh yang lebih pendek antara hayat berguna aset dan tempoh pajakan.

Kos langsung permulaan yang ditanggung oleh Kumpulan dalam merunding dan mengatur pajakan kewangan ditambah kepada nilai bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan mengikut asas yang sama dengan perbelanjaan pajakan.

(x) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan yang meningkatkan kelayakan mereka untuk mendapat ketidakhadiran berbayar pada masa depan. Ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

(ii) Pelan caruman bertakrif

Pelan caruman bertakrif adalah pelan manfaat selepas perkhidmatan yang mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti-entiti atau tabung yang berasingan dan tidak mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika mana-mana tabung tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa dan terdahulu. Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian apabila ia ditanggung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(x) Manfaat kakitangan (Samb.)

(iii) Pelan manfaat bertakrif

Pelan manfaat bertakrif adalah pelan persaraan yang mentakrif suatu jumlah manfaat persaraan perlu dibayar, lazimnya sebagai fungsi satu atau lebih faktor seperti usia, tahun perkhidmatan atau pampasan.

Beberapa syarikat dalam Kumpulan mengendalikan pelan persaraan manfaat tertakrif yang tidak dibiayai. Di bawah pelan tersebut, manfaat persaraan boleh ditentukan dengan merujuk kepada pendapatan kakitangan, jawatan dan tempoh perkhidmatan dan dibayar apabila mencapai umur lazim persaraan.

Liabiliti berhubung dengan pelan manfaat tertakrif adalah nilai semasa tanggungan manfaat bertakrif pada tarikh penyata kedudukan kewangan tolak nilai saksama aset pelan, berserta dengan pelarasan bagi keuntungan/kerugian aktuari dan kos perkhidmatan masa lampau yang tidak diiktiraf. Kumpulan menentukan nilai semasa tanggungan manfaat tertakrif dengan kecekapan yang mencukupi supaya jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan tidak jauh berbeza daripada jumlah yang akan ditentukan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Tanggungan manfaat tertakrif, dikira menggunakan kaedah kredit unit unjuran, yang ditentukan oleh aktuari bebas, dengan mengambilkira anggaran aliran tunai masa hadapan menggunakan hasil pasaran pada tarikh penyata kedudukan kewangan bagi sekuriti kerajaan yang denominasi dalam matawang yang mana manfaat akan dibayar dan mempunyai tempoh kematangan hampir sama dengan tempoh yang berkaitan dengan obligasi pencen.

Keuntungan dan kerugian aktuari yang timbul daripada pelarasan pengalaman dan perubahan dalam andaian aktuari dicaj atau dikreditkan kepada ekuiti dalam lain-lain pendapatan komprehensif pada tempoh ia timbul.

Kos perkhidmatan semasa, kos perkhidmatan lampau dan kos biaya diiktiraf dengan segera dalam keuntungan atau kerugian.

(iv) Manfaat pemberhentian kerja

Kumpulan membayar manfaat pemberhentian kerja dalam hal pemberhentian perkhidmatan yang berkaitan dengan rangka kerja penyusunan semula. Manfaat pemberhentian kerja diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila Kumpulan mempunyai pelan rasmi yang terperinci bagi pemberhentian kerja tersebut dan ia tidak mempunyai kemungkinan realisitik untuk menarik balik.

(y) Liabiliti luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah kemungkinan tanggungan yang timbul daripada peristiwa masa lampau yang mana kewujudan peristiwa disahkan boleh berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih daripada kejadian masa depan yang di luar kawalan Kumpulan atau tanggungan semasa yang tidak diiktiraf kerana aliran keluar sumber tidak mungkin akan diperlukan bagi menjelaskan obligasi tersebut. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam keadaan yang jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti luar jangka tidak meliputi kontrak jaminan kewangan.

(z) Instrumen ekuiti

Saham biasa dan saham istimewa diklasifikasi sebagai ekuiti. Saham-saham lain diklasifikasi sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut intipati ekonomi instrument tertentu.

Kos urus niaga bagi urus niaga ekuiti diambil kira sebagai pengurangan daripada ekuiti, bersih cukai. Kos urus niaga ekuiti terdiri daripada kenaikan kos luaran tambahan yang berkaitan secara langsung dengan urus niaga ekuiti yang sebaliknya mungkin boleh dielakkan.

(aa) Laporan segmen

Maklumat segmen dibentangkan dalam bentuk yang konsisten dengan laporan dalaman yang disediakan kepada ketua pegawai pembuat keputusan operasi. Ketua pegawai pembuat keputusan operasi yang bertanggungjawab bagi memperuntukkan sumber dan menilai prestasi segmen operasi, telah dikenal pasti sebagai Jawatankuasa Eksekutif.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(ab) Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewanan yang memerlukan Kumpulan membuat bayaran tertentu bagi membayar semula pemegang atas kerugian yang ditanggungnya kerana kegagalan penghutang tertentu untuk membuat bayaran mengikut masa, menurut terma-terma instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan dikeluarkan. Liabiliti pada mulanya diukur pada nilai saksama dan seterusnya pada jumlah yang lebih tinggi antara yang ditentukan menurut FRS 137 "Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka Dan Aset Luar Jangka" dan jumlah yang diiktiraf pada permulaan ditolak pelunasan terkumpul, mengikut kesesuaian.

Nilai saksama jaminan kewangan ditentukan sebagai nilai semasa perbezaan dalam aliran tunai bersih antara bayaran berkontrak di bawah instrument hutang dan bayaran yang diperlukan tanpa jaminan, atau jumlah anggaran yang perlu dibayar kepada pihak ketiga bagi menanggung tanggungan tersebut.

Jika kontrak jaminan kewangan berhubung dengan pinjaman dan akaun belum bayar diberi kepada anak-anak syarikat, syarikat usahasama dan bersekutu oleh Syarikat tanpa sebarang pampasan, nilai saksamanya diambil kira sebagai sumbangan modal dan diiktiraf sebagai sebahagian daripada kos pelaburan dalam anak syarikat, syarikat usahasama dan bersekutu.

(ac) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila:

- Kumpulan mempunyai perundangan semasa atau tanggungan konstruktif hasil peristiwa masa lalu;
- terdapat kemungkinan Kumpulan aliran keluar sumber diperlukan untuk menjelaskan tanggungan tersebut; dan
- satu anggaran yang pasti berhubung jumlahnya boleh dibuat.

Apabila berkemungkinan, kos-kos tersebut melebihi jumlah perolehan kontrak, peruntukan bagi kontrak yang membebankan diiktiraf.

Apabila Kumpulan menjangkakan peruntukan akan dibayar semula (contohnya, di bawah kontrak insurans), bayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila bayaran balik tersebut dapat dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf bagi kerugian operasi masa depan.

Apabila terdapat beberapa tanggungan yang serupa, kemungkinan aliran keluar diperlukan untuk penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan kelas tanggungan tersebut secara keseluruhannya. Satu peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan salah satu daripada perkara yang dimasukkan dalam kelas tanggungan yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menjelaskan tanggungan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko khusus berkaitan tanggungan tersebut. Peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai kos kewangan.

(ad) Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) dipegang untuk dijual

Aset bukan semasa dan kumpulan pelupusan (sekumpulan aset yang akan dilupuskan dalam satu urus niaga dan liabiliti yang berkaitan secara langsung dengan aset tersebut) diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual jika nilai bawaannya akan diperoleh semula melalui urus niaga jualan dan bukannya melalui penggunaan berterusan. Keadaan ini dianggap dipenuhi hanya apabila jualan sangat berkemungkinan dan aset (atau kumpulan pelupusan) tersedia untuk jualan dalam keadaannya pada masa itu. Pihak pengurusan perlu komited terhadap jualan, yang dijangka dalam tempoh setahun dari tarikh pengkelasan sebagai dipegang untuk jualan.

Sebaik sahaja sebelum pengklasifikasikan dipegang untuk diual aset (atau komponen kumpulan pelupusan) diukur semula menurut dasar-dasar perakaunan Kumpulan. Selepas itu, aset (atau kumpulan pelupusan) diiktiraf pada yang lebih rendah antara nilai bawaan dan nilai saksama tolak kos untuk dijual. Aset yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual, atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual, tidak disusut nilai. Kerugian rosot nilai daripada pengkelasan permulaan sebagai dipegang untuk dijual dan keuntungan atau kerugian berikutnya daripada pengukuran semula dimasukkan ke dalam penyata pendapatan. Keuntungan tidak diiktiraf melebihi sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Operasi yang diberhentikan adalah komponen perniagaan Kumpulan yang mewakili jenis perniagaan utama atau kawasan operasi geografi yang berasingan atau sebuah anak syarikat yang diambil alih dengan hasrat untuk dijual semula. Pengklasifikasikan sebagai operasi diberhentikan dibuat apabila berlaku pelupusan atau apabila operasi memenuhi kriteria sebagai dipegang untuk dijual, yang mana lebih awal. Kumpulan pelupusan yang akan ditinggalkan juga layak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

Dasar-dasar perakaunan penting yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan dibentangkan di bawah. Dasar-dasar ini telah diguna pakai secara konsisten pada semua tahun pembentangan, kecuali dinyatakan sebaliknya. (Samb.)

(ad) Aset bukan semasa (atau kumpulan pelupusan) dipegang untuk dijual (Samb.)

Keputusan daripada operasi yang layak sebagai operasi diberhentikan dibentangkan secara berasingan sebagai jumlah tunggal dalam penyata pendapatan. Keputusan daripada operasi yang layak sebagai operasi diberhentikan pada tarikh kunci kira-kira bagi tempoh terkini yang dibentangkan, yang telah dibentangkan sebelumnya sebagai keputusan operasi berterusan, dibentangkan semula sebagai keputusan daripada operasi diberhentikan bagi semua tempoh yang dibentangkan.

Dalam keadaan bagi pengkelasan aset bukan semasa dan kumpulan pelupusan sebagai dipegang untuk dijual tidak lagi dipenuhi, pengkelasan sebagai dipegang untuk dijual tamat. Sehubungan itu, keputusan operasi, yang sebelumnya dibentangkan dalam operasi diberhentikan, dikelaskan semula dan dimasukkan dalam keputusan daripada operasi berterusan bagi semua tempoh yang dibentangkan. Aset bukan semasa tidak lagi dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual diukur pada yang lebih rendah daripada jumlah bawa sebelum pengkelasan sebagai dipegang untuk dijual, dilaraskan bagi sebarang susut nilai, pelunasan atau penilaian semula yang mungin diiktiraf jika aset atau kumpulan pelupusan tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual, dan jumlah boleh diperoleh semula pada tarikh selepas keputusan untuk dijual dibuat.

(ae) Pendapatan sesaham

Kumpulan membentangkan data pendapatan sesaham asas dan dicairkan ("EPS") untuk saham anak syarikatnya. EPS asas dikira berdasarkan kepada keuntungan selepas cukai digabungkan yang boleh diagihkan kepada pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagikan dengan bilangan berwajaran saham biasa dalam terbitan. EPS dicairkan dikira berasaskan kepada keuntungan selepas cukai digabungkan boleh diagihkan kepada pemegang saham ekuiti Syarikat dan dibahagikan dengan bilangan saham biasa berwajaran dalam terbitan, mengandaikan penukaran RCPS dan RCCPS tertunggak kepada saham biasa berharga RM1 setiap satu.

(af) Kontrak pembinaan

Kos kontrak diiktiraf apabila ditanggung. Apabila hasil sesuatu kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf sepanjang tempoh kontrak masing-masing sebagai perolehan dan perbelanjaan. Kumpulan menggunakan kaedah peratus penyiapan untuk menentukan jumlah perolehan dan kos yang sesuai untuk diiktiraf dalam tempoh tertentu. Peringkat penyiapan diukur dengan merujuk kepada nisbah kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang dijalankan sehingga kini berbanding anggaran jumlah kos bagi kontrak tersebut. Kos yang ditanggung pada tahun berkaitan dengan aktiviti pada masa hadapan sesuatu kontrak dikecualikan daripada kos kontrak dalam menentukan peringkat penyiapan. Ia dibentangkan sebagai inventori, prabayaran atau aset lain, bergantung kepada ciri-cirinya.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, perolehan kontrak diiktiraf hanya setakat mana kos kontrak ditanggung yang mungkin boleh diperolehi semula, kos kontrak diiktiraf apabila ditanggung.

Apabila kos kontrak berkemungkinan melebihi jumlah perolehan kontrak, kerugian yang dijangka akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan segera.

Variasi dalam kerja kontrak, tuntutan-tuntutan dan bayaran-bayaran insentif dimasukkan dalam perolehan kontrak setakat mana ia dipersetujui oleh pelanggan dan boleh diukur dengan pasti.

Kos agregat yang ditanggung dan keuntungan/kerugian yang diiktiraf daripada setiap kontrak dibandingkan dengan pengebilan berperingkat sehingga ke akhir tempoh. Jika kos yang ditanggung dan keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi pengebilan berperingkat, baki ditunjukkan sebagai jumlah belum terima daripada pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah perdagangan belum terima. Jika pengebilan berperingkat melebihi kos yang ditanggung ditambah keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki ditunjukkan sebagai jumlah belum terima daripada pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah akaun belum bayar.

(ag) Pengukuran nilai saksama

Bermula 1 Januari 2013, Kumpulan telah menerima pakai FRS 13, Pengukuran Nilai Saksama yang menetapkan bahawa nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, kecuali bagi bayaran berasaskan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang diterima untuk menjual aset atau dibayar bagi memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang lancar antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku samada di pasaran utama atau sekiranya tiada pasaran utama, dalam pasaran yang paling memberi kelebihan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira kemampuan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaik atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang mungkin akan menggunakan aset tersebut untuk kegunaan yang terbaik.

Menurut peruntukan peralihan FRS 13, Kumpulan telah menggunakan garis panduan pengukuran nilai saksama baharu secara prospektif, dan tidak menyediakan sebarang perbandingan maklumat nilai saksama bagi pendedahan baharu. Penggunaan FRS 13 tidak memberi kesan ketara kepada pengukuran aset atau liabiliti Kumpulan selain daripada pendedahan tambahan.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Dasar-dasar pengurusan risiko kewangan

Kumpulan terdedah kepada risiko pasaran (termasuk risiko matawang asing, risiko harga ekuiti, risiko harga komoditi dan risiko kadar biaya), risiko kredit dan risiko kecairan yang timbul daripada aktiviti perniagaan. Keseluruhan strategi pengurusan risiko Kumpulan bermatlamat mengurangkan kesan buruk daripada ketidaktentuan pasaran kewangan ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif untuk melindungi nilai risiko pendedahan komersil sedemikian. Instrumen kewangan derivatif tersebut biasanya tidak dipegang untuk tujuan perdagangan atau tujuan spekulatif.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengawasi pengurusan risiko kewangan termasuk mengenal pasti risiko, mengendali operasi atau merangka strategi untuk menangani risiko dan menyediakan pelan tindakan selanjutnya untuk menguruskan semua risiko ini. Pengurusan pula bertanggungjawab untuk mengenal pasti, memantau dan mengurus pendedahan risiko Kumpulan.

Risiko pasaran

(i) Risiko matawang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko pertukaran matawang asing yang wujud daripada pelbagai pendedahan matawang, terutamanya dengan Dolar Amerika Syarikat ("USD") dan Dolar Kanada ("CAD"). Risiko pertukaran matawang asing wujud daripada urusniaga komersil masa hadapan, mengiktiraf aset dan liabiliti dan pelaburan bersih dalam operasi asing tetapi mengecualikan biaya daripada syarikat usahasama dan syarikat bersekutu asing. Kumpulan menguruskan pendedahan matawang melalui kontrak hadapan matawang asing.

Pengukuhan/kelemahan USD dan CAD sebanyak 10% berbanding Ringgit Malaysia ("RM") pada tarikh penyata kedudukan kewangan akan memberi kesan kepada keuntungan selepas cukai Kumpulan sebanyak kira-kira RM16,077,000 lebih tinggi/rendah (2012:RM17,076,000 lebih tinggi/lebih rendah), terutamanya disebabkan oleh keuntungan/kerugian daripada perdagangan belum terima dan belum bayar dalam matawang asing, aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan keuntungan/kerugian tukaran asing berkaitan terjemahan pinjaman yang disebut dalam matawang asing. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain kekal tidak berubah.

(ii) Risiko harga

Risiko harga adalah risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan Kumpulan yang akan mengalami turun naik akibat perubahan pada harga pasaran (selain daripada kadar biaya atau pertukaran matawang asing).

Risiko harga ekuiti

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang wujud daripada pelaburannya dalam instrumen ekuiti disebut harga dan tidak disebut harga. Pelaburan ekuiti disebut harga disenaraikan di Bursa Malaysia dan bursa saham asing serta diklasifikasikan sebagai aset kewangan tersedia untuk dijual atau aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian berasaskan kepada tujuan pelaburan ekuiti disebut harga tersebut diambilalih. Pelaburan tidak disebut harga pula dinilai menggunakan kaedah perbandingan Pendapatan Harga ("PE")/Harga berbanding Buku("PB") dan diklasifikasikan sebagai aset kewangan tersedia untuk dijual. Analisis sensitiviti berkaitan risiko harga ekuiti adalah seperti berikut:

Kumpulan

		2013	
Aset kewangan	**Faktor sensitiviti**	**Kesan kepada keuntungan selepas cukai RM'000**	**Kesan kepada ekuiti RM'000**
Tersedia untuk:			
- dijual			
- tidak disebut harga	Perbandingan PE berbilang dan PB varian berbilang sebanyak	-	9,014
- disebut harga	Varian harga saham sebanyak 5%	-	205
Nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian			
- disebut harga	Varian harga saham sebanyak 5%	680	-
Jumlah kesan		680	9,219

Tiada kesan perbandingan bagi tahun 2012.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(a) Dasar-dasar pengurusan risiko kewangan (Samb.)

Risiko pasaran (Samb.)

(ii) Risiko harga (Samb.)

Risiko harga komoditi

Kumpulan terdedah kepada risiko harga komoditi kerana harga minyak sawit mentah ("MSM"), gula, kacang soya dan derivatif masing-masing tertakluk kepada turun naik akibat pelbagai faktor yang tidak boleh diramalkan seperti cuaca, perubahan permintaan global, pengeluaran global, harga minyak mentah dan pengeluaran global bagi tanaman seumpamanya dan saling melengkapi.

Justeru, perolehan Kumpulan tertakluk kepada turun naik harga di pasaran komoditi. Kumpulan menggunakan kontrak derivatif bagi mengawal sebahagian daripada risiko sedemikian.

Pada 31 Disember 2013, analisis sensitiviti telah dijalankan berasaskan kepada pendedahan Kumpulan kepada harga komoditi pada tarikh penyelesaian bagi liabiliti LLA dan portfolio derivatif komoditi Kumpulan. Pertambahan sebanyak 10% dalam indeks harga komoditi tertentu atau pertambahan sebanyak RM100 dalam harga MSM dilaksanakan untuk mengira liabiliti LLA, di mana semua pemboleh ubah lain kekal tidak berubah, ia akan meningkatkan atau mengurangkan keuntungan selepas cukai Kumpulan, mengikut jenis komoditi dan liabiliti kewangan, sebanyak kira-kira:

	2013 RM'000	2012 RM'000
- Minyak sawit	(8,163)	(1,483)
- Gula	-	971
- Liabiliti LLA	(181,000)	(108,750)
	(189,163)	(109,262)

Pengurangan sebanyak10% dalam indeks harga komoditi tertentu atau pengurangan sebanyak RM100 dalam harga MSM yang digunakan untuk mengira liabiliti LLA, di mana semua pemboleh ubah lain kekal tidak berubah, ia akan meningkatkan atau mengurangkan keuntungan selepas cukai Kumpulan, mengikut jenis komoditi dan liabiliti kewangan, sebanyak kira-kira:

	2013 RM'000	2012 RM'000
- Minyak sawit	8,163	1,483
- Gula	-	(971)
- Liabiliti LLA	193,000	117,750
	201,163	118,262

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(a) Dasar-dasar pengurusan risiko kewangan (Samb.)

Risiko pasaran (Samb.)

(iii) Risiko kadar biaya

Risiko kadar biaya Kumpulan wujud terutamanya daripada liabiliti LLA dan pinjaman berjangka. Liabiliti LLA dan pinjaman berjangka diterbitkan pada kadar boleh ubah mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar biaya aliran tunai. Pinjaman Kumpulan daripada sebuah pemegang saham penting dan pinjaman lain, kecuali bagi pinjaman berjangka adalah pada kadar tetap.

Profil kadar biaya aset kewangan yang dikenakan faedah Kumpulan berasaskan kepada nilai bawaan pada akhir tempoh laporan adalah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Aset kewangan				
Pada kadar tetap				
Deposit tetap	4,632,239	5,464,772	1,900,673	4,179,612
Pada kadar apungan				
Jumlah belum terima daripada entiti kawalan bersama	-	75,306	-	-

Jika kadar biaya ke atas aset kewangan berkadar apungan mencapai 10 mata asas lebih tinggi/lebih rendah di mana semua pemboleh ubah lain kekal tidak berubah, keuntungan selepas cukai Kumpulan akan meningkat/berkurangan sebanyak kira-kira RM tiada (2012: RM571,000).

Profil kadar biaya liabiliti kewangan Kumpulan yang dikenakan biaya, berasaskan kepada nilai bawaan pada akhir tempoh laporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Liabiliti kewangan				
Pada kadar tetap				
Pinjaman belum terima kepada pemegang saham penting	2,697,790	1,840,271	2,697,790	1,840,271
Kredit pusingan	136,642	-	-	-
Penerima bank	1,395,736	561,000	-	-
Overdraf bank	24,500	-	-	-
Pembiayaan semula kredit eksport	80,000	-	-	-
Pada kadar apungan				
Pinjaman berjangka	13,032	38,669	-	-
Liabiliti LLA	4,844,390	5,664,769		
	9,192,090	8,104,709	2,697,790	1,840,271

Jika kadar biaya ke atas liabiliti kewangan berkadar apungan telah mencapai 10 mata asas lebih tinggi/lebih rendah di mana semua pemboleh ubah lain kekal tidak berubah, keuntungan selepas cukai Kumpulan akan meningkat/berkurangan sebanyak kira-kira RM213,000,000 (2012: RM242,250,000).

Aset kewangan dan liabiliti kewangan lain tidak dikenakan biaya, dan dengan demikian, tidak terjejas akibat perubahan kadar biaya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(a) Dasar-dasar pengurusan risiko kewangan (Samb.)

Risiko kredit

Risiko kredit merujuk kepada risiko pihak berurusan akan ingkar terhadap obligasi kontraknya yang menyebabkan kerugian kewangan kepada Kumpulan. Kumpulan mengguna pakai dasar berurusan dengan pelanggan melalui sejarah kredit yang baik dan mendapatkan jaminan secukupnya apabila diperlukan, termasuk bayaran pendahuluan bagi mengurangkan risiko kredit. Pendedahan aset-aset kewangan boleh digambarkan seperti berikut :

2013	Aset kewangan RM'000	Cagaran dipegang sebagai sekuriti RM'000	Pendedahan bersih RM'000
Kumpulan			
Belum terima perdagangan	1,011,715	246,288	765,427
Belum terima lain	268,302	-	268,302
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	81,923	-	81,923
Jumlah belum terima daripada syarikat-syarikat usahasama	421,838	-	421,838
Jumlah belum terima daripada syarikat bersekutu	37	-	37
Jumlah belum terima daripada syarikat-syarikat berkaitan lain	29,060	-	29,060
Aset kewangan derivatif	3,499		70,037
Syarikat			
Belum terima lain	174,532	-	174,532
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	377	-	377
Jumlah belum terima daripada anak-anak syarikat	58,584	-	58,584
Jumlah belum terima daripada syarikat-syarikat berkaitan lain	61	-	61

2012	Aset kewangan RM'000	Cagaran dipegang sebagai sekuriti RM'000	Pendedahan bersih RM'000
Kumpulan			
Belum terima perdagangan	490,537	-	490,537
Belum terima lain	174,825	-	174,825
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	73,091	-	73,091
Jumlah belum terima daripada syarikat-syarikat usahasama	318,224	-	318,224
Jumlah belum terima daripada syarikat-syarikat berkaitan lain	503,650	-	503,650
Aset kewangan derivatif	5,189	-	336,060
Syarikat			
Belum terima lain	299,314	-	299,314
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	52,442	-	52,442
Jumlah belum terima daripada anak-anak syarikat	39,447	-	39,447
Jumlah belum terima daripada syarikat-syarikat berkaitan lain	63,776	-	63,776

Belum terima perdagangan, jumlah belum terima daripada sebuah syarikat bersekutu, syarikat usahasama dan pendedahan pihak-pihak berkaitan lain dipantau secara rapi dan disusul secara berterusan. Kumpulan secara umumnya tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang penting kerana bilangan pelanggan Kumpulan yang besar selain daripada urusniaga jualan yang dibuat kepada pihak-pihak berkaitan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Nota 28 dan Nota 53.

Tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan sebahagian besarnya disimpan dengan beberapa institusi kewangan utama di Malaysia. Para Pengarah berpendapat bahawa kemungkinan institusi-institusi kewangan ini tidak berprestasi, termasuk institusi kewangan tidak berkadaran, adalah tipis berdasarkan kekuatan kewangan mereka.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(a) Dasar-dasar pengurusan risiko kewangan (Samb.)

Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan akan menghadapi masalah dalam memenuhi obligasinya disebabkan kekurangan dana. Kumpulan mengekalkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja Kumpulan dengan memantau aliran tunainya secara teliti. Jenis perniagaan yang dijalankan mendorong Kumpulan menerima pakai pengurusan risiko kecairan yang berhemat bagi mengekal dan mendapatkan kemudahan kredit yang mencukupi daripada institusi kewangan.

Ramalan aliran tunai dilakukan dalam entiti-entiti operasi Kumpulan dan dikumpulkan oleh pengurusan. Pengurusan memantau ramalan keperluan kecairan Kumpulan bagi memastikan ia mempunyai tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi di samping mengekalkan ruang yang mencukupi bagi kemudahan pinjaman yang belum digunakan pada setiap masa supaya Kumpulan tidak melebihi had pinjaman atau perjanjian (jika berkenaan) daripada sebarang kemudahan pinjamannya. Ramalan sedemikian mengambilkira pelan pembiayaan hutang Kumpulan, pematuhan perjanjian, pematuhan kepada penyata dalaman mengenai sasaran nisbah kedudukan kewangan dan, jika wajar, keperluan peraturan atau undang-undang luar – contohnya sekatan matawang.

Lebihan tunai yang dipegang oleh entiti-entiti operasi yang melebihi baki yang diperlukan untuk pengurusan modal kerja dipindahkan kepada perbendaharaan Kumpulan. Lebihan tunai dilaburkan ke dalam akaun semasa yang menjana keuntungan, deposit masa, deposit pasaran wang dan sekuriti boleh pasar, dengan memilih instrumen dengan tempoh matang yang sesuai atau kecairan tunai yang mencukupi bagi menyediakan ruang yang mencukupi sebagaimana yang ditetapkan dalam ramalan di atas.

Jadual di bawah menganalisis liabiliti kewangan bukan derivatif Kumpulan dan liabiliti kewangan derivatif selepas penjelasan ke dalam kumpulan kematangan berasaskan kepada baki tempoh matang pada tarikh laporan sehingga tarikh matang kontrak. Liabiliti kewangan derivatif dimasukkan ke dalam analisis jika tempoh matang kontraknya adalah penting bagi memahami perjalanan masa aliran tunai. Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat berasaskan kepada baki tempoh matang pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Jumlah yang dinyatakan dalam jadual ini adalah berasaskan kepada kontrak aliran tunai tidak didiskaun.

Kumpulan	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara1 hingga 2 tahun RM'000	Antara 2 hingga 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Disember 2013					
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	343,916	333,236	935,628	1,908,881	3,521,661
Liabiliti LLA	385,767	366,844	1,130,085	96,115,434	97,998,130
Jumlah belum terima kepada pemegang saham penting	386,921	-	-	-	386,921
Jumlah belum terima kepada syarikat-syarikat usahasama	23,000	-	-	-	23,000
Jumlah belum terima kepada syarikat-syarikat berkaitan lain	4,723	-	-	-	4,723
Liabiliti kewangan derivatif	1,120,132	-	-	-	1,120,132
Pinjaman	1,638,109	1,665	4,995	4,899	1,649,668
Belum bayar	1,349,184	-	-	-	1,349,184
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	5,251,752	701,745	2,070,708	98,029,214	106,053,419
Pada 31 Disember 2012					
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	297,694	359,607	780,738	797,615	2,235,654
Liabiliti LLA	496,938	489,467	1,441,288	114,470,458	116,898,151
Jumlah belum terima kepada syarikat bersekutu	69,510	-	-	-	69,510
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	93,826	-	-	-	93,826
Jumlah belum terima kepada syarikat-syarikat berkaitan lain	755,023	-	-	-	755,023
Liabiliti kewangan derivatif	106,680	-	-	-	106,680
Pinjaman	599,410	255	254	-	599,919
Belum bayar	348,688	-	-	-	348,688
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	2,767,769	849,329	2,222,280	115,268,073	121,107,451

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(a) Dasar-dasar pengurusan risiko kewangan (Samb.)

Risiko kecairan (Samb.)

Syarikat	Kurang dari 1 tahun RM'000	Antara1 hingga 2 tahun RM'000	Antara 2 hingga 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Pada 31 Disember 2013					
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	343,916	333,236	935,628	1,908,881	3,521,661
Jumlah belum terima kepada anak-anak syarikat	88,734	-	-	-	88,734
Jumlah belum terima kepada pemegang saham penting	3,833	-	-	-	3,833
Jumlah belum terima kepada syarikat-syarikat berkaitan lain	563	-	-	-	563
Belum bayar	19,705	-	-	-	19,705
Kontrak jaminan kewangan	26,952	-	-	-	26,952
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	483,703	333,236	935,628	1,708,881	3,661,448
Pada 31 Disember 2012					
Pinjaman belum terima kepada pemegang saham penting	297,694	359,607	780,738	797,615	2,235,654
Jumlah belum terima kepada anak-anak syarikat	78,676	-	-	-	78,676
Jumlah belum terima kepada sebuah syarikat bersekutu	69,510	-	-	-	69,510
Jumlah belum terima kepada pemegang saham penting	66	-	-	-	66
Jumlah belum terima kepada syarikat-syarikat berkaitan lain	1,430	-	-	-	1,430
Belum bayar	32,235	-	-	-	32,235
Kontrak jaminan kewangan	-	10,458	10,458	10,458	31,374
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	479,611	370,065	791,196	808,073	2,448,945

(b) Dasar-dasar pengurusan risiko modal

Objektif utama Kumpulan terhadap dasar-dasar pengurusan modal adalah untuk menjaga keupayaan Kumpulan mengekalkan nisbah modal yang sihat untuk memastikan perniagaan yang berterusan bagi menyediakan pulangan kepada para pemegang saham dan untuk mengekalkan struktur modal yang optimum bagi mengurangkan kos modal.

Kumpulan mengurus struktur modalnya dan membuat pelarasan terhadapnya, berdasarkan perubahan ekonomi. Bagi mengekalkan atau melaras struktur modal, Kumpulan mungkin melaraskan pembayaran dividen kepada para pemegang saham, memberi pulangan modal kepada para pemegang saham atau menerbitkan saham baharu. Tiada perubahan dibuat dalam objektif, dasar-dasar atau proses-proses pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012.

Kumpulan memantau modal menggunakan nisbah penggearan iaitu jumlah hutang dibahagi dengan jumlah ekuiti boleh diagih kepada para pemilik Syarikat. Pinjaman Kumpulan meliputi pinjaman-pinjaman, belum bayar kepada pemegang saham penting dan liabiliti LLA dalam jumlah hutangnya. Ekuiti boleh diagihkan kepada para pemilik Syarikat termasuk modal saham, saham kepentingan boleh tebus, premium saham, rizab dan perolehan tersimpan.

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(b) Dasar-dasar pengurusan risiko modal (Samb.)

Analisis nisbah penggearan bagi Kumpulan dan Syarikat adalah seperti dinyatakan di bawah:

Kumpulan

Dengan liabiliti LLA

	2013 RM'000	2012 RM'000
Pinjaman	1,649,910	599,669
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	2,697,790	1,840,271
Liabiliti LLA	4,844,390	5,664,769
Jumlah hutang	9,192,090	8,104,709
Ekuiti boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat	6,571,008	6,102,364
Nisbah penggearan	140%	133%

Pertambahan nisbah penggearan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 sebahagian besarnya disebabkan oleh tambahan pinjaman yang diperoleh daripada sebuah pemegang saham penting berjumlah RM1,067,400,000 bagi pengambilalihan Felda Holdings Berhad ("FHB").

	2013 RM'000	2012 RM'000
Pinjaman	1,649,910	599,669
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham utama	2,697,790	1,840,271
Jumlah hutang	4,347,700	2,439,940
Ekuiti boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat	6,571,008	6,102,364
Nisbah penggearan	66%	40%

Syarikat

	2013 RM'000	2012 RM'000
Pinjaman belum berbayar kepada pemegang saham penting	2,697,790	1,840,271
Jumlah ekuiti	7,378,570	7,296,182
Nisbah penggearan	37%	25%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(c) Anggaran nilai saksama

Instrumen kewangan yang diukur dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dinyatakan mengikut hierarki ukuran nilai saksama berikut:

- Disebut harga (tidak dilaras) di pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang sama (Tahap1).
- Input selain daripada disebut harga termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu sebagai harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga) (Tahap 2).
- Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan kepada data pasaran boleh diperhatikan (iaitu,input tidak boleh diperhatikan) (Tahap 3).

Jadual berikut membentangkan aset dan liabiliti Kumpulan yang diukur pada nilai saksama pada 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012:

2013

	Tahap1 RM'000	Tahap2 RM'000	Tahap3 RM'000	Jumlah RM'000
Aset				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian:				
(i) Derivatif				
- Kontrak hadapan tukaran asing	-	1,841	-	1,841
- Kontrak hadapan komoditi	1,658	-	-	1,658
(ii) Sekuriti perdagangan	12,955	-	-	12,955
Aset kewangan tersedia untuk dijual:				
Sekuriti ekuiti	24,273	-	187,302	211,575
Pelaburan hartanah	-	129,628	-	129,628
Jumlah aset	38,886	131,469	187,302	357,657
Liabiliti				
Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian:				
(i) Liabiliti LLA	-	-	4,844,390	4,844,390
(ii) Derivatif				
- Kontrak hadapan tukaran asing	-	13,631	-	13,631
- Kontrak hadapan komoditi	1,730	-	-	1,730
Jumlah liabiliti	1,730	13,631	4,844,390	4,859,751

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(c) Anggaran nilai saksama (Samb.)

Jadual berikut membentangkan aset dan liabiliti Kumpulan yang diukur pada nilai saksama pada 31 Disember 2013 dan 31 Disember 2012: (Samb.)

2012

	Tahap1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
Aset				
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian:				
Derivatif				
- Kontrak hadapan tukaran asing	-	969	-	969
- Kontrak hadapan komoditi	4,220	-	-	4,220
- Pelaburan hartanah	-	44,730	-	44,730
Jumlah aset	4,220	45,699	-	49,919
Liabiliti				
Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian:				
(i) Liabiliti LLA	-	-	5,644,769	5,664,769
(ii) Derivatif				
- Kontrak hadapan tukaran asing	-	127	-	127
- Kontrak hadapan komoditi	1,541	-	-	1,541
Jumlah liabiliti	1,541	127	5,664,769	5,666,437

Tiada pindahan antara tahap 1 dan 2 berlaku sepanjang tahun ini.

(i) Instrumen kewangan dalam Tahap 1

Nilai saksama instrumen kewangan yang diniagakan di pasaran aktif adalah berasaskan kepada sebut harga pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Harga pasaran disebut harga yang digunakan bagi aset-aset kewangan yang dipegang oleh Kumpulan ialah pada harga tawaran semasa. Instrumen ini dirangkumkan ke dalam Tahap 1. Instrumen Tahap 1 sebahagian besarnya meliputi pelaburan ekuiti disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad atau saham tukaran asing, diklasifikasikan sebagai sekuriti perdagangan atau tersedia untuk dijual dan derivatif komoditi disebut harga di Bursa Derivatif Malaysia ("MDEX") bagi minyak sawit dan di komoditi tukaran asing.

(ii) Instrumen kewangan dalam Tahap 2

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak diniagakan di pasaran aktif ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Teknik penilaian ini memaksimumkan penggunaan data pasaran yang boleh diperhatikan di mana ia boleh didapati dan bergantung sekecil mungkin kepada anggaran entiti-entiti tertentu. Jika semua input penting yang diperlukan untuk mencapai nilai saksama sesebuah instrumen kewangan boleh diperhatikan, instrumen tersebut dirangkumkan ke dalam Tahap 2. Instrumen yang dimasukkan ke dalam Tahap 2 meliputi kontrak hadapan bursa asing.

Jika satu atau lebih input penting adalah tidak berdasarkan kepada data pasaran boleh diperhatikan, instrumen tersebut dirangkumkan ke dalam Tahap 3.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

4 PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

(c) Anggaran nilai saksama (Samb.)

(iii) Instrumen kewangan dalam Tahap 3

Instrumen termasuk dalam tahap 3 merangkumi liabiliti LLA dan sekuriti ekuiti tidak disebut harga. Jadual berikut membentangkan perubahan instrumen Tahap 3 semasa tahun kewangan:

	2013 RM'000	2012 RM'000
Liabiliti LLA		
1 Januari	5,664,769	-
Nilai saksama pada permulaan LLA (Nota 45)	-	5,842,694
Perubahan nilai saksama (dikredit)/dikenakan kepada keuntungan atau kerugian	(494,485)	210,178
Bayaran balik semasa tahun	(325,894)	(388,103)
31 Disember	4,844,390	5,664,769
Aset kewangan tersedia untuk dijual - Sekuriti ekuiti		
1 Januari	-	-
Pengambilalihan sebuah syarikat subsidiari	187,302	-
31 Disember	187,302	-

(d) Pengimbangan aset kewangan dan liabiliti kewangan

Tiada pengimbangan aset kewangan dan liabiliti kewangan berlaku semasa tahun ini bagi Kumpulan dan Syarikat.

5 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL

Modal saham dibenarkan

Pada 1 Januari 2012, modal saham dibenarkan Syarikat adalah sebanyak RM2,012,500,000, meliputi 2,000,000,000 saham biasa berharga RM1 sesaham dan 1,250,000,000 RCPS serta RCCPS RM0.01 sesaham.

Pada 16 Mei 2012, modal saham dibenarkan Syarikat telah dinaikkan daripada RM2,012,500,000 kepada RM4,000,000,001, meliputi 4,000,000,000 saham biasa RM1 sesaham dan 1 saham khas RM1 sesaham.

Pada 17 Mei 2012, modal saham diterbitkan dan di bayar penuh Syarikat telah dinaikkan daripada RM1,767,612,000 kepada RM2,668,151,500, meliputi 2,668,151,500 saham biasa RM1 sesaham dengan menukar 329,949,500 RCPS dan 570,590,000 RCCPS pada nilai nominal RM0.01 sesaham dan premium RM0.99 sesaham, kepada 900,539,500 saham biasa baru RM1.00 sesaham.

Pada 26 Jun 2012, sempena Penawaran Awam Awal bagi saham Syarikat, modal terbitan dan berbayarnya telah ditambah daripada RM2,668,151,501 kepada RM3,648,151,501, melalui terbitan awam sebanyak 980,000,000 saham biasa baharu berharga RM1 sesaham.

Saham khas

Pada 21 Mei 2012, Syarikat menerbitkan satu saham khas RM1.00, yang menghasilkan peningkatan modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat iaitu daripada RM2,668,151,500 kepada RM2,668,151,501. Saham khas ini dipegang oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Saham khas yang dipegang oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) ini memiliki ciri-ciri berikut:

(a) Saham khas boleh dipegang atau dipindahkan kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan) sahaja atau penggantinya atau mana-mana Menteri, wakil atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Kerajaan Malaysia untuk bertindak bagi pihaknya.

(b) Pemegang Saham Khas berhak dari masa ke semasa untuk melantik mana-mana Pengarah sedia ada menjadi Pengarah Lantikan Kerajaan supaya tidak terdapat lebih daripada tiga (3) Pengarah Lantikan Kerajaan pada satu-satu masa dan Pengarah Lantikan Kerajaan itu hendaklah memegang jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif dan seorang (1) Pengarah.

(c) Pemegang Saham Khas atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Pemegang Saham Khas akan layak menerima notis untuk menghadiri dan bersuara di semua mesyuarat agung atau sebarang mesyuarat bagi sebarang kelas atau pemegang saham Syarikat yang lain, tetapi Saham Khas tidak mempunyai hak untuk mengundi atau sebarang hak lain pada mana-mana mesyuarat.

(d) Pemegang Saham Khas boleh, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta, meminta Syarikat menebus Saham Khas pada nilai tara pada sebarang masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Syarikat dan menyerahkan sijil saham berkaitan.

(e) Dalam pengagihan modal jika berlaku pembubaran Syarikat, pemegang saham Khas berhak mendapat pembayaran balik modal yang dibayar bagi Saham Khas tersebut terlebih mendahulu pembayaran balik modal kepada mana-mana ahli lain. Saham Khas ini tidak akan memberi sebarang hak lain untuk mengambil bahagian dalam modal atau keuntungan Syarikat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

37 SAHAM KEUTAMAAN BOLEH TUKAR BOLEH TEBUS DAN TANPA UNDIAN ("RCPS") DAN SAHAM KEUTAMAAN BOLEH TUKAR TERKUMPUL BOLEH TEBUS DAN TANPA UNDIAN ("RCCPS")

	Kumpulan dan Syarikat			
	Bilangan saham keutamaan berharga RM0.01 sesaham		Jumlah	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
RCPS/RCCPS dibenarkan RM0.01 setiap satu:				
Pada 1 Januari	-	1,250,000	-	12,500
Penukaran	-	(1,250,000)	-	(12,500)
Pada 31 Disember	-	-	-	-
RCPS/RCCPS diterbitkan dan berbayar penuh RM0.01 sesaham:				
Pada 1 Januari	-	900,539,500	-	9,005
Ditebus semasa tahun kewangan:				
- RCPS A	-	(252,460,000)	-	(2,524)
- RCPS B	-	(77,489,500)	-	(775)
- RCCPS A	-	(164,030,000)	-	(1,640)
- RCCPS B	-	(300,470,000)	-	(3,005)
- RCCPS C	-	(69,970,000)	-	(700)
- RCCPS D	-	(36,120,000)	-	(361)
	-	(900,539,500)	-	(9,005)
Pada 31 Disember	-	-	-	-

<u>Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012</u>

Pada 17 Mei 2012, Syarikat menukar sebanyak 329,949,500 RCPS dan 570,590,000 RCCPS pada nilai nominal sebanyak RM0.01 dan premium sebanyak RM0.99 sesaham kepada 900,539,500 saham biasa RM1.00 sesaham, menyebabkan peningkatan modal saham terbitan dan berbayar Syarikat sebanyak RM900,539,500, daripada RM1,767,612,000 kepada RM2,668,151,500.

Terma-terma utama RCPS adalah seperti berikut:

(i) Dividen perlu dibayar adalah berdasarkan kepada prestasi pelaburan akan diisytiharkan oleh Lembaga Pengarah Kumpulan dan Syarikat seperti yang mereka dirasakan wajar;
(ii) Pemegang RCPS tidak mempunyai hak untuk mengundi di sebarang mesyuarat agung kecuali seperti yang dinyatakan dalam jadual 2 Perjanjian Langganan;
(iii) Pemegang RCPS akan layak untuk menukar sebahagian atau keseluruhan RCPS menjadi saham-saham biasa RM1 sesaham pada kadar satu RCPS bagi satu saham biasa baru berharga RM1 sesaham diterbitkan dan berbayar penuh pada atau sebelum penebusan; dan
(iv) Syarikat akan mempunyai hak untuk menebus secara keseluruhan atau sebahagian untuk RM1 bagi setiap RCPS diterbitkan.

Terma-terma utama RCPS adalah seperti berikut:

(i) Dividen perlu dibayar adalah berdasarkan kepada kutipan bersih diterima oleh Syarikat yang akan diisytiharkan oleh Lembaga Pengarah Kumpulan dan Syarikat seperti yang mereka fikirkan sesuai;
(ii) Pemegang RCCPS tidak mempunyai hak untuk mengundi di sebarang mesyuarat agung kecuali seperti dinyatakan dalam Jadual 2 Perjanjian Langganan;
(iii) Pemegang RCCPS akan layak untuk menukar sebahagian atau keseluruhan RCCPS menjadi saham-saham biasa RM1 sesaham pada kadar satu RCPS bagi setiap satu saham biasa baru RM1 sesaham diterbitkan dan berbayar penuh pada atau sebelum penebusan tersebut; dan
(iv) Syarikat akan mempunyai hak pada sebarang masa, untuk menebus semula keseluruhan atau sebahagian untuk RM1 bagi setiap RCCPS diterbitkan.

38 PREMIUM SAHAM

	Kumpulan dan Syarikat 2013 RM'000	2012 RM'000
Pada 1 Januari	3,371,685	881,783
Penebusan RCPS/RCCPS	-	(881,783)
Premium saham diiktiraf sempena IPO*	-	3,371,685
Pada 31 Disember	3,371,685	3,371,685

* Premium saham diiktiraf sempena IPO adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat 2012 RM'000
Premium saham timbul daripada terbitan sebanyak 980,000,000 saham biasa baru yang diterbitkan pada nilai tara RM1 sesaham pada nilai saksama RM4.55 sesaham (i)	3,453,277
Bayaran berasaskan saham berkaitan 227,229,800 saham diterbitkan pada RM4.45 sesaham (ii)	25,723
Perbelanjaan terbitan saham (iii)	(107,315)
	3,371,685

(i) Premium saham meliputi 980,000,000 saham biasa baru yang diterbitkan dengan nilai tara RM1 sesaham pada nilai saksama RM4.55 sesaham sempena penyenaraian dan sebut harga saham-saham Syarikat di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

(ii) Daripada 980,000,000 saham-saham biasa baru diterbitkan, 257,229,800 saham diterbitkan pada harga terbitan RM4.45 sesaham. Perbezaan antara nilai saksama dan harga terbitan diiktiraf sebagai bayaran berasaskan saham seperti yang diadualkan di bawah:

	Kumpulan dan Syarikat 2012 RM'000
Nilai saksama saham diterbitkan pada RM4.55 sesaham	1,170,396
Harga terbitan saham RM4.45 sesaham	(1,144,673)
Bayaran berasaskan saham	25,723

(iii) Perbelanjaan terbitan saham meliputi yuran taja jamin, yuran penempatan dan yuran pembrokeran berjumlah RM107,315,000 berhubung IPO yang telah ditolak daripada akaun premium saham pada tahun kewangan selaras dengan Seksyen 60 Akta Syarikat, 1965.

Premium saham tidak boleh diagihkan sebagai dividen tunai.

39 RIZAB PERTUKARAN MATAWANG ASING

Rizab pertukaran matawang asing digunakan untuk merekod perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana matawang yang digunakan adalah berbeza daripada matawang dalam pembentangan Kumpulan. Ia juga mewakili bahagian perbezaan pertukaran matawang asing dalam pelaburan bersih terkumpul syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat usahasama luar negara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

40 RIZAB PENYUSUNAN SEMULA

Rizab penyusunan semula mewakili perbezaan antara nilai saksama pertimbangan pembelian dengan nilai bawa aset bersih diambilalih yang timbul daripada pengambilalihan estet perladangan.

Pergerakan rizab penyusunan semula adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000	2012 RM'000
Pada 1 Januari	(2,088,969)	2,347,742
Kesan LLA (Nota 22(e)(ix)):		
- Liabiliti LLA	-	(5,842,694)
- Jumlah belum terima kepada pemegang saham penting	-	(54,690)
- Aset cukai tertunda	-	1,460,673
	-	(4,436,711)
Pada 31 Disember	(2,088,969)	(2,088,969)

41 LAIN-LAIN RIZAB

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Rizab sedia untuk dijual	13,739	20,027	-	-
Rizab penebusan modal	10,052	10,052	10,052	10,052
Lain-lain rizab	-	33,615	-	1,459
	23,791	63,694	10,052	11,511

Rizab sedia untuk dijual berkaitan dengan bahagian Kumpulan bagi rizab jualan syarikat-syarikat usahasama dan syarikat-syarikat bersekutu.

Rizab penebusan modal berkaitan dengan rizab yang diwujudkan berikutan penebusan RCPS/RCCPS seperti yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965.

Lain-lain rizab berkaitan dengan sumbangan modal yang mewakili perbezaan antara nilai saksama dan pendahuluan daripada pemegang saham penting berikutan penggunaan FRS139.

42 PENDAPATAN TERSIMPAN

Di bawah system cukai satu peringkat yang berkuatkuasa pada tahun taksiran 2008, syarikat-syarikat tidak perlu mempunyai kredit cukai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan 1967, bagi tujuan pembayaran dividen. Dividen yang dibayar di bawah system ini adalah dikecualikan daripada cukai di tangan pemegang saham.

Syarikat memilih untuk membayar dividen peringkat pertama kerana ia tidak mempunyai kredit cukai di bawah Seksyen 108.

43 PINJAMAN

	Kumpulan 2013 RM'000	2012 RM'000
Semasa		
Bercagar:		
Pinjaman bertempoh	-	38,160
Penerimaan bank	17,498	-
Tidak bercagar:		
Overdraf bank	24,500	-
Kredit pusingan	136,642	-
Pinjaman bertempoh	1,231	-
Penerimaan bank	1,378,238	561,000
Pembiayaan semula kredit eksport	80,000	-
	1,638,109	599,160
Bukan semasa		
Bercagar:		
Pinjaman bertempoh	-	509
Tidak bercagar:		
Pinjaman bertempoh	11,801	-
	11,801	509
Jumlah pinjaman		
Overdraf bank	24,500	-
Kredit pusingan	136,642	-
Pinjaman bertempoh	13,032	38,669
Penerimaan bank	1,395,736	561,000
Pembiayaan semula kredit eksport	80,000	-
	1,649,910	599,669
Tolak: Dibayar balik lebih dari satu tahun	(11,801)	(509)
Dibayar balik dalam tempoh satu tahun	1,638,109	599,160
Profil kematangan pinjaman adalah seperti berikut:		
Kurang dari 1 tahun	1,638,109	599,160
Antara 1 dan 3 tahun	11,801	509
	1,649,910	599,669

Pinjaman didenominasi seperti berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000	2012 RM'000
- Ringgit Malaysia	1,485,738	561,000
- Dolar Amerika Syarikat	22,929	37,766
- Dolar Kanada	99,246	903
- Rupiah Indonesia	24,499	-
- Baht Thai	17,498	-
	1,649,910	599,669

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

43 PINJAMAN (SAMB.)

Kadar biaya efektif berkesan bagi pinjaman adalah seperti berikut:

	Kadar biaya	Kadar biaya efektif pada tarikh penyata kedudukan kewangan % setahun
2013		
Overdraf bank	Tetap	6.60
Kredit pusingan	Tetap	2.40
Penerimaan bank	Tetap	3.42
Pembiayaan semula kredit eksport	Tetap	3.28
Pinjaman bertempoh	Terapung	6.00
2012		
Pinjaman bertempoh	Terapung	1.03
Penerimaan bank	Tetap	3.43

Pinjaman bertempoh adalah tidak bercagar dan perlu dibayar balik secara ansuran bulanan sebanyak RM138,775 bermula dari bulan Januari 2014.

Pada 31 Disember 2013, penerimaan bank tertentu disandarkan melalui gadai janji dan/atau cagar melalui tanah, termasuk struktur, jentera, manfaat insurans yang melindungi barangan siap, dan jaminan oleh sesetengah pengarah dan/atau pemegang saham anak syarikat dan oleh syarikat induk terdekat.

Pada 31 Disember 2012, beberapa pinjaman dijamin dengan deposit tetap yang dicagarkan kepada sebuah institusi kewangan berjumlah RM15,369,000.

Jumlah bawa dan nilai saksama jumlah pinjaman adalah seperti berikut:

	Kumpulan			
	Jumlah bawa		Nilai saksama	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Overdraf bank	24,500	-	24,500	-
Kredit pusingan	136,642	-	136,642	-
Pinjaman bertempoh	13,032	38,669	13,032	38,669
Penerimaan bank	1,395,736	561,000	1,395,736	561,000
Pembiayaan semula kredit eksport	80,000	-	80,000	-
Jumlah	1,649,910	599,669	1,649,910	599,669

Nilai saksama jumlah pinjaman adalah menyamai jumlah bawaannya, kerana kesan pendiskaunan adalah tidak ketara.

44 PINJAMAN BELUM BAYAR KEPADA PEMEGANG SAHAM PENTING

	Kumpulan dan Syarikat 2013 RM'000	2012 RM'000
Tidak bercagar:		
- Bukan semasa	2,473,828	1,620,714
- Semasa	223,962	219,557
	2,697,790	1,840,271

Pinjaman perlu dibayar balik seperti berikut:

	2013	2012
2013	-	219,557
2014	223,962	214,286
2015	214,286	214,286
2016	214,286	214,286
2017	214,286	214,286
2018	214,285	214,285
2019	214,285	214,285
2020	335,000	335,000
2023	1,067,400	-
	2,697,790	1,840,27

Pinjaman denominasi seperti berikut:

	2013	2012
- Ringgit Malaysia	2,697,790	1,840,271

Kadar biaya efektif bagi pinjaman adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat 2013 Kadar biaya	Kadar biaya efektif pada tarikh penyata kedudukan kewangan % setahun	2012 Kadar biaya	Kadar biaya efektif pada tarikh penyata kedudukan kewangan % setahun
Pinjaman belum dibayar kepada pemegang saham penting	Tetap	4.955	Tetap	4.994

Jumlah bawa dan nilai saksama pinjaman semasa dan bukan semasa yang belum dibayar kepada pemegang saham penting adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat Jumlah bawa 2013 RM'000	Jumlah bawa 2012 RM'000	Nilai saksama 2013 RM'000	Nilai saksama 2012 RM'000
Pinjaman belum dibayar kepada pemegang saham penting	2,697,790	1,840,271	2,697,790	1,840,271

Nilai saksama pinjaman belum bayar kepada pemegang saham penting adalah berasaskan kepada aliran tunai yang didiskaunkan menggunakan kadar pinjaman sebanyak 6.20% (2012: 6.20%).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

45 LIABILITI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH ("LLA")

Liabiliti perjanjian pajakan tanah dikira berasaskan kepada terma yang dinyatakan dalam pelbagai perjanjian seperti berikut:

(i) Perjanjian Pajakan Tanah ("LLA")

Syarikat telah memeterai perjanjian pajakan dengan FELDA pada 1 November 2011 untuk tempoh selama 99 tahun (i) tanah dengan hak milik tanah individu yang dikeluarkan kepada FELDA sebagai pemilik berdaftar (ii) tanah sedia ada yang diberi kepada FELDA untuk pembangunan tetapi di mana hak milik tanah belum dikeluarkan kepada FELDA dan (iii) tanah-tanah lain yang akan diberi milik atau akan dibeli oleh FELDA pada masa hadapan.

FELDA mungkin akan menamatkan pajakan bagi tanah-tanah tertentu seperti berikut:

(a) Tanah dengan mineral, kerana hak mineral tidak termasuk dalam pajakan;
(b) Pengambilalihan atau hasrat pengambilalihan di bawah Akta Pengambilalihan Tanah, 1960 ("LAA"), notis tuntutan semula oleh pihak berkuasa berkaitan atau notis seumpama yang dikeluarkan berhubung sebarang perundangan Malaysia.

Sekiranya berlaku penamatan, FELDA akan menyediakan tempoh notis daripada 10 hari – 18 bulan, bergantung kepada saiz tanah dan keadaan tuntutan semula tersebut.

Selepas dituntut semula, Kumpulan akan menerima pampasan daripada FELDA bagi jangkaan kerugian mendapat keuntungan masa depan dari tanah tersebut, dikira berasaskan kepada keuntungan purata setiap hektar dan profil usia aset biologi terlibat yang diserahkan.

Bagi tanah dituntut oleh FELDA bagi pihak ketiga di bawah Perjanjian Sewaan bertarikh 21 Januari 2012, Syarikat tidak akan menerima pampasan.

(ii) LLA Tambahan

Pada 2 Januari 2012, Syarikat telah memeterai addendum kepada LLA ("LLA Tambahan") untuk mengambilalih aset dan liabiliti tertentu selain daripada aset biologi estet perladangan yang dimiliki oleh FELDA dengan pertimbangan pembelian bersamaan dengan nilai bawaan aset dan liabiliti yang diambilalih pada 31 Disember 2011 berjumlah RM54,690,000, menghapuskan keperluan untuk mendapatkan persetujuan daripada Pihak Berkuasa Negeri sebelum bermulanya LLA dan pindaan takfiran kategori aset yang perlu dikekalkan oleh Syarikat. Hasilnya, LLA bermula pada 1 Januari 2012.

(iii) Perjanjian Novasi

Pada 6 Januari 2012, sebagai sebahagian daripada proses penstrukturan semula FELDA, Syarikat dan Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn. Bhd. ("FGVPM"), sebuah anak syarikat milik Syarikat telah memeterai perjanjian novasi di mana semua manfaat, hak, hak milik, kepentingan, tanggungjawab, akujanji, perjanjian dan liabiliti Syarikat di bawah LLA dan LLA Tambahan akan dipindahkan oleh Syarikat kepada FGVPM dari 1 Januari 2012 dan FELDA telah bersetuju untuk memindahkan semua manfaat, hak, hak milik, kepentingan, tanggungjawab, akujanji, perjanjian dan liabiliti kepada FGVPM tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian novasi tersebut.

(iv) Perjanjian Sewa

Pada 6 Januari 2012, FELDA dan FGVPM telah memeterai perjanjian sewaan berhubung dengan LLA yang mana sewaan ini adalah untuk tempoh permulaan selama tiga tahun dan selepas tamat tempoh tiga tahun tersebut, FGVPM mempunyai opsyen untuk memperbaharui bagi tempoh setiap tiga tahun sehingga berjumlah 99 tahun melainkan ia ditamatkan menurut peruntukan LLA. Opsyen untuk memperbaharui ini boleh dilaksanakan melalui notis bertulis, atau melalui tatacara pihak-pihak yang membenarkan lanjutan hak milik Tanah oleh FGVPM di bawah perjanjian tersebut. Jika Kelulusan bagi mana-mana bahagian Tanah diperoleh dari semasa ke semasa atau hak milik tanah individu dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri untuk mana-mana bahagian Tanah Tambahan Sedia Ada dan Kelulusan diperoleh, pihak-pihak ini akan mendaftar pajakan selaras dengan LLA, dan selepas itu Tanah Yang Diluluskan akan dikecualikan daripada perjanjian ini dan sewaan di dalamnya akan termasuk di bawah pajakan dalam LLA.

Pada 21 Januari 2012, FELDA dan FGVPM telah memeterai perjanjian sewaan berhubung dengan tanah ladang yang diletak hak dalam FELDA. Penyewaan ini akan bermula pada 1 Januari 2012 dan akan berkuat kuasa untuk tempoh permulaan selama tiga tahun. Apabila tamat tempoh tiga tahun perjanjian sewaan ini, FGVPM ini akan mempunyai opsyen untuk memperbaharui sewaan untuk tempoh lanjutan tiga tahun sehingga mencapai tempoh 99 tahun melainkan ia ditamatkan menurut peruntukan dalam LLA dan pada pertimbangan yang dipersetujui yang menggambarkan Pertimbangan Pajakan menurut LLA tersebut. Jika FELDA kehilangan hak kepada tanah-tanah ini, tiada pampasan akan dibayar kepada FGVPM.

45 LIABILITI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH ("LLA") (SAMB.)

Liabiliti perjanjian pajakan tanah dikira berasaskan kepada terma yang dinyatakan dalam pelbagai perjanjian seperti berikut: (Samb.)

(v) Perjanjian Pengurusan

Pada 21 Mei 2012, Perjanjian Sewa bertarikh 6 Januari 2012 telah ditambah oleh satu perjanjian tambahan, di mana kedua-dua FELDA dan FGVPM memperakui bahawa pada 1 Januari 2012, FGVPM masih belum dianggap atau diiktiraf sebagai tanah pribumi di Sarawak mengikut Kanun Tanah Sarawak. Kedua-dua FELDA dan FGVPM bersetuju untuk mengecualikan semua Tanah-Tanah Sarawak daripada Perjanjian Sewa dan LLA. Kedua-dua FELDA dan FGVPM bersetuju bahawa tiada pertimbangan pajakan yang dianggap perlu dibayar berhubung sewaan Tanah-tanah Sarawak bagi tempoh bermula dari 1 Januari 2012 sehingga FGVPM memperoleh status pribumi menurut Kanun Tanah Sarawak. Apabila syarat-syarat yang dinyatakan dipenuhi, Tanah-tanah Sarawak akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada Baki Tanah Sedia Ada dan terma Perjanjian Pajakan Tanah akan diterima pakai dan amalan perakaunan akan kekal sama seperti LLA.

Jika tanah atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa menjadi rosot nilai oleh sebarang notis melalui pengambilalihan di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960, pemajak tidak akan dibayar pampasan bagi kos penamatan.

(vi) Surat Penjelasan

Pada 17 Julai 2013, FELDA dan FGVPM bersetuju selepas penjelasan beberapa terma dalam LLA dan perjanjian sampingannya, seperti berikut:

- Kos penyenggaraan utiliti di atas tanah yang diuruskan oleh FELDA di Sahabat akan dicaj kepada FGVPM;
- Pembayaran semula deposit jaminan yang dibayar oleh syarikat berhubung dengan LLA (Nota 27) akan dilakukan melalui pengurangan sebarang bayaran jumlah pajakan sebelum tamat tempoh atau lebih awal penentuan LLA; dan
- Formula yang dipersetujui untuk mengira Perolehan Tersirat berhubung dengan pengiraan harga buah tandan segar ("BTS") yang digunakan oleh FGVPM dalam penyediaan penyata keuntungan operasi perladangan kini dijelaskan melalui formula terperinci dan andaian yang disertakan.

Pajakan tanah meliputi tanah yang ditanam dengan kelapa sawit dan getah. Berasaskan kepada kawasan pajakan yang dipersetujui, jumlah pajakan tetap tahunan yang perlu dibayar dianggarkan berjumlah RM248,481,322 (2012: RM248,481,322) setahun berserta dengan 15% (2012: 15%) daripada keuntungan operasi perladangan daripada tanah tersebut setiap tahun.

	2013 RM'000	2012 RM'000
Bukan semasa	4,458,623	5,167,831
Semasa	385,767	496,938
	4,844,390	5,664,769

Pergerakan dalam liabiliti LLA adalah seperti berikut:

	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada 1 Januari	5,664,769	-
Pengambilalihan estet perladangan (Nota 22(e))	-	5,842,694
Perubahan nilai saksama (dikreditkan)/dicaj kepada keuntungan atau kerugian (Nota 9)	(494,485)	210,178
Pembayaran balik pada tahun kewangan semasa	(325,894)	(388,103)
Pada 31 Disember	4,844,390	5,664,769

Perubahan nilai saksama kepada keuntungan dan kerugian termasuk pembalikan berkaitan dengan liabiliti LLA yang timbul daripada tanah yang ditebus guna oleh FELDA berjumlah RM65,500,000.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

45 LIABILITI PERJANJIAN PAJAKAN TANAH ("LLA") (SAMB.)

Nilai saksama liabiliti LLA telah diukur menggunakan pengiraan aliran tunai yang didiskaun dengan menggunakan unjuran aliran tunai berdasarkan belanjawan kewangan yang diluluskan oleh para Pengarah meliputi tempoh 97 tahun. Andaian utama yang digunakan untuk mengira nilai saksama liabiliti LLA adalah seperti berikut:

(i)	Kadar Diskaun Tersirat	9.47% (2012: 9.47%) berdasarkan kepada kadar diskaun yang diterima pakai oleh syarikat-syarikat yang boleh dibandingkan
(ii)	Harga MSM	RM2,450/TM kepada RM2,600/TM (2012: RM2,468/TM kepada RM3,050/TM)
(iii)	Harga BTS	RM488/TM kepada RM524/TM (2012 : RM526/TM kepada RM634/TM)
(iv)	Hasil Purata BTS (TM/ha)	19.4/TM hingga 27.0/TM (2012: 18.3/TM kepada 26.9/MT)
(v)	Kos tetap penanaman semula estet	• Matang – RM2,580 (2012: RM2,380) sehektar berasaskan kepada kitaran kelapa sawit selama 25 tahun • Belum matang – RM6,346 (2012: RM6,346) sehektar berasaskan kepada kitaran kelapa sawit selama 25 tahun
(vi)	Tempoh pajakan	Pelanjutan tempoh pajakan kepada 99 tahun (2012: 99 tahun) akan diperoleh bagi semua tanah estet perladangan

Sensitiviti liabiliti LLA kepada perubahan andaian utama adalah seperti berikut:

Andaian utama		Perubahan dalam andaian	Kesan atas liabiliti LLA
(i)	Kadar Diskaun Tersirat	Meningkat sebanyak 0.5% Berkurangan sebanyak 0.5%	Berkurangan sebanyak RM284,000,000 Meningkat sebanyak RM323,000,000
(ii)	Harga MSM	Meningkat sebanyak RM100 setiap tan metrik Berkurangan sebanyak RM100 setiap tan metrik	Meningkat sebanyak RM181,000,000 Berkurangan sebanyak RM193,000,000
(iii)	Peningkatan/pengurangan dalam hasil BTS	Bertambah/berkurangan sebanyak 1%	Bertambah/berkurangan sebanyak RM79,000,000
(iv)	Perubahan jumlah hektar ditanam di bawah LLA #	Bertambah/berkurangan sebanyak 1,000 sehektar	Bertambah/berkurangan sebanyak RM11,000,000
(v)	Kos penanaman Estet	Bertambah/berkurangan Sebanyak RM100 sehektar	Bertambah/berkurangan sebanyak RM2,000,000

\# Perubahan dalam keluasan tanah berikutan pelarasan yang timbul daripada pelaksanaan penyelarasan tanah berterusan yang dilakukan untuk memastikan ketepatan kawasan tanah yang diperuntukkan oleh LLA, yang telah diselesaikan pada bulan Disember 2013. Ini tertakluk kepada pengesahan oleh FELDA.

Pampasan yang belum diterima adalah anggaran berasaskan kepada keluasan kawasan yang ditebus guna oleh FELDA dan dikira pada keuntungan purata sehektar berdasarkan kepada bilangan tahun penanaman yang diterima pakai kepada aset biologi yang dilepaskan. Kumpulan juga menganggar kesan yang timbul berkaitan dengan aset biologi, hartanah, loji dan peralatan, pra bayaran pajakan, dan liabiliti LLA. Hasilnya, Syarikat (mengecaj)/ mengkredit jumlah berikut kepada keuntungan atau kerugian:

	RM'000
Pampasan belum terima (Nota 7)	82,938
Pembalikan liabiliti LLA berkaitan	65,500
Hapus kira aset biologi (Nota 29)	(25,625)

Perjanjian pajakan tanah telah diukur berasaskan kepada input penting tidak boleh diperhatikan daripada data pasaran dan oleh itu, merupakan anggaran nilai saksama Tahap 3.

46 PERUNTUKAN

2013

	Peruntukan bagi persaraan aset RM'000	Kumpulan Peruntukan penstrukturan semula RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari	4,806	106	4,912
Pengambilalihan anak syarikat	27,000	-	27,000
Pembalikan diskaun	261	-	261
Bayaran dibuat pada tahun kewangan	(43)	(105)	(148)
Perbezaan terjemahan matawang	349	(1)	348
Pada 31 Disember	32,373	-	32,373
Ditolak: belum bayar dalam tempoh 12 bulan	(82)	-	(82)
Bukan semasa	32,291	-	32,291

2012

	Peruntukan bagi persaraan aset RM'000	Kumpulan Peruntukan penstrukturan semula RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari	4,744	1,421	6,165
Pembalikan diskaun	258	-	258
Bayaran dibuat pada tahun kewangan	(29)	(1,309)	(1,338)
Perbezaan terjemahan matawang	(167)	(6)	(173)
Pada 31 Disember	4,806	106	4,912
Ditolak: belum bayar dalam tempoh 12 bulan	(306)	(106)	(412)
Bukan semasa	4,500	-	4,500

Peruntukan bagi persaraan aset adalah berkaitan dengan fasiliti pembuatan asid lemak Kumpulan di Amerika Syarikat dan beberapa kilang di Malaysia. Obligasi persaraan aset ini telah dibuat berasaskan kepada anggaran terperinci, dilaras bagi mengambil kira inflasi, diperingkatkan hingga ke tarikh perbelanjaan dianggarkan dan kemudian didiskaun menggunakan kadar faedah purata tanpa risiko kredit dilaraskan, menggambarkan anggaran liabiliti terbaik oleh pengurusan. Kos sebenar yang akan ditanggung pada tempoh-tempoh akan datang mungkin berbeza daripada anggaran, memandangkan wujud ketidaktentuan dalam menilai pendedahan tertentu yang tertakluk kepada ketidaktepatan dalam menganggar tanggungjawab persaraan aset tersebut.

Pada tahun 2011, sebuah anak syarikat Kumpulan, TRT ETGO merekodkan peruntukan penstrukturan semula sebanyak RM1,421,000. Peruntukan ini sebahagian besarnya ada kaitan dengan pengecilan jabatan kewangan dan komersial berikutan pelaburan TRT ETGO dalam sebuah usahasama. Pelan penstrukturan semula telah dirangka dan diumumkan kepada kakitangan dan peruntukan diiktiraf pada tahun 2011. Pembayaran pada tahun 2012 berjumlah RM1,309,000 dan pembayaan akhir sebanyak RM105,000 telah dilakukan pada tahun 2013.

.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

47 PERUNTUKAN PELAN MANFAAT TERTAKRIF

Kumpulan mengendalikan pelbagai pelan manfaat persaraan di Malaysia, Thailand dan Indonesia bagi semua kakitangan yang layak. Semua pelan ini adalah pembayaran sekaligus bergantung kepada tempoh perkhidmatan dan gaji mereka pada tahun-tahun terakhir sehingga persaraan. Oleh kerana pelan manfaat persaraan tidak bertabung, Kumpulan memenuhi obligasi bayaran manfaat ditakrif apabila tiba masanya.

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Bukan semasa				
- Skim manfaat persaraan	20,399	6,700	101	186
- Skim bantuan perumahan	14,287	12,729	-	-
	34,686	19,429	101	186

Skim manfaat persaraan adalah pelan manfaat tertakrif gaji akhir dengan jaminan pembayaran sekaligus semasa bersara. Ia masih terbuka kepada peserta baharu. Skim bantuan perumahan pula ialah pelan manfaat ditakrif gaji akhir dengan jaminan pembayaran sekaligus semasa bersara atau pada masa keluar lebih awal melalui persaraan atas sebab kesihatan atau meninggal dunia semasa berkhidmat di Malaysia. Ia masih terbuka kepada peserta baharu.

Berikutan pengenalan Akta Usia Persaraan Minimum 2012, Kumpulan telah menaikkan usia persaraan skim manfaat Persaraan ini kepada 60 tahun untuk kakitangan warga Malaysia. Pindaan ini mengakibatkan pengurangan nilai obligasi manfaat sekarang. Pengurangan ini menggambarkan kos perkhidmatan masa lepas yang negatif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berjumlah RM2,034,000. Walau bagaimanapun, usia persaraan bagi skim bantuan Perumahan akan kekal pada usia 56 tahun yang akan dibayar apabila mencapai usia 56 tahun, tanpa mengira sama ada kakitangan meneruskan perkhidmatan sehingga usia persaraan minimum 60 tahun atau tidak. Tiada manfaat akan dibayar bagi perkhidmatan dari usia 55 hingga 60 tahun.

Pelan manfaat tertakrif bagi anak syarikat di Indonesia dilaksana berdasarkan Undang-undang Buruh Indonesia No. 13/2003, manakala anak syarikat di Thailand pula dilaksana berdasarkan Pelan Pemberhentian Di Sisi Undang-undang di mana syarikat dikehendaki membayar bayaran pemberhentian di sisi undang-undang kepada kakitangan yang meninggalkan pekerjaan apabila mereka mencapai usia persaraan atau diberhentikan oleh syarikat tanpa sebab.

Pergerakan jumlah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tahun kewangan ini adalah seperi berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Pada 1 Januari	19,429	492	186	24
Pengiktirafan pelan manfaat tertakrif semasa perpindahan kakitangan dari sebuah syarikat berkaitan	-	18,645	-	-
Pengambilalihan anak syarikat	16,026	-	-	-
Dicaj ke keuntungan atau kerugian	563	2,523	(32)	21
Manfaat dibayar	(1,544)	(3,279)	(34)	-
Ukuran semula	212	1,048	(19)	141
Pada 31 Disember	34,686	19,429	101	186

47 PERUNTUKAN PELAN MANFAAT TERTARIF (SAMB.)

Jumlah diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan ditentukan seperti berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Nilai semasa obligasi tidak ditabung	34,474	18,381	120	45
Ukuran semula:				
- Perubahan andaian kewangan	(96)	934	(1)	13
- Pelarasan pengalaman	308	114	(18)	128
	212	1,048	(19)	141
Liabiliti bersih	34,686	19,429	101	186

Jumlah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Kos perkhidmatan semasa	1,711	1,397	(42)	15
Kos faedah	886	1,126	10	6
Kos perkhidmatan lepas	(2,034)	-	-	-
Perbelanjan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian	563	2,523	(32)	21

Obligasi manfaat ditakrif bagi Kumpulan mengikut negara adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Obligasi nilai semasa:				
- Malaysia	33,901	19,429	101	186
- Indonesia	560	-	-	-
- Thailand	225	-	-	-
	34,686	19,429	101	186

Andaian aktuari utama yang digunakan bagi manfaat persaraan ditakrif tidak bertabung Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2013 %	Kumpulan 2012 %	Syarikat 2013 %	Syarikat 2012 %
Kadar diskaun	4.25-9.75	5.25-7.00	5.25	6.25
Jangkaan kadar kenaikan gaji	5.00-10.00	6.00-10.00	5.00	6.00

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

47 PERUNTUKAN PELAN MANFAAT TERTARIF (SAMB.)

Sensitiviti obligasi manfaat ditakrif Kumpulan terhadap perubahan andaian utama berwajaran adalah seperti berikut:

	Perubahan andaian	Kesan kepada obligasi manfaat ditakrif RM'000
Kadar diskaun	1%	3,528
Kadar kenaikan gaji	1%	810

Analisis sensitiviti di atas dibuat berasaskan kepada perubahan satu andaian, sementara semua andaian lain kekal tidak berubah. Secara praktikal, perkara ini tidak berkemungkinan akan berlaku dan perubahan sesetengah andaian mungkin berkorelasi. Apabila mengira sensitiviti obligasi ditakrif terhadap andaian aktuari penting, kaedah yang sama (nilai sekarang obligasi manfaat ditakrif, dikira dengan kaedah kredit unit diunjur pada akhir tempoh laporan) diguna pakai apabila mengira liabiliti manfaat yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Kaedah dan jenis andaian yang diguna dalam menyediakan analisis sensitiviti tidak berubah berbanding pada tahun kewangan sebelumnya.

Tempoh purata berwajaran obligasi manfaat ditakrif adalah 29.4 ke 38.0 (2012: 34.3 ke 37.4 tahun) tahun.

Analisis jangkaan kematangan obligasi manfaat ditakrif yang tidak didiskaun:

	Kurang daripada satu tahun RM'000	Antara 1 – 2 tahun RM'000	Antara 2 – 5 tahun RM'000	Lebih 5 tahun RM'000	Jumlah RM'000
Peruntukan bagi pelan manfaat ditakrif					
Pada 31 Disember 2013	843	1,555	5,417	143,303	151,118
Pada 31 Disember 2012	1,112	4,481	7,519	39,857	52,969

48 CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila wujud hak dikuatkuasakan secara undang-undang untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa, dan apabila cukai tertunda ada kaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Jumlah berikut, seperti yang ditentukan selepas melalui imbangan sewajarnya, ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan:

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Tertakluk kepada cukai pendapatan				
- Aset cukai tertunda	1,281,465	1,479,710	21,257	6,435
- Liabiliti cukai tertunda	(620,192)	(91,461)	-	-

48 CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

Analisis aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda adalah seperti berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Aset cukai tertunda:				
- Aset cukai tertunda akan diperoleh semula selepas lebih 12 bulan	1,150,477	1,339,716	18,035	6,435
- Aset cukai tertunda akan diperoleh semula dalam tempoh 12 bulan	130,988	139,994	3,222	-
	1,281,465	1,483,627	21,257	6,435
Liabiliti cukai tertunda:				
- Liabiliti cukai tertunda akan diperoleh semula selepas lebih 12 bulan	617,629	98,025	-	-
- Liabiliti cukai tertunda akan diperoleh semula dalam tempoh 12 bulan	2,563	2,436	-	-
	620,192	91,461	-	-
Aset cukai tertunda (bersih)	661,273	1,388,249	21,257	6,435
Pada 1 Januari	1,388,249	(112,784)	(6,435)	(7,933)
Permulaan liabiliti LLA (Nota 22(e))	-	1,460,673	-	-
Pengambilalihan anak-anak syarikat	(517,699)	-	-	-
Dicaj/(dikredit) ke keuntungan atau kerugian (Nota 14):				
- aset tidak nyata	1,734	(131)	33	526
- hartanah, loji dan peralatan	(10,874)	19,437	1,369	(15)
- inventori	2,603	2,768	-	-
- belum terima	(4,834)	15,683	-	-
- belum bayar dan peruntukan	5,590	(2,105)	(1,939)	(726)
- kerugian cukai	14,220	47,816	(13,130)	1,713
- liabiliti LLA	(243,726)	(44,481)	-	-
- lain-lain	20,850	1,875	-	-
	(214,077)	40,862	(13,667)	1,498
Perbezaan terjemahan matawang	4,800	(502)	-	-
Pada 31 Disember	661,273	1,388,249	(21,257)	(6,435)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

48 CUKAI TERTUNDA (SAMB.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2013 RM'000	2012 RM'000	2013 RM'000	2012 RM'000
Aset cukai tertunda				
- belum terima	9,164	11,168	-	-
- hartanah, loji dan peralatan	28,024	8,721	-	-
- aset tidak nyata	7,953	6,887	-	-
- inventori	5,371	2,768	-	-
- liabiliti LLA	1,172,466	1,416,192	-	-
- belum dibayar dan peruntukan	56,168	7,974	1,502	1,835
- kerugian cukai	120,802	80,137	18,919	5,138
- lain-lain	29,741	2,249	-	-
Jumlah sebelum imbangan	1,429,689	1,536,096	20,421	6,973
Pengimbangan	(148,224)	(56,386)	836	(538)
	1,281,465	1,479,710	21,257	6,435
Liabiliti cukai tertunda				
- aset tidak nyata	(18,947)	(19,615)	(33)	(526)
- hartanah, loji dan peralatan	(724,887)	(125,012)	(1,369)	(12)
- bayaran pajakan terdahulu	(2,306)	(2,306)	-	-
- aset biologi	(18,010)	-	-	-
- belum terima	(2,864)	(34)	-	-
- lain-lain	(1,402)	(880)	-	-
Jumlah sebelum imbangan	(768,416)	(147,847)	(1,481)	(538)
Pengimbangan	148,224	56,386	1,481	538
	(620,192)	(91,461)	-	-

Jumlah perbezaan sementara boleh ditolak dan kerugian cukai tidak digunakan (sebahagian kecil mempunyai tarikh luput dari 2029 hingga 2033 (2012: dari 2029 hingga 2032)) di mana tiada aset cukai tertunda diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan anak-anak syarikat tertentu kerana para Pengarah berpendapat bahawa tiada kemungkinan keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan aset cukai tertunda digunakan seperti berikut:

	Kumpulan	
	2013 RM'000	2012 RM'000
Kerugian cukai tidak digunakan	369,431	244,634

49 KONTRAK JAMINAN KEWANGAN

Syarikat

Kontrak jaminan kewangan berkaitan dengan kontrak jaminan kewangan yang disediakan oleh Syarikat untuk menyediakan pembiayaan bagi seluruh obligasi FINA di bawah nota janji hutang sekiranya berlaku kegagalan pembayaran (Nota 26).

50 BELUM BAYAR

	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
Pemiutang perdagangan	468,737	27,507	-	-
Belum bayar lain dan akruan	879,526	321,181	19,705	32,235
Jumlah belum bayar secara kontrak (Nota 51)	921	-	-	-
	1,349,184	348,688	19,705	32,235

Termasuk dalam belum bayar lain ialah wang tertahan berjumlah RM17,727,000 (2012: RM10,852,000), yang secara kontraknya cukup tempoh dalam masa 1 hingga 12 bulan berikutnya (2012: 1 hingga 12 bulan).

Belum bayar tersebut adalah dalam nilai wang berikut:

	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
- Ringgit Malaysia	1,048,289	304,301	19,705	32,235
- Dolar Amerika Syarikat	266,047	21,873	-	-
- Dolar Kanada	25,695	22,211	-	-
- Baht Thai	3,059	-	-	-
- Rupee Pakistan	1,386	-	-	-
- Rupiah Indonesia	4,568	303	-	-
- Lain-lain	140	-	-	-
	1,349,184	348,688	19,705	32,235

Tempoh kredit pemiutang perdagangan adalah sehingga 95 hari (2012: sehingga 60 hari).

Nilai saksama belum bayar bersamaan dengan nilai bawaan masing-masing kerana kesan pendiskaunan adalah tidak ketara.

51 KONTRAK PEMBINAAN

	Kumpulan 2013 RM'000
Kos ditanggung sehingga kini	40,155
Keuntungan tolak kerugian boleh diramal	4,818
	44,973
Tolak: Pengebilan berperingkat	(40,256)
	4,717
Jumlah belum bayar oleh pelanggan daripada kontrak (Nota 27)	5,638
Jumlah belum bayar kepada pelanggan daripada kontrak (Nota 50)	(921)
	4,717

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

52 INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan mengikut kategori

Kumpulan

	31 December 2013			
	Pinjaman dan belum terima RM'000	Aset pada Nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian RM'000	Tersedia untuk dijual RM'000	Jumlah RM'000
Aset seperti dalam penyata kedudukan kewangan				
Aset kewangan tersedia untuk dijual	-	-	211,575	211,575
Penghutang perdagangan dan belum terima lain tidak termasuk prabayaran	1,280,017	-	-	1,280,017
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	81,923	-	-	81,923
Jumlah belum terima daripada usahasama	421,838	-	-	421,838
Jumlah belum terima daripada syarikat bersekutu	37	-	-	37
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	29,060	-	-	29,060
Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	-	12,955	-	12,955
Instrumen kewangan derivatif	-	3,499	-	3,499
Tunai dan kesetaraan tunai	5,028,873	-	-	5,028,873
Jumlah	6,841,748	16,454	211,575	7,069,777

	Liabiliti pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian RM'000	Liabiliti kewangan lain pada kos dilunaskan RM'000	RM'000
Liabiliti seperti dalam penyata kedudukan kewangan			
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	-	386,921	386,921
Jumlah belum bayar kepada usahasama	-	23,000	23,000
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	-	4,723	4,723
Pinjaman	-	4,347,700	4,347,700
Liabiliti LLA	4,844,390	-	4,844,39
Instrumen kewangan derivatif	15,361	-	15,361
Pemiutang perdagangan dan belum bayar lain tidak termasuk liabiliti bukan kewangan	-	1,145,288	1,145,288
Jumlah	4,859,751	5,907,632	10,767,383

52 INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

Instrumen kewangan mengikut kategori (Samb.)

Kumpulan

	31 Disember 2012		
	Pinjaman dan belum terima RM'000	Aset pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian RM'000	Jumlah RM'000
Aset seperti dalam penyata kedudukan kewangan			
Penghutang perdagangan dan belum terima lain tidak termasuk prabayaran	665,362	-	665,362
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	73,091	-	73,091
Jumlah belum terima daripada usahasama	318,224	-	318,224
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	503,650	-	503,650
Instrumen kewangan derivatif	-	5,189	5,189
Tunai dan kesetaraan tunai	5,688,372	-	5,688,372
Jumlah	7,248,699	5,189	7,253,888

	Liabiliti pada nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian RM'000	Liabiliti kewangan lain pada kos dilunaskan RM'000	Jumlah RM'000
Liabiliti seperti dalam penyata kedudukan kewangan			
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	-	93,826	93,826
Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu	-	69,510	69,510
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	-	755,023	755,023
Pinjaman	-	2,439,940	2,439,940
Liabiliti LLA	5,664,769	-	5,664,769
Instrumen kewangan derivatif	1,668	-	1,668
Pemiutang perdagangan dan belum bayar lain tidak termasuk liabiliti bukan kewangan	-	244,308	244,308
Jumlah	5,666,437	3,602,607	9,269,044

Syarikat

	31 Disember 2013 Pinjaman dan belum bayar RM'000
Aset seperti dalam penyata kedudukan kewangan	
Penghutang perdagangan dan belum terima lain tidak termasuk prabayaran	174,532
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	377
Jumlah belum terima daripada anak syarikat	58,584
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	61
Tunai dan kesetaraan tunai	1,902,463
Jumlah	2,136,017

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

52 INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

Instrumen kewangan mengikut kategori (Samb.)

Syarikat

	Liabiliti kewangan lain pada kos dilunaskan RM'000
Liabiliti seperti dalam penyata kedudukan kewangan	
Penghutang perdagangan dan belum bayar lain tidak termasuk liabiliti bukan kewangan	19,705
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	3,833
Jumlah belum bayar kepada anak syarikat	88,734
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	563
Jumlah	112,835

	31 Disember 2012 Pinjaman dan belum terima RM'000
Aset seperti dalam penyata kedudukan kewangan	
Penghutang perdagangan dan belum terima lain tidak termasuk prabayaran	299,314
Jumlah belum terima daripada pemegang saham penting	52,442
Jumlah belum terima daripada anak syarikat	39,447
Jumlah belum terima daripada syarikat berkaitan lain	63,776
Tunai dan kesetaraan tunai	4,183,705
Jumlah	4,638,684

	Liabiliti kewangan lain pada kos dilunaskan RM'000
Liabiliti seperti dalam penyata kedudukan kewangan	
Pemiutang perdagangan dan belum bayar lain tidak termasuk liabiliti bukan kewangan	32,235
Jumlah belum bayar kepada pemegang saham penting	66
Jumlah belum bayar kepada anak syarikat	78,676
Jumlah belum bayar kepada syarikat bersekutu	69,510
Jumlah belum bayar kepada syarikat berkaitan lain	1,430
Jumlah	181,917

53 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN PENTING

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang dinyatakan dalam bahagian lain penyata kewangan ini, dinyatakan di bawah ini urus niaga dan baki pihak berkaitan penting yang lain.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("FELDA"), pemegang saham penting Syarikat, memiliki 38.6% (2012: 37%) modal saham terbitan Syarikat. FELDA adalah badan korporat berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956, dan dikawal oleh Kerajaan Malaysia. Kumpulan menganggap bahawa bagi tujuan FRS 124 – "Pendedahan Pihak Berkaitan", FELDA dan Kerajaan Malaysia adalah berkedudukan yang boleh untuk melaksanakan pengaruh penting ke atasnya. Hasilnya, Kerajaan Malaysia dan badan badan dikawal Kerajaan Malaysia (secara kolektif dirujuk sebagai "entiti-entiti berkaitan kerajaan") adalah pihak berkaitan bagi Kumpulan dan Syarikat.

Selain daripada urus niaga penting berasingan seperti yang dinyatakan dalam Nota 28, 44, 45 53(b)(iii), 53(d)(i) dan 53(f)(ii) kepada penyata kewangan, Kumpulan dan Syarikat secara kolektif dan bukan secara individu, mempunyai urus niaga penting dengan entiti-entiti kerajaan yang lain yang meliputi tetapi tidak terhad kepada berikut:

(i) Pembelian barangan dan perkhidmatan, termasuk penggunaan utiliti dan kemudahan awam
(ii) Penempatan deposit bank dengan institusi-institusi kewangan berkaitan kerajaan

Urus niaga ini dilaksanakan dalam perjalanan lazim perniagaan Kumpulan berasaskan kepada terma komersial secara konsisten selaras menurut dasar dan proses-proses dalaman Kumpulan. Syarat-syarat ini tidak bergantung kepada sama ada pihak berurusan itu adalah entiti-entiti berkaitan kerajaan atau tidak.

Pada 27 Disember 2013, FHB telah menjadi anak syarikat milik penuh Syarikat. Pada tahun sebelumnya, FHB adalah sebuah syarikat bersekutu Syarikat. Bagi penyata pendapatan komprehensif yang disatukan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, urus niaga dengan FHB dan kumpulan syarikatnya dianggap sebagai urus niaga dengan syarikat bersekutu. Bagi penyata kedudukan kewangan disatukan Kumpulan pada 31 Disember 2013, FHB dan kumpulan syarikatnya dianggap sebagai anak syarikat Kumpulan.

Pihak-pihak berkaitan dan hubungannya diringkaskan seperti berikut:

(i) Anak-anak syarikat

Felda Global Ventures Plantations (Malaysia) Sdn. Bhd. ("FGVPM")
Kilang Gula Felda Perlis Sendirian Berhad ("KGFP")
Felda Global Ventures Perlis Sdn. Bhd. ("FGV Perlis")
Twin Rivers Technologies Holdings, Inc ("TRTH")
Twin Rivers Technologies Holdings Enterprise De Transformation De Graines Oleagineuses ("TRT ETGO")
Felda Global Ventures Downstream Sdn. Bhd. ("FGVD")
Felda Global Ventures North America Sdn. Bhd. ("FGVNA")
Felda Global Ventures Plantations Sdn. Bhd. ("FGVP")
Felda Global Ventures Shared Service Centre Sdn. Bhd. ("FGVSSC")
Felda Global Ventures Kalimantan Sdn. Bhd. ("FGVK")
Felda Holdings Berhad ("FHB")
Pontian United Plantations Berhad ("PUP")
Delima Oil Products Sdn. Bhd. ("DOPSB")
Felda Agricultural Services Sdn. Bhd. ("FASSB")
Felda Kernel Products Sdn. Bhd. ("FKPSB")
Felda Marketing Services Sdn. Bhd. ("FELMA")
Felda Palm Industries Sdn. Bhd. ("FPISB")
Felda Plantations Sdn. Bhd. ("FPSB")
Felda Prodata Systems Sdn. Bhd. ("FPSSB")
Felda Rubber Industries Sdn. Bhd. ("FRISB")
Felda Security Services Sdn. Bhd. ("FSSSB")
FPM Sdn. Bhd. ("FPMSB")
Felda Vegetable Oil Products Sdn. Bhd. ("FVOPSB")
Felda Travel Sdn. Bhd. ("Felda Travel")

(ii) Entiti-entiti usahasama

Bunge ETGO L.P. ("Bunge ETGO")
Felda Iffco Sdn. Bhd. ("FISB")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

53 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN PENTING (SAMB.)

Pihak-pihak berkaitan dan hubungannya diringkaskan seperti berikut: (Samb.)

(iii) Pihak berkaitan lain

Syarikat berkaitan lain	Hubungan
FELDA	Pemegang Saham Penting
Felda Iffco Inc ("FINA")	Anak Syarikat FISB

(a) Jualan barangan, perkhidmatan dan pelaburan

	Kumpulan 2013 RM'000	Kumpulan 2012 RM'000	Syarikat 2013 RM'000	Syarikat 2012 RM'000
(i) Urus niaga dengan anak-anak syarikat				
Jualan pelaburan dalam FISB kepada FGVD	-	-	-	94,941
